

*Naskhah belum disemak*

**DEWAN RAKYAT  
PARLIMEN KEDUA BELAS  
PENGKAL KETIGA  
MESYUARAT KETIGA**

---

---

**Bil. 70**

**Selasa**

**23 November 2010**

---

**K A N D U N G A N**

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN** (Halaman 1)

**RANG UNDANG-UNDANG:**

Rang Undang-undang Perbekalan 2011

**Jawatankuasa:-**

**Jadual:-**

Maksud B.21

(Halaman 26)

Maksud B.22

(Halaman 99)

**USUL-USUL:**

Waktu Mesyuarat Dan Urusan Dibebaskan Daripada  
Peraturan Mesyuarat

(Halaman 25)

Usul Anggaran Pembangunan 2011

**Jawatankuasa:-**

Maksud P.21

(Halaman 26)

Maksud P.22

(Halaman 99)

**MALAYSIA**

**DEWAN RAKYAT**

**Selasa, 23 November 2010**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar)  
*mempengerusikan Mesyuarat*]

---

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Datuk Nur Jazlan Mohamed [Pulai]** minta Menteri Pengangkutan menyatakan status pelaksanaan projek pembesaran rangkaian LRT di Lembah Kelang. Sila jelaskan manfaat dari segi pulangan ekonomi dan kepentingan orang ramai.

**Timbalan Menteri Pengangkutan I [Datuk Abdul Rahim bin Bakri]:** Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah memulakan pelaksanaan projek pembesaran rangkaian LRT di Lembah Klang dengan pelaksanaan projek sambungan LRT laluan Ampang dan Kelana Jaya. Rangkaian LRT ini adalah seperti berikut:-

- (i) projek sambungan LRT Ampang 17.7 kilometer dengan 13 stesen; dan
- (ii) projek sambungan LRT Kelana Jaya, 17 kilometer dengan 13 stesen.

Pada masa ini projek-projek ini masih dalam peringkat akhir reka bentuk terperinci iaitu melebihi 95% siap. Urusan pengambilan tanah telah berjalan serentak dengan kerja-kerja awalan pengalihan utiliti. Dijangkakan projek ini akan disiapkan dalam tempoh 36 bulan iaitu dijangka pada awal 2014. Dari segi pulangan ekonomi, projek yang dianggarkan bernilai RM7 bilion ini dijangka akan mewujudkan pulangan berganda ekonomi sebanyak RM42 bilion atau pulangan enam kali ganda. Manakala impak berganda pada perniagaan sahaja adalah berjumlah RM21 bilion atau tiga kali ganda dan berdasarkan kepada kajian Masters Builders Association impak ekonomi juga akan melibatkan 120 sektor perniagaan termasuk kontraktor, jurutera, arkitek dan pembekal bahan mentah.

Selain daripada itu, semasa pembinaan peluang pekerjaan juga akan diwujudkan sebanyak 2,000 peluang dan apabila beroperasi nanti ianya akan wujud sebanyak 800 peluang.

Kewujudan stesen baru sebanyak 26 buah akan mewujudkan kesan ekonomi sekitarnya dan peningkatan nilai harga hartanah. Akan berlaku sekurang-kurangnya 15% di kawasan lingkungan 400 meter dari stesen LRT.

Berkaitan dengan pertanyaan Yang Berhormat dari segi kesan dan manfaatnya kepada orang ramai adalah seperti berikut:-

- (i) akan mengurangkan masa perjalanan pengguna dengan kurangnya kesesakan lalu lintas;
- (ii) pengurangan dalam kos langsung bagi penggunaan pengangkutan persendirian seperti kos bahan api dan minyak pelincir, kos tayar, kos bayaran tol, kos insurans kenderaan dan lain-lain;
- (iii) projek ini akan menyumbang pengurangan pencemaran alam sekitar sama ada pencemaran udara dan bunyi;
- (iv) pengurangan dalam kos sosial akibat kemalangan jalan raya yang melibatkan rawatan perubatan, kehilangan nyawa, kecederaan dan lain-lain kesan psikologi;
- (v) penggunaan pengangkutan awam yang lebih meluas akan mengurangkan penggunaan jalan raya yang lebih rendah; dan
- (vi) meningkatkan tahap penyelesaian dan peningkatan kualiti dan taraf hidup orang ramai ke arah yang lebih maju dan sihat dan tahap tekanan stres dapat dikurangkan akibat kesesakan di jalan raya dan memberikan kesan positif kepada kemajuan kesihatan penduduk.

Dengan siapkan projek ini nanti, kedua-dua rangkaian LRT ini akan bersambung di stesen Putra Heights dan akan membentuk satu rangkaian yang lengkap bagi sistem rel Lembah Kelang. Terima kasih.

**Datuk Nur Jazlan Mohamed [Pulai]:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya mendengar banyak tohmahan dari pelbagai pihak bahawa pelaksanaan projek LRT ini lambat. Saya juga mendengar bahawa jaringannya tidak meluas yang menyebabkan kurang minat daripada penumpang, juga berlaku lobi-melobi daripada pihak pembangunan hartanah untuk menempatkan stesen di tanah mereka dan juga akhirnya jaringan LRT ini tidak ada *interconnectivity* yang baik dengan sistem monorel dan LRT yang kita ada sekarang. Jadi perkara ini juga mungkin timbul disebabkan oleh *conflict of interest* yang disebabkan oleh Syarikat Prasarana Negara Berhad yang memainkan peranan sebagai *regulator* dan juga sebagai pembina sistem tersebut.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Soalan Yang Berhormat.

**Datuk Nur Jazlan Mohamed [Pulai]:** Jadi soalan saya, kalau ada *conflict of interest* timbul daripada peranan Syarikat Prasarana Negara Berhad ini, adakah kerajaan bercadang untuk memisahkan peranan di antara *regulator* dan juga pembina sistem jaringan LRT ini pada masa akan datang.

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Pulai. Apa Yang Berhormat katakan tadi itu sebagai tohmahan sahaja kerana apa yang ingin saya nyatakan di sini kelewatan ini bukanlah berpunca daripada sebab-sebab tertentu

tetapi ianya melibatkan soal banyak bantahan dibuat. Sebagai sebuah kerajaan yang mendahulukan rakyat, kita membuat *consultation* terhadap bantahan-bantahan ini dan dalam proses ini ianya mengambil sedikit masa dan selain daripada itu ada juga mengatakan bahawa ianya ada *conflict of interest*. Saya fikir ini tidak berlaku kerana projek ini adalah projek kerajaan dan dibina oleh kerajaan. Ianya dibuat bukan oleh syarikat swasta tetapi oleh syarikat kerajaan iaitu Syarikat Prasarana Negara Berhad yang dimiliki oleh Kementerian Kewangan.

■1010

Memang kerajaan telah pun mewujudkan Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat yang akan bertanggungjawab dalam pelaksanaan projek-projek pengangkutan awam di masa akan datang. Terima kasih.

**Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Timbalan Menteri, kerajaan memulakan perancangan projek Mass Railway Transit (MRT) sebelum projek pembesaran LRT disiapkan sepenuhnya. Satu kebimbangan yang ditimbulkan adalah bagaimana kerajaan boleh mengintegrasikan sistem MRT dengan sistem LRT yang sedia ada dalam pelan induk pengangkutan awam di Lembah Klang. Saya bagi contoh khusus di Kerinchi di mana hanya ada satu stesen LRT universiti yang berfungsi di pinggir kawasan tersebut. Malangnya dalam perancangan MRT, saya lihat tidak ada dicadangkan lingkaran yang menghubungkan ke kawasan Kerinchi sedangkan keupayaan LRT ini hanya sekitar 1/3 daripada keupayaan MRT.

Dengan peningkatan kepadatan dan pembangunan pesat di kawasan tersebut melibatkan syarikat-syarikat seperti UOA di Bangsar Souk, Amona *joint venture* dengan DBKL dan YTL, stesen LRT sahaja tidak mencukupi. Soalan susulan saya, apakah rasional Kerinchi dipinggirkan dalam perancangan MRT dan bagaimanakah pilihan stesen-stesen di buat dalam projek bernilai RM40 bilion sekarang kerana seperti Yang Berhormat Pulaui sebut tadi bahawa semua ini, pilihan-pilihan memberikan justifikasi kepada tohmahan bahawa wujudnya *conflict of interest* walaupun semuanya merupakan agensi kerajaan. Terima kasih.

**Datuk Abdul Rahim bin Bakri:** Terima kasih Yang Berhormat Lembah Pantai. Sebenarnya berkaitan dengan soalan Yang Berhormat itu adalah terlalu spesifik tetapi ingin saya nyatakan di sini bahawa kerajaan memang berusaha untuk mengintegrasikan sistem pengangkutan awam di dalam negara ini. Seperti mana yang kita tahu bahawa di antara NKRA yang penting di dalam pelaksanaan NKRA kita ialah berkaitan dengan meningkatkan keefisienan ataupun kecekapan pengangkutan awam negara kita. Dalam peningkatan ini, di antaranya ialah daripada segi soal *connectivity* dan juga isu-isu berkaitan. Sebab itu kerajaan telah menubuhkan SPAD atau Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat Negara dan beberapa projek NKEA ataupun *National Key Economic Area* yang sedang dan akan dilaksanakan iaitu melibatkan pengangkutan awam sama ada LRT ataupun MRT adalah bertujuan untuk menyelesaikan semuanya ini. Terima kasih Yang Berhormat.

2. **Tuan Er Teck Hwa [Bakri]** minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan status penggunaan Bantuan Segera Ahli Parlimen, Skim Bantuan Persekutuan bagi kawasan Parlimen Bakri antara tahun 2008 hingga 2010 :-

- (a) pihak manakah yang dimandatkan oleh kementerian untuk mengendalikan peruntukan kebajikan segera ini; dan
- (b) berikan senarai nama yang telah menerima bantuan kebajikan segera ini dalam tempoh 2008-2010.

**Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Puan Heng Seai Kie]:** Terima kasih Yang Berhormat Bakri. Tuan Yang di-Pertua, kerajaan melalui Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat sentiasa prihatin kepada rakyat khususnya kumpulan sasar yang memerlukan bantuan. Bantuan segera Ahli Parlimen merupakan Skim Bantuan Persekutuan yang diwujudkan bagi mempercepatkan proses penyampaian bantuan kepada kumpulan sasar yang memerlukan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak yang diberi mandat oleh kementerian untuk mengendalikan peruntukan bantuan ini ialah Ahli Parlimen, Pengarah Kebajikan Masyarakat Negeri dan Pengerusi Majlis Kebajikan dan Pembangunan Masyarakat iaitu MAYANG mengikut kawasan masing-masing.

Bagi kawasan Parlimen Bakri, pengendalian proses siasatan atau semakan dan kelulusan bantuan ini adalah diluluskan oleh Pengerusi Majlis Kebajikan dan Pembangunan Masyarakat iaitu MAYANG atau Pengarah Kebajikan Masyarakat Negeri Johor yang diberikan kuasa untuk menguruskan bantuan tersebut mengikut panduan pengurusan yang disediakan oleh kementerian.

Tuan Yang di-Pertua, jumlah keseluruhan perbelanjaan Bantuan Segera Persekutuan bagi kawasan Parlimen Bakri untuk tempoh 2008 hingga Jun 2010 adalah sebanyak RM151,200 melibatkan 362 orang penerima bantuan. Peruntukan Bantuan Segera Persekutuan bagi kawasan Parlimen Bakri tahun 2008 adalah sebanyak RM26,700 telah dibelanjakan untuk membantu 50 kes yang memerlukan bantuan segera. Manakala bagi tahun 2009, sebanyak RM65,600 telah dibelanjakan bagi membantu 131 kes dan sebanyak RM58,900 telah dibelanjakan sehingga Jun 2010 bagi membantu 181 kes. Sekian, terima kasih.

**Tuan Er Teck Hwa [Bakri]:** Terima kasih jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya dimaklumkan bahawa ada beberapa jenis bantuan yang diberikan oleh Pejabat Kebajikan termasuk kanak-kanak, OKU, warga emas, mangsa bencana dan sebagainya. Pada tahun 2009, saya telah memohon bantuan di bawah Skim Bantuan Segera Ahli Parlimen untuk penduduk-penduduk tempatan. Sebanyak enam kes telah diuruskan oleh saya iaitu satu kes perubatan dan lima kes kebakaran dan banjir. Apa yang mengagumkan saya ialah tiada satu kes di bawah permohonan saya diambil kira sebagai Bantuan Segera Ahli Parlimen dan

mereka disalurkan ke skim bantuan lain seperti Bantuan Bencana atau Bantuan Am dan sebagainya.

Apabila saya bertanya pegawai-pegawai yang bertanggungjawab di atas perkara ini, saya diberitahu bahawa bantuan segera ini memang wujud dan beliau meminta saya memberikan akaun bank saya kepada beliau supaya wang boleh disalurkan terus ke dalam akaun saya. Apa yang...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat, ini baca. Kalau buat soalan, buat ringkas sikitlah Yang Berhormat. Ini baca hikayat ini.

**Tuan Er Teck Hwa [Bakri]:** Ya, ya. Saya cerita yang betul-betul berlaku punya di kawasan saya. Apa yang mengagumkan saya ialah apabila mereka mendapati saya ialah seorang Ahli Parlimen Pembangkang, saya diberitahu bantuan segera ini hanya boleh diuruskan oleh pegawai-pegawai tertentu. Kalaulah begitu, skim ini seharusnya tukar nama menjadi sebagai Skim Bantuan Ahli Parlimen Barisan Nasional atau Skim Bantuan Segera Pegawai Jabatan Kebajikan. Saya ada dua soalan merujuk kepada perkara ini, apakah piawaian pihak kementerian yang digunakan semasa permohonan segera ini dipertimbangkan. Adakah itu benar bahawa bantuan segera ini hanya boleh disalurkan kepada Ahli-ahli Parlimen mengikut parti politik?

Yang kedua, berikan jawapan secara bertulis senarai jenis bantuan segera di bawah skim ini mengikut kawasan Parlimen dan pecahan tahunan dari 2008 sehingga 2010. Terima kasih.

**Puan Heng Seai Kie:** Terima kasih Yang Berhormat Bakri atas beberapa soalan tambahan yang telah pun dikemukakan. Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab isu yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bakri, yang pertama sekali daripada soalan itu, nampaknya Yang Berhormat Bakri tidak begitu faham tentang kegunaan Skim Bantuan Segera ini. Sebenarnya, kes-kes permohonan seperti bantuan kanak-kanak, bantuan orang tua dan sebagainya haruslah dipohon di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat yang biasa. Untuk Skim Bantuan Segera, ia hanya dikhususkan untuk bantuan bagi bencana ataupun kes-kes kecemasan. Jadi, bagi menjawab isu yang kedua iaitu bahawa mandat skim ini hanya akan diberikan kepada Ahli Parlimen Barisan Nasional, itu merupakan satu tohmahan Yang Berhormat kerana punca kuasa untuk pemberian mandat bagi mengendalikan peruntukan kebajikan segera ini adalah terletak pada Jemaah Menteri.

Walaupun pelantikan MAYANG adalah di bawah kuasa Menteri, tetapi ia juga perlu mendapat persetujuan daripada Jemaah Menteri dan pelantikan ini adalah dikaji iaitu akan dikaji semula setiap tahun.

#### ■1020

Bagi menjawab isu yang ketiga iaitu tentang perincian bagi setiap kes dan juga jumlah perbelanjaan yang telah dibelanjakan daripada tahun 2008 hingga 2010. Saya akan berikan,

perluah saya jawab di sini kerana ia adalah panjang. Saya akan serahkan jawapan ini kepada Yang Berhormat selepas ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Er Teck Hwa [Bakri]:** Tuan Yang di-Pertua, boleh soalan tambahan?

**Dato' Dr. Mohamad Shahrur Osman [Lipis]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya pun pelik pertanyaan daripada Yang Berhormat Bakri ini kerana kalau ada bantuan kepada seseorang, saya pun hendak juga kerana saya tidak dengar pun. Akan tetapi saya mengucapkan tahniah kepada kementerian kerana sebenarnya banyak membantu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Soalan sahaja Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Mohamad Shahrur Osman [Lipis]:** Selepas ini saya beri soalan, hendak beri *preamble* sedikit. Membantu rakyat di seluruh negara tetapi walau bagaimanapun di negeri-negeri yang dikuasai oleh pembangkang ini, nampaknya banyak yang terabai terutamanya di Kelantan, Kedah dan sebagainya. Bahkan semasa banjir pun, Kerajaan Negeri Kedah nampaknya tidak membantu.

**Beberapa Ahli Pembangkang:** *[Menyampuk]*

**Dato' Dr. Mohamad Shahrur Osman [Lipis]:** Eh, ada bunyi buruk di sebelah sana, bunyi bising.

**Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]:** Banjir, duit federal tidak turun lagi pun.

**Dato' Dr. Mohamad Shahrur Osman [Lipis]:** Saya dengar macam bunyi buruk bising dalam zoo, macam mana ini? Jadi...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat, saya nasihat Yang Berhormat tanya soalanlah Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Mohamad Shahrur Osman [Lipis]:** Soalan tambahan saya ialah apakah saranan daripada kementerian kepada kerajaan-kerajaan negeri ini untuk memastikan mereka mengambil tanggungjawab untuk membantu kebajikan rakyat yang terpinggir ini. Terima kasih.

**Puan Heng Seai Kie:** Adakah itu satu soalan Tuan Yang di-Pertua? Walau bagaimanapun...

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Tuan Yang di-Pertua, kerana tidak ada soalan, saya ada soalan.

**Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:** Tuan Yang di-Pertua, tidak perlu jawablah, tidak ada soalan kenapa hendak jawab, apa yang hendak dijawab?

**Puan Heng Seai Kie:** Saya memang setuju dengan apa yang disarankan oleh Yang Berhormat tadi bahawa kebajikan rakyat di sesetengah negeri dan kawasan Parlimen terabai sebab punca utamanya ialah kerana wakil rakyat mereka itu sendiri tidak tahu tentang cara untuk memohon kebajikan ini untuk rakyat mereka. Contohnya seperti Yang Berhormat Bakri tadi yang silap saluran cara permohonannya. Sekian, terima kasih.

**Tuan Er Teck Hwa [Bakri]:** Timbalan Menteri, saya memang ada jumpa pegawai, bukan silap.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Masa untuk soal jawab ini sebenarnya panjang Yang Berhormat, tetapi kita masih lupa menyoal bukan bercerita panjang lebar latar belakang, menjawab juga saya minta menteri tidak payah cerita dasar kementerian, jawab soalan. Kalau lebih daripada satu soalan tambahan, jawab satu cukup.

**3. Dato' Sri Ong Tee Keat [Pandan]** minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan sebabnya setakat kini hasil padi dari sesuatu kawasan, umpamanya Chui Chak dan Sekinchan, masih tidak boleh dipasarkan di luar sempadan negeri yang berkenaan. Tidakkah amalan itu mengehadkan pemasaran hasil padi kaum petani yang berkenaan dan justeru menjejaskan rezeki mereka.

**Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Datuk Seri Noh bin Haji Omar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pemindahan padi antara negeri-negeri di Semenanjung Malaysia adalah dikawal oleh kerajaan menerusi penguatkuasaan di bawah Peraturan 2 Peraturan-peraturan Kawalan Padi dan Beras Sekatan Pemindahan Antara Negeri 1997 (PUA 31) di mana dalam peraturan tersebut, tidak ada seorang pun boleh memindahkan apa-apa padi atau beras dari satu negeri ke satu negeri yang lain dalam Malaysia Barat melainkan dengan kebenaran secara bertulis dahulu daripada ketua pengarah atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa.

Pemindahan padi antara negeri tidak dibenarkan atas sebab-sebab seperti berikut;

- (i) boleh menjejaskan bekalan padi kepada kilang-kilang tempatan;
- (ii) harga padi akan meningkat secara tidak terkawal disebabkan persaingan permintaan daripada pengilang luar; dan
- (iii) kilang-kilang kecil sederhana akan berkubur kerana tidak mampu bersaing dengan kilang-kilang yang besar.

Walau bagaimanapun, kebenaran pemindahan padi boleh diberikan dalam keadaan-keadaan di antaranya untuk mengelakkan berlakunya lambakan padi yang akan menyebabkan kemerosotan mutu padi apabila kapasiti sempadan padi kilang tidak mencukupi. Sehingga 30 Jun 2010, sebanyak 7,325 permit pindah padi antara negeri telah dikeluarkan oleh pihak kementerian. Terima kasih.

**Dato' Sri Ong Tee Keat [Pandan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak bangkitkan satu soalan tambahan. Apakah kementerian tidak bercadang untuk meminda Akta Sekatan yang dimaksudkan memandangkan bahawa ianya tidak lagi relevan. Kiranya kita meninjau dengan teliti keadaan pasaran semasa khasnya pasaran bebas yang telah pun menjadi satu kelaziman antarabangsa. Lagi pun Yang Berhormat Menteri tadi menyentuh tentang lambakan padi, kalaulah ini yang dijadikan alasannya, saya tidak faham kenapa mekanisme kita

yang sedia ada khasnya BERNAS misalnya tidak dapat memainkan fungsi ataupun peranannya untuk mencegah lambakan padi yang dimaksudkan. Sekian.

**Datuk Seri Noh bin Haji Omar:** Terima kasih Yang Berhormat. Memang di dalam perancangan kementerian untuk kita mungkin pinda balik peraturan ini kerana peraturan ini peraturan yang lama. Namun demikian, selagi peraturan ini ada kita kena patuhi kerana itu tadi saya nyatakan walaupun ada peraturan tetapi bagi pihak kementerian memang tidak ada apa-apa halangan sekiranya mana-mana pihak yang ingin memohon untuk membawa padi mereka keluar dari satu-satu negeri. Oleh sebab itu dalam tempoh tiga bulan ini sahaja, dalam tempoh setengah tahun sehingga Jun, kita telah keluarkan sebanyak 7,325 permit. Ertinya minta sahaja automatik kita akan beri. Seperti di Chui Chak, padi daripada Chui Chak Yang Berhormat bangkitkan sebanyak 32.9% padi di Chui Chak itu kita telah benarkan pun dijual di luar daripada negeri Perak.

Kedua, lambakan ini boleh berlaku jika harga yang ditawarkan oleh pihak swasta dan pihak BERNAS ini tidak seimbang. Kerana itu seperti mana yang saya nyatakan bahawa kerajaan hanya menetapkan dasar harga minimum padi, harga maksimum padi kita *open*, terbuka. Jadi kalau kita tidak kawal sebelum ini, maka kesannya padi-padi seperti di Sekinchan Yang Berhormat bangkitkan. Kalau kita tidak kawal, kesannya nanti kalau harga padi dibawa ke Kedah dengan harga yang mahal, maka kilang-kilang tempatan di dalam kawasan Sekinchan tempat keluar padi itu pun akhirnya hendak dapat beras pun susah kerana daripada itu dibawa keluar. Kalau kita tidak kawal pun, kita bimbang nanti bahawa lambakan akan berlaku jika berlaku saingan antara pihak swasta. Yang BERNAS ini, selalunya orang yang jual BERNAS ini apabila kilang-kilang swasta sudah tidak mampu hendak beli.

Jadi kilang swasta ini Yang Berhormat, dia beli apabila dia tidak ada beras. Macam tahun lepas, apabila banyak kilang simpan beras di dalam andaian mereka kerajaan akan melaksanakan SUBUR, mereka simpan beras. Apabila mereka sudah cukup beras, mereka tidak mahu beli. Akhirnya BERNAS terpaksa beli, bila BERNAS terpaksa beli, dia beli dengan harga yang lebih rendah daripada pihak swasta. Jadi sebab itu dilihat BERNAS ini sebagai satu agensi yang terpaksa menjalan sesuatu obligasi untuk membeli beras dengan harga yang mungkin lebih rendah sikit daripada swasta tetapi lebih daripada harga minimum yang ditetapkan.

■1030

**Dato' Haji Ab. Halim Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]:** Soalan tambahan, bolehkah Yang Berhormat terangkan *stockpile*, berapa banyak *stockpile* bagi beras dan padi di dalam dan luar negara dan berapakah jumlah permit import yang dibenarkan bagi seluruh Malaysia untuk import beras dan padi dari luar negara, terima kasih.

**Datuk Seri Noh bin Haji Omar:** Jumlah *stockpile* kita telah pun kita tingkatkan kepada 293,000 metrik tan yang mana ini *stockpile* di bawah kerajaan. BERNAS pula mereka ada *stockpile* mereka sendiri, lebih kurang 150,000 metrik tan. Kalau kita *combine* kan antara

BERNAS dengan *stockpile* kerajaan ini walaupun *stockpile* kerajaan masih belum kita isi, masih ada 50,000 metrik tan, masih lagi belum kita tambah. Kita kalau apa-apa juga berlaku, kita masih mampu bertahan dalam tempoh tiga bulan kalau tidak silap untuk kita bekalkan beras ini.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat, baru-baru ini di peringkat negara-negara ASEAN pun telah bersetuju untuk tubuhkan satu *stockpile* di mana jika berlaku bencana alam di negara-negara ASEAN, negara-negara ASEAN ini telah bersetuju untuk memberikan sumbangan kepada *stockpile* membantu negara-negara ASEAN yang mengalami bencana.

Yang kedua mengenai AP, buat setakat hari ini pihak yang boleh mengimport beras ialah BERNAS sahaja. Ini adalah satu perjanjian ataupun konsesi yang telah dipersetujui di antara pihak BERNAS dengan pihak kerajaan apabila BERNAS diberikan tanggungjawab untuk menguruskan soal-soal beras dan dalam erti kata lain hanya BERNAS sahaja yang boleh mengimport beras ke dalam negara kita, terima kasih.

**4. Tuan Che Uda bin Che Nik [Sik]** minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan kenapa mutakhir ini banyak berlaku kes hubungan seks rambang, kandungan luar nikah dan kes pembuangan bayi. Apakah faktor banyak berlakunya kes-kes ini dan apakah langkah kerajaan untuk mengatasi perkara ini. Tidakkah kerajaan ingin mengkaji pendekatan cara Islam untuk mengatasi masalah ini.

**Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Puan Heng Seai Kie]:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat memandang serius akan ketiga-tiga fenomena yang saling berkaitan ini. Berdasarkan kajian yang dijalankan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat antara punca-punca berlakunya fenomena hubungan seks rambang adalah pendedahan komuniti terutamanya golongan remaja kepada sumber-sumber berunsur seks secara mudah daripada media elektronik yang ada tanpa kawalan. Ekoran daripada itu, punca-punca berlakunya penghamilan luar nikah dan pembuangan bayi adalah seperti berikut;

- (i) perasaan takut dan malu yang dialami oleh wanita hamil luar nikah kerana tidak mendapat sokongan keluarga mengenai kehamilan mereka;
- (ii) perasaan takut dihukum kerana kesalahan kehamilan luar nikah sekiranya masyarakat umum mengetahuinya;
- (iii) bayi yang dilahirkan dengan kecacatan menjadi beban kepada keluarga yang tidak diterima sepenuhnya;
- (iv) kurang pendidikan keagamaan menyebabkan wanita hamil luar nikah mengambil jalan mudah tanpa memikirkan akibatnya;
- (v) tiada pengetahuan mengenai khidmat bantuan sokongan yang disediakan bagi kanak-kanak dan wanita hamil luar nikah seperti khidmat kaunseling, perkhidmatan perlindungan untuk diri dan anak yang bakal dilahirkan;

- (vi) bapa kepada bayi yang dilahirkan tersebut tidak mahu bertanggungjawab dan hilang ghaib tidak dapat dikesan;
- (vii) wanita pendatang asing yang hamil takut diusir majikan apabila memohon bantuan tentang kehamilan mereka; dan
- (viii) tidak pernah tertangkap dan tidak rasa takut terutama bagi kes yang kerap mengandung luar nikah.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menangani gejala ini, kerajaan telah mengambil tindakan antara lain dengan menyediakan tempat perlindungan kepada kanak-kanak dan wanita yang hamil luar nikah agar mereka dapat melahirkan anak dengan selamat. Institusi-institusi di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat yang menyediakan perlindungan untuk golongan tersebut ialah Taman Sri Puteri sebanyak empat buah dan dua buah pusat jagaan Sinar Kasih.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Taman Sri Puteri menyediakan kemudahan perlindungan dan pemulihan kepada kanak-kanak perempuan berumur di bawah 18 tahun yang hamil bayi luar nikah. Sementara Pusat Jagaan Sinar Kasih pula diwujudkan bagi wanita hamil luar nikah berusia 18 tahun dan ke atas yang memerlukan perlindungan dan penjagaan segera.

Selain itu kementerian juga mempunyai 55 buah lagi institusi kebajikan, 104 buah pejabat kebajikan daerah dan 55 buah Klinik Nur Sejahtera yang bersedia menerima baji-baji yang memerlukan perlindungan. Jabatan Kebajikan Masyarakat juga menjalinkan kerjasama dengan pertubuhan sukarela kebajikan bagi membantu membendung masalah pembuangan bayi. Terdapat lapan buah pertubuhan sukarela kebajikan yang menerima geran daripada JKM yang menyediakan pusat perlindungan bagi ibu-ibu muda ini. Di samping itu, kementerian melalui JKM dan Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara turut melaksanakan usaha-usaha bagi menangani gejala tersebut melalui tindakan seperti berikut;

- (i) menyediakan perkhidmatan kaunseling;
- (ii) mengadakan bengkel interaktif;
- (iii) melaksanakan program kesedaran melalui Jawatankuasa Kebajikan Kanak-Kanak Daerah;
- (iv) melaksanakan program kesedaran melalui pelaksanaan *Module Smart Start*, Modul Kasih, program *Parenting At Work*, Modul *I'm In Control*;
- (v) mewujudkan pusat aktiviti remaja Cafe@Teen;
- (vi) melaksanakan Program Pengukuhan Nilai Keluarga dan
- (vii) mengadakan Program Kenali Anak Kita.

Selain itu, LPPKN juga telah mula melaksanakan Pendidikan Kesihatan Program Reproduktif dan Sosial bagi meningkatkan kefahaman dalam aspek seksualiti. Pembentukan nilai sendiri dan perhubungan kekeluargaan antara gender terhadap pihak-pihak tertentu seperti institusi kebajikan, institusi pendidikan dan badan-badan bukan kerajaan.

Di dalam Mesyuarat Majlis Sosial Negara yang ketujuh yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri pada 1 Oktober 2010, wakil daripada *The International Institute of Islamic Thought and Civilizations* iaitu Dr. Muhammad Uthman el Muhammady, Profesor Dr. Ajmal M. Razak Al-Aidrus telah membentangkan kertas kerja dengan tajuk, "*Masalah Membuang Bayi: Penyelesaiannya Daripada Perspektif Islam.*" Di dalam pembentangan tersebut cadangan penyelesaian berdasarkan pendekatan cara Islam untuk mengatasi isu pembuangan bayi telah dibahagikan kepada langkah jangka pendek dan panjang yang memberi tumpuan kepada tiga institusi asas iaitu keluarga, masjid dan sekolah. Sekian terima kasih.

**Tuan Che Uda bin Che Nik [Sik]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, jawapan paling lengkaplah. Akan tetapi soalan tambahan saya ialah, walaupun ada langkah-langkah yang diambil, dari segi praktikalnya saya rasa kerajaan tidak bersungguh-sungguh dalam kes ini. Kalau kes pencegahan rokok misalnya, Tak Nak sana Tak Nak Sini, TV pun setiap malam. Akan tetapi dalam kes pembuangan bayi ini saya tidak nampak ada *billboard*, ada papan-papan tanda, iklan-iklan dalam TV yang boleh mencegah kepada tiga kes yang saya sebutkan ini. Apa pendapat Timbalan Menteri?

**Puan Heng Seai Kie:** Terima kasih Yang Berhormat atas soalan tambahan yang dikemukakan. Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, tanggungjawab bagi menangani gejala ini bukan hanya terletak di bawah tanggungjawab kementerian ini. Kerjasama daripada pelbagai agensi kerajaan seperti Jabatan Agama Islam dan Kementerian Kesihatan Malaysia, badan bukan kerajaan seperti Persatuan Perancang Keluarga Malaysia dan sektor korporat juga penting dalam usaha membendung masalah pembuangan bayi.

#### ■1040

Begitu juga dengan tanggungjawab dan peranan masyarakat umum, terutamanya ibu bapa dan ahli keluarga terdekat perlu ditingkatkan supaya gejala ini dapat ditangani kerana setiap rakyat Malaysia, terutamanya ibu bapa, perlu mengambil segala usaha untuk membendung masalah pembuangan bayi daripada terus berleluasa.

Menjawab kepada isu yang dibangkitkan tentang publisiti ataupun promosi dari segi media, sebenarnya kementerian ini bersama-sama dengan akhbar Utusan Malaysia, Astro dan Persatuan Karyawan melalui kempen 'Kami Prihatin' juga berusaha meningkatkan kesedaran masyarakat dan adalah menjadi harapan kementerian agar banyak lagi inisiatif dilaksanakan oleh sektor korporat dan anggota masyarakat untuk meningkatkan kesedaran terhadap gejala ini dan akhirnya isu pembuangan bayi dapat dibendung sepenuhnya. Sekian, terima kasih.

**Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri, apabila saya dengar jawapan tadi, maknanya ada usaha yang bersungguh-sungguh diusahakan oleh kerajaan dalam menangani isu ini. Yang penting kita kena melihat bahawa isu ini harus ditangani secara bersama dan tidak dilihat sebagai modal politik

oleh golongan dan pihak tertentu. Isunya sekarang, kadang-kadang ini dijadikan politik dan kononnya kerajaan tidak berwibawa untuk menyelesaikan masalah ini. Ini tanggapan di sebelah sini.

Cuma saya hendak tanya pandangan Yang Berhormat. Kita tahu bahawa untuk menyelesaikan masalah ini juga, ia perlu penglibatan kerajaan negeri, agensi dan badan-badan politik tertentu, sejauh mana – apakah kerajaan berpuas hati dengan tahap sokongan dan juga bantuan daripada kerajaan negeri, terutama sekali kerajaan negeri yang diperintah oleh Pakatan Rakyat sekarang? Ini kerana dari segi indeks jenayah yang pernah saya sebut dalam Dewan ini juga kelihatan satu peningkatan di negeri-negeri tertentu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Ya, cukup Yang Berhormat.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Ini juga telah menyumbang kepada masalah ini. Minta penjelasan Menteri.

**Puan Heng Seai Kie:** Terima kasih Yang Berhormat Lenggong atas soalan tambahan yang telah dikemukakan. Saya bersetuju bahawa masalah ini haruslah ditangani oleh kita bersama demi kepentingan dan kebajikan rakyat kita. Bagi pihak kementerian, saya berharap akan mendapat kerjasama daripada semua pihak, termasuklah semua kerajaan negeri sama ada daripada Kerajaan Barisan Nasional ataupun Kerajaan Pakatan Rakyat. Sekian, terima kasih.

5. **Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan]** minta Menteri Luar Negeri menyatakan:-

- (a) langkah-langkah yang diambil oleh pihak kerajaan bagi menangani masalah gadis-gadis yang dijadikan "Drug Mule"; dan
- (b) apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak kerajaan bagi menyelamatkan nyawa rakyat negara ini, yang telah dijatuhkan hukuman mati mandatori seperti dalam kes Yong Vui Kong dan Christina Anak Lukas Niju.

**Timbalan Menteri Luar Negeri I [Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Putatan di atas soalan yang dikemukakan. Seperti mana Dewan yang mulia ini sedia maklum, negara ini mempunyai undang-undang yang amat ketat berhubung kesalahan mengedar dan menyalahgunakan dadah yang boleh membawa kepada hukuman mandatori gantung sampai mati. Gejala pengedaran dan penyalahgunaan dadah adalah satu ancaman terhadap keselamatan negara.

Kerajaan Malaysia memandang serius masalah rakyat Malaysia yang dijadikan 'keldai dadah'. Kementerian Luar Negeri telah menjalankan kempen-kempen kesedaran melalui media massa dengan kerjasama agensi-agensi yang berkaitan. Misalannya, saya sendiri telah mengambil bahagian dalam dialog di RTM yang disiarkan secara langsung dan memberi

kenyataan serta peringatan mengenai perkara tersebut dari semasa ke semasa. Usaha-usaha ini juga akan dibuat secara berterusan.

Kementerian juga sedang bekerjasama dengan PEMADAM serta agensi-agensi lain seperti Narkotik PDRM, Kementerian Pengajian Tinggi, badan bukan kerajaan untuk merangka program kesedaran kepada rakyat Malaysia berkenaan masalah 'keldai dadah'. Melalui program ini, dengan izin, *one stop center* akan diwujudkan di kompleks-kompleks membeli belah untuk program penerangan dan pengurusan aduan berkenaan isu-isu 'keldai dadah', khususnya di mana rakyat Malaysia telah terlibat ataupun dijadikan mangsa dan terpedaya oleh pihak sindiket pengedaran dadah antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan prihatin dengan kes-kes rakyat Malaysia yang ditahan di luar negara atas kesalahan dadah. Dalam menangani kes-kes ini, Malaysia perlu turut menghormati undang-undang negara di mana rakyat kita ditahan, atas prinsip tidak campur tangan dalam urusan dalaman sesebuah negara. Walau bagaimanapun, kerajaan akan sentiasa memberi bantuan konsular kepada rakyat Malaysia yang ditahan di luar negara. Kerajaan akan berusaha untuk memastikan hak asasi rakyat kita dilindungi seperti mana yang diperuntukkan di bawah undang-undang tempatan negara tersebut dan juga undang-undang antarabangsa seperti Konvensyen Vienna Mengenai Hubungan Konsular 1963 (*Vienna Convention on Consular Relations 1963*).

Sebagaimana Dewan yang mulia ini sedia maklum, Encik Yong Vui Kong telah ditangkap dan didapati bersalah atas tuduhan mengedar dadah di bawah seksyen 5(1)(a), *Singapore's Misused of Drugs Act* dan telah pun dijatuhkan hukuman mati mandatori. Encik Yong Vui Kong telah membuat permohonan kepada Kerajaan Malaysia untuk merayu kepada Kerajaan Republik Singapura bagi mengurangkan hukuman yang telah dikenakan ke atas beliau.

Yang Berhormat Menteri Luar Negeri telah – antara lain menyerahkan surat kepada Kerajaan Singapura, memohon agar hukuman Encik Yong Vui Kong dapat diringkankan atas dasar kemanusiaan. Surat tersebut telah beliau serahkan kepada TYT George Yong, Menteri Luar Republik Singapura pada 20 Julai 2010 semasa Mesyuarat Menteri-Menteri ASEAN di Hanoi, Vietnam. Pada 30 Julai 2010, Menteri Luar Republik Singapura telah menjawab permohonan Kerajaan Malaysia dengan menyatakan bahawa Kerajaan Singapura akan mengambil kira semua faktor serta dokumen-dokumen sokongan sebelum membuat sebarang keputusan mengenai kes tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Cik Christina Anak Lukas Niju pula telah ditahan di Lapangan Terbang Meilan, China kerana disyaki menyeludup dadah. Kes beliau masih dalam siasatan oleh *Anti Smuggling Bureau of Haikou District*. Pegawai dan Konsul Jeneral Malaysia di Ghongzhou, China telah melawat Cik Christina di Pusat Tahanan Haikou pada 6 Ogos 2010 untuk memastikan keadaan kesihatan dan hak asasi beliau terpelihara.

Memandangkan kes ini masih di peringkat siasatan, Kementerian Luar Negeri bersependapat adalah tidak wajar buat masa ini untuk mencampuri urusan undang-undang tempatan Republik Rakyat China melainkan untuk memastikan proses siasatan tersebut dapat dijalankan dengan telus dan adil.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang jelas dapat dilihat dalam kes-kes dinyatakan, Kerajaan Malaysia sentiasa memantau dan memberikan bantuan konsular kepada rakyat Malaysia dalam tahanan di luar negara sentiasa terpelihara. Sekian, terima kasih.

**Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada kementerian kerana telah berusaha untuk membuat sesuatu ke atas warganegara kita yang disabitkan kesalahan yang melibatkan dadah, terutama sekali apa yang disebutkan tadi iaitu Encik Yong Vui Kong dan Christian Anak Lukas Niju.

■1050

Memang kita sedia maklum bahawa pesalah-pesalah terutama yang dua orang ini adalah rakyat kita yang terpedaya oleh sindiket-sindiket dadah antarabangsa. Apabila kita melihat sejarah Yang Berhormat Menteri bahawa yang terlibat ini mungkin tidak sedar apa yang dibawa kerana terpedaya dengan upahan yang begitu mewah, gaji yang begitu mewah oleh kerana kemiskinan, tekanan hidup, kesusahan hidup dan sebagainya. Ramai rakyat kita begitu terutama sekali *innocent*, remaja yang baru bekerja, cari makan dan sebagainya.

Jadi, mereka ini saya rasa dan saya pasti mereka tidak sedar apa yang mereka bawa di dalamnya. Lain daripada orang yang betul-betul ketahui.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Ringkas Yang Berhormat Putatan.

**Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan]:** Ini soalan yang penting.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat, ini bukan soalan-soalan penting. Kita kena mengikut peraturan juga.

**Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan]:** Saya faham, saya akur Tuan Yang di-Pertua tetapi apa yang kita bacakan pagi tadi ada kena mengena dengan yang ditangkap dan dihukum mati Tuan Yang di-Pertua. Lain pula dengan yang orang sedar. Jadi, soalan saya Yang Berhormat Menteri berapakah jumlah yang ada dalam pengetahuan kementerian gadis-gadis kita yang tertangkap atau pun tertuduh atas kesalahan dadah di negara-negara lain selain daripada negara China.

Ada kes-kes terlebih dahulu daripada ini yang juga ada kena mengena dengan seorang gadis dari Kelantan di China. Apakah kesudahan kes-kes ini selain daripada apa usaha yang telah diusahakan, telah dibuatkan oleh pihak kementerian kepada Encik Yong Vui Kong di Singapura?

**Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya kalau kita lihat jumlah tahanan terkumpul setakat bulan lalu ialah sebanyak 1,560 kes. Dari bulan Januari sampai Oktober 2010 ini sahaja mencatatkan 315 kes dan antara itu dadah mencatat yang paling tinggi sekali iaitu 785 kes. Ini yang terbaru di mana lebih kurang 50.4% adalah terlibat dalam penyeludupan dadah.

Kalau kita lihat wanita pula ialah seramai 149 orang wanita. Jadi, memang begitu ramai wanita dijadikan sebagai keldai dadah oleh sindiket-sindiket antarabangsa dengan janji-janji yang diberikan atau upah lumayan yang diberikan atau ditawarkan kepada mereka menyebabkan mereka mudah terjerumus atau pun mudah terlibat dalam aktiviti-aktiviti seumpama ini.

Jadi, adalah menjadi tanggungjawab semua pihak iaitu sama-sama kita memerangi kegiatan ini. Memang Kementerian Luar Negeri sentiasa memberi kesedaran kepada rakyat Malaysia khususnya supaya memastikan anak-anak mereka atau pun mereka tidak membawa beg bagi pihak ketiga. Jadi, dengan cara itu saya percaya kita dapat mengurangkan kegiatan anak-anak muda kita diperdaya atau digunakan untuk kegiatan seumpama ini. Sekian.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Ya, Ahli-ahli Yang Berhormat.

**Beberapa Ahli:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Duduk Yang Berhormat, duduk dahulu Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mengalu-alukan kehadiran Yang Amat Mulia Pengiran Indera Mahkota Pengiran Anak Dr. Kamaluddin Al-Haj Ibni Al-Marhum Pengiran Bendahara Pengiran Anak Haji Md. Yassin, Tuan Yang di-Pertua Dewan Majlis Mesyuarat Negara Brunei Darussalam ke Dewan yang mulia ini. [*Tepuk*]

Semoga dengan kehadiran Yang Amat Mulia Pengiran Indera Mahkota Pengiran Dr. Kamaluddin Al-Haj dan delegasinya ini akan mengukuhkan lagi tali persahabatan dan persaudaraan antara Parlimen Malaysia dan Parlimen Brunei yang telah sedia ada terjalin erat. Ya, sila Yang Berhormat Tawau.

**Datuk Chua Soon Bui [Tawau]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tentang kes Christina Anak Luke Niju, seorang Iban dari Sandakan. Keluarga perlu bantuan dari pihak kementerian tentang maklumat semasa. Adakah betul kes itu akan memasuki mahkamah pada 24 November 2010, esok?

Apakah pelan tindakan dengan negara lain untuk *information sharing* dan ambil tindakan tentang sindiket pengedaran dadah? Ini kerana, kebanyakan 'drug mule' itu hanya mangsa. Walaupun mangsa, buat salah juga. Adakah betul kebanyakan dadah di bawa dari Malaysia ke negara lain telah diimport oleh warga asing di Malaysia? Sekian, terima kasih.

**Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya, kalau kita lihat setiap kali apabila orang yang besalah, yang ditahan di luar negara dihadapkan ke

mahkamah, maka Kementerian Luar Negeri melalui kedutaan kita di sana akan menghubungi ibu bapa mereka di sini dan akan memberi maklumat akan perjalanan kes tersebut.

Di samping itu, kita juga akan beri bantuan kaunselor kepada keluarga dan juga kepada mangsa tersebut. Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kalau kita lihat bilangan kes wanita ini memang kian meningkat yang dijadikan sebagai mangsa keldai dadah ini. Ini mungkin disebabkan mereka mudah disuruh. Jadi, kalau kita lihat adalah menjadi tanggungjawab termasuk tanggungjawab ibu bapa untuk memastikan pergerakan anak-anak mereka.

Di samping itu, masyarakat dan juga kerajaan mestilah sama-sama bekerjasama menangani isu ini. Ini kerana sindiket ini memang hebat. Seperti soalan kedua itu, dadah bukan sahaja di bawa dari sini tetapi ada juga satu *circle* di mana ada beberapa pusat-pusat yang tertentu. Ada yang dibawa dari sini ke satu destinasi. Ada yang dibawa dari destinasi tersebut ke Kuala Lumpur dan sebagainya. Jadi, ini merupakan pergerakan sindiket yang dilakukan oleh sindiket. Jadi, ini yang harus kita tangani bersama-sama. Sekian.

**6. Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]** minta Perdana Menteri menyatakan keputusan daripada siasatan yang dijalankan oleh SPRM mengenai skandal Perlombongan Pasir Selangor yang melibatkan Kumpulan Semesta Sdn. Bhd dan apa tindakan yang telah diambil terhadap mereka yang terlibat.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Liew Vui Keong]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Wangsa Maju. Untuk makluman Yang Berhormat Wangsa Maju, setakat ini dua individu telah dituduh di mahkamah berhubung dengan amalan rasuah dalam kes kecurian pasir di negeri Selangor.

SPRM masih lagi menjalankan siasatan dan menunggu keputusan timbalan pendakwa raya berhubung dengan beberapa kes yang melibatkan kecurian pasir tersebut. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri dan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Saya amat hairan, dari beberapa bulan digunakan untuk menyiasat kes ini tetapi kes ini belum habis siasatannya. Seperti kes Hasbie Satar juga terlibat dengan bekas Setiausaha kepada Menteri Kewangan II dahulu sampai hari ini, sudah satu tahun tetapi tiada tindakan diambil juga. Masih dalam keadaan siasatan juga.

■1100

Sama ada kementerian sedar atau tidak bahawa kes skandal pasir ini melibatkan seorang pengurus pasaran iaitu Wong Swee Leong yang dilantik khas oleh EXCO Ronnie Liew di Selangor untuk menjalankan pelbagai kegiatan, di mana syarikat seperti Sungai Rambai Angkut Sdn. Bhd. dimiliki oleh Dato' Tan Hock Chin mendapat harga khas di Selangor.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Soalannya Yang Berhormat.

**Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]:** Inilah soalnya di mana harga pasarannya RM17.50 sen, tetapi dijual kepada beliau RM13.50 sen sahaja iaitu kurang RM4. Sama ada kementerian juga akan mengambil tindakan ataupun SPRM akan menyasat perkara ini kerana ia terlibat dengan skandal pasir ini?

Keduanya, kenapakah masa yang digunakan terlampau panjang apabila sesuatu kes rasuah terlibat dengan ahli politik? Seperti Hasbi Satar sudah satu tahun masih tidak habis lagi. Terima kasih.

**Datuk Liew Vui Keong:** Terima kasih Yang Berhormat Wangsa Maju dan Tuan Yang di-Pertua atas soalan tambahan ini. Untuk makluman Yang Berhormat Wangsa Maju bahawa setakat ini SPRM telah pun membuka enam fail dalam perkara ini di mana satu fail adalah fail yang *general*, iaitu fail siasatan terhadap kes Kumpulan Semesta Sdn. Bhd. ini.

Lima kes siasatan telah pun dibuka terhadap individu berkenaan di mana ada terlibat pertindihan di antara individu yang sama. Setakat ini seperti yang saya maklumkan tadi bahawa dua telah pun diambil tindakan di mahkamah. Saya tidak perlu ulang nama mereka kerana nama mereka telah pun dimaklumkan dalam surat khabar. Untuk makluman Yang Berhormat Wangsa Maju bahawa apabila siasatan telah pun dimulakan oleh SPRM, banyak isu yang perlu dikenal pasti oleh pihak SPRM mengenai saksi-saksi dan juga dokumen-dokumen berkenaan. Perkara ini juga terlibat dengan beberapa isu yang telah pun dibangkitkan seperti pasaran. Pihak SPRM pada masa ini masih lagi menjalankan siasatan mengenai beberapa isu, tetapi saya yakin bahawa siasatan ini akan lengkap dan tindakan akan diberikan kepada pihak pendakwa raya bagi pihak pendakwa raya membuat keputusan sama ada menuduh ataupun tidak. Seperti Yang Berhormat sedia maklum bahawa peranan SPRM ini hanya menyasat sahaja dan *consent* untuk menuduh adalah di tangan SPRM.

**Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]:** Kes Hasbi Satar bagaimana?

**Datuk Liew Vui Keong:** Untuk kes Hasbi Satar seperti yang dimaklumkan untuk makluman Yang Berhormat Wangsa Maju, bahawa kes telah pun selesai siasatan dan telah pun dihantar ke pihak pendakwa raya untuk kajian. Itu sahaja yang saya boleh maklumkan setakat ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Mengenai kes Kumpulan Semesta Sdn. Bhd. dengan siasatan SPRM ini, satu langkah yang luar biasa telah diambil pada bulan Ogos yang lepas, iaitu SPRM menubuhkan pasukan petugas khas dengan Kumpulan Semesta Sdn. Bhd. Satu langkah luar biasa kerana syarikat itu disiasat dan ditubuhkan pasukan khas bersama dengan SPRM untuk membanteras rasuah.

Saya hendak bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri apakah hasil daripada siasatan daripada pasukan petugas khas tersebut? Ini lain daripada apa yang telah dijawab tadi. Kalau tidak ada maklumat terperinci boleh atau tidak memberi jawapan bertulis? Juga apakah siasatan mengenai dakwaan yang telah dibuat bukan oleh orang awam tetapi oleh Ahli Parlimen

daripada Kapar? Seorang Ahli Parlimen daripada parti PKR sendiri mengenai amalan rasuah di Kumpulan Semesta Sdn. Bhd. yang telah diketepikan oleh Menteri ataupun Kerajaan Negeri Selangor dan juga Menteri Besar Selangor. Terima kasih.

**Datuk Liew Vui Keong:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Rembau mengenai soalan tambahan ini.

Untuk makluman Yang Berhormat Rembau bahawa cadangan yang telah pun diberi oleh pihak berkenaan untuk menubuhkan pasukan petugas khas telah pun dijalankan, di mana pihak SPRM telah pun berhubung dengan pihak berkenaan untuk mengadakan satu taklimat mengenai beberapa isu-isu dan prosedur bagi pihak Kumpulan Semesta Sdn. Bhd. ambil perhatian untuk mengurangkan rasuah dalam kumpulan tersebut. Ini kerana mungkin mereka tidak faham dengan prosedur-prosedur perundangan untuk mengurangkan isu rasuah dalam kumpulan mereka.

Juga pihak SPRM dalam pasukan khas ini telah pun menjalankan pemantauan dan juga pemerhatian dalam kumpulan ini. Seperti Tuan Yang di-Pertua sedia maklum bahawa apabila pihak SPRM menjalankan pemantauan dan juga pemerhatian dalam perkara ini, mereka tidak perlu untuk memaklumkan kepada sesiapa kerana ini harus dijalankan secara *secret* supaya mereka tidak tahu aktiviti-aktiviti SPRM untuk memantau pihak-pihak ataupun individu-individu tertentu yang di dalam *target* SPRM.

Untuk dakwaan yang diberikan oleh seorang Ahli Parlimen mengenai Kumpulan Semesta Sdn. Bhd. ini, dalam perkara ini wajarlah sekiranya Yang Berhormat Ahli Parlimen tersebut datang ke SPRM untuk memberi maklumat selanjutnya sekiranya beliau ada informasi mengenai isu-isu rasuah yang terlibat dengan Kumpulan Semesta Sdn. Bhd. ini. Ini kerana sekiranya tidak ada informasi ataupun pengadu datang memberi *information* sejelasnya, pihak SPRM terpaksa menunggu ataupun mendapatkan siasatan daripada pihak Yang Berhormat tersebut. Sekian, terima kasih.

**7. Tuan Haji Salleh Kalbi [Silam]** minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh kementerian untuk mempromosi hasil sastera tanah air melalui dunia siber kerana sehingga kini belum wujud laman web atau portal lengkap dengan maklumat mengenai sastera Malaysia yang boleh dirujuk pengkaji, pengarang dan peminat sastera dari luar negara.

**Timbalan Menteri Pelajaran I [Datuk Dr. Wee Ka Siong]:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran Malaysia melalui Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) telah mengambil langkah mempromosi hasil sastera tanah air melalui dunia siber dengan mewujudkan laman web rasmi DBP yakni [www.dbp.gov.my](http://www.dbp.gov.my).

Laman web ini mengandungi maklumat mengenai sastera Malaysia seperti biografi penulis, direktori penulis, bimbingan berkarya, pantun, cerpen, puisi moden dan skrip drama, himpunan pengenalan, inti sari karya klasik, himpunan kata sastera Melayu lama, lagu-lagu rakyat seluruh Malaysia dan lain-lain. Maklumat ini dapat dicapai dan dirujuk oleh pengkaji,

pengarang dan peminat sastera di dalam dan di luar negara. Melalui laman web ini juga pengguna dapat melayari aplikasi dalam talian seperti TV web DBP Malaysia dan Pusat Rujukan Persuratan Melayu (PRPM) yang dilancarkan secara rasmi oleh Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pelajaran pada 5 Oktober yang lalu. Laman ini sentiasa dipertingkatkan dan dikemas kini dari semasa ke semasa. Sekian, terima kasih.

**Tuan Haji Salleh Kalbi [Silam]:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri, terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas jawapan yang diberikan. Sebenarnya soalan asal saya ditujukan kepada Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan tetapi ia dijawab oleh kementerian yang berbeza tetapi tidak mengapa.

Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, kita melihat peranan sastera ini dari segi penyebaran maklumat kemudian bagaimana ia boleh dihayati oleh masyarakat setempat bukan hanya di negara kita sendiri. Kita melihat juga di dunia luar sana bagaimana sasterawan itu mendapat hadiah '*nobel prize*' daripada pihak-pihak tertentu. Apakah usaha dan inisiatif kementerian dalam perkara ini untuk membolehkan supaya bidang sastera ini yang ditulis oleh Sasterawan Negara seperti A. Samad Said ataupun Dr. Anwar Ridhuan, Dr. Lim Swee Tin yang mungkin di negara kita sendiri Tuan Yang di-Pertua, kita sudah maklum dan tahu tetapi bagaimana boleh masyarakat dunia luar juga dapat menghayati dan mengikuti perkembangan sastera di dalam negara kita ini?

Kita lihat barangkali di peringkat persekolahan dahulu pada zaman saya terutamanya kita hanya mengenali terutamanya Pramoedya Ananta Toer dari Indonesia.

■1110

Jadi inisiatif ini kalau kita lihat tidak cukup untuk siber ini diwujudkan laman webnya. Apakah inisiatif seterusnya lagi supaya lonjakan ini lebih terkenal ke seantero dunia untuk usaha bagi memartabatkan bidang sastera ini di negara kita dan di dunia luar? Mohon jawapan, terima kasih.

**Datuk Dr. Wee Ka Siong:** Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya selain daripada kita menyebarkan maklumat tentang sastera, pengembangan sastera di Malaysia ini, melalui laman web yang sedia ada, kalau Yang Berhormat melayari laman web kita, memang banyak perkara yang boleh kita cari. Ini termasuklah apakah karya yang telah dihasilkan oleh seorang penulis secara lengkapnya ada, ringkasannya dan malahan untuk mereka yang baru hendak mengenali cerpen, puisi, pantun dan bagaimana kita hendak membuat sesuatu karya, panduan begitu jelas sekali, semua ada. Kalau Yang Berhormat mempunyai peluang untuk melayari laman web, saya rasa ini mencakupi semua bidang yang perlu dicari oleh pengkaji ataupun sesiapa yang berminat.

Keduanya, apa Yang Berhormat tanya tadi tentang pengeluaran sastera dalam dan luar negara. Sebenarnya kita sudah masukkan komponen sastera itu dalam *syllabus* kita. Itu yang pertama dan itu sebagai paling asas untuk kita mulakan dalam sistem pendidikan kita. Pada waktu yang sama juga, Dewan Bahasa dan Pustaka mempunyai kerjasama serantau dengan

Indonesia, Brunei dan mana-mana negara ini yang bertutur dalam bahasa Melayu dan ia sebagai satu asas. Kalau untuk kita memperkembangkan sastera itu sampai kita mewujudkan satu usaha sama dengan pihak Beijing Foreign Studies University. Saya rasa inilah sebagai cara yang mana universiti itu menawarkan kursus 44 bahasa dan itu sebagai satu contoh yang ada pada Dewan Bahasa dan Pustaka dan secara amnya Kementerian Pelajaran Malaysia. Sekian, terima kasih.

**Tuan Haji Taib Azamudden Md. Taib [Baling]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Usaha untuk mempertingkatkan sastera negara adalah satu perkara yang baik kerana kita pun tahu bahasa jiwa bangsa.

Akan tetapi kita lihat sekarang ini, bukan sahaja dari segi sastera tetapi bahasa Malaysia itu sendiri nampak begitu cacamarba, digunakan begitu meluas di papan-papan tanda, *signboard* dan berbagai-bagai dalam penulisan-penulisan sebagainya, yang seolah-olah jiwa bangsa itu tadi telah tidak terpelihara melalui bahasanya. Mungkin masih ada orang di kalangan kita yang tidak pandai hendak beza pun antara pisang goreng dengan goreng pisang misalnya. Oleh itu, apalah langkah-langkah pihak kerajaan terutama sekali melalui Dewan Bahasa supaya nilai dan budaya bahasa ini dapat dipertahankan dan dapat kita kawal supaya bahasa Malaysia dapat digunakan sebaik mungkin mengikut nilai kesusasteraannya yang tersendiri. Terima kasih.

**Datuk. Dr. Wee Ka Siong:** Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya Dewan Bahasa dan Pustaka diberi tanggungjawab untuk mengawal selia dan juga memantau. Sebagai satu contoh, untuk pihak berkuasa tempatan, apabila mereka hendak meluluskan satu papan iklan, salah satu syaratnya ialah mereka kena dapatkan persetujuan daripada Dewan Bahasa dan Pustaka tentang bahasa yang digunakan. Itu sebagai satu cara yang paling asas. Kalaulah papan tanda diletakkan dengan cara yang tidak betul maka ia memberi satu gambaran bahawa bahasa kita macam cacamarba seperti mana yang dikatakan oleh Yang Berhormat. Itu sebagai langkah yang pertama.

Keduanya, Dewan Bahasa dan Pustaka ini sebagai satu pakar rujuk. Satu institusi yang boleh dirujuk mengenai penggunaan bahasa yang betul. Dari semasa ke semasa, kita sedang mengambil tindakan untuk merencanakan lagi usaha kempen termasuklah kita menggalakkan bank juga. Kita mengadakan pertandingan supaya mereka gunakan bahasa istilah itu tidak semestinya dalam bahasa Inggeris, bahasa Malaysia juga kita galakkan. Malahan kita ada satu pertandingan syarahan dan juga pertandingan dari segi mereka menggunakan bahasa ini.

Ketiganya Yang Berhormat, sebenarnya Dewan Bahasa dan Pustaka ini selalu didesak oleh orang-orang awam. Kalau mereka tidak menggunakan bahasa yang betul, kita didenda. Akan tetapi kita melihat daripada pelbagai dimensi. Kalau kita lihat seseorang tidak menggunakan bahasa dengan baik dan kita terus denda, mungkin kita tidak dapat lihat kesannya. Mungkin ia tidak dapat mencapai objektif kalau kita tidak betulkan bahasa itu. Oleh sebab itu bukan semata-mata menguatkuasakan undang-undang atau dengan adanya *enforcement*, kita kena ambil tindakan. Ia tidak sebegitu. Kita kena lakukan dari segi pendidikan

dengan memperbetulkan apa yang silap itu. Saya rasa dengan cara ini, ia lebih menyeluruh. Terima kasih.

**8. Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]** minta Perdana Menteri menyatakan apakah penambahbaikan yang perlu kerajaan lakukan dari segi persekitaran politik, pendidikan, kesihatan, kualiti kehidupan dan daya saing ekonomi demi melonjakkan status Malaysia dari tangga ke-37 berbanding Singapura (20), Chile (30) dan Costa Rica (35) dari senarai 100 negara terbaik di dunia yang disiarkan oleh majalah *Newsweek* baru-baru ini.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Petaling Jaya Selatan. Menurut laporan *The World's Best Countries* dengan izin, yang pertama kali dijalankan oleh *Newsweek*, Malaysia berada di kedudukan yang ke-37 daripada sejumlah 100 buah negara. Untuk makluman Yang Berhormat dan Tuan Yang di-Pertua, inilah pertama kali *Newsweek* mengadakan keluaran untuk membuat ranking berbanding dengan pelbagai agensi ranking dunia yang lain.

Di ASEAN, Malaysia berada di kedudukan kedua terbaik iaitu selepas Singapura yang berkedudukan ke 20 lebih dan berbanding dengan Thailand yang mempunyai kedudukan ke-58 dan Filipina ke-63, Indonesia ke-73 dan Vietnam ke-81. Laporan ini menggunakan lima *indicator* yang digunakan oleh badan ini ataupun *Newsweek* yang merupakan petanda utama dalam membuat ranking:-

- (i) dari segi daya saing ekonomi. Walau bagaimanapun masih terdapat ruang untuk penambahbaikan dari segi ekonomi;
- (ii) sektor pendidikan;
- (iii) sektor kesihatan;
- (iv) kualiti hidup; dan
- (v) persekitaran politik.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sentiasa berusaha untuk memperbaiki kesemua *indicator* tersebut bagi meningkatkan daya saing negara. Bagi mengukuhkan *indicator* daya saing ekonomi seperti mana yang sedia maklum oleh Dewan yang mulia ini, kerajaan menerusi Pasukan Petugas Khas Pemudah Cara Perniagaan (PEMUDAH) terus berusaha memudah cara prosedur menjalankan perniagaan dan sistem penyampaian kerajaan.

Selain itu, Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (PEMANDU) akan memantau Program Transformasi Ekonomi (ETP) dan juga Program Transformasi Kerajaan (GTP) serta membangunkan 12 Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA). Bagi mengukuhkan sektor pendidikan pula, seperti mana yang kita sedia maklum dan terangkum dalam GTP, NKEA pendidikan adalah untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat utama, *education hub* dengan izin. Dengan memberi tumpuan kepada pembangunan modal insan, kemahiran iaitu pendidikan

teknikal dan vokasional serta kerajaan juga telah menubuhkan Talent Corporation Malaysia berhad untuk menarik, memotivasikan dan mengekal modal insan berkemahiran.

Dalam *indicator* perkhidmatan kesihatan, seperti mana yang sedia maklum, 156 buah klinik sedang diusahakan di luar bandar, 41 buah klinik kesihatan komuniti dalam *rolling plan* pertama Rancangan Malaysia Kesepuluh. Seterusnya 50 buah klinik 1Malaysia akan dibina. Bagi memastikan kualiti hidup kita, saya menjawab mengikut *indicator* seperti mana yang disebutkan oleh Yang Berhormat. Fokus untuk kualiti hidup adalah kepada membangunkan kawasan kediaman, sistem pengangkutan awam yang lebih cekap, perumahan berkualiti, memberi akses kepada rakyat, utiliti dan perkhidmatan awam yang cekap serta menjadikan masyarakat merasa lebih selamat melalui mengurangkan jenayah.

Bagi persekitaran politik yang stabil, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengumumkan dan menguar-uarkan konsep 1Malaysia. Konsep 1Malaysia ini memberi fokus kepada Rakyat Didahulukan dan Pencapaian Diutamakan iaitu rakyat menjadi fokus dan *delivery* dengan izin, menjadi satu faktor utama. Maka dengan adanya *indicator* dan usaha-usaha ini dalam tempoh satu setengah tahun ini, *standing* kita akan dijangkakan lebih baik.

#### ■1120

Akan tetapi Seyogia diingatkan bahawa *Asia Week* pertama kali membuat *ranking* mereka berbanding dengan pelbagai agensi *ranking* lain yang sudah begitu banyak sejarah *ranking* mereka. Maka Tuan Yang di-Pertua usaha yang dijalankan kerajaan menunjukkan hasil dari peningkatan kedudukan daya saing Malaysia di peringkat antarabangsa berdasarkan laporan World Bank Doing Business 2011, kedudukan Malaysia telah meningkat kepada kedudukan 21 berbanding dengan kedudukan 23 pada tahun sebelumnya.

Begitu juga dengan laporan IMD World Competitive Year Book 2010 dengan izin di mana Malaysia berada pada kedudukan kesepuluh berbanding dengan kedudukan ke-18 pada tahun sebelumnya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Walaupun kajian oleh majalah News Week tidak meliputi keseluruhan bidang tetapi hanya bertumpu kepada corak pemerintah politik dan asas-asas kebajikan rakyat iaitu pendidikan, kesihatan, taraf kehidupan dan ekonomi namun inilah yang penting untuk rakyat.

Persoalannya negara-negara lain juga pernah menghadapi politik yang serius tetapi negara tersebut tetap cepat pulih dari segi politik dan ekonomi. Ini kerana adanya kerjasama yang dimainkan oleh media masa yang tidak berat sebelah untuk menyatukan rakyat. Kedua kempen ekonomi dan dasar yang saksama. Ketiga keluruhan undang-undang dalam bidang kehakiman. Persoalannya bilakah kita rakyat Malaysia akan mendapat hak-hak asasi media yang telus, berita yang adil dan kedua pengagihan ekonomi saksama tanpa mementingkan kroni atau rasuah serta keadilan dari segi perundangan. Sekian terima kasih.

**Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy:** Tuan Yang di-Pertua, ingin saya mengucapkan terima kasih atas persoalan yang dibangkitkan. Dua perkara yang telah diajukan iaitu hak asasi dan isu rasuah dan kroni yang dikatakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat, adalah suatu perkara biasa di mana-mana tamadun dan juga kerajaan dan rakyat di mana ada kekurangan-kekurangan dan juga masalah. Maka apakah elemen-elemen yang diletakkan untuk memastikan bahawa ketelusan ini dan juga keimbangan dari segi keadilan ini dapat dijaga. Itu sebabnya kalau kita lihat baru-baru ini kita telah memperkasakan MACC, memperkasakan Whistleblower Act dan pelbagai pengisian perundangan dilakukan untuk memastikan bahawa segala penyalahgunaan di peringkat penyampaian dapat diperhalusi.

Kedua dari segi hak asasi yang telus ini baru semalam kita ada mesyuarat NITC untuk melihat balik keterbukaan siber yang boleh menyebabkan pelbagai masalah kepada negara. Maka masih ada kelonggaran yang begitu luas sekali di mana siber telah digunakan secara sewenang-wenangnya kerana alternatif media telah menjadi begitu utama dalam penyaluran maklumat dan komunikasi, *networking*. Dalam keadaan itu saya rasa hak asasi yang telus itu memang kental di Malaysia dan kita perlu dari semasa ke semasa untuk memperbaiki kedudukannya.

Akan tetapi secara keseluruhannya Malaysia mempunyai kedudukan yang baik. Walaupun ada ruang untuk kita perbetulkan dan perbaiki tetapi percayalah bahawa kedudukan kita amat menggalakkan dan itu sebabnya kita ada pertumbuhan ekonomi yang begitu memberangsangkan dan kita diandaikan akan berterusan dengan 6% GDP untuk tempoh 10 tahun akan datang. Terima kasih.

**Datuk Wira Ahmad Hamzah [Jasin]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Pada ketika ini kita dapati berbagai-bagai-bagai bentuk laporan dan deskripsi yang dikeluarkan oleh pelbagai organisasi dalam mentafsir perkembangan ekonomi, perkembangan politik, perkembangan daya saing negara kita misalnya dalam IMD, WCY, Buku Tahunan Kesaingan Dunia 2010 yang membariskan Malaysia di kalangan kesepuluh negara berdaya saing dunia.

Jadi soalan saya apakah pendekatan kementerian dalam mengiktiraf pelbagai bentuk laporan yang telah dibuat oleh berbagai-bagai badan organisasi ini kerana kita tidak mahu mengelirukan rakyat dan ianya digunakan oleh pihak pembangkang untuk menidakkan keupayaan kerajaan pada ketika ini dan kita mahu kalau boleh satu pengiktirafan yang dibuat oleh kerajaan dalam bentuk mengklasifikasikan apa juga laporan yang dibuat oleh badan bebas ini. Terima kasih.

**Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy:** Terima kasih Yang Berhormat Jasin. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengingatkan Yang Berhormat Jasin bahawa memang budaya pembangkang untuk berbuat demikian. Kalau tidak mereka tidak boleh diiktiraf sebagai pembangkang, dia perlu cari pasal maka budaya untuk putar belit memang akan berlaku

seterusnya tetapi ingin saya katakan di sini bukan indah khabar dari rupa tetapi betul-betul punya cerita.

IMD World Competitive Year Book ini adalah suatu yang dihormati di peringkat dunia kerana mereka membuat andaian dan juga penilaian terhadap 58 negara dan mereka ada *indicator* yang begitu terperinci maka kita di tempat kesepuluh di peringkat itu, tahun lalu kita di tempat ke-18. Kedua World Bank Doing Business 2011 daripada 183 negara mereka buat penilaian mengikut *indicator*, kita adalah yang ke-21. Kemudian daripada World WEF Global Competitiveness Report satu lagi badan ranking yang begitu penting 139 buah negara. Maka ada banyak lagi tetapi saya ingin mengatakan di sini ini bukan badan-badan ranking yang sembarangan, picisan tetapi orang yang berkualiti di mana negara-negara US, Britain dan negara-negara besar juga menggunakan *indicator* ini. Maka biarlah salakan itu berlaku, kita terus berjuang. Terima kasih.

**9. Datuk Md. Sirat Abu [Bukit Katil]** minta Menteri Kewangan menyatakan jumlah pelaburan yang dibuat oleh Khazanah Nasional. Senaraikan projek-projek yang telah dilabur sama ada di dalam atau di luar negara sepanjang tahun 2008 dan 2009 serta nyatakan jumlah pelaburan setiap projek. Nyatakan projek-projek yang Khazanah Nasional telah memulakan pelaksanaannya sepanjang tahun 2008, 2009 dan 2010 tetapi terpaksa ditangguhkan atas apa jua sebab.

**Timbalan Menteri Kewangan II [Dato' Donald Lim Siang Chai]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat sehingga Oktober tahun 2010, Khazanah Nasional Berhad dikenali sebagai Khazanah selaku syarikat pelaburan strategik milik kerajaan telah melabur dan mempunyai pegangan yang lebih daripada 50 syarikat tempatan dan asing yang mana 19 daripadanya merupakan syarikat yang tersenarai di pasaran saham di dalam dan di luar negara. Kesemua pelaburan ini dibuat sama ada sejak Khazanah beroperasi pada tahun 1994 dikenali sebagai pelaburan legasi ataupun setelah Khazanah menerima mandat baru pada Mei tahun 2004 dikenali sebagai pelaburan baru.

Di antara sektor utama yang dilabur oleh Khazanah termasuk kewangan, media dan komunikasi, kesihatan, pengangkutan dan logistik, utiliti, infrastruktur, riadah dan pelancongan, hartanah, teknologi dan bioteknologi, automotif dan pertanian. Kini sebanyak 84.9% pelaburan Khazanah tertumpu di dalam negara dan 15.1% pelaburan adalah di luar negara termasuk di negara Singapura, India dan China.

Pada tahun 2008 dan 2009, Khazanah telah melakukan pelaburan melebihi RM10 bilion di dalam dan luar negara termasuk dalam beberapa sektor utama yang telah disebutkan di atas. Di antara pelaburan utama yang telah dilakukan pada kedua-dua tahun tersebut termasuk pelaburan dalam Team Attraction and Resource, ACR di Takaful Malaysia, Jaguar Investment, Small Bone Innovations Incorporation dan Fajar Capital Limited.

Khazanah selaku syarikat pelaburan strategik yang menjalankan pelaburan dan tidak beroperasi sebagai syarikat pelaksanaan projek. Oleh yang demikian tidak timbul soal pelaksanaan pelaburan yang dibuat oleh Khazanah tergendala. Sekian.

■1130

**Datuk Md. Sirat Abu [Bukit Katil]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Dari segi pelaburan yang dibuat oleh Khazanah di luar negara, saya ingin tahu ada atau tidak pelaburan ini mengalami kerugian dan jika kerugian apa sebab agaknya? Bagaimana pula GLC ini membantu usahawan-usahawan di negara kita ini untuk meningkatkan perniagaannya? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Ringkaskan jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Dato' Donald Lim Siang Chai:** Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Bukit Katil. Untuk makluman Yang Berhormat buat masa ini Khazanah Holding ada buat pelaburan seperti yang saya katakan tadi di luar negara iaitu 15.1% di negara Singapura, India dan China. Buat masa ini semua ada keuntunganlah seperti Khazanah melabur di Parkson di negara China yang buat keuntungan yang besar dan juga kita telah beli Parkway Healthcare di Singapore. Ini semua memang ada keuntungan untuk Khazanah. Sekian.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sesi soalan jawab lisan telah tamat.

*[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat]*

**USUL**

**WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN  
DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Liew Vui Keong]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga pukul 7.30 malam dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi hari Rabu, 24 November 2010.”

**Timbalan Menteri Pelancongan [Dato' Dr. James Dawos Mamit]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah dipersetujui,

Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui.

**RANG UNDANG-UNDANG****RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2011****DAN****USUL****ANGGARAN PEMBANGUNAN 2011****Jawatankuasa**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan 2011 dan Anggaran Pembangunan 2011 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis" *[Hari Kelima]*

***Majlis bersidang dalam Jawatankuasa***

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar) *mempengerusikan Jawatankuasa*]

**Maksud B.21 [Jadual] –****Maksud P.21 [Anggaran Pembangunan 2011] –**

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat Tenom. Baru satu minit bercakapkan? Baru buka mulut.

**Datuk Raime Unggi [Tenom]:** Belum sampai satu minit Tuan Pengerusi. *[Ketawa]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Sila. Ada 10 minit Yang Berhormat.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

**11.33 pg.**

**Datuk Raime Unggi [Tenom]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin turut membahaskan dalam Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani yang menyentuh Butiran 0600 FAMA, Butiran 02200, Butiran 010600, Butiran 04900 dan juga Butiran 131500.

Tuan Pengerusi seperti mana yang saya sebutkan dalam butiran tadi, terima kasih kerana memberi ruang kepada saya untuk membangkitkan beberapa soalan yang perlu diberi perhatian oleh pihak Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Ini kerana bagi saya kawasan Parlimen Tenom Tuan Pengerusi, adalah merupakan sebuah kawasan pertanian yang sedang membangunkan pada hari ini. Malah di tempat saya juga terletaknya taman pertanian Sabah yang merangkumi seluas 202 hektar yang telah dibuka pada tahun 2000. Di mana ianya juga merupakan taman yang berkonsepkan kepada agro pelancongan. Ia juga turut dilengkapi dengan taman hiasan, taman evolusi dan juga taman hoya, pusat lebah, koleksi *germ plasma*, orkid asli, muzium hidup tanaman dan lain-lain lagi.

Tuan Pengerusi, disebabkan dengan kedudukan kawasan saya yang begitu dipenuhi dengan gunung-ganang dan lembah dan saya mahu juga kawasan Parlimen Tenom ini dijadikan sebagai sebuah pusat pengumpulan produk pertanian dan juga industri asas tani yang utama di negeri Sabah khususnya untuk menjadi sebagai tulang belakang kepada sektor pertanian negara. Saya juga ingin mencadangkan di Dewan yang mulia ini Tuan Pengerusi, Tenom dijadikan sebagai hab produk pertanian bagi tujuan untuk yang saya sebutkan tadi. Menerusi hab ini pengguna ataupun pemborong ataupun pengedar boleh mendapat produk pertanian yang segar, harga yang amat munasabah, tiada lintah darat, orang tengah yang mengambil kesempatan.

Saya yakin bahawa bagi saya Tenom boleh dijadikan sebagai perintis utama dalam memperkenalkan *1Malaysia Best* yang mana kita semua tahu ia satu perakuan jenama yang melambangkan identiti Malaysia untuk meningkatkan jualan dan juga profil produk-produk berasaskan pertanian di pasaran tempatan dan global. Di Tenom produk yang menjadi *1Malaysia Best* ialah limau Pomelo Tuan Pengerusi. Saya ingin mencadangkan kepada pihak kementerian supaya melihat kawasan saya sebagai satu platform bagi menjayakan seperti mana yang saya katakan tadi *1Malaysia Best* dan taman pertanian boleh dijadikan sebagai pusat platform tersebut dan kalau boleh kita menambah baik kompleks pertanian di situ bagi mencapai taraf antarabangsa.

Ini penting kerana dengan mewujudkan satu jenama yang berkesan dan menyeluruh kita boleh mendapatkan pasaran yang lebih baik bagi peringkat global dan juga tempatan. Di samping membantu menaikkan produk-produk berasaskan pertanian keluaran tempatan di peringkat antarabangsa.

Tuan Pengerusi saya juga ingin menyentuh berkenaan kewujudan agensi-agensi swasta yang hari ini telah wujud di mana telah masuk ke kampung-kampung untuk menggalakkan para petani menjadi *joint venture partner* dalam pertanian seperti pertanian lada, serai, ternakan lintah dan lain-lain lagi. Saya ingin menyarankan kepada pihak kementerian supaya menyelia agensi-agensi ini supaya apa yang mereka perkenalkan kepada masyarakat ataupun kepada para petani dapat dilaksanakan dengan lebih baik. Oleh kerana pada baru-baru ini ada saya dapati seorang peserta yang telah menyertai ternakan lintah ini, rupa-rupanya lintah yang dibekalkan tidak pandai membiak dan menjadi masalah pula kepada para petani tadi.

Begitu juga kepada penanaman lada, serai pada mulanya hangat, tetapi apabila sudah dijalankan tidak ada tindakan susulan. Jadi ini mungkin boleh dikatakan sebagai salah satu pendekatan yang tidak begitu baik kepada masyarakat kita. Bolehlah contoh macam Skim Pak Man Telo. Jadi Tuan Pengerusi saya menyarankan supaya mana-mana agensi mungkin FAMA boleh menyelia pergerakan mereka supaya tidak ada perkara-perkara yang boleh mendatangkan keburukan kepada para petani kita yang mengharapkan bahawa apa yang mereka hasilkan adalah merupakan salah satu sumber pendapatan mereka kepada keluarga mereka.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh berkenaan dengan insentif. Dalam bajet kita pada tahun depan, saya melihat pihak kementerian telah memberi insentif kepada subsidi baja padi, subsidi harga padi, insentif peningkatan hasil padi, insentif pengeluaran padi dan juga insentif hasil tangkapan nelayan. Kalau tidak silap saya pada tahun-tahun yang lepas kerajaan telah mengumumkan juga insentif kepada pengeluaran-pengeluaran buah-buahan. Pada hari ini saya tidak pasti ataupun pada tahun depan adakah insentif-insentif hasil-hasil buah-buahan ini juga turut diberikan kepada para pekebun-pekebun kecil kita terutama kepada pengeluar pisang seperti tempat saya, limau Pomelo, betik Sekaki.

Saya ingin mengambil perhatian di Dewan yang mulia ini Tuan Pengerusi, saya tertinggal satu *point* tadi iaitu FAMA tadi, baru-baru ini di tempat saya berlakunya lambakan pisang berangan yang tidak diambil oleh peraih-peraih atau pemborong disebabkan mungkin terlalu banyak di pasaran. Saya ingin mencadangkan kepada pihak FAMA supaya melihat perkara ini yang mana saya katakan pada awalnya perlu diwujudkan satu tempat pengumpulan hasil-hasil pertanian.

Di mana pada hari ini di kawasan saya semuanya berselerak, jadi kalau boleh dijadikan satu tempat supaya semua hasil pertanian dapat dikumpulkan maka saya percaya para petani di tempat saya boleh mendapat harga yang terbaik seperti mana yang saya katakan tadi dan mungkin mereka senang untuk memasarkan hasil-hasil pertanian mereka dan tidak berlakunya lambakan hasil-hasil pertanian.

#### ■1140

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh kepada soal Program “1 Azam” ini yang tujuannya untuk membanteras masalah kemiskinan. Antara penekanannya ialah azam tani. Baru-baru ini Yang Berhormat Menteri telah mendapat dana khas daripada Kementerian Kebajikan tidak silap saya sebanyak RM40 juta. Setakat ini sudah berapa ramai yang telah – saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak Yang Berhormat Menteri, berapa ramai yang telah menyertai dan juga berapa ramai yang telah berjaya setakat ini yang dapat mempertingkatkan lagi taraf kehidupan masing-masing.

Di samping itu juga saya ingin tahu pertanian-pertanian yang bersifat komersial seperti tanaman cili, serai, terung, pokok jambu, penternakan lintah, penternakan air tawar dan sebagainya. Setakat manakah pencapaian pertanian-pertanian berskala sederhana ini ataupun berskala kecil seperti ini yang mempunyai permintaan yang tinggi dan menguntungkan dan bagaimana pula penglibatan pihak swasta yang saya difahamkan seperti mana yang saya nyatakan pada awal tadi. Pada awalnya cukup mendapat sambutan yang hangat malah untuk menyertai pertanian bersifat komersial ini. Saya percaya ini mesti mempunyai satu kursus dan ia sesuatu yang baik tetapi apa yang menjadi masalah apabila selepas kursus tidak ada pemantauan yang lebih lanjut lagi. Oleh kerana itulah banyaknya pertanian dan industri asas tani

ini yang komersial terbantut separuh jalan kerana tiada hubungan bimbingan susulan. Apakah kementerian tahu mengenainya dan apakah tindakan kementerian untuk menangani masalah ini?

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh satu lagi perkara iaitu berkenaan dengan di bawah P.21 Butiran 01000 – Projek-projek Pembangunan Pertanian Bersepadu. Kalau tidak silap saya pihak kementerian telah meluluskan untuk membantu para pesawah di kawasan Kampung Makakumpai yang mana sistem pengairannya telah di naik taraf dan di Dewan yang mulia ini suka saya ingin memanjangkan supaya bukan sahaja di kawasan Makakumpai sebab di kawasan saya terdapat beberapa kawasan yang berpotensi di mana sawah-sawahnya boleh dibangunkan.

Akan tetapi pada hari ini agak malang, ada beberapa kawasan di tempat saya sistem pengairannya amat daif sekali. Apatah lagi baru-baru ini apabila berlaku banjir, banyak di antara sistem pengairan ini telah rosak. Saya mohon kepada pihak kementerian supaya dapat membantu kawasan-kawasan seperti di kawasan Pulong dan kawasan Kalang kerana di sana banyak kawasan-kawasan sawah yang boleh kita bangunkan, kalau tidak silap saya anggaran kasar kawasannya hampir 100 lebih ekar yang mana kita melihat bahawa...

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Yang Berhormat Tenom.

**Datuk Raime Unggi [Tenom]:** Ya. Tuan Pengerusi, terkejut saya.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Tuan Pengerusi, saya tertarik dengan Yang Berhormat Tenom berkaitan dengan bantuan kepada pesawah-pesawah. Kita amat berterima kasih kepada Kementerian Pertanian, Yang Berhormat Menteri Pertanian, Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian yang telah pun menjanjikan bukan sahaja di Tenom ini pesawah-pesawah yang ada di Kedah. Nampaknya rakyat di Kedah hanya bergantung kepada Barisan Nasional sahajalah untuk menyelamatkan mereka. Kerajaan PAS di Kedah memang tidak boleh haraplah.

Jadi agaknya macam mana, *you* tanya baliklah dengan Yang Berhormat Menteri ini apa sumbangan segera kepada pesawah-pesawah yang ada di Kedah, bukan sahaja di Tenomlah Tuan Pengerusi, kerana ini benda-benda yang sepatutnya disegerakan oleh Kementerian Pertanian di bawah Yang Berhormat Menteri. Tahniah kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, nampak bersungguh-sungguh, betul-betul turun padang – *you* bertanding menanglah esok dalam kawasan ini . Terima kasih.

**Datuk Raime Unggi [Tenom]:** Terima kasih Yang Berhormat Sri Gading. 1Semangat. Ya, betul tadi memang betul saya hendak masuk ke bahagian banjir-banjir ini tadi. Seharusnya kita juga ingin selain daripada saya nyatakan tadi pihak kementerian di kawasan saya ada terdapat beberapa sistem pengairan yang rosak yang diakibatkan oleh banjir. Saya juga ingin mendapat penjelasan daripada pihak kementerian apabila berlakunya banjir seperti di negeri Kedah dan juga di tempat saya baru-baru ini, banyak di antara kawasan-kawasan sawah yang telah ditenggelami air dan saya rasa mereka ini perlu dibantu Tuan Pengerusi.

Saya melihat bahawa yang saya nyatakan tadi, beberapa kawasan perlu dibangunkan sistem pengairannya yang mana boleh membantu hasrat kerajaan yang mana pada hari ini dasarnya untuk memperoleh bekalan beras kita iaitu satu hektar, 10 tan. Jadi antara lain masalah yang kita hadapi untuk mencapai hasrat tersebut adalah masalah pengairan.

Jadi saya harap pihak kementerian dapat mengambil pandangan dan perhatian yang serius seperti mana yang saya nyatakan tadi dan saya minta kepada pihak kementerian supaya bantulah kepada para petani kita yang baru-baru ini telah dilanda musibah banjir termasuklah di kawasan saya. Mereka amat sedih apabila hasil pertanian mereka telah rosak diakibatkan banjir dan saya harap bantuan-bantuan yang perlu kepada para petani kita. Saya yakin bahawa Yang Berhormat Menteri dan juga Yang Berhormat Timbalan Menteri yang baru-baru ini saya nampak di TV yang sendiri turun padang, naik traktor untuk membantu mangsa-mangsa banjir yang terlibat. Jadi Tuan Pengerusi, itu sahaja, saya mohon menyokong.

**Tuan Pengerusi:** 10 minit Ahli-ahli Yang Berhormat saya ingatkan, jangan apabila saya diam-diam, sengaja masa itu - Yang Berhormat Pokok Sena.

**11.47 pg.**

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin membahaskan tentang B.21 Kementerian Pertanian ini iaitu Butiran 010400 – Industri Padi dan Beras. Berkaitan dengan soal pembangunan Industri Padi dan Beras ini Tuan Pengerusi, khususnya Yang Berhormat Menteri, saya minta supaya untuk memastikan ini bersekali dengan soal B.21 Butiran 130800 – Pemberian Subsidi Harga Padi. Ini kerana tadi yang dijawab maknanya tidak boleh pindah kerana undang-undang. Saya minta disegerakan untuk dibuat satu kajian untuk menyegerakan pindaan perubahan undang-undang untuk membolehkan supaya berlaku pindahan itu untuk membolehkan pengilang-pengilang ini juga ada persaingan untuk menawarkan harga yang lebih baik kepada petani-petani.

Sekarang ini maknanya padi perbezaan harga antara di negeri Kedah khususnya di kawasan MADA dengan kawasan Sekinchan itu sangat berbeza. Perbezaan antara lebih kurang RM200 ataupun RM300 iaitu harga yang bersekali dengan subsidi. Jadi satu kerugianlah bagi petani-petani di Kedah kerana padi mereka itu tidak boleh dipindahkan, tidak boleh dijual kepada pengilang-pengilang di sebelah Selangor walaupun pengilang Selangor itu menawarkan dengan harga yang lebih baik. Akan tetapi kalau dibenarkan pemindahan ini, maka saya percaya bahawa pengilang-pengilang di Kedah juga akan menawarkan harga yang sama supaya hendak mengelak daripada padi di Kedah itu berpindah ke tempat-tempat yang lain. Oleh kerana itu sudah tentu kalau berlaku pemindahan, sudah tentu mereka akan mengalami kerugian.

Kemudian juga saya lihat bahawa subsidi yang diberikan juga harus dikaji semula kerana ada perbezaan antara subsidi padi kepada petani itu dengan subsidi yang diberikan kepada pengilang untuk proses mengeluarkan beras. Umpamanya subsidi padi kalau tidak silap saya bahawa satu tan untuk petani itu hanya RM241 sedangkan subsidi kepada pengilang untuk

proses mengeluarkan beras satu tan RM750, sedangkan dia tidak buat bendang pun, dia tidak mengalami masalah banjir, hendak tenggelam padi dan sebagainya tetapi dia dapat subsidi sampai RM750 satu tan. Jadi sedangkan petani-petani mengalami masalah banjir, tenggelamnya dan sebagainya, dia hanya mendapat RM241.80 satu tan.

■1150

Jadi saya kira bahawa perbezaan itu harus dikaji semula. Malah, saya lihat bahawa subsidi yang diberikan kepada petani ini, formula pengiraan itu pada kadar harga lama ini. Harga zaman – saya pun tidak ingatlah mungkin selepas daripada demonstrasi padi yang melahirkan kenaikan pertambahan subsidi itu. Pada waktu itu, 100 kilogram kalau tidak silap saya dalam RM50.00, sekarang ini sudah berpuluh ringgit sudah untuk setiap 100 kilogram. Jadi, perlu kepada pengiraan subsidi itu berasaskan kepada harga semasa yang ada sekarang. Jadi saya kira bahawa sudah tentu tidak sesuai lagi dengan RM241.80 satu tan, apatah lagi kalau di ambil pengiraan perbandingan dengan pengilang-pengilang yang mendapat RM750 satu tan.

Begitu juga dari segi potongan wap basah dan sebagainya. Saya kira bahawa kerajaan harus meneliti balik sebab sampai 17% – saya bersetujulah dengan pengumuman Yang Berhormat iaitu hanya satu peringkat sahaja pemotongan yang dibuat, tetapi ia masih lagi 17% ke atas kerana ditentukan oleh pihak kawal selia. Sedangkan subsidi potongan untuk padi benih, ia dalam lingkungan 12% sahaja. Sedangkan mesin padi dia hendak ambil, dia tidak boleh ambil waktu basah. Dia tidak boleh. Dia mesti ambil – saya difahamkan dia mesti ambil tengah hari, waktu panas. Kalau dia ambil waktu basah, mesin yang hendak ambil padi itu, ia tidak boleh proses. Buah tidak boleh keluar habis. Jadi bila ambil tengah panas – takkanlah kita hendak kata masih lagi dengan wap basah yang tinggi sampai 17% ke atas.

Jadi saya kira bahawa tidak munasabah dengan teknologi mesin yang boleh ambil waktu – kalau padi itu basah, waktu pagi dia tidak boleh ambil. Dia kena tunggu pukul 10 ke atas, dah terbit matahari, ia kering sedikit, barulah dia boleh ambil. Jadi sudah tentu saya kira bahawa pemotongan 17% ke atas itu satu benda yang tidak munasabah. Sedangkan padi benih kita boleh hanya potong dalam lingkungan 10% ataupun 12% sahaja. Jadi saya minta pihak kerajaan mengkaji balik persoalan ini.

Kemudian, berkaitan dengan soal sistem perparitan dalam MADA ini. Saya hendak minta pihak Yang Berhormat Menteri khususnya Butiran 010600 – Pengairan dan Saliran Pertanian. Akan tetapi kalau saya lihat dalam Pembangunan ini, tidak ada langsung satu projek di kawasan-kawasan MADA ini. Walaupun di peringkat-peringkat Bekalan itu ada tetapi di dalam Pembangunan tiada pun projek. KADA ada, di tempat-tempat lain ada – maknanya KEMUBU ada dan sebagainya. Akan tetapi untuk MADA ini tiada sedangkan saya lihat bahawa soal pengairan dan saliran ini sangat penting. Oleh sebab itu kalau kita lihat di Sungai Manik, di Sekinchan dan sebagainya, jarak antara talian jalan ladang dengan kawasan bendang ini – kalau di Kedah kita panggil parit gila. Di sebelah sini orang panggil jalan ladang.

Jalan ladang di sana ia dalam 10 meter ataupun 15 meter. Sedangkan di kawasan MADA ini oleh kerana kawasan yang projek yang awal dahulu, ia lebih kurang 40 meter hingga 50 meter. Jadi terlalu jauh untuk mereka nak memungkah hasil padi, hendak dilonggokkan, kemudian juga bila hendak bawa baja, hendak bawa benih itu – maknanya jauh. Dengan pengangkutan mereka terpaksa angkut, terpaksa tanggung, bawa sendiri dan sebagainya, jadi menyukarkan. Jadi bagi saya bahawa perlu disediakan satu peruntukan untuk sistem pengairan ini khususnya dalam hendak menyediakan jalan ladang ini – ataupun di kenali di Kedah sebagai parit gila – untuk membolehkan petani-petani dapat kemudahan yang lebih baik untuk memastikan kerja-kerja sawah mereka itu lebih baik pada masa yang akan datang ini.

Kemudian, saya juga ingin mendapat satu penjelasan berkaitan dengan Butiran 131400 – Subsidi Benih Padi Sah. Apa pengiraan dan berapa subsidi yang diberikan kepada syarikat-syarikat yang mengeluarkan benih padi sah ini? Berapa subsidi? Apakah pengiraannya? Saya hendak tahu dan saya hendak mendapat penjelasan di sini, kenapa kerajaan tidak memberikan umpamanya kepada syarikat peniaga peniagaan peladang MADA? Ini hak MADA ini. Dia hanya dapat 5,000 tan sahaja. Sedangkan kalau kita lihat di sini, syarikat individu Haji Mohamad Nor bin Abdul Rahman, dia dapat sampai 16,320 tan untuk perbekalan benih. Begitu juga syarikat KEJORA Desa, ini syarikat seorang tauke di Batu Lima, Jalan Sungai Petani belah Simpang Empat, Kedah ini. 16,320 tan sedangkan yang MADA ini sepatutnya bagi saya bahawa MADA ataupun FELCRA Plantation Services yang dapat 8,000 tan. Ini syarikat-syarikat FELCRA ialah syarikat kerajaan. Kemudian, syarikat MADA ini ialah syarikat yang berkaitan dengan petani sendiri secara langsung dan sebagainya.

Begitu juga dengan Pertubuhan Peladang Lahar Bubu. Dia hanya dapat 7,000 tan sahaja sedangkan ini pertubuhan peladang. Sepatutnya diberikan kepada – saya cadangkan bahawa kerajaan harus memberikan untuk pengeluaran dan penyediaan benih ini kepada syarikat-syarikat yang secara langsung untuk peladang-peladang ataupun petani-petani dapat pulangan yang baik. Jadi, lebih baik diberikan kepada mereka daripada diberikan kepada syarikat-syarikat. Jadi saya hendak minta penjelasan, berapa jumlah subsidi yang diberikan kepada pengeluar benih ini dan apakah pengiraan kita berikan kepada syarikat Mat Nor, syarikat KEJORA sedangkan benih yang dikeluarkan oleh syarikat KEJORA ini memang ada rungutan daripada petani-petani dari segi kualiti benih tersebut? Jadi saya minta penjelasan daripada pihak kerajaan untuk hal ini.

Saya juga minta akhir sekali Tuan Pengerusi, apakah penyeliaan kerjasama antara pihak kementerian dengan pihak Kementerian Alam Sekitar berkaitan dengan JPS ini? JPS di bawah Kementerian Alam Sekitar. Ini kerana ada satu projek JPS dalam kawasan saya ini iaitu menaik taraf skim pengairan pinggir MADA. Ini untuk kawasan sawahlah. Ini kerana bagi saya, bahawa perlu ada penyelarasan. Kalau tidak, nanti ia memberikan satu kesusahan kepada masyarakat kampung dan juga masyarakat petani sendiri.

Ini kerana pengairan itu tujuannya untuk industri padilah, untuk pembangunan kawasan sawah dan sebagainya, tetapi bila hendak buat itu, dia tidak ambil pengambilan tanah. Ini menyebabkan petani-petani marah. Petani bukan tidak bagi buat tetapi biarlah ada pengambilan tanah. Dia terus pergi hendak buat projek, bawa dia punya barang-barang pergi letak. Jadi akhirnya, orang ligan dengan paranglah. Orang kampung kata, "*kami pun ada tuan*". Pejabat daerah tidak dirujuk. Jadi saya kira bahawa ini perlu ikut kepada Akta 380 iaitu Akta Pengambilan Tanah. Pejabat Daerah tidak dirujuk, Pejabat Tanah tidak dirujuk untuk membuat pengambilan tanah, tiba-tiba pergi hendak buat projek begitu sahaja.

Jadi saya rasa bahawa kementerian harus bertanggungjawab juga untuk memastikan kerjasama dengan pihak Kementerian Alam Sekitar ini untuk pastikan bahawa apa-apa perkara yang hendak dibuat dalam kaitan dengan industri pertanian padi ini, perlu mendapat pandangan dan nasihat daripada Kementerian Pertanian, Industri dan Asas Tani. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Sri Gading.

**11.58 pg.**

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** *Assalammualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Salam sejahtera Tuan Pengerusi yang bijaksana. Saya hanya hendak mengambil satu sahaja mauduk pada pagi ini. Mauduk ini salah satu daripada perkara yang sangat dialu-alukan oleh orang-orang kampung iaitu berkaitan dengan TEKUN. Saya ucap terima kasih dan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri dan kementerian. Skim bantuan niaga ini kepada orang-orang di luar bandar khususnya, ia sesuatu yang memang diharap-harapkan dan diperlukan.

Wang telah pun disediakan. Kalau ikut sini, RM400 juta ini. Cuma, soal bagaimana kita menyalurkan bantuan kepada usahawan kecil ini. Apakah nilai RM3,000 seperti yang kita dengarlah yang diminta oleh – peniaga-peniaga ini kadang-kadang sampai RM20,000, tetapi tidak dapat hendak diluluskan mengikut keperluan mereka.

■1200

Akan tetapi tidak dapat diluluskan mengikut keperluan mereka, mereka telah pun berusaha dengan perusahaan kecil memohon bantuan RM20,000. Masalahnya permohonan ini tidak dapat dipenuhi secara penuh. Saya tidak tahu apa masalah pada kementerian atau ini ada masalah kepada pengusaha ini, ini Menteri sahajalah yang dapat agaknya menjawab.

Kemudian lambat. Kes lambat ini pun saya tidak tahu bagaimana agaknya dia mengisi borang ataupun macam mana, semakan dibuat oleh pegawai-pegawai TEKUN di peringkat bawah, saya tidak tahu. Akan tetapi apa yang saya pentingkan di sini ialah supaya pihak kementerian tolong berikan perhatian berat yang benar-benar boleh membantu jika disemak pengusaha-pengusaha ini, benar-benar menjalankan kerja-kerja mereka dengan cara yang betul, diharaplah. Jika mereka memerlukan RM20,000 berilah RM20,000 dan jika mereka memerlukan RM30,000 berilah RM30,000 agar mereka yang memberikan harapan kepada TEKUN ini tidak

rasa terkulai di tengah jalan, betul tidak bahasa saya itu Tuan Pengerusi? Terkulai, terkulai itu apa maknanya.

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Ya. *[Ketawa]* Penuh semangat ini, kerajaan kata melalui Kementerian Pertanian ada TEKUN yang boleh memberikan pinjaman, tiba-tiba tiga, empat bulan, lima, enam bulan dapat jawapan yang diluluskan sekian, jadi mereka hampir-hampir macam angan-angan Mat Jenin Tuan Pengerusi. Saya tidak mahu menyalahkan kementerian dan pegawai-pegawai TEKUN di bawah tetapi cara bagaimana yang sebenarnya harus dilakukan, apakah ada kajian yang telah dijalankan? Berapa tulennya permohonan ini? Jika ketulenan ini benar-benar menepati syarat-syarat yang telah ditetapkan dan diberikan pinjaman seperti mana yang mereka kehendaki, mungkin ini menjadi penggalak Tuan Pengerusi kepada pengusaha-pengusaha kita di kampung-kampung kerana apabila mereka hendak meminjam dengan bank, bank tidak memandang mereka. Inilah akhirnya mereka...

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Jadi saya tidak tahu di mana, saya tidak menyalahkan kementerian kerana kadang-kadang peminjam ini pun dalam kes-kes tertentu seperti di kampung saya Tuan Pengerusi, saya pun menjadi marah kerana meminjam sekian untuk membeli kereta dia. Pinjam sekian untuk kahwin baru Tuan Pengerusi. *[Disampuk]* Ini pun masalah yang agaknya kementerian hadapi, ya lah saya memahami semua keadaan ini. Yalah jika kita hendak menyalahkan kementerian sahaja juga tidak adil, kadang-kadang peminjam mengambil kesempatan dan mengambil kesempatan inilah kadang-kadang yang menjadi masalah kepada Menteri dan kepada kita Ahli Parlimen yang menyokong dan membayar balik pinjaman.

Sebelum mendapat pinjaman berjanji, janji Tuan Pengerusi jika dapat berjanjilah, belum dapat berjanji bulan dan bintang akanku serahkan, itulah janji-janji sebelum dapat pinjaman. Seperti kerajaan parti pembangkang, dahulu bukan main lagi hendak memberikan segala nikmat kepada rakyat, sesudah memerintah apa pun tidak, hancur lebur, ini janji-janji sebelum dapat. *[Dewan riuh]* Janji sebelum dapat, saya bercerita yang sebenarnya.

**Beberapa Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Ini kadang-kadang pegawai kita di bawah pun terperangkap dengan janji-janji pengusaha-pengusaha ini. Kami akan bayar, tiap-tiap minggu RM80.00, setelah mendapat pinjaman, *astaghfirullah al-Azim*, sebab itu kita tidak boleh menyalahkan kementerian sahaja tetapi tentu ada agaknya cara-cara yang lebih baik dan memberikan sebenar-benarnya - TEKUN ini adalah satu badan, satu tabung yang akan memberikan kebaikan kepada pengusaha. Jadi itu sahaja Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi pun memandang saya lain macam, saya pun naik - Saya sebenarnya segan dengan Tuan Pengerusi, Tuan Pengerusi adalah *the best* betullah, dia punya speaker

Tuan Pengerusi. Lain kali saya sambung Tuan Pengerusi, terima kasih Tuan Pengerusi, saya menyokong.

**Tuan Pengerusi:** Sambung sekarang ini. *[Ketawa]* Silakan Yang Berhormat Kubang Kerian, selepas Yang Berhormat Kubang Kerian ialah Yang Berhormat Parit Sulong.

**12.05 tgh.**

**Tuan Salahuddin Haji Ayub [Kubang Kerian]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, saya mungkin menyentuh satu, dua perkara sahaja lagi, P.21 010100 tentang Pengurusan dalam huraian di dalam belanjawan ini dinyatakan tentang pengurusan adalah termasuk usaha-usaha penyelidikan yang di bawah riayah ataupun tanggungjawab kementerian ini. Dalam hal ini saya ingin bertanya tentang isu dengan izin, *the food security*. Sebagaimana dengan negara-negara yang lain, negara maju mereka ada simpanan mereka yang telah mereka rancang dengan teliti, terdapat agenda bertindak, ada *blue print* nya dan ada tempat penyimpanan yang dibekalkan dan diiringi dengan sistem ataupun teknologi terkini bagaimana mereka menyimpan hasil-hasil ataupun bahan-bahan makanan mereka, makanan asas di Eropah seperti gandum.

Di sini di bawah penyelidikan ini, saya ingin bertanya adakah kita sebenarnya serius dalam menghadapi isu *food security* ini? adakah kita telah mempunyai satu jumlah yang menjamin keselamatan rakyat di dalam negara kita sekiranya berlaku satu perkara yang tidak diingini oleh kita, bukannya kita mahu sesuatu perkara itu berlaku tetapi apabila bercakap tentang *food security* ini, saya merasakan telah menjadi satu isu yang telah dibincangkan di bawah persidangan tentang di dalam *Forum World Food Organization* di bawah PBB, ia telah menjadi satu kewajipan bagi setiap negara untuk mempersiapkan negara itu tentang isu *food security* ini.

Jadi jika boleh diberitahu apakah persiapan itu, berapa tempat lokasi yang telah kita pastikan dan berapakah jumlah mungkin *million* tan ataupun berapa bilion tan sebenarnya yang perlu untuk kita simpan dalam tempoh satu jangka waktu yang kita perlu bersedia untuk menghadapi apa juga kemungkinan. Ini kerana bagi saya Tuan Pengerusi, ia tidak boleh dipandang ringan, kita perlu bersedia untuk menghadapi kemungkinan walaupun Malaysia tidak termasuk di dalam lingkaran api tetapi nampaknya isu Tsunami, isu letupan gunung berapi yang berlaku di negara jiran, isu taufan yang semakin mengganas dan yang pada hari ini tidak kenal batasan geografi seharusnya kita perlu ada sesuatu persiapan yang lengkap dan serius terhadap isu ini.

Kemudian di bawah 010300, di bawah Pembangunan. Saya ingin merujuk tentang beberapa isu yang berkaitan dengan Teknologi Genetik yang melibatkan ternakan-ternakan seperti lembu dan kambing ini dan teknologi ini sedang berkembang biak dan negara kita juga tidak mungkin terlepas daripada isu ini, saya ingin mendapatkan satu kepastian. Jika mengikut jadual yang dibekalkan kepada kita, saya rasa angka ini tidak memuaskan, tidak sepadan dengan peruntukan yang diberikan. Sebagai contoh bilangan lembu induk membiak di dalam tahun 2009 berjumlah 116, tahun 2010 adalah 500 dan tahun 2011 adalah 500 ekor.

Jadi ini bukan suatu jumlah yang saya rasa boleh membanggakan kita, sebagai contoh baka lembu jantan, 2009 hanya 426 ekor, 2010 adalah 500 ekor dan 2011 juga 500. Manakala kambing biri-biri pembiak, tahun 2009 hanya 616 ekor, tahun 2010 dan 2011 adalah 1,400 ekor. Jika kita bandingkan dengan mungkin negara Thailand ataupun jauhlah jika hendak dibandingkan dengan negara Eropah, saya rasa jumlahnya tidak sepadan dengan buku laporan ini yang saya rasa perlu kepada penjelasan, adakah kejuruteraan genetik dalam bidang haiwan ini juga menjadi suatu perkara yang difokuskan kepada pihak kementerian. Jadi dua perkara sahaja Tuan Pengerusi untuk saya minta penjelasan. Terima kasih.

■1210

**Tuan Pengerusi:** Sila Yang Berhormat Parit Sulong.

12.10 tgh.

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya teruskan dengan perbahasan ini bagi Maksud Bekalan B. 21, Butiran 131700 iaitu mengenai FAMA. Jadi saya hendak tanya kepada kementerian, apakah peranan FAMA ini sebagai – sebab kita tahu FAMA harus meningkatkan peranan sebagai agensi utama pembekal langsung produk makanan halal di luar negara. Jadinya masih terdapat lagi kompelin yang mengatakan ada masalah untuk mendapatkan bekalan produk makanan halal di beberapa negara. Contohnya, baru-batu ini di Perth Australia di mana Konsortium Usahawan Makanan dan Industri Asas Tani Sdn. Bhd. (KOMITA) ada menganjurkan karnival makanan dan makanan Malaysia di Perth Australia mendapati bahawa sambutan begitu menggalakkan.

Akan tetapi, terdapat kesukaran mendapatkan produk halal di negara tersebut. Jadinya, apakah peranan FAMA dalam mengenal pasti negara dan kawasan yang mempunyai ramai umat Islam sama ada yang belajar ataupun bekerja dan seterusnya memasarkan produk-produk makanan halal ini secukupnya.

Persoalan saya seterusnya adalah, adakah FAMA mempunyai *outlet* sendiri yang tetap di luar negara yang menjadi pusat pemasaran makanan yang dikeluarkan oleh pengusaha-pengusaha tempatan? Jika ada, berapakah bilangannya? Akan tetapi sekiranya tiada, tidakkah FAMA bercadang untuk menjalankan kajian sama ada perlu untuk mempunyai *outlet* di luar negara supaya senang produk-produk ini dipasarkan?

Pada tahun 2010, FAMA ada menganjurkan promosi perdagangan seperti di USA, Australia, Singapore, China dan sebagainya. Jadinya saya hendak minta penjelasan daripada pihak kementerian mengenai kejayaan promosi perdagangan ini dan bagaimanakah kejayaan ini telah diukur?

Untuk pusat pengumpulan FAMA bagi Daerah Batu Pahat, ia terletak di kawasan Parlimen saya iaitu Parlimen Parit Sulong. Jadinya soalan saya adalah, apakah pusat pengumpulan ini hanya digunakan untuk mengumpulkan tebu-tebu sahaja? Ini kerana itulah yang

terjadi sekarang ini. Jadinya saya hendak bertanya juga dengan kementerian, bagaimanakah pula dengan hasil-hasil pertanian-pertanian lain terutamanya bagi Daerah Batu Pahat.

Seterusnya bagi Butiran 131600 iaitu MARDI. Saya hendak minta kementerian untuk menyenaraikan teknologi yang telah berjaya dipindahkan kepada kumpulan sasaran dan kejayaan kumpulan sasaran ini dalam menggunakan teknologi untuk membangun dan mengkomersialkan produk-produk mereka. Jadinya, berapakah bilangan usahawan IKS yang dibantu oleh MARDI? Berapa banyakkah penyelidikan yang tidak menghasilkan apa-apa produk dan tidak dikomersialkan pula? Soalan seterusnya adalah berapakah bilangan penyelidikan yang dibuat sejak MARDI ditubuhkan yang telah dipatenkan? Jadinya apabila teknologi ini dipatenkan dan dipindahkan kepada kumpulan sasaran, adakah MARDI masih memegang paten tersebut ataupun kumpulan sasaran ini juga mengambil alih paten tersebut?

Seterusnya bagi Butiran 30000 iaitu TEKUN. Saya hendak tanya kepada kementerian, benarkah laporan dan sungutan yang mengatakan bahawa permohonan untuk mendapatkan kelulusan TEKUN ini sangat sukar? Jadinya saya juga hendak bertanya kepada kementerian, berapa lamakah proses untuk meluluskan satu-satu permohonan? Ini kerana daripada maklum balas yang diberikan kepada saya, kadang-kadang permohonan ini mengambil masa satu tahun sebelum ia diluluskan. Jadinya adakah ini benar? Apakah jumlah minimum dan maksimum jumlah yang boleh dipohon? Apakah pula jenis-jenis pertanian ataupun perniagaan industri asas tani yang layak untuk diberikan pinjaman? Apakah jenis perniagaan yang paling popular dan paling banyak menerima pinjaman daripada TEKUN?

Seterusnya, apakah usaha jangka pendek yang dibuat oleh TEKUN untuk mendapatkan semula bayaran balik pinjaman yang diberikan? Berapa peratuskah yang telah gagal untuk membayar balik pinjaman dan apakah tindakan yang dibuat oleh pihak TEKUN? Jadinya, soalan mengenai TEKUN yang terakhir adalah apakah skim TEKUN ini telah mencapai tahap KPI yang ditetapkan oleh kementerian?

Bagi Maksud Bekalan B.21, Butiran 131500 di bawah tajuk NKRA – *Low Income Household* ataupun dengan izin Azam Tani. Projek ini saya lihat melibatkan projek-projek pertanian yang mendapat pulangan dalam jangka masa pendek. Saya lihat antara projek tersebut adalah tanaman jangka pendek seperti cili padi, sawi, kangkung. Selepas itu yang keduanya, projek akuakultur seperti ternakan ikan. Ketiganya pula saya lihat projek ternakan jangka pendek seperti projek penggemukan lembu.

Saya hendak bertanya kepada kementerian, sejauh manakah kejayaan projek jangka pendek pertanian ini berjaya mencapai matlamatnya? Apakah jenis tanaman ataupun akuakultur dan ternakan yang berjaya setakat ini? Saya juga hendak tahu berapakah jumlah peserta yang terlibat di dalam program ini?

Seterusnya bagi Butiran 27400 – Pembangunan usahawan nelayan. Saya hendak bertanya kepada kementerian mengenai peranan Koperasi Nelayan dan setakat manakah ia aktif

untuk memperjuangkan nasib nelayan kita? Saya juga hendak tahu apakah maksud agro pelancongan berasaskan perikanan dan juga bantuan-bantuan yang disediakan untuk usahawan nelayan? Setakat manakah industri usahawan ternakan ikan lot dan industri ikan dipelbagaikan ini berjaya diserapkan kepada golongan nelayan? Setakat manakah juga skim pembiayaan bot perikanan berjaya membantu para nelayan miskin? Seterusnya soalan saya pula adalah setakat manakah nilai tambah agro perikanan berjaya menembusi industri makanan global dan antarabangsa?

Seterusnya bagi Butiran 130500 di bawah tajuk projek khas. Saya hendak mohon kementerian untuk menyenaraikan projek khas daripada sektor pertanian, ternakan dan perikanan bagi Daerah Batu Pahat terutamanya bagi kawasan Parit Sulong. Bagaimanakah bentuk dana khas dan geran yang diperuntukkan dan siapakah golongan sasaran yang disasarkan oleh pihak kementerian? Saya juga memohon untuk mendapatkan status kejayaan dan impak kepada penternak, nelayan dan petani bagi empat projek khas yang dilancarkan oleh kementerian bagi tahun ini iaitu:

- (i) Program Mempelbagai dan Meningkatkan Pendapatan;
- (ii) Program SPKR;
- (iii) DKKP; dan
- (iv) projek-projek kecil pertanian di bawah kawasan Parlimen.

Itu sahaja Tuan Pengerusi, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih. Yang Berhormat Batu Gajah. Selepas Yang Berhormat Batu Gajah, Yang Berhormat Jempol, selepas itu Yang Berhormat Sepanggar.

**12.18 tgh.**

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin rujuk kepada Butiran 10000 - *Emolument*. Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada satu laporan yang melaporkan Yang Berhormat Menteri telah mengulas insiden yang berlaku terhadap Yang Berhormat ADUN bagi Sekinchan di mana beliau, ADUN Sekinchan telah dipukul, ditendang dan ditumbuk dan akhirnya masuk ke hospital. Saya amat terkejut apabila saya membaca laporan yang melaporkan Yang Berhormat Menteri membuat kenyataan bahawa dengan izinnnya, “*Ng got what he deserved of coming into someone else territory*”, dengan izin.

Yang Berhormat Menteri sebagai seorang Menteri tidak harusnya mengeluarkan kenyataan yang sedemikian. [*Dewan riuh*] Pada pendapat saya, beliau bukan sahaja telah gagal menjadi pemimpin...

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Ini butiran mana ini?

**Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau]:** Tuan Pengerusi, ini butiran mana?

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** *Emolument*.

**Datuk Raime Unggi [Tenom]:** Ini butiran apa?

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Butiran mana?

**Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]:** Butiran mana?

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Butiran mana ini?

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** *Emolument.* Gaji. Gaji seorang Menteri yang mengeluarkan kenyataan...

**Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau]:** Tuan Pengerusi, ini tidak ada masuk dalam butiran.

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Sedemikian, menggalakkan...

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat. Ahli Yang Berhormat Batu Gajah duduk Yang Berhormat Batu Gajah.

**Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau]:** Tuan Pengerusi, ini relevan. Ini relevan. [*Dewan riuh*]

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat.

**Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau]:** Beliau sudah keluar daripada tajuk Tuan Pengerusi.

■1220

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat semua tahu bahawa apabila berbahas, perbahasaan itu tumpukan kepada dasar tanggungjawab seorang Menteri. Bukan mengenai dengan peribadi. Kalau saya biarkan peribadi, hari-hari kita tidak boleh mesyuarat. Sila, teruskan mengenai dengan pertanyaan.

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Terima kasih atas nasihat Tuan Pengerusi. Apa yang saya bangkitkan ialah peranan isu beras dan padi. Isu padi, di mana isu ini berlaku dan kenyataan dibuat oleh Yang Berhormat Menteri sendiri, yang kebetulan juga Ahli Parlimen juga bagi kawasan tersebut. Jadi, saya rasa kenyataan Yang Berhormat Menteri itu adalah tidak wajar sebagai seorang yang Berhormat Menteri dan Yang Berhormat mengeluarkan kenyataan seolah-olah menggalakkan penggunaan keganasan dengan menyatakan wajar, yang dilaporkan wajar seorang wakil rakyat ADUN dipukul. Saya pohon agar Yang Berhormat Menteri dalam Dewan yang mulia ini menarik semula dan memohon maaf kepada ADUN yang berkenaan. Saya rasa tidak wajar sebagai pimpinan...

**Dato' Dr. Mohamad Shahrum Osman [Lipis]:** Memanglah Yang Berhormat Batu Gajah ini tidak faham.

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Tuan Pengerusi, saya bangkitkan berkenaan emolument ini. Ini kerana saya ingin merujuk kepada perkara kedua iaitu isu padi. [*Disampuk*] Tuan Pengerusi...

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Batu Gajah sebentar...

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Emolument...

**Beberapa Ahli:** [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya cukup sabar. Akan tetapi kalau begini berterusan, kalau nanti saya sebagai Tuan Pengerusi, saya sengaja butakan mata untuk tidak lihat kepada Yang Berhormat. Apa yang saya lihat, setiap kali berucap timbulkan kekecohan sedikit. Jadi, jangan salahkan saya. Kalau berbahas, bahas dan tinggalkanlah isu-isu politik yang akan mengundang reaksi negatif. Tolonglah Ahli-ahli Yang Berhormat.

Saya tahu, kalau saya sebut di sini, ada Ahli-ahli Yang Berhormat kena dakwa fasal buat secara fizikal dan sedemikiannya. Ada yang bercakap dan sedemikiannya. Tinggalkan itu semua dan fokus kepada dasar kerajaan.

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Ya.

**Tuan Pengerusi:** Sila.

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Tuan Pengerusi, saya kurang senang apabila Tuan Pengerusi kata saya setiap kali bangkitkan isu, timbul kekecohan.

**Tuan Pengerusi:** Saya tidak ada kata Yang Berhormat sendiri...

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Tuan Pengerusi juga kata...

**Tuan Pengerusi:** Saya kata bahawa ada...

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Sengaja tidak lihat saya. Saya juga rasa...

**Tuan Pengerusi:** Kalau Yang Berhormat tidak senang...

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Tidak sedap hati...

**Tuan Pengerusi:** Saya juga lebih tidak senang.

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Saya tidak sedap hati, Ini tanggungjawab saya. Tuan Pengerusi, apa yang saya bangkitkan, saya sepatutnya kemukakan usul potong gaji Yang Berhormat Menteri sebab beliau mengeluarkan kenyataan... *[Dewan riuh]* Ya, boleh potong gaji. Usul potong gaji. *[Dewan riuh]*

**Tuan Pengerusi:** Teruskan, teruskan.

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Saya teruskan kepada...

**Tuan Pengerusi:** Teruskan, jangan lagi dengan isu potong gaji, teruskan dengan dasar pertanian.

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Saya harap nanti Yang Berhormat Menteri akan jawab isu ini.

**Tuan Pengerusi:** Sila.

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Saya ingin rujuk kepada Butiran 130500 – Projek Khas. Saya ingin tahu dengan lebih mendalam apa yang dimaksudkan projek khas di bawah butiran ini dan Butiran 131000 – Insentif Peningkatan Hasil Padi dan Butiran 131100 – Insentif Pengeluaran Padi. Peningkatan Hasil Padi dan Insentif Pengeluaran Padi. Saya ingin tahu, pagi ini kita telah mendengar jawapan yang Berhormat berkenaan isu perpindahan padi dari satu negeri ke negeri yang lain. Akan tetapi kita tahu setiap tahun atau setiap kali maksudnya.

Akan tetapi selalunya akan timbul isu petani-petani dan pesawah-pesawah tidak puas hati kerana harga padi yang rendah. Kita sebelum ini, pada bulan Jun pernah bangkitkan, ucapan penangguhan oleh Yang Berhormat Telok Intan juga telah bangkitkan.

Jadi, saya mahu tahu yang Berhormat Menteri, bagaimana Yang Berhormat Menteri akan menyelesaikan masalah ini, agar petani-petani boleh mendapat harga padi yang bukan sahaja sama di antara satu kawasan dengan kawasan yang lain? Sebelum ini kita bangkitkan adalah di kawasan **Jerijak** saya pernah berjumpa dengan petani di situ. Kita lihat isu di Sekijang, tadi Yang Berhormat Pokok Sena membandingkan perbezaan harga padi di antara Kedah dengan negeri Selangor yang lain. Jadi, isu padi ini, isu perpindahan padi dari satu kawasan ke kawasan yang lain membenarkan para petani mendapat harga yang terbaik. Harga minimum, Yang Berhormat asyik memberi alasan kita ada harga minimum. Kalau harga minimum RM750 satu tan matriks jatuh di bawah itu, BERNAS akan membelinya.

Sekarang ini, pada harga RM1,050 atau RM1,100 para petani tidak puas hati. Jadi, harga minimum ini sebenarnya dan realitinya tidak membantu Tuan Pengerusi. Pihak kementerian haruslah saya rasa menyelesaikan masalah ini sekali gus. Jangan setiap kali apabila petani protes, yang Berhormat marah. Menyalahkan wakil rakyat pula, kata pergi kawasan Yang Berhormat. Akan tetapi yang Berhormat yang menjaga isu-isu ini tidak mengambil tindakan yang proaktif untuk memastikan agar ia tidak berulang-ulang lagi. Isu harga padi yang sama bagi petani-petani warga Malaysia. Tuan Pengerusi, saya pergi ke **Jerijak**, petani kata Yang Amat Berhormat kata 1Malaysia.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** *[Bangun]*

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Akan tetapi kita di **Jerijak**, harga padi jauh lebih rendah...

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Minta penjelasan.

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Berbanding dengan di Sekijang.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Penjelasan.

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Maaf ya, saya tidak masa Yang Berhormat Pasir Salak.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Ini kerana itu tidak betul. Tuan Pengerusi, tidak betul itu.

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Jadi, saya juga ingin minta... *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Prestasi BERNAS.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Sekarang **Jerijak** masalah telah selesai masalah.

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Sebelum ini, Yang Berhormat kata akan mengkaji...

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Ahli Parlimen Pasir Salak telah selesaikan dengan Yang Berhormat Menteri.

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Akan menilai...

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Maklumat tidak betul. *Misleading*.

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Prestasi BERNAS.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Ha!

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Saya mahu tahu...

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Kenyataan *misleading*.

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Apakah kedudukannya sekarang.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Mengelirukan.

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Kerajaan ada insentif di bawah butiran yang saya bangkitkan tadi. Insentif untuk meningkatkan pengeluaran hasil padi. Saya ingin tahu, bagaimanakah pencapaian sasaran 10 tanpa, yang telah diadakan sejak Rancangan Malaysia Kesembilan ini? Itu sahaja Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih. Yang Berhormat Jempol dan selepas itu Yang Berhormat Sepanggar.

**12.26 tgh.**

**Dato' Haji Lilah Yasin [Jempol]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya juga ingin mengambil bahagian dalam membahaskan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani bermula daripada Butiran 131500 – NKRA: *Low Income Household* – Azam Tani. Saya merakamkan ucapan tahniah kepada kementerian, khususnya kepada Yang Berhormat Menteri untuk melahirkan begitu ramai sekali di kalangan rakyat termiskin dalam negara kita yang berjaya dilonjakkan pendapatan mereka melalui program ini dan program KPI Menteri.

Saya mahu bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, apa yang boleh kita lakukan untuk membantu kumpulan masyarakat yang sudah kita lonjakkan ini, yang terbahagia kepada tiga bahagian. Satu, yang telah berjaya dengan cemerlang. Kedua, dia berjaya dan ketiga, gagal. Pada yang gagal ini apa yang boleh kita buta? Bagi yang berjaya tetapi tidak dapat meneruskan projeknya kerana kekurangan ilmu, teknologi, dan sikap yang tidak dapat dibangunkan. Apakah kementerian boleh melanjutkan lagi usahanya untuk membentuk sikap yang baik?

Ini kerana pabila mereka menjual hasil mereka semua duit ini dibelanjakan. Tidak ada modal untuk membeli benih, baja, dan akhirnya projek itu tidak dapat diteruskan. Ketiga, bagi mereka yang amat berjaya. Apakah usaha kementerian boleh melonjakkan di kalangan usahawan yang telah pun kita bina ini supaya mereka lebih berjaya, dapat kita lahirkan petani dan penternak yang berpendapatan tinggi? Kedua, Yang Berhormat Tuan Pengerusi, merujuk kepada Butiran 050000 – Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI). Apakah MARDI membuat *research* berkaitan dengan cili api? Masalah cili api ini menjadi masalah yang besar kepada orang Negeri Sembilan kerana masakannya hari-hari masak lemah cili api.

Makan tomyam, tomyam cili api dan asam pedas cili api. Masakan semua berasaskan cili api. Bermakna permintaannya sangat tinggi tetapi pengeluaran cili api amat terhad kerana itu harga cili api melonjak kadangkala sehingga RM20 satu kilogram dan kadangkala waktu musim yang tidak mengizinkan, melonjak sampai RM30 satu kilogram. Apakah hasil daripada kajian yang dibuat oleh MARDI bagi membantu petani kita untuk komersialkan pertanian dalam asas memelihara atau pun menanam cili api secara komersial? Ini kerana setiap kali insentif ini kita beri kepada petani-petani melalui Majlis Pertanian Daerah, mereka gagal kerana teknologi yang kita bekalkan kepada mereka amat terhad.

■1230

Apabila berlaku serangan penyakit keseluruhan cili api akan mati dan ini biasa berlaku kepada petani kita. Apa usaha kementerian untuk mengatasi masalah ini? Kadangkala pokoknya baik buah cilinya tidak ada. Apakah baja yang sesuai untuk petani jenis ini dan kadangkala kita melihat bagaimana serangan penyakit yang berterusan dan hasilnya juga tidak berapa tinggi untuk membantu petani kita.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin melihat perkara berkaitan dengan Butiran 040000 – Perikanan. Saya hendak bertanya kepada kementerian apakah kementerian ada buat kajian berkaitan dengan usaha yang telah pun dibuat oleh petani dan penternak kita yang berjaya menternak udang dalam blok simen. Hari ini kita amat kekurangan sumber air yang boleh kita membina kolam-kolam untuk menternak udang daripada sumber air yang jernih kerana proses pembalakan yang berleluasa punca-punca air kita terhapus.

Oleh yang demikian, inisiatif telah pun dibuat oleh penternak kita untuk menternak udang di dalam kolam-kolam yang dibuat daripada simen ini telah pun menunjukkan hasil yang sangat baik. Apakah insentif yang boleh kita berikan kepada penternak kita yang sudah menghasilkan hasil yang begitu baik supaya dapat kita lonjakkan pengeluaran mereka.

Yang kedua, saya juga ingin bertanya kepada kementerian apakah usaha yang dibuat oleh kementerian bagi melonjakkan permintaan dan penggunaan ikan-ikan air tawar. Bagi membolehkan penternak kita lebih fokus dan dapat mengeluarkan ikan air tawar dengan lebih besar bilangannya. Apakah tidak mungkin kerjasama di antara kementerian Yang Berhormat boleh dijalinkan dengan kementerian-kementerian lain misalnya mewajibkan menu anak-anak kita bersekolah di asrama bahawa salah satu daripada menu wajib mesti ada ikan air tawar, di pusat Latihan Belia Negara, PLKN, universiti-universiti kerajaan. Saya percaya dengan adanya usaha ini lebih banyak permintaan air tawar akan dapat kita berikan dan sudah tentulah akan dapat mendorong petani dan juga penternak kita menghasilkan ikan dengan lebih baik.

Butiran 020000 – Pertanian. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat berapakah peruntukan untuk membangunkan jalan-jalan bagi projek-projek pertanian. Hari ini sudah timbul masalah kepada orang kampung yang mempunyai dusun-dusun buah-buahan yang tidak dapat dikeluarkan hasil-hasilnya kerana ketiadaan jalan-jalan pertanian. Apakah kementerian Yang

Berhormat ada peruntukan untuk membina jalan-jalan pertanian ini. Kalau ada boleh diselesaikan masalah dusun yang luas di Kampung Kata, di Kampung Pauh Ulu Jempol Negeri Sembilan yang tidak dapat dikeluarkan hasil buah-buahan ini kerana ketiadaan jalan pertanian. Saya nampak juga jalan-jalan pertanian sedia ada perlu kita naik taraf bagi membolehkan hasil-hasil ini dapat dikeluarkan dengan lebih baik.

Saya hendak bertanya kepada kementerian Yang Berhormat apakah hasil daripada kajian berkaitan mengatasi masalah isu lambakan buah-buahan. Hari ini Yang Berhormat masih lagi berlaku lambakan buah-buahan seperti durian dan juga rambutan. Saya yakin dan percaya mesti diperuntukkan jumlah kewangan yang besar bagi membuat R&D berkaitan dengan isu lambakan buah-buahan ini supaya dapat dihasilkan projek-projek hiliran berasaskan buah-buahan ini supaya dapat menambah lagi pendapatan petani pada masa yang akan datang.

Butiran 21900 – Projek Itik. Hari ini rakyat khususnya di Negeri Sembilan amat gemar memakan gulai telur itik masak lemak cili padi. Ini bermakna permintaan telur itik sangat tinggi. Akan tetapi pengeluaran telur itik ini amat terhad. Antara faktor yang menyebabkan pengeluarannya terhad ialah tidak minat petani dan penternak kita memelihara itik telur kerana difahamkan makanan itik ini terlalu mahal. Apakah usaha kementerian Yang Berhormat untuk mengkaji dan menghasilkan bahan-bahan makanan yang munasabah yang lebih untung supaya memberikan lonjakan kepada penternak kita memelihara itik ini dengan lebih baik pada masa yang akan datang supaya lebih banyak telur-telur itik ini dapat dikeluarkan dan juga projek-projek hiliran seperti telur asin dan sebagainya dapat memenuhi permintaan rakyat. Saya dapat melihat Ahli-ahli Parlimen makan di Parlimen ini mereka juga gemar makan telur asin.

Tuan Pengerusi, saya nampak sekarang ini ramai juga di kalangan orang Malaysia yang mula gemar makan daging itik. Saya juga bertanya kenapa tidak boleh dipelihara itik secara besar-besaran. Hal ini mereka juga memberikan alasan bahawa memelihara itik ini tidak untung kerana kosnya tinggi dan juga macam-macam lagi alasan yang dibuat.

Tuan Pengerusi, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Selepas Yang Berhormat Sepanggar, Yang Berhormat Pendang.

**12.36 tgh.**

**Datuk Eric E. Majimbun [Sepanggar]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya terus kepada Butiran 010600 – Pengairan dan Saliran Bagi Pertanian. Di mana pada ketika ini di Kota Belud kita mempunyai satu jelapang padi yang saya rasa agak mencukupi saliran untuk pengairan pada jelapang padi ini. Ingin saya mohon penjelasan di sini sama ada Empangan Tambatuon yang dahulunya telah diperuntukkan lebih kurang RM450 juta untuk pembinaan Empangan Tambatuon di Kota Belud ini masih akan dijalankan selepas kita dapati bahawa ramai penduduk di kawasan tersebut telah membantah pembinaan empangan itu kerana saya juga difahamkan dan saya sendiri telah melawat kawasan itu di mana Kampung Tambatuon ini adalah

satu kampung yang mempunyai alam sekitar yang begitu baik sekali bagi pengusaha *eco-tourism* di kawasan tersebut. Maka memang...

**Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** [*Bangun*]

**Datuk Eric E. Majimbun [Sepanggar]:** Ya.

**Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Sebut pasal Kota Belud Yang Berhormat, kawasan saya. Terima kasih Tuan Pengerusi. Soal tentang Empangan Tombatuon ini selaku wakil rakyat di kawasan ini saya rasa agak kurang tepat pandangan daripada pihak pembangkang. Saya tahu ini adalah isu yang sekarang kadang-kadang digunakan sebagai isu politik tetapi apa pun yang berlaku ialah empangan ini Tuan Pengerusi amat diperlukan kerana tidak ada gunanya kita membangunkan jelapang padi kalau tidak ada air dan ini adalah satu masalah yang cukup besar. Sebab itu saya menyanggah apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat bahawa ramai orang tidak menyokong empangan ini sebab apa yang berlaku ialah semua orang di Kota Belud tahu bahawa kita mempunyai masalah sumber air dan empangan ini adalah merupakan salah satu cara untuk menyalurkan air untuk ke kawasan padi.

Saya tidak begitu setuju dengan Yang Berhormat kerana setahu saya apa yang berlaku ialah pihak pembangkang turun ke bawah ke kampung tersebut untuk *instigate* dengan izin tanpa memberi cadangan yang berbaloi dan efektif kepada kerajaan dan saya hendak beritahu kepada Yang Berhormat kawasan kampung yang dikatakan oleh Yang Berhormat itu sebenarnya adalah kawasan penempatan yang baru.

#### ■1240

Kampung lama Kampung Timbua ini berada di atas sedikit dan tidak akan mendapat kesan daripada empangan ini dan Kampung Timbua yang baru ini untuk pengetahuan Yang Berhormat, berada di bawah. Jadi tidak begitu tepat dengan mengatakan bahawa kubur mereka akan terjejas dan sebagainya kerana ini adalah kawasan yang berada di atas, Tuan Pengerusi. Jadi saya berharap kalau ada cadangan daripada Yang Berhormat bagaimana untuk kita membangunkan Kota Belud sebagai jelapang padi, tolong bagi cadangan tetapi kalau tidak ada, saya rasa harus kita sama-sama meyakinkan rakyat betapa pentingnya empangan ini kepada *food security* negara kita. Terima kasih.

**Datuk Eric E. Majimbun [Sepanggar]:** Terima kasih Yang Berhormat Kota Belud. Memang kita alu-alukan di mana jelapang padi ini dapat kita teruskan. Maka yang sebenarnya apa yang kita dapati pada ketika ini yang sedang mereka jalankan telah pun mencukupi pengairan bagi pembangunan di sana ini tetapi sekiranya ini juga diteruskan, maka tentu sekali kerajaan memberi satu alasan yang betul-betul dapat memberi penjelasan sebenarnya mengenai pengairan bagi jelapang padi ini sama ada ia mencukupi atau tidak itu terpulanglah kepada kerajaan untuk menjelaskan.

Kedua, ia mengenai Butiran 060000 – FAMA. Pada tiga tahun yang lalu kita telah diberi maklumat mengenai satu gedung yang akan dibina di KKIP untuk menampung semua bekalan

hasil-hasil pertanian daripada kawasan-kawasan di seluruh Sabah supaya mereka adakah satu stor untuk FAMA ini untuk mengedarkan kepada pengusaha-pengusaha hasil tani.

Apa yang saya difahamkan bahawa setakat ini belum ada yang konkrit telah dilaksanakan untuk perusahaan ini. Maka saya ingin juga mohon penjelasan sama ada ini dapat diteruskan oleh kerana ini sangat-sangat perlu bagi kita untuk pengedaran hasil-hasil tani disebabkan pada ketika ini tidak guna kita melaung-laungkan kepada petani untuk menanam sama ada sayur ataupun hasil-hasil kontan tetapi kita tidak ada pemasaran. Pemasaran yang ada pada ketika ini hanya kita guna sebagai penggunaan tempatan sahaja. Maka perlu bagi kita supaya kita dapat eksport, supaya kita dapat keluarkan hasil-hasil tani daripada Sabah. Ini juga dapat memberi satu keuntungan kepada petani-petani khususnya di Sabah.

Yang selanjutnya, Butiran 090000 – Lembaga Ikan Malaysia. Ini mengenai subsidi diesel yang telah diperuntukkan kepada LKIM ini. Pada semalam kita telah dipamerkan dalam satu berita di mana tauke-tauke yang menjual diesel ini telah mengaut keuntungan daripada subsidi-subsidi ini. Maka saya ingin mendapat penjelasan apakah ini betul-betul dapat memberi satu faedah kepada perikanan ini sekiranya ini hanya memberi satu keuntungan kepada tauke-tauke yang sedia ada sekarang ini. Kerajaan telah pun memperuntukkan subsidi-subsidi tetapi malangnya ini hanya diberi kepada segelintir orang yang mengusahakan subsidi diesel ini. Ini saya rasa tidak baik bagi perusahaan perikanan oleh kerana nama buruk perikanan, yang dapat keuntungan ialah segelintir orang.

Begitu juga di Sabah, saya difahamkan bahawa banyak diesel yang telah dikeluarkan tetapi yang dapat keuntungan hanya segelintir yang mengusahakan diesel subsidi ini dan yang betul-betul sebenarnya dapat faedah yang dalam perusahaan perikanan ini tidak mempunyai faedah sebenarnya.

Yang seterusnya mengenai Butiran 100000 – Lembaga Pertubuhan Peladang. Bagi Lembaga Pertubuhan Peladang ini, saya menyarankan agar mereka dapat memberi satu perkhidmatan *extension* ataupun perkhidmatan perkembangan di mana kita dapati pada ketika ini harap mereka bagi sedikit maklumat dan bagi semua peralatan tetapi kurang memberi satu perkembangan bagaimana untuk menggunakan alat-alat tersebut dan bagaimana subsidi-subsidi kerajaan ini dapat disalurkan. Maka ini tidak dapat memberi faedah kepada peladang yang ada pada ketika ini contohnya kita ada di kawasan saya sendiri, kita mempunyai pertubuhan peladang tetapi apa yang kita dapati bahawa mereka hanya bagi alat dan tidak memberi satu perkhidmatan perkembangan bagaimana untuk mempertingkatkan tahap peladang-peladang ini di kawasan masing-masing.

Contohnya sekiranya kita dapati bahawa kawasan itu cocok dengan *ecotourism*, maka buatlah satu *extensive* ataupun buat satu kajian bagaimana ini dapat memberi peruntukan dan bagaimana perusahaan ini boleh menguntungkan kepada sesuatu kawasan itu. Tidak guna kita untuk mengajar mereka hanya menanam sayur-sayuran ataupun buah-buahan tetapi akhirnya

tidak dapat kita dapat hasil daripada pembelajaran mereka ini. Maka saya rasa sampai tahap kepada sekarang ini supaya pertubuhan peladang dan juga Lembaga Pertubuhan Peladang ini dapat memberi satu intensif perkembangan mengenai bagaimana mereka dapat menjalankan perjalanan untuk menguntungkan individual ataupun satu pertubuhan seperti Peladang ini.

Selanjutnya dalam Butiran 02400 – Pengawasan dan Pengawalan Perosak. Pada ketika ini kita dapati bahawa masih lagi mereka menggunakan kimia untuk pengawalan serangga contohnya, perosak-perosak pertanian yang awal dahulu kita dapati bahawa ada satu kajian untuk pengawalan secara *biological control* tapi ini tidak diperkembangkan. Maka itu sebab pada ketika ini kita dapati bahawa sayur-sayuran daripada Kundasang contohnya tidak dapat kita jual atau tidak dapat kita eksport ke Brunei oleh kerana tahap keracunan itu begitu tinggi sekali. Namun sekiranya kita ada satu sistem *biological control*, tentu sekali ini tidak akan memberi satu kesan keracunan dalam apa jua bahan pertanian kita.

■1250

Maka, saya rasa ini juga seharusnya diberi perkembangan dan juga beri satu kajian yang mendalam mengenai cara *biological control* ini dapat dilaksanakan. Tidak guna kita menjual bahan kimia untuk perosak kimia tetapi kita dapat kesannya. Kesannya begitu teruk, mungkin bukan sekarang tetapi yang akan datang kesannya ada kaitan dengan alam sekitar kita. Maka, ini saya rasa baik bagi kita, bagi kerajaan juga untuk memberi satu tahap di mana *biological control* ini haruslah dijalankan dengan intensif, haruslah dijalankan supaya semua bahan yang kita makan seharian ini dapat dikawal dan juga *safe* untuk di *consume* dengan izin.

Selanjutnya Butiran 10810 – Perkhidmatan Kuarantin dan Kawalan Import Eksport. Baru-baru ini di Sabah...

**Tuan Pengerusi:** Masa Yang Berhormat.

**Datuk Eric E. Majimbun [Sepanggar]:** Ya. Baru-baru ini di Sabah kita dikejutkan dengan daging ayam belanda (*turkey*) dibuang di laut oleh sebab tidak boleh dieksport. Apa sebenarnya masalah, kita pun tidak tahu oleh sebab tidak ada sebarang maklumat diberi kepada pengusaha-pengusaha ayam belanda ini. Maka, saya mohon supaya penjelasan diberi oleh sebab ini adalah satu...

**Datuk Siringan Gubat [Ranau]:** Mohon penjelasan.

**Datuk Eric E. Majimbun [Sepanggar]:** Ya.

**Datuk Siringan Gubat [Ranau]:** Saya sendiri tidak pasti sama ada ayam turki itu dibuang ke laut setakat ini. Adakah Yang Berhormat pasti yang ayam turki ini sudah dibuang ke dalam laut?

**Datuk Eric E. Majimbun [Sepanggar]:** Terima kasih. Itu telah kita dapat baca di dalam surat khabar. Maka, ini sepatutnya tidak berlaku, sama ada ia telah dibuang ke laut atau tidak tetapi yang bukti mereka tidak boleh eksport. Apa sebenarnya masalah ini? Kalau ini berlarutan, maka apa guna kita ada satu jabatan haiwan untuk veterinar untuk mengawal sekiranya ini juga

berlaku sedemikian. Juga di mana kita mempunyai undang-undang, polisi untuk eksport dan import ini. Maka, sebenarnya inilah yang berlaku dan kita tidak mahu supaya ini berulang dan kita minta penjelasan daripada menteri supaya ini dapat berjalan dengan ada kerjasama di antara kerajaan negeri dan Kerajaan Pusat. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Ramai, okey Yang Berhormat Pendang, tadi saya ada panggil Yang Berhormat Pendang untuk bercakap tetapi saya ada terima satu rayuan daripada Yang Berhormat Indera Mahkota. Sebelah tengah hari dia tidak dapat hadir kerana isterinya tidak sihat. Jadi dia bercakap pendek sahaja, nanti selepas 2.30 Yang Berhormat Pendang akan dipanggil. Sekarang saya mahu Yang Berhormat Indera Mahkota, selepas Yang Berhormat Pendang, Yang Berhormat Kinabatangan sebelah tengah hari, mesti ada.

**12.54 tgh.**

**Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, sebenarnya saya kurang daripada dua minit perkara yang hendak dibangkitkan.

**Tuan Pengerusi:** Lebih baik kalau tepat jam 1 berhenti. Jadi senang bagi saya.

**Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]:** Ya, terima kasih. Perkara yang ringkas ini berkenaan dengan MARDI. Saya hendak bangkitkan semalam tetapi dalam sesi soal jawab tidak sempat. Isunya ialah kerana melihat kepada perbelanjaan peruntukan yang diberi kepada MARDI untuk dua tahun begitu besar, ada RM323 juta. Saya hendak tahu setakat ini berapakah nilai hasil yang dikeluarkan - nilai-nilai hasil kajian ini oleh MARDI setakat dua tahun ini. Apakah faedah yang diraih oleh para petani ataupun yang terlibat dalam industri pertanian dalam negara secara langsung. Maksudnya, mungkin ada usahawan, petani ataupun peladang yang menerima secara langsung, faedah diberikan hasil kajian untuk dipraktikkan oleh mereka. Saya hendak tahu berapakah nilai hasil itu dalam bentuk kewangan atau ukuran kewangan.

Kedua, saya hendak ringkaskan iaitu berkenaan dengan isu *livestock auditing* ataupun dengan izin, cara kita mengira atau melaporkan hasil-hasil berkenaan dengan ternakan atau haiwan-haiwan hidup yang menjadi sumber makanan negara yang dikategorikan sebagai sumber makanan negara seperti lembu, kambing, biri-biri, ayam, itik dan sebagainya. Selama ini kita tengok kerajaan berbelanja RM11.3 bilion keseluruhannya daripada tahun 2007 untuk menghidupkan industri *livestock* dalam negara kita. Ada tidak selama hari ini kementerian Yang Berhormat telah mencadangkan satu kaedah, melaporkan bilangannya berapa yang sihat, berapa tidak sihat, berapa yang dilupuskan seperti ayam belanda tadi, kenapa dilupuskan? Ada satu laporan audit *livestock* seperti yang pernah diamalkan di Australia, New Zealand dan United Kingdom kerana perbandingan ini agak penting juga untuk menangani isu-isu apabila berlakunya mala petaka seperti penyakit kuku dan mulut, penyakit lembu gila dan sebagainya. Menjadi penting juga untuk dilihat dari segi statistik dan kaedah kerajaan menangani isu-isu tersebut.

Berlanjutan dengan itu, ada satu isu di mana keperluan untuk melihat kebersihan, kehalalan dan juga cara kita mengekalkan kebersihan dan kesihatan terhadap hasil-hasil *livestock* ataupun haiwan-haiwan yang disembelih untuk makanan ini.

**Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur Salleh [Kalabakan]:** [*Bangun*]

**Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]:** Satu minit.

**Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur Salleh [Kalabakan]:** Sikit-sikit, saya minta sedikit. Kehalalan ini saya memang minat Tuan Pengerusi. *So*, kita nampak di dalam negara kita, kita tahu semua ayam disembelih mengikut peraturan agama. Akan tetapi masalah kita mahu tahu daging-daging ayam yang diimport dari luar negara, beratus tan sehinggakan pasaran kita dari segi harga kita kalah. Jadi di mana kita boleh tafsirkan ia halal atau tidak?

**Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]:** Terima kasih sahabat Ahli Parlimen yang selalu membangkitkan isu halal. Saya teringat dan saya memang mengikuti perkembangan isu halal yang dibawa oleh sahabat Ahli Yang Berhormat tadi. Saya juga mencadangkan kepada kementerian supaya setakat ini kita boleh mengemukakan secara pendahuluan, secara peringkat permulaan, kaedah kita mengaudit kehalalan dan sistem penyembelihan sekurang-kurangnya.

Di United Kingdom Yang Berhormat Tuan Pengerusi, untuk mengendalikan seekor lembu disembelih itu, beberapa tapisan dibuat. Seperti pengendali itu mestilah sihat, tidak demam, suhunya mestilah 37.5 *celsius* ke bawah suhu badannya, melebihi daripada itu dianggap demam dan tidak layak untuk mengendalikan makanan ataupun haiwan-haiwan disembelih untuk makanan rakyat mereka. Ini sangat penting untuk kita mulakan kaedah ini, sekurang-kurangnya ada garis panduan peringkat permulaan yang dibawa oleh kementerian termasuklah pengendalian tentang ayam-ayam yang disembelih ini.

Jauh sekali kita hendak tengok sama ada ayam disembelih ini dari segi halalnya dapat ditentukan tanpa ada satu kaedah untuk meneliti ataupun bahasa biasanya ialah mengaudit kedudukan ini supaya rakyat kita menikmati sesuatu yang bersih, halal dan juga untuk perkembangan kesihatan mereka. Terima kasih banyak Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Sila Yang Berhormat Pendang. Sebagai ingatan, ada tiga daripada wakil pembangkang saya panggil berturut-turut iaitu daripada Yang Berhormat Sepanggar, Indera Mahkota dan Pendang. Jadi sebelah tengah hari nanti mesti tiga juga daripada Barisan Nasional akan dipanggil berturut-turut selepas Yang Berhormat Kinabatangan. Ini sebagai ingatan, sila.

**12.59 tgh.**

**Datuk Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya rasa hendak masuk sekerat-sekerat ini tidak *best* lah, tunggu 2.30 lah kita masuk semua.

**Tuan Pengerusi:** Sila berucap dulu, baru saya...

**Datuk Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, kerana memberi kesempatan kepada saya untuk membicarakan dalam peringkat Jawatankuasa ini. Hanya ada empat perkara yang ingin saya sentuh iaitu pertama berhubung dengan subsidi padi

sah ini kerana keluhan daripada petani-petani. Menteri Pertanian yang dulu mengatakan sekurang-kurangnya 80% mesti benih ini menghasilkan anak padi. Maknanya, 80% benih sah ini dapat hidup dan tumbuh tetapi apa yang menjadi keluhan petani adalah apakah pencapaian ini dapat dicapai oleh pengeluar-pengeluar benih padi ini kerana petani-petani tidak mencapai sehingga 80% seperti yang diharapkan oleh pihak kementerian kepada pengeluar-pengeluar benih padi yang sah ini.

Keduanya, berhubung dengan banyak sangat benih padi angin sekarang ini. Mereka mengatakan apakah benih-benih padi yang sumbernya diperolehi untuk dibekalkan kepada petani ini benih padi yang betul-betul sah.

**Tuan Pengerusi:** Ahli Yang Berhormat Pendang, nanti sambung semula.

**Datuk Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]:** Ha, saya dah kata dah tadi. Terima kasih Tuan Pengerusi, nanti sambung.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Majlis bersidang semula sebagai majlis Mesyuarat.

***Majlis Mesyuarat bersidang semula***

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat kita tangguhkan sehingga pukul 2.30 petang.

***Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.01 petang.***

***Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.***

***Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.***

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee) ***mempengerusikan Jawatankuasa***]

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Jemput Yang Berhormat Pendang.

**2.32 ptg.**

**Dato' Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyambung semula perbahasan dalam peringkat Jawatankuasa ini. Tadi saya menyentuh tentang benih padi sah berhubung dengan punca dari mana benih pada ini diperolehi. Juga, apa yang ingin saya ketahui adalah tentang rungutan daripada petani-petani berhubung dengan banyaknya benih padi yang diberikan hasilnya adalah tumbuh padi angin. Padi angin ini merupakan satu masalah kepada petani kerana ia akan menggunakan baja yang diberikan kepada padi biasa kerana ia cepat tumbuh, cepat masak, cepat membesar dan ia akan gugur menjadi benih padi semula pada masa akan datang. Inilah masalah yang terjadi kepada petani-petani yang berada di kawasan MADA ini.

Saya juga ingin menyuarakan kepada pihak kementerian bahawasanya ada lagi kawasan-kawasan yang di luar MADA yang berada di dalam kawasan Lembaga Pertubuhan

Peladang yang tidak mempunyai saluran yang betul untuk mengairi sawah-sawah mereka. Saya bagi contoh di tempat saya iaitu Kampung Bakar Arang. Mereka membuat saluran tetapi saluran ini lebih tinggi. Bila mana saluran lebih tinggi, air tidak dapat memasuki saluran yang dibuat. Jadi petani tidak dapat mengerjakan sawah mereka kerana tidak mempunyai bekalan air yang mencukupi. Oleh sebab itulah saya berharap kepada pihak kementerian, bukan setakat kita memerhati kepada kawasan MADA, tetapi kawasan LPP, kawasan luar MADA supaya petani-petani dapat bersama-sama dengan petani di kawasan MADA mengerjakan sawah dua kali setahun.

Begitu juga dengan projek di kawasan MADA yang hendak dilakukan estet padi ini. Soalan saya, setakat ini, selain daripada kawasan di Jelai, di manakah lagi mini estet padi ini akan dilaksanakan di kawasan MADA khususnya di negeri Kedah dan berapakah tahap pencapaian kita setakat ini? Kalau yang paling akhir saya rasa, pihak MADA mengatakan 6.8 tan. Akan tetapi adakah ini dapat dipertahankan? Setakat ini, di kawasan manakah yang memberikan hasil yang paling tinggi yang salirannya dikuasai oleh kawasan MADA ini?

Begitu juga dengan petani-petani yang diberikan peruntukan melalui MADA ini iaitu tonik padi. Tonik padi ini saya lihat bawah rumah petani ini dibuang macam itu sahaja, tidak digunakan. Mereka katakan kerajaan mengeluarkan banyak belanja untuk tonik padi, tetapi apabila digunakan, padi menjadi kuning. Awalnya sepatutnya menjadi hijau, tetapi ia jadi kuning. Kalau kuning di peringkat akhir itu okeylah sebab padi sudah masak, tetapi padi ini belum tumbuh, belum bunting lagi sudah jadi kuning. Ini merosakkan padi dan sebab itulah mereka tidak menggunakan tonik padi ini.

Seterusnya untuk MADA ini juga, saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, bagaimanakah bantuan yang akan diberikan oleh pihak MADA kepada petani-petani yang terjejas padi mereka ataupun hasil mereka akibat daripada banjir di Kedah dan di Perlis? Cara mana yang akan dilakukan dan teknik mana yang akan dibuat kepada petani-petani ini? Apakah pendaftarannya yang akan dilakukan melalui pihak MADA, pihak pertanian, ataupun melalui JKPP? Ini menjadi rungutan daripada petani-petani.

Seterusnya Butiran 02400 – Pengawasan dan Pengawalan Perosak. Satu daripada masalah utama yang terdapat di kawasan MADA ini adalah siput gondang emas. Emas ini tidak boleh digunakan Tuan Pengerusi. Kalau boleh digunakan, bolehlah jual, hasilnya tinggi. Akan tetapi siput gondang emas ini merosakkan anak-anak padi dan tidak dapat dikawal dengan bahan kimia biasa. MADA ada mengesyorkan supaya petani membela itik tetapi itik ini juga pun larat kah dia hendak makan? Banyak sangat. Oleh sebab itu saya berharap kepada pihak pertanian ini supaya mengadakan satu kaedah untuk kita hapuskan terus siput gondang emas ini. Ada suatu ketika mereka mengadakan satu pertandingan memungut siput gondang emas ini – satu kilo kalau tidak silap saya 10 sen. Ia terlalu banyak sehingga merosakkan hasil petani-

petani. Ini merupakan satu perkara yang perlu diberi perhatian yang cukup serius oleh pihak kementerian.

Kemudian Butiran 04700 – Pembangunan Industri Padi. Saya ingin menarik pihak kementerian – kalau kita melalui di kawasan Gunung Semanggol, Bagan Serai, di kiri kanan kawasan Gunung Semanggol itu kita lihat kawasan pertanian sudah dijadikan kawasan penternakan ikan kelisa. Saya ingin bertanya, apakah projek ini bertujuan untuk kita mengurangkan hasil petani khususnya petani padi ataupun kerana padi di kawasan tersebut tidak berhasil ataupun tidak memberikan mutu yang baik, maka ditenak ikan kelisa di kawasan tersebut?

Saya bimbang, sekiranya kita hendak kepada pembangunan industri padi, tetapi yang akan menjadi maju adalah industri ikan kelisa yang mungkin tidak melibatkan petani itu sendiri tetapi melibatkan tauke-tauke dari kawasan luar yang menggunakan tanah pertanian, menggunakan sawah padi. Juga pertanyaan kepada kementerian, apakah kawasan yang digunakan sebagai ternakan ikan kelisa ini diganti dengan kawasan sawah padi yang lain? Ini kerana *food security* ini saya rasa lebih penting daripada ikan kelisa itu sendiri.

Seterusnya dan mungkin yang terakhir Tuan Pengerusi, adalah Butiran 10720 – Pembangunan Industri Kambing/Bebiri. Walaupun kita tahu industri ini mungkin tidak memberikan hasil yang cukup kepada keperluan daging kambing dan juga bebiri dalam negara kita, tetapi ia perlu diberi perhatian juga oleh kementerian kerana peruntukan ini terlalu sedikit. Saya nampak sini RM900,000 sahaja. Apakah tidak boleh ditambah supaya petani-petani ini dapat melakukan kerja-kerja di samping sawah mereka, mereka juga dapat memelihara kambing ataupun bebiri. Saya rasa bebiri lebih sesuai kerana ia boleh tahan dengan hujan dan panas berbanding dengan kambing biasa. Kalau kambing biasa, kambing kacang ini, dia kena hujan dia kembang perut. Kita kena pasang api dekat dia.

#### ■1440

Akan tetapi biri-biri tidak ada masalah. Saya pernah memelihara biri-biri sampai 70, 80 ekor. Cukup senang memeliharanya. Jadi, saya harap pihak kementerian perlu memberi mungkin insentifkah atau apa-apa bantuan kepada petani dan juga pekebun untuk memelihara lebih banyak biri-biri dan juga mungkin kambing kacang biasa ini kerana ini sekurang-kurangnya akan memberi pendapatan tambahan kepada petani kita dan juga mencukupkan bekalan daging kambing dalam industri daging dalam negara kita. Itu sahaja, Tuan Pengerusi. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ingin maklumkan bahawa perbahasan ini adalah sehingga pukul 3.30 petang. Selepas itu saya akan panggil Menteri untuk menjawab. Saya jemput Yang Berhormat Kinabatangan.

**2.40 ptg.**

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin mengambil kesempatan dalam butiran pertanian, perikanan dan dasar baru. Pertama,

Datuk Menteri, cuba kita lihat ke arah bagaimana kecenderungan kita hendak melihat bahawa kita benar-benar cukup komited untuk menukar negara Malaysia ini daripada menjadi negara import kepada negara eksport. Kalau kita lihat perbandingan bahan-bahan mentah yang kita beli dan kita eksport, berbilion-bilion bezanya, sedangkan kerajaan telah memberikan penekanan bahawa pertanian, perikanan, industri ini selaku enjin ketiga yang menjadi nadi tonggak utama ekonomi negara.

Apakah tidak kementerian berhasrat melihat bagaimana kawasan mengikut negeri-negeri, mungkin Sabah dan Sarawak, kita boleh jadikan sebagai satu kawasan di mana kawasan ini banyak sangat tanah terbiar. Kerajaan Persekutuan berbincang dengan kerajaan negeri, ke arah bagaimana kita boleh membentuk tanah-tanah yang terbiar ini dijadikan sebagai satu kawasan yang dipanggil penanaman kekal, bukan hanya satu, dua, tetapi boleh menjayakan program seperti yang dirancang oleh kerajaan.

Saya cukup hairan bagaimana Taiwan boleh menjadi pengeksport buah durian di Amerika, sedangkan di negara kita durian berlambak-lambak. Tidak pula dapat kita jadikan sebagai satu proses *downstream* ke arah bagaimana untuk membekalkan keperluan di negara-negara luar. Apa pula program kita untuk mempertingkatkan kualiti petani, penternak, nelayan tradisional kita ini ditukar kepada petani yang profesional, yang boleh mendatangkan manfaat. Di Sabah saya nampak ada. Satu orang mesti ada sepuluh ekar hingga 15 ekar.

Jadi, saya memang bersetuju tetapi cuba kita lihat peruntukan RM900 ribu untuk membekal kambing ini. Ini bukan satu peruntukan yang saya rasa ada komitmen. Macam peruntukan yang endah tidak endah. Kalau ada peruntukan yang lebih, setiap petani yang ada tanah 15 ekar, kemudian kita bekalkan mereka kandang, bekalkan mereka bahan dan sebagainya, maka bolehlah kita mempertingkatkan hasil kualiti pendapatan mereka dan bolehlah kita mengeluarkan mereka daripada kategori rakyat termiskin. Akan tetapi, kita boleh bercakap, tetapi perancangan yang terus, *direct* kepada mereka kurang.

Di Sabah, saya rasa kami cukup rugi disebabkan di sana pun kita ada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Jadi, sini pun ada. Di Semenanjung dapatlah, tetapi kami di Sabah dapat sedikit. Jadi, saya betul-betul ingin melihat ke arah bagaimana dua kementerian ini boleh melihat dalam satu pandangan sudut yang jauh ke arah bagaimana lebih memantapkan lagi, memanfaatkan lagi tanah-tanah yang terbiar ini agar dapat diurus dan petani dan penternak di sana juga mendapat imbuhan, mendapat apa yang diperolehi daripada petani-petani di sini. Di sana kasihan, kais pagi makan pagi. Seolah-olah mereka terbiar. Jadi, siapa yang perlu disalahkan. Kerajaan negeri kah, Kerajaan Persekutuan kah atau ketidakmampuan kita mengurus sumber yang ada untuk memastikan bahawa mereka juga mendapat manfaat daripada peruntukan yang diberikan oleh kerajaan.

Saya ingin menyentuh tentang dasar perikanan. Saya mencadangkan pihak menteri supaya mengkaji dasar-dasar akta yang ada bagi perikanan sebab akta ini saya rasa sudah

berpuluh-puluh tahun tidak dilihat bagaimana Akta Perikanan itu kita serahkan kepada pihak maritim, kepada pihak marin dan suka-suka pula pihak maritim ini menangkap para nelayan yang dilihat melanggar Akta Perikanan itu. Kalau dia ditangkap betul-betul, tidak apa, tetapi rasuah terlampau banyak.

Baru-baru ini dia ditangkap sebab dia kata tidak bawa lesen. Pihak pemilik cakap, "*Okey, saya bawa lesen.*" Dia kata, "*Tidak boleh. Kita lepas tetapi bagi RM3,000.*" Jadi akta ini memberi ruang kepada penguat kuasa untuk rasuah. Bukan satu, berpuluh, beratus mengadu kepada saya, mereka diugut diminta duit. Jadi, tidak bolehkah kita ubah akta ini. Kalau dahulu mungkin satu kilometer dari pantai, kita beri *drag* jauh-jauh sedikitlah, sebab mana ada lagi ikan kalau satu kilometer dari pantai. Mana ada lagi? Jadi mana ada lagi udang.

Nelayan-nelayan kecil ini perahunya kecil, bukan perahu besar. Sudahlah perahu kecil, diperas ugut, minta rasuah, ditangkap dan sebagainya. Kalau tidak dibagi, dia *proceed* pergi perikanan sebagai Akta Perikanan dipakai, yang disalahkan, wakil rakyat, yang disalahkan, kerajaan, yang bikin hal, penguat kuasa. Jadi, tidak bolehlah kita biar berterusan peristiwa yang sebegini. Berpuluh-puluh, hari-hari dia menangkap orang. Seharusnya maritim ini jaga perairan, dia jaga 'mundo', dia jaga lanun, yang dia jaganya nelayan kecil-kecilan hari-hari. Ini kerana itu ada *income* dia, ada hasil dia.

Jadi, kuasa menangkap pada dia daripada perikanan, diturunkan kepada penguat kuasa. Dia pula sudah ada kuasa, inilah yang masalah. Dia penguat kuasa, kita bagi kuasa, dia salah guna kuasa. Dia salah guna kuasa, orang salahkan kita pula. Jadi, cubalah pihak menteri, kalau boleh bawalah, panggil pakar-pakar undang-undang di kementerian, bincang macam mana kita hendak menyelesaikan masalah ini secara menyeluruh sebab keadaan seperti ini bukan dikira kawasan saya sahaja, berlaku di mana-mana. Mungkin di kawasan menteri sendiri, mungkin di kawasan Timbalan Speaker kita berlaku.

Jadi, kalau kita biarkan berterusan, akhirnya kerajaan ini tidak boleh menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh para nelayan. Mereka mencari rezeki di laut. Belum tentu ada. Akan tetapi denda sudah tentu memang ada setiap bulan dia kena. Bagaimana pendapatan baru RM400, RM500, bayar kompaun RM300? Ini menampakkan kita tidak ada kecekapan dalam mengendalikan soal-soal perundangan yang kita biar, yang kita lihat, sedangkan Dewan ini masih banyak ruang untuk kita berbincang bagaimana untuk memperbetulkan undang-undang yang lapuk ini supaya tidak ada mereka yang terperangkap di tengah-tengah undang-undang yang kita buat ini sebab zaman sudah berubah, keadaan pun sudah berubah, permukaan laut pun sudah berubah, hakisan pantai sudah berubah, tetapi undang-undang tidak juga berubah.

Jadi, inilah yang menjadi mangsa adalah nelayan. Mereka bukan ada kapal besar hendak pergi laut seperti menangkap ikan laut dalam. Kalau ada, tidak apa. Mereka bergantung hidup di situ, sara hidup mereka, tetapi penguat kuasa pula bagi penekanan kesengsaraan kepada mereka. Bagaimana kita, kerajaan membela? Rakyat didahulukan, pencapaian

diutamakan – mana ada pencapaian kalau begini? Pencapaiannya dikira berapa orang ditangkap. Itu pencapaiannya.

Jadi, ini saya rasa harus kita ambil sebagai satu landasan untuk memperbetulkan masalah-masalah dan kesilapan-kesilapan yang kita hadapi. Kalau tidak, akhirnya rakyat suku kaum, kelompok, puak nelayan ini akan terus ditindas dan mereka tidak ada hala tuju mahu ke mana. Kalau betul-betul diproses undang-undang ini mengikut apa yang ada, tidak apa tetapi tangkap, rasuah, tangkap, rasuah, tidak pernah berhenti.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, habiskan, Yang Berhormat.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Jadi, saya berhenti di sini, Tuan Pengerusi. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Lenggong.

#### ■1450

**Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]:** Tuan Pengerusi, saya hendak menyentuh Butiran 010500 – Majlis Latihan Pertanian Kebangsaan (NATC). Yang Berhormat Menteri, selain daripada institut pengajian tinggi dan Majlis Latihan Pertanian Kebangsaan, saya lihat hampir tidak ada syarikat swasta yang sudi untuk melabur dan menawarkan latihan kemahiran kepada rakyat dalam negara ini khususnya dalam bidang pertanian.

Saya khuatir sebab usaha kita untuk melahirkan modal insan bagi kita mempercepatkan dan meningkatkan kualiti hasil industri pertanian dalam negara ini tidak dapat kita lakukan dengan sepenuhnya, jika kita menghadapi masalah tidak banyak institusi yang sanggup melabur melahirkan modal insan yang berkualiti dalam bidang pertanian.

Oleh sebab itu, saya ingin bertanya pada pihak kementerian apakah usaha-usaha yang dibuat oleh pihak kementerian untuk memperbanyakkan institusi swasta ini supaya mereka berkecimpung dalam usaha untuk melahirkan modal insan yang saya maksudkan.

Apakah juga usaha yang dibuat oleh kementerian untuk menaik taraf institusi pertanian, institut pertanian yang sedia ada hari ini, yang kita lihat bukan tidak ke hadapan tetapi nampaknya kurang menonjol. Selain daripada itu, kita boleh ambil contoh kalau yang dibuat oleh Institut Skill-Tech misalnya yang ada di Durian Tunggal, Melaka.

Nampaknya institusi ini yang diusahakan oleh swasta ini mampu untuk melahirkan tenaga mahir dalam bidang ini. Kalau kita perbanyakkan institusi-institusi seumpama ini saya percaya ia dapat membantu kerajaan dan memperbanyakkan usaha kita melahirkan petani-petani di semua peringkat yang mempunyai kemahiran. Tidaklah mereka ini hanya bercucuk tanam hanya kerana untuk menanam. Kemahiran tidak ada, ilmu tidak ada dan sebagainya.

Akan tetapi, jika perbanyakkan institusi seumpama ini, saya percaya ia mampu untuk mencapai matlamat terutama sekali usaha kerajaan untuk memperkasakan sektor pertanian. Sebab itu jugalah saya harap kita membantu banyak pihak yang sedang berusaha gigih bagi usaha untuk melahirkan modal insan sebagaimana yang dihasratkan oleh kerajaan.

Selain itu, saya ingin menyentuh 04000 – Pembangunan Mempelbagaikan Pertanian. Sejauh manakah kejayaan kerajaan memperkenalkan konsep ladang integrasi ini yang menggabungkan tanaman, makanan, akuakultur dan juga agro pertanian. Saya lihat bahawa program ini amat baik dan jika kita laksanakannya secara tersusun, tentu ia dapat membantu terutama sekali kita dapat mempergiatkan usaha untuk menjayakan Projek Agro Pelancongan.

Saya ingin menyentuh misalnya di Perak. Di Perak ada enam kawasan TKPM ini Tapak Kekal Pengeluaran Makanan yang menggabungkan semua tanaman makanan, akuakultur dan juga agro pelancongan ini. Sebab itu saya mohon supaya Yang Berhormat Menteri memberi jawapan di sini, apakah usaha yang sudah dibuat? Setakat mana komitmen kerajaan terutama sekali untuk membangunkan Projek TKPM di kawasan saya, iaitu di Lenggong yang Yang Berhormat Menteri sebut seluas 10,000 ekar.

Selain daripada itu Butiran 10730 – Pembangunan Industri Tenuku. Saya difahamkan bahawa Industri Tenuku Tempatan ini menghadapi masalah dari segi bekalan, harga dan juga kotak import. Secara dasarnya, industri ini telah berjaya melahirkan ramai usahawan yang boleh menampung keperluan susu negara. Walau bagaimanapun, saya juga difahamkan, saya tidak tahu sama ada betul atau tidak tetapi mohon penjelasan Yang Berhormat Menteri, ia mendapat kekangan untuk dipasarkan akibat masalah tertentu.

Antara masalahnya ialah ada syarikat tenuku tempatan yang sebelum ini dilaporkan terpaksa melupuskan lebih kurang 16,500 liter susu-susu segar misalnya berikutan gagal menjualnya kepada pengilang dan sebelum itu turut melupuskan lebih daripada 75,000 liter susu segar kerana masalah yang sama. Apakah perkara ini benar atau tidak, saya mohon penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri.

Ini mungkin disebabkan oleh pengilang enggan menerima susu segar tempatan kerana mungkin harganya lebih mahal kalau kita bandingkan dengan susu import daripada Australia atau New Zealand. Mungkin kualitinya juga menjadi isu dalam soal ini. Sebab itu, apakah langkah-langkah yang kementerian lakukan dalam usaha kita untuk mengatasi masalah ini.

Saya juga memohon penjelasan daripada kementerian berapakah jumlah terkini pengilang produk susu di negara ini termasuk syarikat multinasional dan pengusaha-pengusaha kecil atau sederhana. Jika tidak dapat memberi jawapan secara lisan, mungkin Yang Berhormat Menteri boleh maklumkan kepada saya secara bertulis.

Kemudian, dalam masalah ini juga saya ingin mendapatkan penjelasan dari Yang Berhormat Menteri, berapakah jumlah pengeluaran susu tempatan setakat ini khususnya tahun ini? Berapakah yang digunakan di pasaran tempatan yang berasaskan daripada susu daripada hasil tempatan.

Selain daripada itu, perkara 030000 – Perkhidmatan Veterinar. Saya percaya bahawa usaha kerajaan untuk menghasilkan produk-produk yang berasaskan ternakan dalam negara ini sedang dijalankan secara giat oleh kementerian melalui usaha-usaha yang sedang dibuat kini

dan juga perancangan yang akan datang. Cuma, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri berkaitan dengan industri hiliran. Kita tidak hanya mahu menjual daging-daging mentah tetapi juga berasaskan industri hiliran. Apakah usaha yang dibuat oleh kementerian dalam aspek ini untuk memperbanyakkan produk-produk yang berasaskan industri hiliran.

Saya juga ingin mengambil kesempatan misalnya di kawasan saya terdapat 16 kawasan Padang Ragut yang sedang diusahakan oleh pihak kementerian. Sebab itu, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri kerana begitu banyak usaha untuk membangunkan kawasan saya termasuk sedang membangunkan enam daripada 16 kawasan ini. Sehingga ini, kita berjaya mengeluarkan lebih kurang 3,000 ekor rusa *belt* dan jika ia dibangunkan, keseluruhan 16 kawasan ini kita boleh mengeluarkan ternakan rusa *belt* sehingga 12,000 ekor dan boleh mencetuskan punca pendapatan tambahan kepada pengusaha dan juga menjadikan kawasan Lenggong ini sebagai pusat pengeluaran rusa *belt* yang terkenal dalam negara ini.

Oleh sebab itu, saya mohon kepada Yang Berhormat Menteri apakah langkah yang sedang dibuat oleh pihak kementerian dalam projek ini. Ini juga termasuk dalam Projek Lenggong Agro Valley yang sedang kita usahakan. Kerana itu juga, berkaitan perkara yang sama, saya mohon apakah ada dalam rancangan kementerian untuk mewujudkan pusat pemprosesan hasil daging. Kita bukan hendak pasarkan secara mentah, tetapi daging itu diproses dan kita hasilkan bahan-bahan dalam industri hiliran. Sebab itu, apakah ada perancangan kalau boleh dibuat pusat pemprosesan industri daging bagi kita tingkatkan kualiti dan tambah nilai kepada industri ini.

Selain daripada itu Perkara 040000 – Perikanan. Menyentuh 040400 dan 040500 – Pengembangan dan Didikan dan juga Penyelidikan. Dalam perkara ini, berkaitan dengan industri perikanan kita juga berharap supaya usaha-usaha yang lebih gigih dilakukan selain daripada apa yang telah pun diusahakan oleh kerajaan pada hari ini. Sebab itu saya ucapkan terima kasih juga apabila pusat pemprosesan industri perikanan di kawasan saya di Lenggong telah pun mula beroperasi sekarang.

Akan tetapi, adakah ada perancangan juga untuk menjadikan pusat ini bukan hanya untuk melahirkan usahawan, tetapi juga menjadikan pusat untuk melatih pengusaha-pengusaha ataupun pihak-pihak yang terlibat dalam industri ini dan dijadikan kawasan tersebut sebagai pusat latihan supaya ia dapat dikembangkan lagi untuk masa-masa yang akan datang, dan seterusnya memberi kebaikan kepada kita terutama sekali menambahkan jumlah pengeluaran hasil makanan berasaskan industri perikanan.

#### ■1500

Daripada itu juga, berkaitan dengan Zon Industri Akuakultur (ZIA) yang banyak diusahakan oleh kerajaan di banyak tempat. Saya juga memohon supaya pihak kementerian memberi penekanan untuk menjadikan – sekarang ini saya mengucapkan terima kasih kepada kementerian kerana telah menjadikan Tasik Kenering itu satu daripada ZIA.

Saya mohon di Tasik Raban dan juga di Ganda Temenggor, ini dua kawasan lagi yang memang berpotensi untuk dijadikan kawasan ZIA dan saya percaya ia akan menambahkan lagi pusat-pusat ternakan...

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Habiskan Yang Berhormat.

**Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]:** Perikanan yang boleh membantu bagi menghasilkan dan memperbanyakkan hasil berasaskan perikanan. Jadi saya ucapkan terima kasih dan saya berharap mendapat jawapan daripada Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Labuan.

### 3.01 ptg.

**Datuk Haji Yusof Haji Mahal [Labuan]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Dua isu sahaja Tuan Pengerusi iaitu Butiran 22500 – Projek Lembu Pedaging.

Bercakap mengenai industri produk hasil tani negara, ingin saya lontarkan sedikit persoalan berapakah kadar penghasilan sendiri atau *self-sufficient rate* dengan izin, negara terhadap produk berasaskan daging? Juga apakah program-program dan usaha berterusan kementerian bagi mengurangkan kebergantungan negara terhadap produk daging luar?

Menurut statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Haiwan dan Ternakan Negeri Sabah menjelang tahun 2004, pasaran daging import bagi Sabah dan Labuan mencatatkan peningkatan iaitu sebanyak 7% ke 12% setahun, dengan nilai daging import pada tahun 2004 adalah sebanyak RM215 juta. Pada tahun 2006, jumlah import daging Sabah dan Labuan adalah sebanyak 23 juta kilogram setahun, dengan purata 63,000 atau 63 tan per hari. Anggaran ini cukup banyak dengan import adalah sebanyak lebih kurang RM260 juta.

Manakala pada tahun 2008, jumlah daging import ke Sabah dan juga Labuan dicatatkan meningkat sebanyak 15.2% iaitu sebanyak 26,000,500 kilogram setahun dengan purata 72,600 kilogram ataupun 72.6 tan per hari iaitu kira-kira 220 ekor, dengan jumlah penyembelihan tahunan sebanyak 80,303 ekor.

Anggaran nilai import terhadap produk daging pada tahun 2008 adalah sebanyak RM310 juta. Saya percaya peningkatan kadar import ini akan terus meningkat dan menjejaskan kepada kita, bahawa negara kita masih gagal dalam menangani isu-isu kebergantungan bahan makanan import lebih-lebih lagi di dalam industri daging. Sedikit yang menggelikan hati kita adalah di hujung statistik berkenaan tertulis nota kecil 'tidak ada pengeksportan'.

Tuan Pengerusi, merujuk kepada Konvensyen *Improving Beef Production in Malaysia* oleh MARDI pada tahun 2008, *self-sufficient rate* dengan izin, negara adalah pada kadar serendah 25.88% iaitu baki sebanyak 74.12% atau sebanyak 107,000,400 metrik tan dengan nilai daging berjumlah sebanyak RM438.58 juta adalah diimport daripada luar negara. Ini menunjukkan bahawa industri daging negara didominasi sepenuhnya oleh produk-produk daging import. Apakah *target* atau peratusan penghasilan daging sendiri negara oleh kementerian pada dua tahun kebelakangan ini? Adakah kita dapat mencapai kehendak kita sendiri? Juga jelas

usaha gijih Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani bagi memberikan peluang kepada *beef industry players* dengan izin, seperti penternak, pengeluar dan juga penjual produk daging tempatan agar tidak mati dimamah oleh syarikat-syarikat pengimport mega daging di luar, yang kini mendominasi pasaran-pasaran semasa di dalam negara.

Baru-baru ini saya juga terkejut dengan *info* usaha sama di antara Allana Beef dari India dengan kumpulan FELDA melalui anak syarikat FELDA iaitu Farm Products Sdn. Bhd. Saya tidak nampak *relevant* terhadap usaha sama tersebut. Kita menuntut penjelasan apakah mekanisme usaha sama yang bakal dijalankan? Berapakah peratus pegangan ekuiti yang dipersetujui selepas suntikan modal oleh syarikat pengeluar mega produk daging dari India ini? Adakah juga anak syarikat GLC ini akan dikuasai sepenuhnya oleh syarikat Allana Beef di masa yang akan datang? Ini kerana kalau kita lihat FELDA pada asalnya dilihat amat serius dengan program Gedung Makanan Negara (GMN) yang dilancarkan pada tahun 2009.

Namun di satu sudut yang lain membenarkan sebuah syarikat multi bilion dan pengeksport daging terbesar dari India ini menguasai anak syarikat GLC. Kita melalui syarikat usaha sama yang saya percaya secara langsung menghancurkan *beef industry players* kita seperti penternak, pengeluar dan juga penjual daging tempatan dalam industri tersebut sekali gus memberikan peluang kepada Allana Beef memonopoli industri daging negara.

Sukacita juga saya ingin mengaitkan dengan membentangkan Bajet 2011 yang lalu oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, di mana kerajaan ada memberikan lanjutan tempoh permohonan galakan pengeluaran bahan makanan. Di antara galakan yang diberikan adalah syarikat yang melabur dalam syarikat subsidiarinya yang menjalankan aktiviti-aktiviti pengeluaran makanan diberikan potongan cukai bersama dengan jumlah pelaburan yang dibuat dalam syarikat subsidiari tersebut. Syarikat subsidiari yang menjalankan aktiviti pengeluaran makanan diberikan pengecualian cukai pendapatan 100%, ke atas pendapatan selama sepuluh tahun taksiran bagi projek baru atau lima tahun taksiran bagi projek pembesaran.

Kerajaan juga memberikan galakan beberapa syarikat seperti pemilikan ekuiti oleh syarikat pelabur, sekurang-kurangnya 70% dalam syarikat industri yang menjalankan aktiviti pengeluaran bahan makanan tersebut. Aktiviti pengeluaran makanan yang layak adalah seperti diluluskan oleh kerajaan Kementerian Kewangan iaitu penanaman kenaf, sayur-sayuran, buah-buahan, herba rempah, akuakultur, penternakan lembu, kambing, biri-biri ataupun perikanan di laut dalam.

Projek pengeluaran makanan hendaklah dilaksanakan dalam tempoh setahun ataupun dari tarikh galakan diluluskan. Pertanyaan saya adalah kenapakah walaupun dengan pelbagai insentif dan galakan yang diberikan oleh kerajaan, industri daging negara tetap lumpuh dan masih berada di takuk yang lama? Tidak boleh kita selidiki kejayaannya. Dengan negara jiran seperti Indonesia dan juga Thailand ataupun mungkin sudah tiba waktunya untuk kita bertegas mengurangkan kadar import daging dari luar secara besar-besaran.

Kalau kita lihat Tuan Pengerusi, Indonesia sendiri tidak akan mengimport daging beku daripada India ataupun dari mana-mana negara. Mereka sendiri telah pun mengeluarkan dan juga merancang untuk memperbanyakkan industri penternakan lembu, terutamanya lembu untuk daging di negara mereka sendiri supaya mereka dapat menikmati apa jua hasil yang ada di dalam negara untuk rakyatnya sendiri. Bukannya dimonopoli ataupun dikuasai oleh negara-negara dari luar Malaysia.

Tuan Pengerusi, keduanya dalam Butiran 040200 – Pengurusan dan Perlindungan Sumber iaitu perikanan dan yang kedua penyelidikan. Apabila kita lihat tentang pengurusan dan juga perlindungan sumber ikan di laut, kelihatannya kementerian daripada yang dilaksanakan oleh Jabatan Perikanan kurang agresif dalam pengurusan dan perlindungan sumber. Seperti mana yang kita lihat pada hari ini, masih berlaku terutamanya di Labuan mahupun di negeri Sabah iaitu mereka yang menggunakan bom untuk menangkap ikan.

Pengeboman ini secara tidak langsung akan merosakkan *coral* yang ada di laut, sehinggakan ikan-ikan kecil juga musnah begitu sahaja. Jadi apakah langkah-langkah kerajaan untuk menghalang perkara tersebut? Diharapkan agensi-agensi penguasa seperti perikanan, maritim dan lain-lain dapat membendung mereka-mereka yang selalu menggunakan bom untuk menangkap ikan tersebut. Itu sahaja Tuan Pengerusi, semoga kerajaan ataupun kementerian dapat melihat dan memantau apa jua kegiatan yang kurang sihat tersebut. Sekian, terima kasih.

■1510

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Sungai Siput.

3.00 ptg.

**Dr. M. Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. B.21, Butiran 010100. Ini berkenaan dengan subsidi untuk pekebun-pekebun kecil sayur. Saya menerima aduan bahawa sepanjang setahun yang lalu ini, pekebun kecil di Sungai Siput tidak dapat sebarang subsidi. Biasanya mereka mendapat RM78 satu tan. Akan tetapi untuk 12 bulan yang lalu ini mereka tidak dapat. Jadi saya mahu tahu adakah ini satu *any postponement* atau tangguhan ataupun adakah kemudahan ini dibatalkan? Begitu juga sama juga subsidi untuk penternak ayam. Dahulu mereka mendapat 70 sen satu kilogram tetapi mereka pun selama satu tahun tidak mendapat apa-apa.

Jadi, saya ingin bertanya berapakah jumlah subsidi setahun untuk kedua-dua *word* ini iaitu untuk pekebun sayuran dan juga untuk penternak ayam untuk tahun sebelum ia dipotong dan adakah ini hanya ditangguhkan ataupun dibatalkan? Saya ingin mengesyorkan agar subsidi diteruskan kerana ini akan menggalakkan penternak dan juga akan mengawal kenaikan harga barang makanan. Ini akan membantu orang awam. Jadi saya rasa ini harus disambung balik.

Satu lagi isu saya hendak timbulkan di sini ialah di bawah P.21, Butiran 020200 – Projek Pembangunan Komoditi Tanaman. Saya ingin bertanya, apakah *master plan* untuk meningkatkan pengeluaran sayur-sayuran? Pada masa ini, lebih daripada 80% sayur-sayuran Malaysia dikeluarkan oleh pekebun kecil Cina dan kebanyakan mereka tidak memiliki tanah mereka. Ada

di antara mereka yang mempunyai TOL dan mereka kena memperbaharui TOL ini setiap tahun. Lebih ramai disifatkan sebagai setinggian walaupun mereka telah pakai tanah itu selama beberapa dekad di mana mungkin keluarga dia mula dahulu. Bapa dia, datuk dia, sekarang mereka terus usahakan tanah itu tetapi mereka masih disifatkan sebagai setinggian.

Mereka ini menghadapi banyak masalah kerana dengan pembangunan negara, pembangunan bandar. Kawasan-kawasan yang mereka pakai sedang diambil alih untuk perumahan ataupun sebagai kawasan perindustrian dan mereka ini dihalau. Akan tetapi pada masa yang sama kita perlu meningkatkan pengeluaran sayur-sayuran di Malaysia. Pada tahun-tahun yang lalu saya ingat iaitu tahun 2009 Malaysia mengimport 2.3 bilion sayur-sayuran. Jadi, apakah *master plan* untuk meningkatkan produksi sayur-sayuran di Malaysia? Nampaknya ada dua kaedahnya. Apa yang saya tengok di dalam pengumuman di surat khabar ialah pertanian korporat digalakkan.

Akan tetapi isunya ialah untuk membangunkan. Bukankah lebih baik jika mengekalkan pekebun-pekebun kecil dan meningkatkan lagi produksi mereka? Memberi mereka *security* tanah dengan memberi mereka *list* yang panjang. Ini akan membawa beberapa kelebihan kepada negara. Pertamanya ialah apabila sayur-sayuran dikeluarkan oleh pekebun-pekebun kecil, pengagihan pendapatan daripada pertanian lebih sama rata. *It goes to small producers*. Apabila ia dikontrol oleh korporat-korporat besar, semua keuntungan pergi kepada satu atau dua pihak sahaja.

Keduanya, ialah kaedah kita memakai pekebun-pekebun kecil untuk mengeluarkan sayur-sayuran. Ini akan menjana ekonomi pendapatan kerana pekebun-pekebun kecil ini berada di kawasan-kawasan mereka dan mereka akan meningkatkan pasaran di kawasan itu. Apabila satu korporat besar mengambil alih sektor pertanian, semua kekayaan dan keuntungan pergi ke bandar-bandar besar dan pasaran tempatan di kawasan-kawasan kecil ini akan rendah lagi. Selain itu juga daripada isu biodiversiti daripada mempelbagaikan stok genetik kita di sektor pertanian. Apabila kita ada ramai pekebun kecil, ini akan *encourage* atau menggalakkan biodiversiti.

Jadi daripada semua aspek ini, kaedah mengekalkan pekebun kecil, meningkatkan produksi mereka, memberikan mereka *security* dalam tanah adalah cara yang lebih baik. Jadi saya mahu bertanya kepada Yang Berhormat Menteri Pertanian, apakah kaedah kita untuk meningkatkan pertanian?

*Last* sekali saya hendak pergi kepada P.21, Butiran 10710 - Pembangunan Industri Lembu/Kerbau Pedaging. Pada masa ini penternakan lembu di mana ramai daripada mereka tidak ada tanah. Tidak ada padang ragut untuk lembunya. Sama seperti pekebun sayur, pembangunan bandar sedang menyekat kawasan untuk penternak-penternak lembu. Jadi, apakah *master plan* untuk penternakan lembu? Pada masa ini, kita katakan macam daging lembu, tahap sara diri di Malaysia hanyalah 27%. Kita telah import pada tahun lalu kosnya

hampir RM1 bilion. Jadi dari *point-point* yang saya telah kemukakan berkenaan dengan kaedah kita pakai bagi penternak kecil jika kita bandingkan dengan guna sistem korporat adalah sama dengan pekebunlah. Jadi saya mahu tanya Yang Berhormat Menteri, apakah *master plan* kita untuk membangunkan sektor ini? Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Ranau.

**3.16 ptg.**

**Datuk Siringan Gubat [Ranau]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya merujuk Butiran 10400 - Industri Padi dan Beras di bawah Butiran 010300 - Pembangunan yang objektifnya ialah memastikan pengeluaran beras dalam negara memenuhi sasaran sekurang-kurangnya 86% tahap sara diri ataupun SSL. Ia juga untuk memastikan bekalan padi dan beras mencukupi dan juga bagi menggubal dan menyelaras pelaksanaan dasar industri padi dan beras negara.

Tuan Pengerusi, saya masih teringat jika saya tidak salahlah. Kalau salah dan tidak betul, saya mohon diperbetulkan. Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani yang lalu ini iaitu bukan Yang Berhormat Menteri yang sekaranglah, dalam menyatakan melalui Dewan yang mulia ini, kepada suatu masa yang lepas bahawa terdapat penanaman padi bukit di Afrika yang boleh menghasilkan lebih kurang enam tan padi sehektar. Bolehkah kementerian menyatakan ataupun memberitahu nama negara yang dimaksudkan kerana saya sudah lupa mungkin Yang Berhormat Menteri yang berkenaan pun tidak ada menyentuh apa nama negara di benua Afrika. Jika boleh, mohon Yang Berhormat Menteri menjelaskan lebih lanjut lagi tentang penanaman padi bukit tersebut.

Tuan Pengerusi, sehubungan dengan perkara ini saya mencadangkan kepada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani untuk mengadakan R&D melalui *pilot project* dengan izin iaitu penanaman padi bukit yang menggunakan teknologi tinggi dan berinovasi di kawasan saya Ranau. Sebagai makluman Dewan yang mulia ini, terdapat penanaman padi bukit yang betul-betul serius daripada kementerian yang merupakan cara penanaman yang boleh digunakan oleh penanam-penanam padi bukit terutama sekali di luar bandar.

Setakat hari ini, penanaman padi bukit di Sabah hanya diberi bantuan baja dan juga racun perosak. Maka sehingga hari ini penanaman padi bukit masih lagi menggunakan penanaman cara tradisional. Di kawasan saya sendiri pula Tuan Pengerusi, lebih kurang 80% masih mengamalkan penanaman padi bukit terutama penduduk yang tinggal di luar bandar.

■1520

Cadangan ini Tuan Pengerusi ialah bukan hanya mempertingkatkan hasil dan pengeluaran padi bukit tetapi juga membantu penanam padi bukit daripada cara penanaman padi tradisional kepada cara penanaman moden. Ini juga mungkin boleh mengurangkan penanaman padi bukit ke atas tanah berpindah-pindah atau *sitting cultivation* dengan izin yang dapat menggunakan kawasan tanah yang sama seperti penanaman padi sawah yang menggunakan pengairan dan penggunaan alat-alat moden yang sesuai.

Tuan Pengerusi, saya juga yakin dan percaya bahawa projek penanaman padi bukit dengan menggunakan teknologi moden kerana di kawasan luar bandar banyak sungai-sungai, anak-anak sungai di lereng-lereng bukit ataupun di keseluruhan kawasan luar bandar untuk pengairan menggunakan mungkin paip terutama sekali paip besi yang kalau sudah masa menanam padi atau musim *clearing* tanaman padi bukit ini dibakar pun tidak terbakar.

Juga saya tidak melihat masalah misalnya apabila penuaian benih padi ini walaupun bukan tanah yang rata walaupun ia mungkin suram sedikit tetapi jentera-jentera kita yang ada pada hari ini seperti *truck*, ia juga boleh naik ke kawasan curam untuk memetik ataupun menuai benih-benih padi. Juga termasuklah alat-alat ataupun jentera-jentera yang lain yang boleh digunakan untuk penanaman padi bukit.

Perkara kedua yang saya ingin sentuh di sini Tuan Pengerusi ialah di bawah butiran 10300 iaitu pembangunan. Di kawasan saya, saya telah menerima banyak permohonan tentang pembinaan dan juga pembaikan jalan-jalan kebun ataupun ladang terutama sekali pekebun-pekebun kecil kelapa sawit, getah, koko dan juga penanaman sayur tinggi dan juga kebun-kebun buah-buahan.

Penting sekali saya merayu supaya kementerian sekurang-kurangnya memperuntukkan dana terutama sekali pembaikan ataupun *upgrading* jalan-jalan ke kawasan-kawasan pertanian kerana inilah satu-satunya cara kerajaan untuk membantu petani-petani, penanam-penanam getah berkelompok, penanam-penanam getah perseorangan ataupun pekebun-pekebun kecil ini juga penanam kelapa sawit dan di kawasan saya banyak sudah yang menanam koko tetapi keadaan jalan raya ke kawasan-kawasan pertanian ini adalah merupakan jalan yang payah dilalui terutama sekali bukan kenderaan pacuan empat roda.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, gulung Yang Berhormat.

**Datuk Siringan Gubat [Ranau]:** Okey Tuan Pengerusi sudah di peringkat penggulungan ini. Tuan Pengerusi saya ingat itu sahaja yang penting sekali. Maka kata-kata demikian saya mohon menyokong. Sekian terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Jerai.

**3.25 ptg.**

**Tuan Mohd. Firdaus bin Jaafar [Jerai]:** Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Menteri yang turut hadir pada kali ini. Saya ingin merujuk kepada 13100 iaitu insentif pengeluaran padi. Pertama sekali saya mohon kepada pihak kementerian supaya insentif ini dapat ditambahkan lagi daripada satu tan atau 750 kepada lebih daripada itu untuk memberi galakan kepada petani-petani kita supaya ada hasil penambahan setiap kali hasil padi dapat dituai.

Kemudian merujuk kepada 13100 iaitu insentif pengeluaran padi saya mohon kepada pihak kementerian mengkaji atau mencari formula pendekatan yang memastikan petani kita tidak

berhadapan dengan isu padi angin kerana ia merupakan isu besar yang menyebabkan petani kita terpaksa menghabiskan masa dan banyak dana untuk menyelamatkan kerosakan ataupun daripada padi angin ini.

Kemudian saya mohon kepada benda yang sama iaitu subsidi baja padi berhubung pihak MADA ataupun sebagainya untuk memperkemas dari sudut bungkusan baja itu kerana bungkusan kerana tidak menjadi keras dan menyusahkan pihak petani. Petani menerima bungkusan tersebut dalam keadaan yang keras dan memakan masa yang begitu lama untuk menghancurkan sebab sekarang ini petani menyerak atau membaja menggunakan jentera dan bukan lagi tangan seperti mana masa yang lalu menyebabkan kosnya agak berubah terpaksa memecahkan baja-baja yang keras tadi.

Kemudian saya merujuk kepada Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia. Saya melihat masih ramai lagi di kalangan nelayan yang belum mendapat saraan hidup RM200. Antara lain antaranya disebabkan lesennya dua orang tetapi mereka empat orang untuk menjalankan kerja nelayan. Saya minta supaya kementerian mengkaji semula dan menyenaraikan berapa ramai lagi nelayan ini yang berada di lautan mencari makan tetapi masih belum dan tidak layak menerima saraan hidup RM200 daripada pihak kementerian kerana ia menjadi rungutan di kawasan saya mungkin disebabkan lesen dan penambahan pekerja dan sebagainya. Kalau boleh dapat diselesaikan secepat mungkin maka memberi keringanan bebanan di kalangan nelayan.

Kemudian kita melihat dari sudut syarikat yang operasi subsidi minyak diesel ini yang sekarang diserahkan kepada Persatuan Nelayan Kebangsaan iaitu NIKMAT yang telah pun berjaya bagi saya juga dan persatuan dari Sarawak dan Sabah. Apakah benar kementerian atau menteri sendiri untuk menyerah semula kepada pihak syarikat yang mana pihak NIKMAT ini telah berjaya mengurangkan 40 juta sebulan daripada 140 juta liter sebulan. Jadi mohon supaya apakah perjalanan urusan tadbir daripada Persatuan Nelayan Kebangsaan tidak berjaya kepada sasarannya atau sebaliknya.

Kemudian dari sudut FAMA 120400 apakah FAMA menyediakan dan menyenaraikan penjadualan buah-buahan supaya dapat kita menyenaraikan dan bersaing dengan negara luar contohnya Thailand yang dapat mengawal harga pasaran buah-buahan tempatan seperti pisang, jagung, mempelam, durian, rambutan dan sebagainya.

Apabila dapat dijadualkan bulan 10, bulan 11 musim durian supaya pasaran harga dapat dikawal dan rakyat memahami dan sehinggalah petani-petani kecil berjaya untuk menghasilkan tanaman yang berkualiti melihat kepada jadual yang disusun oleh pihak FAMA seperti mana FAMA menjadikan musim-musim pada petani untuk menyenaraikan harga-harga produk tempatan ini. Kemudian saya mohon supaya FAMA juga memberi pendidikan kepada petani-petani ini bukan sekadar memasarkan buah tempatan tetapi untuk kembali kepada standard buah tempatan supaya galakan itu berlaku.

**■1530**

Kemudian 04800 - Pembangunan Industri Kelapa. Walaupun kecil peruntukannya tetapi bagi saya industri ini agak penting bagi masyarakat Malaysia kerana banyak daripada hasil kelapa itu selain daripada kelapa muda, untuk industri santan dan sebagainya. Namun apakah perancangan pihak kementerian supaya industri ini dapat digalakkan dan diteruskan di negara kita terutama di kawasan-kawasan yang baik untuk kawasan penanaman kelapa muda ini supaya ia dapat memastikan kelangsungan dan tidak perlu kita bawa masuk daripada kelapa dari negara luar. Saya pohon supaya pihak kementerian menitik beratkan supaya anak-anak tempatan, petani-petani dapat menghasilkan produktiviti ataupun produk tempatan itu sendiri. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat. Sekarang waktu 3.31. Saya sudah maklumkan tadi saya akan memanggil Menteri untuk menjawab. Nanti celah-celahlah Menteri.

**Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** Boleh mencelah Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya. Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

**3.31 ptg.**

**Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Datuk Seri Noh bin Haji Omar]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin mengucapkan berbilang-bilang terima kasih kepada 14 orang Ahli-ahli Parlimen yang telah mengambil bahagian dalam peringkat Jawatankuasa untuk Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Pertama, daripada Tenom yang telah membangkitkan insentif pengeluaran buah-buahan sama ada diteruskan ataupun tidak dan perkara ini saya lihat bukan sahaja dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tenom tetapi saya dengar tadi ada beberapa orang lain Ahli-ahli Parlimen termasuk Yang Berhormat Sungai Siput dan rakan-rakan yang lain.

Oleh itu saya hendak menjelaskan mengenai insentif yang telah diberi. Insentif ini sebenarnya telah diperkenalkan di bawah Dasar Jaminan Bekalan Makanan pada tahun 2008 sehingga 2010. Ertinya di dalam program selama dua tahun. Pada ketika itu kita kenalkan dasar ini kerana harga minyak naik dan kita dapati petani-petani telah pun terpaksa mengeluarkan duit yang banyak untuk membeli input-input pertanian, kerana itulah kita kenalkan dasar jaminan bekalan ini.

Oleh kerana dasar ini adalah dasar yang *one-off* selama tempoh dua tahun, maka ketika itu kementerian membuat bajet mengikut anggaran kita berapa banyakkah yang mungkin kita akan beri insentif-insentif ini dan insentif-insentif yang kita beri seperti melalui perikanan, tanaman dan juga ternakan. Tadi Yang Berhormat Sungai Siput ada tanya berapa banyak yang telah kita belanjakan. Peruntukan yang telah kita belanjakan untuk insentif perikanan sahaja, yang kita sudah bayar RM142.73 juta. Saya difahamkan ini ada *balance* lebih kurang RM8 juta begitulah. Tanaman RM187 juta kita telah bayar, pun sudah habis duit itu, ternakan yang kita sudah bayar RM339.08 juta termasuklah telur dan berkaitan dengan jabatan veterinar.

Jadi jumlah yang kita sudah belanja untuk insentif dalam tempoh, sepatutnya dalam tempoh dua tahun ini ialah sebanyak RM666.81 juta. Ini memberikan faedah kepada 97,345 orang. Jadi oleh kerana dasar ini saya kata ialah *one-off* selama dua tahun, maka peruntukan itu tidak sampai habis 2010 telah pun habis peruntukan ini. Oleh kerana itu kementerian sekarang ini sedang menyediakan satu kertas yang kita akan merayu kepada kerajaan dengan memberikan fakta-fakta bahawa sesungguhnya dengan memberikan insentif melalui dasar jaminan bekalan makanan ini memberikan faedah bukan sahaja kepada petani-petani, nelayan dan juga penternak tetapi juga menambahkan hasil pengeluaran sektor pertanian di dalam negara kita.

Oleh kerana bajet ini memang sudah habis dan kita dalam proses untuk memohon, maka kementerian buat keputusan kita tangguh dahulu, hendak kata berhenti pun tidak, ertinya kita tangguh. Kita proses borang permohonan sehinggalah kita bawa kepada Kabinet untuk kita mendapatkan kelulusan dengan jumlah yang kita belum pasti lagi berapa. Jadi saya hendak jelaskan bahawa kedudukan insentif yang dikenalkan di bawah dasar jaminan bekalan makan ialah tempoh dua tahun. Peruntukan itu telah pun kita belanjakan seperti yang saya nyatakan tadi. Dasar dan insentif, jangan cakap isu lain dahulu.

**Dr. M. Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** *[Bangun]*

**Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan]:** *[Bangun]*

**Dr. M. Jeyakumar Devaraj (Sungai Siput)** Saya diberi fahaman oleh pekebun-pekebun kecil bahawa mereka mendapat insentif ini selama beberapa tahun, bukan hanya dua tahun sahaja. Sudah 10 tahun lebih dia kata dia dapat insentif ini. Jadi itu fahaman sayalah.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya. Yang Berhormat Beruas.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya juga hendak tanya kerana tadi dikatakan ada menggalakkan pengeluaran makanan. Saya hendak tanya kenapa kerajaan selama ini memberikan kita kata wang menolong nelayan dengan memasukkan dalam akaun bank. Akan tetapi baru-baru ini tukar cara, minta semua nelayan jangan pergi laut, datang ambil duit daripada ahli-ahli politik Barisan Nasional. Bukankah ini mendatangkan kita kata *it is a step backwards*.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Yang Berhormat Beruas bohonglah.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Dahulu kenapa? Saya hendak tanya kenapa.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Sudahlah, Menteri jawablah.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Oleh kerana kalau nelayan ambil duit, dia tidak boleh pergi luar menangkap ikan. Kenapakah ditukar cara memberikan pertolongan itu setiap RM200 seorang setiap bulan?

**Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** Sedikit kalau boleh.

**Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin juga minta penjelasan lanjut soal insentif ke atas usaha-usaha petani kita. Walaupun dia pada asalnya dahulu *one-off* tetapi apa yang saya lihat Yang Berhormat Menteri, terima kasihlah. Tahniah

terlebih dahulu kepada penganjuran MAHA ini dahulu dan menjemput Ahli-ahli Parlimen pergi ke MAHA di Serdang. Terima kasih. Jadi soal kenaikan penghasilan produk-produk pertanian ini, satu daripada program yang banyak program yang saya lihat ini memang banyak usaha daripada pihak kementerian. Syabas. Akan tetapi satu yang saya lihat sistem penyampaian apabila kita melahirkan lebih banyak lagi para petani kita yang menghasilkan produk hiliran daripada hasil pertanian ini. Jadi kita mahu galakkan, melahirkan beberapa lagi usaha niaga *entrepreneur* ataupun usahawan berasaskan hasil pertanian Yang Berhormat Menteri.

Akan tetapi apabila kita melihat di akar umbi saya melihat usaha TEKUN ini amat lembap sekali. Tiada tindakan langsung macam *roadshow* dan saya minta pihak Menteri untuk mengarahkan pegawai TEKUN ini turun ke padang beri apa maklumat yang perlu diberi kepada petani-petani supaya kita dapat tingkatkan lagi hasil ekonomi kita untuk negara sebagai berpendapatan yang tinggi.

**Datuk Seri Noh bin Haji Omar:** Terima kasih Yang Berhormat, ini TEKUN saya jawab kemudian, tadi sudah bangkit panjang lebar oleh Yang Berhormat Sri Gading dan saya akan jawab kemudian. Ini saya hendak cakap fasal isu dasar insentif. Tadi Yang Berhormat Sungai Siput mungkin salah faham itu, insentif ini kita kenalkan mulai tahun 2008. Mungkin yang dahulu-dahulu itu mungkin subsidi yang dicakapkan tadi, beza itu antara subsidi dengan insentif.

Tadi yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat daripada Beruas, itu betul. Itu letak di bawah- apabila kita perkenalkan RM200 sebulan itu memang di bawah dasar jaminan bekalan makanan. Hari ini nelayan-nelayan bernasib baik kerana semasa permohonan itu diminta LKIM ini mungkin minta lebih banyak. Jadi duit untuk elaun sebanyak RM200 sebulan itu masih lagi ada. Sebab itu kita masih lagi mampu membayar kepada nelayan-nelayan.

Jadi soal Yang Berhormat hendak bangkit ini mengapa dahulu masuk bank sekarang ini kadang-kadang kita bayar, kita bagi *cash*. Yang Berhormat cakap sepatutnya terima kasihlah kepada kita bagi RM200 sebulan ini. Mana ada negara lain bagi RM200 kepada nelayan pergi ke laut atau tidak pergi ke laut kita bagi juga RM200. Kita belanja hampir RM170 juta memberikan faedah kepada 60,000 nelayan. Mengapa kita minta dibagi secara tunai?

Pertama Yang Berhormat, kita tengok nelayan ini tidak boleh cukup bagi duit, kita hendak kena bagi satu motivasi, bagi semangat, sebab itu bila kita panggil mereka, kita hendak bagi duit, maka mereka akan datang. Bila bagi duit ini sebenarnya bukan menyusahkan nelayan sebaliknya menyusahkan pegawai.

#### ■1540

Pegawai terpaksa membuat kerja-kerja yang lebih dan juga terpaksa mengambil risiko bawa duit tunai yang kita hendak bagi kepada nelayan-nelayan. Juga, inilah masanya untuk nelayan-nelayan boleh berdialog dan berjumpa dengan semua pegawai – dari LKIM turun, dari Jabatan Perikanan turun. Dan ini juga masa untuk kita bagi pihak kementerian untuk berjumpa secara langsung dengan nelayan-nelayan.

Saya sendiri banyak kali turun. Kita kadang-kadang tengok ada juga nelayan ini mungkin salah faham. Apabila kita tengok nelayan, bila saya bersalam dengan nelayan, nelayan yang sudah – dia sudah tidak pergi ke laut. Jadi bila kita tanya mengapa minta RM200? Dia kata ini duit macam duit dia punya elaun bersara. Ini tidak betul. Duit yang kita bagi itu ialah untuk memberi nelayan-nelayan yang aktif. Jadi dengan adanya Program Turun ke Padang – Ha! Ini kata turun ke padang. Turun ke padang jumpa nelayan, maka kita boleh tahu lebih mendalam apa masalah-masalah nelayan. Yang Berhormat susah hati ini kenapa? Takut kita berkempen dengan nelayan-nelayan? Tidak macam itu Yang Berhormat. Kita bekerja untuk turun ke padang.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Tuan Pengerusi, saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri, bukankah ini satu perkara yang membazir wang rakyat, membazir masa pegawai dan kerja-kerja yang *non-productive* kerana nelayan-nelayan, mereka kompelin bahawa wang RM200 ini mereka terpaksa tidak keluar ke laut. Jadi RM200 ini hanya cukup untuk dengan izin *cover* pendapatan yang mereka dapati untuk hari itu.

**Datuk Seri Noh bin Haji Omar:** Saya faham.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Jadi, jangan bawa politik kepada semua barang.

**Datuk Seri Noh bin Haji Omar:** Tidak.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Jangan bawa politik kepada – untuk tolong rakyat pun hendak bawa politik.

**Datuk Seri Noh bin Haji Omar:** Tidak. Yang Berhormat, saya faham.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Jadi ini membazir wang rakyat. Ini wang rakyat, bukan wang Kerajaan Barisan Nasional.

**Datuk Seri Noh bin Haji Omar:** Tidak, sekarang ini Yang Berhormat kata membazir wang rakyat, adakah Yang Berhormat tidak bersetuju kita bagi RM200 sebulan?

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Saya minta ia dimasukkan terus ke dalam akaun nelayan-nelayan. Terus, jangan bazir masa dan ini satu sistem yang kita kata regresif, bukan progresif.

**Datuk Seri Noh bin Haji Omar:** Saya faham, saya faham. Ini masalah pembangkang. Bila kita tidak berjumpa rakyat, tidak bagi menyenangkan rakyat, rakyat susah jumpa pegawai, marah juga dengan pegawai dengan kerajaan. Kita bagi, kita susun, kita dah tahu dah. Dia bagi setengah hari, hari petang. Selalunya kita bagi hari Jumaat. Kebanyakan nelayan, ada hari-harinya yang mereka tidak pergi ke laut.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Seri Noh bin Haji Omar:** Ya.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Di kawasan saya tidak ada bank. Jikalau melalui bank, ia akan memasalahkan rakyat.

**Datuk Seri Noh bin Haji Omar:** Ya.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Akan tetapi di lain tempat semua ada bank.

**Datuk Seri Noh bin Haji Omar:** Yang Berhormat, duduklah. Duduklah.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Kita sudah *internet world*.

**Datuk Seri Noh bin Haji Omar:** Yang Berhormat ini bercakap mewakili suara Yang Berhormat, bukan...

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Suara nelayan yang mengadu.

**Datuk Seri Noh bin Haji Omar:** Yang Berhormat duduklah.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Ramai nelayan yang mengadu.

**Datuk Seri Noh bin Haji Omar:** Sudah berapa banyak kita bagi kepada 222 kawasan, mengapa Yang Berhormat yang jadi masalah? Tidak ada masalah pun. Jikalau tidak silap saya, Beruas ini baru sekali kah dua kali sahaja yang kita bagi. Jadi Yang Berhormat, salah kah kita bagi, memberi penerangan dengan apa yang kerajaan ada untuk membantu nelayan? Kita berdialog lagi.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Tuan Pengerusi, kerana ada ugutan diberikan kepada nelayan-nelayan kalau mereka tidak datang untuk diberi taklimat...

**Datuk Seri Noh bin Haji Omar:** Okey! Faham, faham.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Politik oleh Barisan Nasional, mereka tidak akan dapat subsidi ataupun bantuan itu. Itulah yang saya marah.

**Datuk Seri Noh bin Haji Omar:** Okey, Yang Berhormat. Saya faham.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Sebab niat di belakang cara ini adalah tidak betul.

**Datuk Seri Noh bin Haji Omar:** Yang Berhormat.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Mestilah kita berikan duit terus dalam akaun. Kalau hendak beri taklimat, minta satu...

**Datuk Seri Noh bin Haji Omar:** Saya faham dah.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Mesyuarat diadakan untuk taklimat topik yang tertentu...

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** ...Mengenai masalah nelayan.

**Datuk Seri Noh bin Haji Omar:** Okeylah Yang Berhormat. Yang Berhormat duduk.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Banyak wang yang dibuang kerana satu persatu diberikan RM200.

**Datuk Seri Noh bin Haji Omar:** Saya faham.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, cukup.

**Datuk Seri Noh bin Haji Omar:** Saya faham apa Yang Berhormat cakap. Yang Berhormat cakap politik – Yang Berhormat ini macam budak Darjah Satu lah berpolitik. Adakah Yang Berhormat kata bagi duit, mesti pangkah BN? Kita tahu kah dia pangkah BN kah tidak? Kita ada juga *by-election* yang kita bagi bantuan tetapi kita kalah. Ini kalau kita hendak kira macam itu

Yang Berhormat, ingat PAS lagi pandai daripada DAPlah berpolitik. PAS pandai. PAS kata apa? Bagi, kebas – ambil kata dia. Undi, diam-diam. Akan tetapi DAP ini...

**Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Seri Noh bin Haji Omar:** DAP, dia...

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Sebentar Yang Berhormat, sebentar.

**Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** Kalau boleh kita ingatkan, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebut “*You help me, I help you.*” [Ketawa]

**Datuk Seri Noh bin Haji Omar:** Tidak apalah, Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Isu lainlah. Isu lainlah.

**Datuk Seri Noh bin Haji Omar:** Itu sudah... Yang Berhormat, ini tidak ada cakap politiklah Yang Berhormat. Kalau kita...

**Dato’ Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Jadi Menteri setuju guna cara yang lebih efisienlah?

**Datuk Seri Noh bin Haji Omar:** Ya.

**Dato’ Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Saya hendak tahu, setuju atau tidak setuju dengan cadangan pembangkang masukkan wang terus ke dalam akaun? Beritahu satu dunia setuju atau tidak setuju.

**Datuk Seri Noh bin Haji Omar:** Yang Berhormat, Yang Berhormat tahu tidak kita beri kepada 60,000 nelayan? Kita kata siapa tidak datang, kita tidak bagi elaun. Sebab apa? Ini sebab kita dapati yang tidak layak pun minta. Ada yang tidak pergi ke laut pun dapat. Ada itu dia *part-time* nelayan pun dapat. Jadi bila kita panggil... Saya beri contoh. Ada satu tempat itu kita panggil, kita catat berapa orang tidak datang. Ada itu sampai 15 orang tidak datang dan orang yang sama yang tidak datang. Bila tidak datang, kita *check* kenapa dia tidak datang. Rupanya dia malu hendak datang sebab dia bukan nelayan.

Akan tetapi kalau terus masuk akaun bank, sesiapa pun dapat. Itu yang pertama. Kedua, kalau main tipu Yang Berhormat, ada orang kita yang dapat kesan. Contohnya dia pinjam I/C orang, dia isi borang, dia pun masuk dalam akaun bank, dia pun ambil nombor PIN kawan dia, dia jolok. Orang yang I/C nya digunakan itu pun tidak tahu yang dia dapat tiap-tiap bulan. Allah Yang Berhormat, ini benda kecillah Yang Berhormat.

**Dato’ Ngeh Koo Ham [Beruas]:** [Bangun]

**Datuk Seri Noh bin Haji Omar:** Allah, duduklah Yang Berhormat, benda ini... Sepatutnya Yang Berhormat kena berterima kasihlah...

**Dato’ Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Kalau siasat, siasat satu kalilah, janganlah tiap-tiap bulan siasat, membazir wang rakyat.

**Datuk Seri Noh bin Haji Omar:** Kerajaan Barisan Nasional sudah bagi RM200. Tidak apa, saya punya arahan senang. Kalau nelayan tidak hendak, tidak apa, jangan datanglah. Kita bukannya paksa datang. Kalau tidak datang bulan itu, bulan depan kita bagilah. Jadi Yang Berhormat, bila kita hendak jumpa dengan nelayan, berbincang dengan nelayan, itu pun jadi

masalah. Kalau kita tidak turun menyelesaikan masalah nelayan, itu pun Yang Berhormat akan jadikan isu. Jadi inilah cara pembangkang. Mana yang untungkan Yang Berhormat, Yang Berhormat kata betul. Mana Yang Berhormat rasa rugi, Yang Berhormat kata tidak betul. Susahlah macam ini, Yang Berhormat – kalau hendak berpolitik macam ini. Okey, saya hendak sambung.

Ini mengenai beberapa juga rakan-rakan yang membangkitkan mengenai masalah syarikat-syarikat swasta yang terlibat seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tenom tadi iaitu berkenaan lintah. Bukan sahaja lintah saya hendak maklumkan kepada Ahli Yang Berhormat, kita dapat maklum bahawa lintah, serai dan macam-macam lagi. Ini kerana kita dapati ada di antara syarikat-syarikat yang kononnya dia kata ada kerjasama dengan Kementerian Pertanian, dia pun buatlah kononnya Kontrak Farming. Bila dia buat Kontrak Farming, dia mengambil keuntungan daripada hendak menyediakan keperluan asas.

Contohnya, kalaulah dia tanam serai, dia jual benih serai, dia jual baja. Kalau dia buat ikan keli atau lintah, dia ambil keuntungan daripada buat kolam dan sebagainya. Akan tetapi apabila telah datang hasil – lintah sudah banyak, serai sudah banyak, dia pun lari. Jadi ini memang kita pandang serius. Malah, saya sendiri pernah buat kenyataan di dalam akhbar supaya mana-mana rakyat ataupun mana-mana pihak yang berminat untuk menyertai mana-mana projek Kontrak Farming, hendaklah rujuk dahulu kepada Kementerian Pertanian. Kami tidak dapat mengambil tindakan dari segi kementerian kerana tidak ada undang-undang melainkan kita menasihatkan petani-petani untuk membuat laporan polis di bawah kes tipu. Jadi oleh kerana itu, kita telah pun minta supaya petani-petani lebih berhati-hati untuk memastikan bahawa syarikat yang menawarkan Kontrak Farming itu ialah syarikat yang benar-benar ingin membantu petani, nelayan dan juga penternak.

Yang Berhormat dari Tenom dan juga tadi ramai kawan-kawan membangkitkan masalah pemasaran dan banyak menyentuh mengenai FAMA. Kita tidak nafikan bahawa masalah pemasaran ini memang merupakan perkara yang hari ini dibangkitkan. Yang Berhormat Jempol pun tadi membangkitkan masalah lambakan buah-buahan. Secara dasarnya saya hendak nyatakan bahawa, untuk mengatasi masalah ini, kita nampak memang ada *missing link* di antara petani-petani dengan usahawan-usahawan.

Daripada maklumat yang saya dapat, kalau kita pergi ke luar negara, kita dapati memang orang luar negara memang memerlukan produk-produk tempatan ini dari segi makanan buah-buahan, lebih-lebih lagi tanda halal kita ini memang mendapat pengiktirafan. Akan tetapi masalah yang dihadapi oleh usahawan untuk mengeksport barang-barang kita ialah bekalan – bekalan tidak cukup. Dia janji hendak hantar lima kontena tetapi hantar tiga kontena sahaja sudah tidak dapat *supply*. Akan tetapi apabila kita turun ke kampung, Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan bercakap bahawa orang kampung pula susah hendak memasarkan barang-barangnya.

Oleh kerana itu, salah satu langkah yang kita ambil ialah kita akan memperbanyakkan *collection center*, di mana *collection center* ini bukan sahaja untuk mengumpulkan barang-barang mereka, tetapi juga menentukan *labelingnya*, *gradingnya* dan juga bungkusannya. Seperti mana di Tenom, saya dimaklumkan bahawa ada dua *collection centre* (pusat pengumpulan) telah diadakan iaitu di Kampung Ehubai dan juga di Kampung Bunga Raya. Itu yang pertama.

■1550

Kedua, kita juga hari ini dengan kerjasama syarikat, kita akan memperkenalkan pasaran-pasaran yang berdasarkan kepada *market driven*, yang sekarang ini yang jadi masalah ini berdasarkan kepada produk *driven*. Ertinya terpulang kepada petani, dia teringat untuk tanam cili, dia tanam cili. Jadi hari ini kita sedang mengumpulkan usahawan-usahawan yang berjaya yang telah ada eksport di luar negara untuk mereka membantu kita memperkenalkan sistem-sistem kontrak *farming* sebagaimana yang sedang dijalankan di negeri Kelantan dengan Nestle sebagai contoh melalui PPK dia tanam cili.

Jadi tanam cili, PPK tanam cili Nestle beli balik. Jadi telah memberikan satu pulangan yang baik. Jadi ini salah satu usaha yang sedang kita buat untuk kita hendak memastikan bahawa pasaran-pasaran ini ada. Seterusnya, ialah di luar negara. Luar negara kita juga mesti ada kita punya *ware house* kita untuk ejen kita untuk memasarkan di pasaran-pasaran di luar negara. Untuk mengatasi masalah itu, kita telah menubuhkan beberapa persatuan-persatuan di Dubai, di London dan sebagainya yang akan membantu untuk kita memasarkan barang-barang kita dan juga untuk membantu kita bagaimanakah cara kita hendak memenuhi *standard quality* satu-satu negara itu.

Jadi ini di dalam usaha FAMA dan saya akui hari ini FAMA sedang berusaha dengan secara kecil-kecilan kalau kita lihat dan boleh perkenalkan motor roda tiga yang telah bagi lebih kurang enam juta untuk mengumpulkan barang-barang kampung letak di kawasan *centre*. Kita juga ada kenalkan kedai rakyat sebagai pusat-pusat pengumpulan. Jadi kalau ada pusat-pusat pengumpulan yang sudah ada, kemudian mudah untuk kita memasarkan pula ke luar negara. Jadi masalah yang kita hadapi pada hari ini ialah pengeluarannya kadang-kadang tidak cukup kerana kita terlampau banyak. Saya ambil macam limau, mangga harum manis.

**Tuan Muhammad bin Husin [Pasir Puteh]:** [Bangun]

**Datuk Seri Noh bin Haji Omar:** Usahawan jumpa saya dia sudah buat perjanjian lima kontena. Dia dapat *supply* dua kontena. Sudah tiga kontena lagi tidak dapat sudah, sudah habis sudah. Buah mangga dan sebagai itulah perkara-perkara yang sedang kita tengok pada segi *productionnya*, daripada segi pemasarannya mestilah seimbang.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Pasir Puteh bangun Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Seri Noh bin Haji Omar:** Sila, sila.

**Tuan Muhammad bin Husin [Pasir Puteh]:** FAMA, FAMA.

**Datuk Seri Noh bin Haji Omar:** Ya.

**Tuan Muhammad bin Husin [Pasir Puteh]:** FAMA, FAMA. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Dia masalah sekarang ini ialah satu kita tidak nampak peranan FAMA dalam pemasaran sekarang. Contohnya, mengapa Malaysia ini menjadi market ataupun tempat untuk pasarkan buah-buahan daripada Thailand, contohnya. Jadi kita jadi pasar pula kita ini. Jadi boleh katakan buah-buahan daripada Thailand itu sepanjang masa, sepanjang tahun ada di Malaysia ini.

Lebih-lebih lagi di negeri sempadan Kelantan, Perlis dan Kedah umpamanya sehinggakan – jadi maknanya berjayanya dari segi pemasaran. Akan tetapi, apa yang FAMA peranan FAMA ini memang tidak jadi macam itu. Mungkinlah tadi Yang Berhormat Menteri soal mungkin standard ataupun kualiti buah-buahan yang dilakukan oleh – yang kedua barang kali macam Thailand dia buat buah-buahan itu dia macam dia boleh buat jadual pengeluaran musim dia.

Dia boleh tawar kali ini musim kita baru berbunga durian dia sudah pasar buah durian. Jadi bila buah durian kita masak, sudah penuh, sudah lamakan makan buah durian Thailand ini. Jadi ini barangkali yang kita tidak dapat lakukan dan bila kita pergi ke luar negara memang barang-barang Thailand yang keluar sehinggakan rambutan pun dia boleh pasar. Akan tetapi, kita ini setiap tahun dokong 30 sen sekilo, *free* pun orang tidak makan. Baru-baru ini contohnya di Kelantan tetapi kita tidak buat apa-apa yang berlaku, yang itu perlu kita selesaikan. Terima kasih.

**Datuk Seri Noh bin Haji Omar:** Terima kasih Yang Berhormat memberi pandangan. Pandangan itu sebenarnya memang kita mengambil perhatian dalam perancangan kita. Seperti pertama yang seperti yang saya katakan tadi bahawa sebelum kita hendak pergi ke luar negara, kita hendak pastikan bahawa kualiti kita. Dalam kementerian, kualiti kita durian, rambutan - itu sebab sekarang ini melalui MARDI kita perkenalkan rambutan budak sekolah. Kemudian kita kata durian yang D21, Mao Shan King dan sebagainya, itu yang pertama kualiti dia.

Bukan kerajaan cakap malah kerajaan ada pula peruntukan yang mana ada tanam rambutan dia panggil mana dulu boleh jadi durian *seed big* dia panggil besar biji daripada kulit itu yang itu kita terbang. Kita bagi peruntukan tanam yang baru, buah-buahan pun sama itu yang pertama. Kedua saya kata tadi ialah bila kita sudah ada pasaran di luar negara, *supply* kita pula tidak cukup. Itu yang ketiga ada pula hendak dapat pasaran misalnya kita kata durian, durian contoh.

Kita hendak memasuki ke luar negara, dia ada protokol dia, kena ada syarat-syarat dia. Kita hendak masuk durian sekarang ini kita boleh hantar eksport durian, durian beku. Itu durian beku dibenarkan, durian biji kita tidak dapat lepas lagi kepada China. Akan tetapi, Thailand lepas. Jadi itu sebab di Kementerian Pertanian kita letak kita panggil kita punya duta ada di beberapa buah negeri kita hantar pegawai kita sendiri. Hantar pergi ke China kita ada dekat Dubai kita ada untuk membantu kita menyelesaikan masalah-masalah protokol, peraturan-peraturan kerana

kalau dia hendak contohnya hendak durian. Dia hendak datang itu, kalau orang China dan kementerian China kena datang ke Malaysia dia hendak tengok macam mana pokok durian kita tanam, apa baja kita pakai semua, baru kita boleh hantar ke sana.

Jadi memang Yang Berhormat cakap ini patutnya cerita yang lama tetapi *insya-Allah* kita ke arah itu dalam masa yang sama sekarang ini kita juga hendak kenal pasti. Apakah bahan-bahan yang kita lihat mendapat potensi yang cukup besar di luar negara. Kita tengok selain daripada durian Yang Berhormat kata tadi memang daripada Thailand kerana kita ini tumpu kepada nangka. Nangka madu, memang dapat pasaran yang cukup meluas. Air tebu, bila MARDI sudah buat kajian dulu *fresh* madu tebu ini dua minggu rosak. *Now*, MARDI sudah buat penemuan dia boleh tahan sehingga sebulan.

Jadi kalau kita jual tebu ini sampai ke Dubai dia orang memang suka air tebu *fresh* ini. Jadi kita sedang mengenal pasti yang saya kata tadi *is market driven*. Memang sedang kita tuju ke arah itu dan *insya-Allah* kalau dalam kita mengatasi masalah ini juga tanah tadi dibangkit oleh Yang Berhormat Sungai Siput masalah tanah dan sebagainya.

Jadi kita menghadapi masalah sebab tanah ini ialah milik Kerajaan Negeri. Kita kementerian kita boleh bagi peruntukan. Jadi kerana itu hari ini Kerajaan Negeri seperti Yang Berhormat Lenggong bangkitkan tadi kita kenakan pula Tanaman-tanaman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM). Kita ada juga dia panggil zon-zon pertanian yang kita mendapat kerjasama daripada Kerajaan Negeri untuk memberi peluang kepada kementerian untuk kita memperbanyakkan produk-produk ini. *Insya-Allah* kita memang ke arah itu dalam Dasar Pertanian Negara yang ke-4 memang kita menuju ke arah seperti mana Yang Berhormat nyatakan tadi.

Berbalik daripada Yang Berhormat Tenom tadi, saya hendak nyatakan bahawa walaupun FAMA mungkin dilihat sebagai kurang berperanan tetapi sebagai contoh di Tenom bagi meningkatkan pengeluaran buah pomelo itu tadi, FAMA di Tenom telah membuat kontrak *farming*. Di mana FAMA telah mengikat kontrak pemasaran yang melibatkan 91 orang. Jadi oleh kerana melibatkan 91 orang mungkin tidak berapa nampak tetapi projek itu ada dengan keluasan 299 hektar yang melibatkan komoditi betik, pomelo, cili dan jambu batu. Nilai belian oleh FAMA ialah RM410,000 sehingga 31 Oktober 2010.

Dalam masa yang sama sempena MAHA ini kita juga akan membantu pomelo daripada Tenom lebih kurang daripada 30 tan untuk kita jual di FAMA.

**Puan Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]:** Yang Berhormat Menteri, boleh tanya sikit.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya.

**Datuk Seri Noh bin Haji Omar:** FAMA?

**Puan Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]:** Ya, FAMA. Saya hendak tahu Yang Berhormat Menteri berapakah peruntukan FAMA Sarawak kali ini. Ini kerana saya rasa FAMA

memang banyak membantu industri-industri kecil ini. Jadi kalau FAMA dapat diberi peruntukan yang lebih untuk membantu mereka yang *small holders* dengan izin *farming* ini mereka boleh membantu untuk memasarkan juga. Ini kerana ada di antara orang-orang yang di kawasan luar bandar ini memang sukar untuk keluar untuk memasarkan hasil-hasil mereka.

Misalnya, saya sebut sebuah tempat mereka mengatakan mereka banyak menanam kelapa di kawasan sebuah kampung di Sarawak. Saya tahu di kawasan saya dulu memang popular dalam penanaman kelapa dan sekarang ini sudah banyak berkurangan kerana sukar untuk mereka menghantar kelapa itu keluar untuk dijual. Padahal keperluan itu memang ada.

■1600

Saya tahu FAMA memang banyak dapat membantu, cuma mungkin kekangannya daripada segi bajet, jadi diharap kementerian dapat membantu FAMA untuk membantu dalam hal ini. Terima kasih.

**Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Boleh Kota Belud Yang Berhormat Menteri? Mengenai FAMA juga, terima kasih. Tuan Pengerusi saya bersetuju dengan Yang Berhormat Pasir Puteh tadi berkenaan dengan penjadualan buah-buahan. Ini satu perkara yang perlu dilihat secara serius oleh kementerian supaya kita tidak ada lambakan buah-buahan pada masa-masa yang tertentu, dan ada masanya pula buah-buahan itu tidak wujud langsung. Cuma Yang Berhormat Menteri tentang soal pemasaran ini dan kita pun pernah mendengar masalahnya bukan sahaja sekarang daripada zaman dahulu lagi.

Apakah pandangan Yang Berhormat Menteri kalau kita ubah sedikit tumpuan kita itu selain daripada mengeluarkan buah-buahan secara mentah daripada kawasan-kawasan pertanian di kampung-kampung ini, apakah Yang Berhormat Menteri bersetuju ataupun berminat untuk mewujudkan industri-industri pemprosesan makanan yang akan menambah nilai tambah kepada produk-produk buah-buahan ataupun hasil-hasil tani di kawasan-kawasan kampung dan apabila diproses, dinilai tambahkan mungkin ia tidak begitu kritikal untuk mengeluarkan buah-buahan ini secara cepat, dan ini juga akan mewujudkan peluang pekerjaan dan industri kecil di kawasan-kawasan tertentu. Masalah dari segi hendak mengeluarkan buah-buahan secara cepat dan sebagainya mungkin dapat diselesaikan, ini mungkin salah satu daripada strategi kementerian dan saya cuma ingin mengingatkan Yang Berhormat Menteri untuk Kota Belud ini juga memerlukan pusat pengumpulan hasil tani. Saya berterima kasih kerana Yang Berhormat Menteri telah mengumumkan sekali di Kota Belud baru-baru ini, untuk ingatan sahajalah. Terima kasih.

**Datuk Seri Noh bin Haji Omar:** Terima kasih Yang Berhormat Batang Sadong dan juga Yang Berhormat Kota Belud yang memberikan pandangan dan saya kena menerima dan menyatakan bahawa di Sabah dan Sarawak, yalah kedua-dua negeri ini besar, satu kawasan parlimen di Sarawak pun sudah macam sebuah negeri di Semenanjung, jadi sebab itu kalau kita letakkan satu Parlimen satu *collection centre* pun mungkin kurang berkesan. Walau

bagaimanapun kita akan memberikan tumpuan kepada produk-produk pertanian seperti yang saya kata tadi memang ada pasaran yang sedia ada untuk kita memberikan bantuan pasaran dan seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Kota Belud tadi, apabila *collection centre* ini, ia bukan sahaja tempat untuk mengumpul *grading*, bungkusan dan sebagainya tetapi juga kita merancang untuk mengadakan industri kecil. Kalau buah rambutan, nangka dan durian dia tidak habis jual, mana-mana yang tidak habis jual boleh dibuat projek-projek hiliran, macam durian hari ini, durian beku dan ini sudah mula popular sehingga kita membuat pameran di Shanghai pun ia memang telah mendapat sambutan. Terima kasih kepada pandangan yang telah diberikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Yang Berhormat Parit Sulong, Jempol juga ada membangkitkan mengenai Program Azam Tani. Saya ingin menyatakan bahawa Program Azam Tani dilaksanakan bagi meningkatkan pendapatan kepada peserta miskin tegar dan miskin yang berdaftar di bawah e-Kasih bagi Semenanjung Malaysia. Setakat ini daripada seramai 5,100 peserta yang dikenal pasti, seramai 2,361 peserta telah ditentukan projek yang bersesuaian yang akan dijalankan. Perolehan peralatan sedang dilaksanakan dan projek dijangka dimulakan pada minggu pertama Disember 2010, seramai 1,518 peserta untuk menentukan projek yang sesuai. Impak daripada pelaksanaan program ini akan dapat dilihat pada bulan April 2011 oleh sebab kebanyakan daripada Projek *Quick Win* yang diadakan terpaksa mengambil masa tempoh tiga hingga enam bulan barulah kita boleh nampak hasil daripada projek yang kita tanam pada hari ini.

Yang Berhormat Pokok Sena membangkitkan mengenai tiada peruntukan pembangunan 2011 di kawasan MADA. Walaupun tidak ada peruntukan khusus di bawah Bajet Pembangunan 2011, pihak MOA telah diperakui peruntukan sebanyak RM41.8 juta untuk pembangunan infrastruktur di bawah program NKEA. Yang Berhormat Pokok Sena juga membangkitkan mengenai isu perbezaan subsidi kepada petani hanya RM248.10 sen, tetapi subsidi kepada pengilang beras RM750.00.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat, subsidi yang diberikan kepada petani tidak terhad kepada skim subsidi harga padi yang berjumlah RM248.10 sen sahaja, tetapi turut merangkumi subsidi lain seperti input pertanian, racun, baja, insentif peningkatan hasil, benih padi sah, insentif pengeluaran padi yang kita kira lebih kurang RM2,000 per metrik tan secara tidak kelihatan. Tahun lepas sahaja untuk insentif padi, kerajaan telah membelanjakan sebanyak RM1.3 bilion untuk aktiviti padi.

Nanti, padi belum habis. Beruas mana ada padi...

**Datuk Wira Haji Ahmad Hamzah [Jasin]:** *[Bangun]*

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Datuk Seri Noh bin Haji Omar:** Tunggu dahulu, tunggu dahulu. Kawasan Beruas ada padi ya? *[Ketawa]* Bagi subsidi kepada pengeluaran beras pula ia bertujuan untuk memastikan

beras ST15 terus berada di pasaran untuk golongan yang berpendapatan rendah. Subsidi yang berjumlah RM350 per metrik tan adalah bertujuan untuk membolehkan beras ST15 yang harga pasarnya sepatutnya RM2.10 sen atau RM2.20 sen akan dapat diproses dan dijual pada harga kawalan yang jauh lebih rendah iaitu tidak lebih daripada RM1.80 sen sekilo. Dan untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, subsidi beras ST15 ini kita hanya peruntukkan 40,000 metrik tan setiap bulan. Subsidi, tentang subsidi padi?

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Apabila saya mendengar jawapan tadi berasa amat bimbang tentang apa yang sedang berlaku kepada industri pengeluaran padi di negara kita. Sejak saya di sekolah rendah dahulu sudah dinyatakan niat kerajaan hendak mengeluarkan padi yang mencukupi untuk seluruh rakyat Malaysia tetapi sudah hampir 30 tahun tidak juga sampai hasrat kita. Daripada apa yang saya baca di dalam peruntukan ini, 130000, kita memberikan subsidi untuk enam peringkat ataupun enam kali untuk nasi yang kita makan.

Pertama pemberian subsidi kepada harga padi, kedua pemberian subsidi baja padi, ketiga insentif peningkatan hasil padi, keempat insentif pengeluaran padi, kelima subsidi harga beras dan keenam subsidi benih padi sah. Yang saya kawatir ini apakah yang telah jadi kepada daya saing kita di dalam pengeluaran padi ini, apakah tindakan kerajaan untuk memastikan kita berdaya saing untuk mengeluarkan beras yang mencukupi untuk rakyat Malaysia dan ada daya saing di dalam negara kita ini, kerana saya berasa bimbang enam kali subsidi, enam peringkat. Apakah cadangan kerajaan untuk memastikan kita boleh mengeluarkan beras dengan...

**Datuk Seri Noh bin Haji Omar:** Okey, sekejap. Saya faham, saya faham Yang Berhormat.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Seperti negara lain yang tidak ada subsidi.

**Datuk Seri Noh bin Haji Omar:** Saya faham.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat.

**Datuk Seri Noh bin Haji Omar:** Yang Berhormat cakap sejak darjah satu? Saya daripada lahir sehingga sekarang duduk dalam sawah padi. Saya boleh nampak bagaimana penghasilan padi berlaku di dalam negara kita. Di tempat saya dahulu setahun sekali lebih kurang dua tan hasil, tetapi sekarang ini dengan usaha yang diberikan oleh kerajaan melalui pembangunan-pembangunan yang dibuat kita telah dapat menjadikan hasil padi setahun dua kali dan sekarang ini MARDI juga sedang membuat kajian untuk mengeluarkan lima kali dua tahun. Kemudian daripada hasil padi, MARDI telah memperkenalkan lebih kurang 40 jenis padi dan yang *latest* sekarang kita hendak *try* pula padi hibrid, ertinya di dalam hasil peningkatan pengeluaran padi kita tidak boleh menafikan bahawa daripada MADA, KADA dan sebagainya di dalam negara kita memang meningkat.

## ■1610

Namun demikian, *self-sufficient* kita memang baru 70%. *Self-sufficient* 70% ini banyak sebab, di antaranya ialah penambahan penduduk, dalam dua juta, orang asing sahaja sudah tambah dua juta. Kemudian, kita juga tidak nafikan bahawa dahulu berlakulah sawah padi terbiar. Tadi dibangkit oleh Yang Berhormat, ada sawah padi dibuat – arowana. Jadi, ini kekangan-kekangan yang kita sedar dan juga dengan perubahan cuaca, malapetaka, banjir seperti di Kedah dan sebagainya. Jadi walau bagaimanapun, kita memang sedar perkara itu. Oleh sebab itu Yang Berhormat Pokok Sena beliau lebih pandai sedikit, beliau tanya kerana beliau bimbang. Beliau kata bagaimana kalau perkara ini berlaku?

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** [*Bangun*]

**Datuk Wira Haji Ahmad Hamzah [Jasin]:** [*Bangun*]

**Datuk Seri Noh bin Haji Omar:** Jadi untuk mengatasi masalah ini, kerajaan nampak perkara ini, malah bukan sahaja Malaysia, seluruh dunia. Saya pergi ke peringkat antarabangsa, semua negara bimbang mengenai krisis makanan kerana perubahan cuaca yang tidak menentu.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Pencelahan sedikit.

**Datuk Seri Noh bin Haji Omar:** Oleh itu bagi mengatasi masalah ini, kita telah pun – Yang Berhormat Pokok Sena telah bangkit berapa banyak...

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Yang Berhormat, sedikit sahaja.

**Datuk Seri Noh bin Haji Omar:** Sekejap.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Celah sedikit sahaja.

**Datuk Seri Noh bin Haji Omar:** Saya hendak habis, sedikit lagi ini. Mengenai stok padi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Semua sedikit-sedikit sahaja ini. Beliau hendak habiskan sedikit itu Yang Berhormat.

**Datuk Seri Noh bin Haji Omar:** Stok padi ini Yang Berhormat, saya hendak nyatakan tadi bahawa kita ada simpan 239,000 metrik tan. *Stockpile* kita, beras kita yang memang khas dan bukan di bawah BERNAS, memang kerajaan punya sendiri. Jadi, *stockpile* ini kita simpan dalam enam bulan sebab beras ini tidak boleh simpan lebih daripada enam bulan. Cukup enam bulan, BERNAS akan beli beras ini dan kita akan tambah.

Dalam masa yang sama, BERNAS juga, ia juga ada *stockpile* juga, dalam 150,000 metrik tan. *In case*, kalaulah ditakdirkan apa-apa bencana alam, kita masih mampu. Kalau tidak silap saya, dalam jumlah 150,000 metrik tan campur dengan 239,000 metrik tan ini, kita mampu bertahan dalam tiga bulan. Kalau tidak silap saya tiga bulan. Jadi mengatasi masalah ini, bukan sahaja kita sedar, bukan sahaja masalah hendak keluarkan padi ini. Masalah benih padi pun penting. Itu sebab kita pun sudah lihat daripada segi keselamatan makanan, selain daripada hasil padi, benih padi pun kita sudah mula buat bank benih padi. *In case* berlaku apa-apa, kita sudah ada benih untuk kita tanam.

Seperti di Kedah, banjir sudah berlaku tetapi nasib baik ada bekalan, kemudian kita boleh beri petani-petani untuk tanam dengan segera benih-benih padi yang kita ada simpan ini. Jadi...

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Pasir Salak bangun Yang Berhormat.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Yang Berhormat sedikit.

**Datuk Seri Noh bin Haji Omar:** Ya. Yang Berhormat.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Sedikit ini Yang Berhormat.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Menteri, Ahli-ahli Yang Berhormat, sebentar Yang Berhormat. Saya lupa maklumkan, ingin maklumkan sekarang bahawa jawapan ini saya akan panjangkan sehingga jam 5.00 petang nanti untuk kementerian seterusnya. Silakan Yang Berhormat Pasir Salak.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Terima kasih. Tidak ada, saya minta sedikit sahaja. Saya hendak sebut ini iaitu pertambahan penduduk. Tiap-tiap 10 tahun, kita bertambah lima, enam juta penduduk. Yang Berhormat Beruas ini beliau tidak belajar bab itu. Yang Berhormat Menteri, tiap-tiap tahun kita punya *population growth rate is about five to six hundred thousand*, 10 tahun lima, enam juta. Maka sebab itulah tidak cukup-cukup beras. Itu pun tidak faham. *[Ketawa]*

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Tuan Pengerusi...

**Datuk Wira Haji Ahmad Hamzah [Jasin]:** Boleh tambah?

**Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Tambah sedikit.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Beliau tidak faham soalan saya. Soalan saya sangat...

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Menteri yang menjawab Yang Berhormat.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Bukan *population*. Dalam pengeluaran beras ini, daya saing kita. Apakah kementerian hendak pastikan daya saing kita? Oleh sebab itu saya kata enam tahap subsidi, bukan populasi. Beliau silap faham isu yang saya bangkitkan, daya saing tentang penanaman padi dan pengeluaran beras di negara kita. Saya hendak satu jawapan. Daya saing. Negara lain, ia tidak ada subsidi, ia boleh keluarkan beras yang mencukupi.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** *[Bangun]*

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Datuk Seri Noh bin Haji Omar:** Tidak. Saya beri Yang Berhormat Pokok Sena. Yang Berhormat Pokok Sena, beliau faham. Yang Berhormat Pokok Sena lebih faham masalah padi daripada Yang Berhormat Beruas lah. *[Ketawa]*

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Mengenai benih tadi, sudah sebut benih itu, saya tidak tahu sama ada masih ada lagi jawapan mengenai benih. Akan tetapi yang saya bangkit tadi, yang saya minta

penjelasan ialah kenapa diberikan kepada syarikat-syarikat persendirian ini, syarikat perseorangan seperti Haji Mohamad Nor sampai 16,000 tan. Kejora Desa 16,000 tan juga. Iaitu 16,320 tan, Haji Mohamad Nor pun 16,320 tan. Sedangkan kita ada Pertubuhan Peladang Lahar Bubu hanya tujuh tan, MADA dan sebagainya. Itu sahaja saya hendak tahu.

**Datuk Seri Noh bin Haji Omar:** Okey, Yang Berhormat. Ada. Baik, saya pergi, Yang Berhormat punya. Saya faham. Yang Berhormat bangkit mengenai padi. Jadi ada dua perkara Yang Berhormat. Satu pengeluar benih padi sah dan satu lagi sama ada benih padi sah ini berkesan ataupun tidak, ada dua isu.

Yang Berhormat, mengenai benih padi sah, saya hendak maklumkan kadar bayaran dahulu. Kadar bayaran insentif kepada pengeluar-pengeluar benih padi sah ialah RM1.30 setiap kilo. Ertinya Yang Berhormat, orang jual benih padi sah ini, dia beli harga padi – hendak jadi benih padi sah ini. Saya cerita prosedur hendak jadi benih padi sah. Benih padi sah ini, sebelum hendak dipilih, pertama syarikat ini perlu pilih siapakah pesawah-pesawah yang terpilih, yang dilihat mampu mengeluarkan mutu padi yang baik.

Kedua, apabila sudah dipilih benih padi sah, benih padi sah itu mestilah diluluskan oleh Jabatan Pertanian, oleh sebab harga benih padi sah ini jaminan kerajaan. Oleh sebab kualitasnya baik, ia mesti beli RM1.40 sekilo. RM1.40 sekilo dan dia jual juga RM1.40 sekilo. Itu sebab dia jual dalam satu beg 20 kilo harganya RM28 di pintu kilang. Oleh sebab dia beli RM1.40, dia jual pun RM1.40, jadi sebab itu kerajaan beri subsidi RM1.03. Kalau kerajaan tidak beri RM1.03, harga benih padi sah ini bukannya harga RM1.40 ataupun bukannya RM28. Boleh jadi ia boleh meningkat sampai ke RM40 ataupun RM40 lebih. Jadi itu yang pertama.

Kedua, mengapa syarikat ada yang banyak dan ada yang sedikit. Saya hendak nyatakan pada Yang Berhormat, sejak benih padi sah ini diperkenalkan pada tahun 2007, pada mula-mula diperkenalkan pada tahun 2007, hanya diberikan kepada lima agensi. Pertama, Jabatan Pertanian. Ia pernah dapat sampai 21,000. Diberi kepada BERNAS, tahun 2009 pernah dapat 27,000. Diberi Kejora Desa, Yang Berhormat cakap tadi, pernah dapat tahun 2009 sampai 27,000. Kemudian FELCRA Plantation pernah dapat pada tahun 2009, 15,000. Pengerusi FELCRA angguk lebih tetapi dapat sedikit. PPK Lahar Bubu, ia pernah dahulu mula-mula dapat 3,000, kemudian kita tambah lagi 5,000 pada tahun 2008, tahun 2009 kita tambah lagi 5,000, tahun 2010 tambah lagi 7,680.

Soalnya hari ini mengapa dahulu hanya lima dapat, sekarang sampai 14 dapat? Kedua, dahulu mengapa Jabatan Pertanian dapat? Mengapa sekarang Jabatan Pertanian langsung tidak dapat? Baik. Pertama, pada mulanya bila Jabatan Pertanian buat loji benih padi sah ini, loji-loji benih padi, bila Jabatan Pertanian buat, maka mengikut peringkat antarabangsa, ia kata Jabatan Pertanian tidak boleh mengeluarkan benih padi sah sebab ia sebagai orang tengah yang ada *check and balance*. Oleh sebab itu kerajaan ambil keputusan beri kepada syarikat swasta untuk

mengeluarkan benih padi sah ini. Jadi sebab itu Jabatan Pertanian hari ini ia hanya sebagai pemantau. Kalau ia lihat kualiti tidak baik, ia tidak boleh benarkan jual. Itu yang pertama.

Keduanya BERNAS. Mengapa kita pecah sampai 14. Ini kerana kita dapati bila kita beri kepada BERNAS, sebagai contoh sampai 27,000, ia pula sub kepada syarikat-syarikat ini. Apabila ia sub kepada syarikat-syarikat ini, bermakna ia ambil atas angin sahaja. Padahal untuk mengeluarkan benih padi sah ini, syarikat ini ia memerlukan modal yang banyak, dekat RM20 juta untuk ia buat kilang. Jadi kerana itu bila tahun 2010, daripada lima yang kita beri ini, yang dahulu hanya dapat orang kata sebagai projek payung, kita terus beri *direct* kepada syarikat-syarikat ini seperti BERNAS, kita telah kurangkan jumlahnya, hanya 4,000.

**Datuk Wira Haji Ahmad Hamzah [Jasin]:** *[Bangun]*

**Datuk Seri Noh bin Haji Omar:** Jadi yang mana dahulu jadi anak payung BERNAS, kita tidak beri melalui BERNAS. Kita terus beri. *In fact* Kejora Desa pun kita turunkan. Kemudian misal kata syarikat Haji Mohamad Nor, itu kerana dia sendiri memang ada di dalam Sekinchan. Dia memang menjadi tempat pesawah-pesawah membeli benih padi dan selama ini dia hanya sub. Dia jadi payung, padahal kilang, kilang dia. Jadi kerana itu, kita tidak beri lagi sub, kita terus kepada syarikat-syarikat yang berkenaan.

Jadi kalau Yang Berhormat kata seperti PPK Lahar Bubu ini kita beri lebih daripada tahun sebelumnya. Yang Berhormat ada itu senarai tahun 2010. Yang Berhormat perlu lihat daripada tahun 2007, bagaimana agihan-agihan ini diberi.

**Datuk Wira Haji Ahmad Hamzah [Jasin]:** Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya. Yang Berhormat Jasin Yang Berhormat.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** *[Bangun]*

**Datuk Seri Noh bin Haji Omar:** Nanti sekejap.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Beri Yang Berhormat Jasin dahulu.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Saya sambung sedikit. Sambung mengenai benih itu.

**Datuk Seri Noh bin Haji Omar:** Nanti sekejap. Saya beri...

■1620

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Okey. Baik, baik. Terima kasih Yang Berhormat Menteri menjawab secara terperinci daripada tahun 2007 dan sebagainya. Akan tetapi isunya di sini ialah saya katakan tadi bahawa apa salahnya kalau kita beri kepada MADA umpamanya atau Syarikat Pertubuhan Peladang sebab pulangan itu akan subsidi yang diberikan oleh kerajaan itu akan balik juga kepada petani, satu.

Keduanya, saya difahamkan bahawa ada syarikat-syarikat yang diberinya tidak ada loji. Dia sewa pula loji Institut Pertanian atau pun institusi di bawah Jabatan Pertanian. Jadi, maknanya dia menggunakan prasarana yang telah pun dibuat oleh Jabatan Pertanian satu ketika dahulu. Dia tidak ada loji. Jadi, saya rasa bahawa seperti MADA sendiri saya difahamkan dia ada

loji dan boleh keluarkan sehingga 15,000 tan benih. Jadi, sepatutnya diberikan lebih tinggi kepada MADA. Saya setuju diberi kepada MADA. Walaupun MADA itu agensi di bawah Kerajaan Pusat. Akan tetapi saya melihat secara positif. Ini kerana pulangan semula itu kepada petani.

**Datuk Seri Noh bin Haji Omar:** Terima kasih Yang Berhormat. Syarat-syarat untuk diberikan kilang ini dia lihat juga kemampuan yang ada. Seperti MADA kita beri 5,000. dahulu dia langsung tidak dapat. *Now*, kita beri dia 5,000 metrik tan. Saya difahamkan daripada kuota yang diberi kepada MADA. Kita boleh tahu sama ada mana syarikat yang kita beri ini apabila di *claim* pada kementerian. Kita tahu kemampuan dia untuk keluarkan. Jadi, oleh kerana kontrak ini akan habis pada tahun 2010, maka yang akan datang ini saya bersetuju dengan Yang Berhormat untuk kita mahu pastikan bahawa kalau kita beri kepada satu syarikat ini dia tidak boleh capai kuota nya kita tetapkan sudah tentu yang akan datang ini kita tidak akan beri *even* kalau MADA sekali pun.

Kalau MADA kita beri 5,000 metrik tan. Kalau dia tidak mampu mahu *supply* 5,000 metrik tan dan dia pula pergi beli pula kepada orang lain tidak mungkin kita mahu beri juga. Akan tetapi kali ini kalau kita beri 5,000 metrik tan, dia boleh *produce* 5,000 metrik tan atau pun hampir-hampir sama, maka tidak ada masalah. Maka, kita boleh tambah lagi kepada MADA ini. Jadi, Yang Berhormat yang ini kita akan cuba agih dengan cara...

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Tidak, saya katakan tadi MADA boleh keluar loji 15,000 tan dan termasuk juga KADA. KADA ada loji tetapi KADA tidak dapat yang saya difahamkan senarai yang ada pada saya ini, KADA tidak ada diberikan sedangkan KADA ada...

**Datuk Seri Noh bin Haji Omar:** Saya tahu

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Loji. Jadi, sepatutnya diberikan kepada institusi ini bukan kepada institusi... Tidak tahulah kalau kawan Yang Berhormat Tanjong Karang. Wallahualam lah. [*Dewan riu*] Dia beritahu kata orang itu ada di Tanjong Karang. Mana saya tahu. [*Ketawa*] Saya tidak tuduh. Yang Berhormat kata dia ada di Tanjong Karang.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Itu sudah personel itu.

**Datuk Seri Noh bin Haji Omar:** Betullah.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Personel itu sangkaan jahat.

**Datuk Seri Noh bin Haji Omar:** Kalau...

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Tarik balik.

**Datuk Seri Haji bin Haji Omar:** Kalau ada orang Tanjong Karang pun dia seorang sahaja Tanjong Karang dapat pun salah apa salahnya kalau dia berniat.

**Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Orang mahu berniaga biarlah orang Tanjong Karang pun. Apa salahnya.

**Datuk Seri Haji Noh bin Haji Omar:** Soal layak saya kata tadi *even* MADA saya katakan tadi kalau dia agensi kerajaan sekalipun kalau dia layak tidak mungkin kita mahu beri. Akan tetapi sebabnya Yang Berhormat, dahulu waktu mula-mula dia berikan tiga tahun kemudian sebelum

saya masuk jadi Menteri ini dia banyak pakai sistem payung. Apabila sistem payung kita tidak tahu kita hanya - malah banyak syarikat jumpa saya dia telah *produce* lebih dan ada yang tidak dapat bayaran pun ada. Akan tetapi Yang Berhormat, saya beri jaminan kepada Yang Berhormat bahawa kali ini agihan kita akan berikan mengikut kata Yang Berhormat memang - KADA memang kita pun telah bersetuju untuk kita beri kepada KADA sebab saya pun tidak tahu yang KADA itu sudah kilang dan sebagainya. Itu dia buat waktu dia sistem payung. Jadi, *insya-Allah* ini memang dalam perhatian kita. Dalam habis tempoh 2010 ita akan janji kita akan beri kepada KADA dan MADA.

Kalau dia kata betul Yang Berhormat kata 15,000 kita akan beri. Kalau dia betul-betul mampu untuk mengeluarkan. Akan tetapi saya harap jangan dia pula yang beri sub kepada orang lain sudahlah. *Sorry*, Yang Berhormat Jasin lama bangun tadi.

**Datuk Wira Ahmad Hamzah [Jasin]:** Terima kasih Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Menteri. Pertama saya mahu ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri kerana Menteri yang rajin turun ke sawahlah. Dia banyak bantu tempat saya. Hanya saya hendak sebut di sini, pengeluaran negara kita hanya 70%. Kita jauh daripada sasaran kita sebanyak 86%. Kalau kita lihat negara-negara luar seperti Amerika, EU, dan Australia dia *self sufficient*. Maknanya dia ada *food security* dia. Bahkan seperti Singapura sekalipun yang tidak ada padi langsung dia sudah ada *food security*. Dia ada jelapang dia di *Thailand* dan juga di *Cambodia*.

Apa saya mahu sebut di sini, semasa kita menghadapi masalah krisis ekonomi dahulu, satu ketika kita terpaksa merayu kepada negara-negara tertentu. Negara tersebut mengenakan kita bayaran untuk beli beras untuk stok kita dengan harga yang tidak berpatutan. Jadi, saya mahu tanya Yang Berhormat Menteri, apakah sebenarnya perancangan kita untuk jangka panjang bagi memastikan *food security* kita benar-benar dapat menepati? Dahulu kita ada cadangan mahu buat di Sarawak dahulu. Bagaimana cadangan setakat ini? Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Seri Noh bin Haji Omar:** Terima kasih Yang Berhormat. Kita memang sedar perkara ini. Seperti yang saya kata dengan ancaman perubahan cuaca yang tidak menentu dan penambahan penduduk yang begitu ramai juga pendatang asingnya juga ramai. Jadi, beberapa langkah kita akan buat.

Pertama, kita akan menaikkan *yield*. Ertinya padi daripada yang sekarang hanya lima tan, kita akan beri dengan bantuan-bantuan yang disebut oleh Yang Berhormat Beruas tadi itu, kita yakin kalau dapat menambahkan hasil padi.

Kedua, kita akan menambahkan musim padi. Kalau hari ini dua ada tempat-tempat tertentu setahun sekali, kita akan jadikan dua tahun sekali. Mana yang dua kali setahun kita akan berusaha menjadi lima kali dua tahun.

Ketiga, kita juga sekarang ini sedang berusaha untuk membangunkan semula sawah-sawah padi yang terbiar kerana daripada Kerajaan Jabatan Pertanian, sawah-sawah padi yang

terbiar ini kalau kita boleh bangunkan sudah boleh mencapai *self-sufficient*. Contohnya, di Jasin baru-baru ini saya pergi, apabila ada tanah terbiar mereka perlukan sistem pengairan yang baik kita beri RM6 juta. Apabila RM6 juta itu nanti, dia boleh tambahkan padi daripada setahun sekali akan jadi dua tahun sekali dan *yieldnya* juga akan naik daripada empat tan kalau tidak silap saya boleh jadi lima tan.

Seterusnya, kita juga tahu bahawa untuk membuka ladang yang baru seperti di Sarawak Yang Berhormat nyatakan tadi, kita terpaksa *invest* dengan modal yang banyak. Ini kerana salah satu cara kita, kita telah pun perkenalkan polisi di panggil *reverse investment*. Ertinya mana-mana syarikat yang sanggup keluarkan duit mungkin di Malaysia telah kurang ada tanah, dia boleh pergi luar negara atau pun dia boleh *invest* di Sabah dan Sarawak. Maka, kita akan berikan beberapa kemudahan di atas polisi *reverse investment* ini. Jadi, seolah-olah ertinya kita terpaksa bekerjasama dengan pihak swasta untuk kita mahu membangunkan kawasan-kawasan baru di samping apa yang telah saya nyatakan tadi bahawa beberapa perancangan yang sedang kita atur dan kita cadang dan jangka *insya-Allah* kita boleh tercapai apa yang kita rancang. Ya, Yang Berhormat. Padi Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Padi, padi. Padi yang akhirnya jadi beras, yang akhirnya menjadi nasi, kemudian mengenyangkan kita, dan akhirnya rumah tangga jadi aman. Ya, kalau perut lapar, bukan. Oleh sebab itu antara kebahagiaan rumah tangga, beras, keras, dan waras. *[Ketawa]* Keras itu maknanya sihat. Saya tidak ada lain, bukan. Padi, beras jadi nasi, dan nasi kita makan rumah tangga aman dan waras. Saya tidak ada maksud yang lain. *[Ketawa]* Saya tidak ada maksud yang lain. Yang Berhormat Pokok Sena dia mahu masuk ke lain itu di luar kemampuan sayalah. *[Ketawa]*

Saya ada benda mahu cakap. Ini jelapang padi ini Yang Berhormat Menteri. Sebentar tadi, ramai kawan-kawan bercakapan *food security* ini. Saya setuju sangat kita perlu bersedia itu. Kementerian memang berusaha saya tahu dan Yang Berhormat Menteri dan juga kementerian juga bersungguh-sungguh. Akan tetapi kadangkala ada di luar kemampuan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Ini kerana ada dalam pemikiran setengah-setengah orang bahawa import beras lebih murah daripada kita memajukan jelapang-jelapang padi seperti di Sarawak. Bukan sahaja jelapang padi di Kedah tetapi seperti di Perak. Di Sarawak saya dengar disediakan tanah tapi kerana ada pemikiran ICU ke atau sesiapalah di mana-mana masih berfikir import lebih murah daripada kita mengeluarkan padi sendiri. Ini pemikiran yang tidak boleh lagi hendak kita kekalkan.

#### ■1630

Kalau berlaku katalah beras-beras dari negara punca macam-macam boleh berlaku. besok tiba-tiba makanan dalam negara kita berkurangan kerana bukan kita tidak mampu hendak beli tapi negara punca tidak dapat menjual kerana masalah keadaan-keadaan yang ada di negara masing-masing. Dia hendak berniaga dengan kita tapi tidak boleh hendak *supply* pada

kita. Itu jadi masalah. Itu saya kata tadi di luar kemampuan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani apa pun dia hendak buat bergantung kepada fulus. *Inkan mafi fulus khalas*. Ini cerita betul.

Jadi saya cuma hendak menyentuh ini supaya boleh tidak paradigma diubah kepada pemikiran yang seperti ini supaya kita sediakan payunglah Tuan Pengerusi sebelum hari hujan. Terima kasih.

**Datuk Seri Haji Noh bin Haji Omar:** Saya setuju dengan pendapat Yang Berhormat. Saya pun berpendapat yang sama malah negara-negara lain pun hari ini memang sedang menuju *self-sufficient*. Di Indonesia dia juga sudah capai. Di negara-negara jiran dia sudah pun capai. Jadi kerana itu seperti yang saya nyatakan tadi bahawa kita mesti kena berusaha untuk kita cukup *self-sufficient* mesti capai. Bila yang salah satu saya sebut tadi bila Yang Berhormat sebut jelapang padi baru saya teringat sekarang ini jelapang padi macam kawasan IADA, MADA, KADA, Seberang Perak dan sebagainya ini kita akan perluaskan. Macam baru-baru ini kita sudah isytiharkan di kawasan Pekan sampai Rompin jelapang padi yang baru. Jadi itu yang pertama.

Yang kedua, kita juga kena fikir siapa yang hendak kerjakan sawah padi sebab hari ini budak-budak muda sudah ramai yang tidak minat hendak kerja sawah padi. Jadi kerana itu di bawah NKEA kita kena memikirkan bahawa kita akan berusaha untuk menguruskan pesawah padi ini secara ladang sebagai mana yang FELCRA buat di Seberang Perak secara ladang bukan lagi secara individu kerana ramai budak muda sudah lari sudah tidak berminat. Jadi ini memang dalam perancangan kerana itu kerajaan dia lihat seperti Yang Berhormat kata kemungkinan kerajaan melihat kemampuan kementerian ini mungkin agak terhad. Sebab itu hari ini kerajaan tubuhkan satu lagi NKEA khas untuk pertanian dan salah satu NKEA ini ialah untuk kita menjurus lebih khusus bagaimana kita hendak mencapai *food security*.

**Tuan Muhammad bin Husain[Pasir Puteh]:** *[Bangun]*

**Datuk Seri Haji Noh bin Haji Omar:** Tuan Pengerusi, saya boleh bagi tapi masa saya setengah jam lagi ini.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, sampai jam 5.00 petang.

**Datuk Seri Haji Noh bin Haji Omar:** Boleh bagi saya jawab dahulu. Saya punya masa setengah jam lagi ini.

**Tuan Muhammad bin Husain[Pasir Puteh]:** Sedikit sahaja, sedikit sahaja.

**Datuk Seri Haji Noh bin Haji Omar:** Nanti kawan-kawan marah saya tidak jawab dia punya.

**Tuan Muhammad bin Husain[Pasir Puteh]:** Sedikit sahaja, seminit, seminit.

**Datuk Seri Haji Noh bin Haji Omar:** Okey.

**Tuan Muhammad bin Husain[Pasir Puteh]:** Pasal saya baca surat khabar hari ini dia kata krisis makanan 2030 Yang Berhormat Menteri Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi

sebut hari ini. Jadi maknanya semacam lah seperti yang disebut oleh kawan-kawan tadi bahawa kerajaan macam tidak ada lagi perancangan kita hendak hapuskan 30% pergantungan kita kepada luar negara itu. Maknanya kerajaan kena ada satu *target* masa tertentu. 10 tahun lagi kita eksport beras ini. Sampai kita dok makan beras daripada Thailand sekarang ini. Contoh sedikit lagi iaitu macam syarikat-syarikat kita yang dok jual beras sekarang ini banyak digunakan beras Siam Super. Mereka ambil beras daripada luar negara.

Jadi ini maksudnya bahawa kita tidak ada perancangan betul tentang hendak hapuskan 30% itu.

**Datuk Seri Haji Noh bin Haji Omar:** Okey saya faham. Yang Berhormat baca surat khabar itu baca *headline* sahaja kot. Cuba baca sampai habis. Yang Berhormat tidak baca sampai habis itu. Saya baca tadi sampai habis. Itu tajuk dia Malaysia menghadapi krisis makanan. Sebab itu salah satu. Kalau Yang Berhormat baca sampai habis salah satu mengatasinya ialah kerajaan memperuntukkan duit yang banyak untuk R&D yang saya sebutkan tadi. Jadi janganlah Yang Berhormat baca tidak habis lepas itu kata kita tidak ada perancangan. Ada perancanganlah itu Yang Berhormat Menteri MOSTI beritahu itu. Itu bawah kementerian dia yang dia cakap itu. Ini yang saya cakap ini bawah kementerian saya. *Insyallah* kita akan.

Akan tetapi saya hendak beritahu Yang Berhormat memang ramalan di peringkat dunia menjelang tahun 2030 kalau tidak silap saya memang dunia menghadapi masalah makanan kerana pada sekarang ini kalau mengikut antarabangsa setiap negara mesti mampu mengeluarkan 70% produk makanan. Kalau tidak sampai seluruh dunia akan menghadapi masalah ini. Memang kalau kita pergi peringkat antarabangsa saya sudah pergi OIC, APEC, FAO semua membincangkan masalah *food security* ini kerana akibat perubahan cuaca ini. Okey Yang Berhormat. Jadi saya minta izin kalau boleh sebab saya tinggal setengah jam lagi ini...

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Minta izin untuk tidak dicelah Yang Berhormat?

**Datuk Seri Haji Noh bin Haji Omar:** Ya. Kemudian mengenai Yang Berhormat Pokok Sena juga membangkitkan pasal tadi kata ambil tanah. Tadi sebenarnya Yang Berhormat bangkit tadi itu bukan bawah jabatan Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, bawah kementerian kami bawah JPS. Memang dasar kerajaan kita tidak boleh memulakan projek sekiranya masalah tanah itu belum selesai. Jadi mesti selesaikan masalah tanah dahulu. Akan tetapi oleh kerana di kawasan MADA Yang Berhormat bangkit ini kita hendak buat skim pengaliran pinggir MADA ini dia ada 11 blok pengairan. Dia akan melibatkan keluasan lebih kurang 2,943 hektar dengan dianggarkan ada 1,900 petani akan terlibat.

Jadi saya sendiri minta kebenaran daripada Kabinet kalau Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani hendak tunggu sampai tanah itu selesai di bawah Akta Pengambilan Tanah saya tahu proses pengambilan tanah ini mengambil masa sedangkan tanah yang kita hendak ambil ini bukannya luas pun. Kadang-kadang macam di Bagan Serai itu hendak buat terowong

itu lebih kurang enam kaki sahaja. Bila enam kaki ia melibatkan beratus tuan punya tanah. Hendak ambil seorang-seorang itu memang susah.

Jadi dengan kebenaran daripada kerajaan, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani kita minta kebenaran supaya benarkan kami dahulukan projek tetapi dengan syarat mesti mendapat persetujuan daripada tuan tanah. Jadi saya difahamkan tadi bila Yang Berhormat bangkit kalau projek Yang Berhormat bangkit tadi mana-mana tuan tanah kalau satu kelompok kalau ada yang tidak bersetuju kami tidak buat. Yang kami buat itu ialah orang yang bersetuju dengan janji kita, kita akan bayar kemudian. Kalau kita hendak tunggu sampai proses pengambilan tanah dua tahun tiga tahun pun tidak selesai. Maka peruntukan kementerian pula kita sedia maklum dia mesti belanja di dalam tahun-tahun yang telah diluluskan. Jadi memang kita sedar bukan sahaja tempat Yang Berhormat malah banyak kawasan. Bagan Serai pun hari itu saya pergi duit sampai tidak boleh hendak belanja kena pulang balik sebab mereka kata tidak boleh hendak mula projek kerana pengambilan tanah belum selesai dan sebagainya.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Yang Berhormat Menteri, saya hadir dalam mesyuarat Majlis Daerah Pokok Sena ada nota kepada kami bahawa masalahnya sekarang ini tidak ada pertemuan dengan tuan tanah. Tidak ada pertemuan dengan tuan tanah. Yang ada hanya dipanggil ialah ketua unit dan JKPP itu sahaja. Kemudian macam ada satu ugutan. Yang panggil ini syarikat bukan agensi ini. Syarikat Teak Ventures. Jadi maknanya kalau tidak dia kata projek ini akan lari pergi tempat lain. Jadi bagi tahu kepada JKPP kepada ketua unit. Ini yang jadi masalah sehingga pegawai-pegawai kerajaan di peringkat pejabat daerah, DO dan sebagainya kata macam mana ini kita tidak di *consult* terlebih dahulu.

**Datuk Seri Haji Noh bin Haji Omar:** Baik Yang Berhormat...

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Jadi saya minta tolong jangan...

**Datuk Seri Haji Noh bin Haji Omar:** Baik, Yang Berhormat cakap itu mungkin betul. Saya difahamkan telah dipanggil tapi mungkin Yang Berhormat kata dia hanya panggil ketua-ketua unit, ketua JKPP baiklah kalau macam itu mungkin Yang Berhormat kata hendak jumpa dengan semua petani tapi kalau ini kehendak Yang Berhormat mungkin kita boleh susun dengan semua petani tapi yang kedua itu bukan ugutan. Ini kenyataan. Kalau ada seorang tidak bersetuju maka kita tidak boleh buat tanah ini. Yang rugi siapa? Katalah ada melibatkan 50 orang, seorang sahaja yang tidak bersetuju, 49 lagi akan rugi sebab kita tidak akan masuk. Itu prinsip kita. Kita faham undang-undang ini. Maka dia boleh *sue* kita pun.

Jadi kalau Yang Berhormat kata hendak jumpa dengan semua orang saya ingat saya boleh arahkan pegawai saya jumpa dengan semua orang tapi yang kata hendak alih ke tempat lain itu bukan ugutan, itu kenyataan. Kalau kita tidak belanjakan duit katalah hendak buat satu blok kita tidak boleh buat. Kita sudah cukup bulan 10 kita kena pindahkan duit ini. Kalau kita tidak gunakan duit yang ada kita kena pulangkan balik kepada kewangan. Jadi bukannya ugutan Yang Berhormat. Itu ialah fakta. Jadi tak apa, kalau Yang Berhormat tidak puas hati cara itu tak

apa kita akan panggil tapi apa juga Yang Berhormat kena ingat adakah sebab seorang maka 49 akan rugi. Kalau sebab minoriti tidak bersetuju majoriti akan rugi tetapi itu yang kita hendak kena timbang. Bagi kita tadi kita duduk berbincang bagaimana cara hendak dapatkan hasil yang baik. Ini sistem pengairan. Padi ini Yang Berhormat sedia maklum sistem pengairan ini amat penting.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Yang Berhormat, saya rasa *consult* lah juga dengan pejabat daerah. Jadi kemungkinan pejabat daerah boleh bantu.

**Datuk Seri Haji Noh bin Haji Omar:** Okey, tak apa ini saya hendak...

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Jadi bila tidak di *consult* dengan pejabat daerah macam mana kita hendak buat. Bila ada masalah, baru ditimbulkan kepada kami dalam mesyuarat majlis daerah. Itu *problem* dia.

**Datuk Seri Haji Noh bin Haji Omar:** Yang Berhormat saya setuju. Sepatutnya bukan syarikat yang *consult* dengan orang kampung. Itu saya bersetuju. Yang patut berjumpa dengan orang kampung ini ialah pegawai kementerian MADA yang patut berjumpa, bukannya syarikat. Syarikat ini dia buat projek. Itu saya bersetuju. Bermakna cara itu cara yang tidak betul. Ini kita akan siasat.

Okey saya pergi ke Yang Berhormat Sri Gading. Ini Yang Berhormat Sri Gading tadi bangkit mengenai banyak masalah TEKUN. Saya hendak nyatakan Yang Berhormat masalah Yang Berhormat bangkitkan iaitu TEKUN kita tidak nafikan bahawa TEKUN memang ditubuhkan untuk tolong pengusaha kecil.

#### ■1640

Akan tetapi masalah juga yang kita hadapi tahun lepas betul. Kita akui kerana pada masa itu kita dapat lambat sikit duit, RM200 juta itu lambat sikit dapat. Jadi kutipan kita pada masa itu lebih kurang RM15 juta tetapi yang duit kita nak bagi lebih daripada RM15 juta. Jadi kerana itu ada kes tertunggak terlampau banyak. Jadi apabila saya berjumpa dengan TEKUN, kita bincang bagaimana nak buat. Sama ada kita nak *write off* yang mana yang tertunggak ataupun bagi seorang sikit. Jadi kerana itu keputusan kita buat kita bagi seorang sikit tapi *Insyallah* saya diberi jaminan oleh TEKUN bahawa peruntukan yang RM200 juta itu telah pun dapat dan juga sistem yang dibuat ini dengan sistem kelulusan mengikut wilayah. Jika ikut standard TEKUN ialah dua bulan tetapi kita tak nafikan bahawa ada juga laporan kita dapat bahawa kadang-kadang pegawai-pegawai di bawah ini ambil borang tapi dia mungkin terlupa. Dia ambil, dia simpan. Bila dia simpan dekat peringkat bawah, jadi biasalah kalau orang tanya dia mana permohonan TEKUN dia, kalau dia salah pun dia cakap dia dah hantar ke ibu pejabat.

Jadi benda-benda seperti ini memang saya berikan perhatian serius. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga memberikan perhatian yang serius tapi walau bagaimanapun saya nak nyatakan sejak TEKUN ditubuhkan, kita telah berjaya memberikan pinjaman kepada lebih 175,000 yang melibatkan RM1.5 bilion. Hari ini kita tengok ramai juga peminjam-peminjam TEKUN yang telah dapat pinjam sampai tiga kali ke empat kali dan kita juga baru-baru ini saya

telah umumkan bahawa insentif akan diberi kepada mana-mana peminjam TEKUN yang *good paymaster* mungkin kita boleh bagi rebat dekat dia dan juga kita akan memberikan pinjaman kali kedua dan seterusnya walaupun dia belum habis lagi bayar kita dah telefon dia, okey boleh pinjam lagi.

**Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam]:** *[Bangun]*

**Datuk Seri Noh bin Haji Omar:** Jadi masalah juga Yang Berhormat kata pinjam tak bayar, ini masalah kita.

**Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam]:** Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Seri Noh bin Haji Omar:** Saya pun sendiri pernah kena juga tipu dek peminjam TEKUN. Saya pergi makan Yang Berhormat, tengok kasihan dia jual dekat gerai, kita tanya tapi bila bagi sahaja pinjaman, malam esok nak pergi dah hilang gerai dah. Ini masalah yang kita hadapi. Sebab itu bila perkara-perkara seperti ini kadang-kadang ada remeh temeh ini. Kita kalau ada peniaga dalam kawasan bandar, kawasan majlis tempatan kadang-kadang ada kelulusan dan sebagainya. *Red tape-red tape* macam ini tapi walau bagaimanapun saya telah minta supaya dikurangkan *red tape* ini dan janjinya dua bulan, kalau ada dengar lebih daripada dua bulan, Ahli-ahli Yang Berhormat boleh maklumkan kepada saya untuk kita siasat dengan TEKUN mengapa janji dua bulan tak dapat dilaksanakan.

**Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam]:** Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Simpang Renggam.

**Datuk Seri Noh bin Haji Omar:** Saya masa tak adalah, Yang Berhormat.

**Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam]:** TEKUN sikit sahaja.

**Datuk Seri Noh bin Haji Omar:** Banyak lagi ini.

**Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam]:** Saya mengalu-alukan kerajaan kerana mengadakan TEKUN ini sebab dapat membantu ramai petani di kawasan saya juga. Saya cuma ingin dapatkan pengesahan daripada Yang Berhormat Menteri, TEKUN ini adakah ia cuma khas untuk bumiputera ataupun Melayu sebab saya ingat sebelum ini ia dibuka untuk kaum India juga sebab saya lihat di kawasan di sebelah Sabah dan Sarawak seperti Iban pun ramai yang tidak dapat manfaat daripada TEKUN. Saya minta penjelasan sikit. Terima kasih.

**Datuk Seri Noh bin Haji Omar:** Yang Berhormat, TEKUN ini bila ditubuhkan memang hasil daripada resolusi konvensyen UMNO, kita mula-mula nak bantu usahawan bumiputera, makna kalau Sabah dan Sarawak patut dapatlah. Kemudian mulai dua tahun lepas kalau saya tak silap, bila ada satu kajian yang dibuat oleh golongan India ini melalui yayasan, saya lupa nama yayasannya.

**Tuan P. Kamalanathan a/l P.Panchanathan [Hulu Selangor]:** Yayasan Strategik Sosial.

**Datuk Seri Noh bin Haji Omar:** Ha, Yayasan Strategik Sosial. Yayasan ini telah membuat satu cadangan kepada kita bahawa didapati ada juga golongan-golongan India yang

harus diberikan bantuan. Jadi kerana itu kerajaan telah meluluskan RM20 juta untuk permulaan ini untuk memberi pinjaman juga kepada kaum India tapi dalam masa yang sama kaum Cina pun kalau dia datang, kita tengok keperluan itu memang perlu, ada juga yang kita beri daripada duit pusingan kita, ada. Kalau Yang Berhormat boleh semak dengan TEKUN, kalau saya tak silap hampir dekat 50 orang ke 60 orang. Ada peniaga-peniaga kecil Cina yang datang, kita akan bagi dalam konsep 1Malaysia ini.

Jadi Yang Berhormat, ini memang kita beri kepada semua. Yang Berhormat dari Parit Sulong telah membangkitkan pembangunan usahawan nelayan. Saya dah nyatakan bahawa peranan persatuan nelayan dalam membangun usahawan nelayan ialah dengan mengenal pasti nelayan-nelayan berpotensi dan berminat untuk menaik taraf sebagai usahawan nelayan dalam RMKe-9. Seramai 281 orang nelayan telah dibangunkan dan 34 orang telah dinaikkan taraf dalam bidang industri asas tani.

Dalam Projek Agropelancongan Nelayan pula, kerajaan menggalakkan nelayan menceburi bidang *sport fishing*, medan ikan bakar, inap desa ataupun *homestay* dan juga chalet. Seramai 540 nelayan terlibat secara langsung dalam bidang agropelancongan. Kementerian telah membantu nelayan dalam bidang ini melalui pinjaman mudah dana nelayan. Industri perikanan yang diceburi oleh nelayan dengan jayanya ialah industri asas tani, akuakultur dan juga tangkapan ikan. Industri ini telah memberi impak positif kepada keperluan ikan dan hasil perikanan negara dan juga berupaya menembusi pasaran global luar negara. Kuantiti dan nilai eksport ikan tahun 2009 melalui pintu keluar masuk LKIM berjumlah 228,000 metrik dengan nilai RM1.7 bilion. Bagi pelaksanaan Projek Kecil Ahli Parlimen yang dilaksanakan oleh LKIM, sehingga 2010 adalah berjumlah 71 projek di 24 kawasan Parlimen. Kerajaan telah menetapkan diesel, ini masalah diesel yang jadi isu pada hari ini, bahawa kerajaan telah menetapkan diesel bersubsidi dijual kepada nelayan pada harga RM1.25 sen seliter.

NEKMAT, PANESA dan Ko-Nelayan sebagai pihak pengedar hanya mendapat harga diesel daripada syarikat minyak dengan harga RM1.20 sen seliter. Oleh itu margin keuntungan kepada pengedar dan peruncit adalah lima sen seliter sahaja, kos pengangkutan ditanggung oleh syarikat minyak. Dengan keuntungan lima sen inilah pengedar dan peruncit terpaksa menanggung kos operasi. Dalam hal ini, nelayan lebih beruntung dengan mendapat harga subsidi RM1.25 sen berbanding dengan harga RM1.75 sen seliter di setiap pam. Jadi dalam erti kata lain bahawa persatuan nelayan yang jadi pengedar hanya dapat lima sen satu liter. Akan tetapi yang isu yang dikatakan kebocoran ada dua, satu bocor atas darat dan satu bocor dalam laut. Yang bocor atas darat ini kita telah pun memulakan supaya syarikat minyak, lori ataupun *tank* yang bawa minyak ini hendaklah dipilih ataupun dipilih oleh syarikat minyak. Jadi kita hanya bayar berapa minyak yang kita dapat di pam kita. Kalau dulu kita yang tanggung, itu yang kadang-kadang berhenti tepi jalan kata jual tempat lain. Akan tetapi sekarang ini *whatever*, apa juga berlaku ketirisan di tengah jalan, itu syarikat minyak kena tanggung, kerajaan takkan bayar.

Hanya hari ini ialah bagaimana kita nak pastikan supaya minyak yang diberi kepada nelayan ini benar-benar dimanfaatkan.

Berbagai-bagai tuduhan, kata nelayan jual dan sebagainya. Mungkin ada, kecurian ini mungkin ada juga kebenarannya tetapi oleh itu pada saat ini kementerian sedang berusaha untuk mengkaji bukan sahaja subsidi insentif kepada nelayan tetapi semua. Ternakan dan sebagainya sedang dikaji untuk memastikan benar-benar setiap yang kita beri boleh meninggikan produktiviti golongan sasar kita. Kita pernah berdialog dengan nelayan, kita kata nak cadang supaya berdasarkan kepada tangkapan ikan. Dia tanya saya, dia kata boleh tak Datuk Menteri memberi jaminan bila saya turun dalam laut, saya mesti dapat sekian-kian kilo. Ini kerana dia kata, ikut pengalaman mereka sebagai nelayan, bila mereka pergi tangkap ikan, lagi tak dapat ikan lagi banyak pakai minyak sebab dia kena *round* cari kawasan ikan. Jadi inilah, kita juga kena dengar juga rintihan-rintihan mereka tetapi pada hari ini kita memberi peluang kepada semua persatuan nelayan, kita dah berjumpa dan kalau ada mana-mana pihak yang memberikan dan mengemukakan cadangan-cadangan yang dilihat lebih bernas untuk membantu nelayan, maka kita di kementerian menerima dengan terbuka.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** *[Bangun]*

**Datuk Seri Noh bin Haji Omar:** Yang Berhormat, masa dah tak ada Yang Berhormat. Saya boleh cakap tapi masa saya tak ada. Takut nanti kawan-kawan yang lain marah sebab tak dapat. *[Dewan riuh]*

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Pasal minyak. *[Dewan riuh]*

**Datuk Seri Noh bin Haji Omar:** Pasal minyak ini saya dah ambil perhatian dah, saya dah ambil perhatian. Kita dah sedar pun, sebelum perkara ini ditimbulkan pun memang kita dah tahu perkara ini.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Isu tentang penutupan pembekal minyak yang disyaki salah gunakan bekalan minyak tapi kementerian menutup pembekal itu dan minta nelayan pergi ke tempat lain yang sangat jauh untuk beli.

#### ■1650

Saya cadangkan kalau kementerian menutup mana-mana pembekal minyak subsidi yang disyaki menyalahgunakan apa-apa peraturan, digantikan dengan pembekal baru di tempat yang sama supaya tidak – di kawasan Lekir berlaku ini. Kalau boleh, Yang Berhormat Menteri mengambil berat tentang hal ini.

**Datuk Seri Noh bin Haji Omar:** Okey, saya ambil perhatianlah. Ertinya, tindakan kita ambillah. Terima kasih Yang Berhormat, kerana bangkitkan. Ertinya kita memang ambil pandangan serius. Kalau kita dapati ada berlaku penyelewengan, kita tidak boleh tolak ansur, kita akan tutup. Kalau nelayan pula kita dapati dia cuba salah gunakan lesen minyak, kita akan batalkan lesen dia dan dia memang telah tidak dapat minyak subsidi. Akan tetapi ramai juga

yang datang merayu supaya diberi peluang kali yang kedua. Untuk Lekir ini Yang Berhormat, mungkin berlaku penyelewengan di tempat Yang Berhormatlah ini. Jadi kita akan...

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Maksud saya, yang disyaki ada penyelewengan, kita minta seorang pembekal baru di tempat yang sama. Jangan minta nelayan pergi ke tempat sangat jauh.

**Datuk Seri Noh bin Haji Omar:** Okey, *I take note*, saya faham. Kerajaan Barisan Nasional ini apa juga untuk kemudahan rakyat, kita akan utamakan. Yang Berhormat jangan susah hati.

Tuan Pengerusi, saya ada berapa minit lagi? Ada 10 minit lagi, banyak betul ini. Yang Berhormat Jempol tadi saya dah sentuh. Yang Berhormat Sepanggar, saya ingat tadi isu yang Yang Berhormat Sepanggar telah pun dijawab oleh Yang Berhormat Kota Belud, dia dah tolong saya tadi. Kemudian tadi mengenai daging halal, saya ingat isu-isu ini lebih kurang sama. Saya akan sentuh tadi ikan, padi dan juga veterinar ini – maknanya banyak sebut fasal daging halal.

Saya hendak nyatakan bahawa sebelum kita benarkan mana-mana pengeksport untuk mengimport daging dari luar – ayam dan sebagainya, dia tidak boleh mengimport sesuka hati. Satu jawatankuasa yang diketuai oleh JAKIM, wakil daripada Kementerian Kesihatan dan wakil daripada Jabatan Veterinar – mereka kena pergi ke luar negara tengok arah kiblat, potong boleh kah tidak dan sebagainya. Bila sudah disahkan bahawa rumah sembelihan itu – ya lah, ada tempat-tempat tidak boleh bersebelah dengan binatang-binatang yang lain. Semua ciri-ciri seperti mana kita tentukan tahap-tahap halal di Malaysia, kita gunakan di luar negara.

Setelah itu, barulah diberikan lesen. Bila dapat kelulusan daripada veterinar yang mana Menteri sains, luluskan, barulah daging itu boleh diimport. Kalau kita dapati ada kompelin daripada satu-satu rumah sembelihan di luar itu – ada juga yang bila dah dapat lesen, dia dah ubah macam-macam. Kalau kita dapat *report*, kita akan pergi balik lihat dan kita akan tutup. Jadi saya hendak beri jaminan bahawa setakat ini, daging-daging yang kita import dari luar negara, ini adalah dari tempat-tempat yang halal. Saya hendak beritahu kalau dari India, daging yang kita import itu bukannya daging lembu, itu adalah daging kerbau. Jangan salah faham.

Juga, Yang Berhormat cerita tadi mengenai veterinar yang kata import lembu 500 ekor setahun, yang kita import itu ialah bakanya – baka yang kita buat kajian. Oleh sebab itu kita tidak import banyak. Bila baka ini kita ambil, kita buat kajian, maka dengan baka-baka ini nanti kita akan agihkan kepada projek-projek teras yang ada dengan kita. Kita juga ada kawasan-kawasan macam di Pondok Tanjung di Perak yang dikenal pasti kawasan untuk ternak kambing, di Gemas untuk lembu. Ini semuanya memang ada dalam perhatian kita.

Begitu juga dengan air zon ZIA tadi yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Lenggong. ZIA (Zon Industri Akuakultur), kita memang sudah pun mendapat kerjasama dari beberapa negeri untuk kita gazetkan sebagai kawasan ZIA dan di situlah kita akan bangunkan pembangunan akuakultur.

Akhir sekali, saya hendak jawab Yang Berhormat Batu Gajah. Yang Berhormat Batu Gajah, ini saya hendak jawab. Yang Berhormat tidak ada di sana dan saya pun tidak ada di sana. Bila saya dapat panggilan mengatakan Yang Berhormat ADUN Sekinchan kena pukul, saya terkejut sebab apa orang pukul dia. Saya tanya Yang Berhormat, soalnya mengapa dia kena pukul? Saya tanya orang kampung senang sahaja, "*Mengapa you all pukul dia?*" Mengapa orang kampung pukul dia? So orang kampung kata, yang pertama – mereka beritahu saya melalui telefon.

Orang kampung kata Yang Berhormat, dia datang hendak buat demonstrasi. Saya kata, "*Mana kamu tahu dia hendak buat demonstrasi? Mungkin dia pergi hendak minum kopi. Mungkin dia sebagai wakil rakyat, dia hendak pergi jumpa orang kampung di kedai kopi.*" Mereka kata Tuan Pengerusi, "*Kalau dia hendak pergi jumpa rakyat minum kopi, takkan polis sudah ramai bersedia.*" Bermakna, polis dah tahu bahawa mereka hendak buat demonstrasi haram. Okey, yang kedua, saya tanya, "*Ramai kah?*"

**Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]:** *[Bangun]*

**Datuk Seri Noh bin Haji Omar:** Yang Berhormat, dengarlah cerita saya. *[Dewan riuh]*

**Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]:** Hakikatnya Yang Berhormat Menteri, tindakan ganas itu tidak perlu dibela. *[Tepuk]* Kita kena beri teguran dan nasihat kepada orang kampung. *[Dewan riuh]*

**Datuk Seri Noh bin Haji Omar:** Dengarlah.

**Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat Shah Alam, dengarlah dulu Yang Berhormat Shah Alam.

**Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]:** Apa sekalipun, tindakan ganas ini tidak boleh kita bela.

**Datuk Seri Noh bin Haji Omar:** Baik, Yang Berhormat. Jadi maksud Yang Berhormat, saya kena marah orang kampungkah? Saya kena marah kata, "*Kamu semua ini biadab kah pergi pukul wakil rakyat?*" Itu kah Yang Berhormat hendak saya buat?

**Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]:** Bukanlah marah...

**Datuk Seri Noh bin Haji Omar:** Dengar dulu Yang Berhormat.

**Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]:** Akan tetapi kita berilah nasihat...

**Datuk Seri Noh bin Haji Omar:** Saya bagi nasihatlah ini.

**Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]:** Sebagai pemimpin. Kita tunjukkan contoh yang baik. *[Dewan riuh]*

**Datuk Seri Noh bin Haji Omar:** Yang Berhormat...

**Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]:** Hormatlah undang-undang.

**Datuk Seri Noh bin Haji Omar:** Ya, Yang Berhormat duduklah dahulu.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Shah Alam...

**Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]:** Jangan ambil tindakan yang kata padan muka kepada ADUN Sekinchan. Ini sikap apa?

**Datuk Seri Noh bin Haji Omar:** Yang Berhormat tak payah nasihat, saya tahulah.

**Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]:** Yang Berhormat sebagai Menteri, tunjukkan contoh yang boleh dicontohi.

**Datuk Seri Noh bin Haji Omar:** Duduklah dahulu, duduk. Yang Berhormat, Yang Berhormat kalau *gentlemen*, bagi saya jawablah. Yang Berhormat tidak ada di sana, saya tidak ada di sana, dengar dulu cerita saya. Apa lagi?

**Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]:** [*Bangun*]

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat.

**Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]:** Kalau dah tahu tidak ada di sana, kenapa kata dia padan muka? [*Dewan riuh*]

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Shah Alam. Yang lain saya minta diam Yang Berhormat. Biar Menteri jawab dahulu.

**Datuk Seri Noh bin Haji Omar:** Yang Berhormat, untuk menyelesaikan masalah ini, saya hendak beritahu kepada Ahli-ahli Dewan. Saya telah tulis surat rasmi kepada Menteri Besar Selangor bahawa saya hendak jumpa dengan semua ADUN Selangor termasuk ADUN Sekinchan. Biar dia berdepan dengan saya. Yang Berhormat tidak payah campur tangan, saya berdepan dengan ADUN Sekinchan. Saya sedang menunggu bila Menteri Besar Selangor dan Ahli Parlimen Bandar Tun Razak untuk jemput saya. [*Dewan riuh*]

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat.

**Datuk Seri Noh bin Haji Omar:** Kalau Yang Berhormat hendak datang pun datanglah, datang di Selangor.

**Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]:** Tuan Pengerusi, masalahnya bila Menteri ini tidak hormat undang-undang, sampai ke tahap boleh membela orang yang memukul.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat...

**Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]:** Apa salah sekali pun, dia hendak buat demonstrasi kah...

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** Tepat sekali Yang Berhormat Shah Alam.

**Datuk Seri Noh bin Haji Omar:** Tuan Pengerusi, bagi saya...

**Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]:** *You cannot justify the minor.*

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, sebentar Yang Berhormat.

**Datuk Seri Noh bin Haji Omar:** Saya cukup minat ayat Yang Berhormat – kata tidak menghormati undang-undang. Soalnya sekarang ini, orang kampung lebih pandai daripada Yang Berhormat. [*Tepuk*] Sebab orang kampung kata, yang tidak menghormati undang-undang ialah wakil rakyat.

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** Jadi pukul orang itu pandai, itu sikap samseng. Pukul orang sikap samseng.

**Datuk Seri Noh bin Haji Omar:** Dia hendak buat demonstrasi, dia tidak ada permit.

**Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]:** Kalau hendak buat demonstrasi, tidak bererti kita boleh benarkan orang kampung pukul dia.

**Datuk Seri Noh bin Haji Omar:** Ya, masalahnya bukan ...

**Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli [Kuala Krai]:** Masih membela lagi, hendak bela lagi itu.

*[Dewan riuh]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat.

**Datuk Seri Noh bin Haji Omar:** Itulah wakil rakyat DAP, dia tidak ikut undang-undang.

**Seorang Ahli:** Ini kongsi gelap punya kerja.

**Datuk Seri Noh bin Haji Omar:** Negara kita... *[Dewan riuh]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Menteri, cukuplah Yang Berhormat. *[Dewan riuh]* Ahli-ahli Yang Berhormat...

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Ini jalan keganasan.

**Datuk Seri Noh bin Haji Omar:** Orang yang langgar undang-undang dia hendak marah, sebagai wakil rakyat, dia patut hormati undang-undang. *[Dewan riuh]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, cukuplah Yang Berhormat.

**Datuk Seri Noh bin Haji Omar:** Okey, perkara ini Yang Berhormat saya harap begini.

**Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli [Kuala Krai]:** Saya takut nanti Menteri pergi Kinabatangan, orang Kinabatangan pukul Menteri nanti. Tidak boleh pergi kawasan lainlah, tidak boleh pergi ADUN lainlah. Galakkan orang pukul. Ini Menteri ini.

**Datuk Seri Noh bin Haji Omar:** Ini sebelah sini *[Merujuk blok pembangkang]* semuanya penyokong yang takut undang-undang. Kita hanya pergi ikut undang-undang.

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** Menteri samseng.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat.

**Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli [Kuala Krai]:** Kita kena kutuk. *[Dewan riuh]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Shah Alam, Yang Berhormat Menteri, cukuplah Yang Berhormat.

#### ■1700

Ahli-ahli Yang Berhormat, isu ini tidak masuk dalam kementerian. Cukuplah, cukuplah. Habiskanlah Yang Berhormat.

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]* *[Dewan riuh]*

**Datuk Seri Noh bin Haji Omar:** Saya jawab, Yang Berhormat bangun, saya terangkan Yang Berhormat menyampuk pasal apa?

**Seorang Ahli:** Kalau ikut Yang Berhormat Lenggong, DAP...

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** *[Bangun]*

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Yang Berhormat Kepong.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kinabatangan.

**Datuk Seri Noh bin Haji Omar:** Yang bangkit Yang Berhormat Batu Gajah, Yang Berhormat tidak ada di sini tadi. [*Dewan riuh*]

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Kalau ada orang pukul, lapor polislah.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Sudah habis sudah Yang Berhormat.

**Datuk Seri Noh bin Haji Omar:** Yang bangkit, tidak bangkit ini - Yang Berhormat tidak ada Yang Berhormat diamlah. [*Dewan riuh*]

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Saya minta penjelasan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Ya, hendak bagi jalan Yang Berhormat?

**Datuk Seri Haji Noh bin Haji Omar:** Dia tidak tahu apa, dia hendak sokong membabi buta.

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Saya minta penjelasan. Dia kata saya bangkit, saya boleh tanya.

**Datuk Seri Noh bin Haji Omar:** Apa masalah dengan pembangkang? Jam saya sudah pukul 5.00 tepat, saya dengan ini mencadangkan.

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Malukan anggota Kabinet.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Cukuplah, duduklah Yang Berhormat.

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Sikap...

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** Menteri malu, malukan Parlimen sahaja.

**Datuk Seri Noh bin Haji Omar:** Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat betul-betul *gentlemen* jangan kacau. Bagi saya dengan Yang Berhormat Batu Gajah. Ini isu dia yang bangkit, jangan kacau.

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** Dia bukan kampung Gajah, dia Batu Gajah.

**Datuk Seri Noh bin Haji Omar:** Yang Berhormat Batu Gajah, Yang Berhormat Batu Gajah, okey, sila Yang Berhormat.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Bila lagi pilih, pilih. PAS pilih DAP.

**Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** Tuan Pengerusi, Tuan Pengerusi...

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Tuan Pengerusi...

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kepong duduk.

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri...

**Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** Isu Sekinchan mungkin tidak ada dalam...

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, cukuplah Yang Berhormat.

**Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** Tetapi isu...

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Sebab itu saya kata isu ini tidak ada kaitan dengan kementerian.

**Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** Akan tetapi isu Pelabuhan Perikanan Batu Maung Pulau Pinang, Tuan Pengerusi MITP.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat...

**Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** Yang merupakan...

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kuala Selangor, Menteri bagi jalan kepada Yang Berhormat Batu Gajah sekarang. Selepas itu saya minta Menteri habiskan.

**Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat Jerai, bangun Yang Berhormat Jerai.

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Dengar baik-baik Yang Berhormat Menteri. Nasib baik tidak ada rombakan Kabinet. Kalau ada rombakan Kabinet saya rasa Yang Berhormat...

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, *unnecessary* yang itu, tidak perlulah Yang Berhormat.

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Sudah dibuang. Saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri...

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Yang Berhormat ini beri naik lagilah.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Yang Berhormat Batu Gajah perlu untuk berhenti, keluar DAP.

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Yang Berhormat sebagai pemimpin dalam Kabinet. Tadi Yang Berhormat kata tidak ada di sana, saya tidak ada di sana. Akan tetapi mengapa Yang Berhormat buat kenyataan bahawa ADUN itu *deserve it*. Itu bukannya Yang Berhormat telah menggalakkan penggunaan keganasan? Itu persoalannya.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, selesaikan Yang Berhormat.

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Yang Berhormat, tidak perlu saya ajar Yang Berhormat. Sebagai seorang pemimpin...

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Tiada kaitan dengan kementerian Yang Berhormat.

**Datuk Raime Unggi [Tenom]:** Ini butiran apa ini?

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Seharusnya menyatakan apakah sebab kejadian itu berlaku...

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Ini butiran mana? Ini butiran mana?

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Menyokong keganasan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Batu Gajah, cukuplah Yang Berhormat.

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Ini mencerminkan Yang Berhormat suka keganasan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Cukup Yang Berhormat.

**Datuk Seri Noh bin Haji Omar:** Saya faham.

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Bersikap macam *gangster*.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat.

**Datuk Seri Noh bin Haji Omar:** Yang Berhormat...

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Yang Berhormat Batu Gajah janganlah...

**Datuk Seri Noh bin Haji Omar:** Saya sudah bagi tahu tadi ini *conversation* saya dengan orang kampung. Saya tanya dengan mereka, '*mengapa kamu orang pukul dia*'.

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Jangan alih isu, jangan alih isu. Isu saya mengapa Yang Berhormat mengeluarkan kenyataan menggalakkan penggunaan keganasan.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Yang Berhormat Batu Gajah...

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Batu Gajah.

**Datuk Seri Noh bin Haji Omar:** Isu ini saya akan berjumpa dengan ADUN Sekinchan, dia yang tahu apa yang berlaku sebenarnya. Saya akan selesaikan.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Kalau sudah samseng, pukul dia.

**Datuk Seri Noh bin Haji Omar:** Kalau Yang Berhormat Shah Alam pun boleh datang dengar nanti di Sekinchan.

**Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** Tuan Pengerusi...

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Sudah selesai Yang Berhormat.

**Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** Tuan Pengerusi, Perikanan ....

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kuala Selangor, sudah cukup Yang Berhormat.

**Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** Tadi Tuan Pengerusi kata boleh jawab oleh Menteri.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Sudah habis Yang Berhormat, duduklah, duduklah.

**Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** Ini tanggungjawab Menteri jawab.

**Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]:** Isu beras...

**Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** Projek kerjasama. [*Dewan riuh*]

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Cukuplah Yang Berhormat, Menteri sudah habis menjawab.

**Datuk Seri Noh bin Haji Omar:** Saya boleh jawab. Perkara ini tidak dibangkitkan dalam perbahasan. Yang Berhormat tidak bangkitkan dan tidak berucap.

**Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** Tuan Pengerusi minta saya bangkit dalam penggulungan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Boleh jawab secara bertulis Yang Berhormat.

**Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** Ini adalah usaha sama...

**Datuk Seri Noh bin Haji Omar:** Yang Berhormat tidak bangkit lagi, saya boleh jawab.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, duduklah Yang Berhormat. Menteri menjawab Yang Berhormat duduk dahulu.

**Datuk Seri Noh bin Haji Omar:** Tuan Pengerusi, kes MITP ini sedang berada dalam mahkamah. Oleh kerana kes ini sedang berada dalam mahkamah, OSK tengah saman MITP, jadi *sub-judice* kalau saya hendak bincangkan di sini. Malah dalam jawapan Parlimen bertulis pun kita sudah jawab perkara ini Yang Berhormat.

**Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]:** Bukan faham pun.

**Datuk Seri Noh bin Haji Omar:** Hendak jawab apa lagi? Kes mahkamah pun hendak geleng kepala juga? *Allah* Yang Berhormat.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Sudah habis Yang Berhormat ya. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM2,772,289,000 untuk Maksud B.21 di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM2,772,289,000 untuk Maksud B.21 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM607,960,000 untuk Maksud P.21 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2011 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM607,960,000 untuk Maksud P.21 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2011.

**Maksud B. 22 [Jadual] –  
Maksud P. 22 [Anggaran Pembangunan 2011] -**

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Kepala Bekalan B.22 dan Kepala Pembangunan P.22 di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah terbuka untuk dibahas.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Sri Aman.

**5.06 ptg.**

**Tuan Masir Kujat [Sri Aman]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk butiran yang disebut dalam 01702 iaitu mengenai Bekalan Elektrik Luar Bandar di kawasan Sri Aman.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar) *mempengerusikan jawatankuasa*]

Pada sekarang, kerajaan telah melaksanakan talian gred *over head* di kawasan Sri Aman, tetapi saya difahamkan untuk menyalurkan tenaga elektrik kampung-kampung di sepanjang jalan tersebut belum lagi ada peruntukan. Jadi saya ingin bertanya kepada kementerian sama ada peruntukan yang mencukupi telah disediakan untuk memasukkan semua rumah panjang di tepi jalan sepanjang *over head* itu untuk tahun ini ke tahun 2012. itu satu.

Kedua, kawasan-kawasan yang terpinggir kawasan yang tidak ada jalan, jadi saya berharap kerajaan akan mengkaji kemungkinan mengadakan projek elektrik secara alternatif sama ada menggunakan tenaga solar *high* ... ataupun mikro hidro. Saya sering mengemukakan masalah ini, tetapi setakat ini di Sri Aman belum ada peruntukan yang mencukupi untuk membekalkan tenaga elektrik kepada kawasan-kawasan terpinggir.

Butiran kedua ialah Butir 022002 dan 022004 mengenai bekalan air luar bandar. Dalam tiga tahun akan datang sehingga tahun 2012, beberapa kawasan telah diluluskan untuk bekalan air luar bandar. Tetapi masalah yang timbul di kawasan Sri Aman banyak kawasan rumah panjang di mana kawasan sekelilingnya telah dibiarkan tanaman ladang secara komersial kelapa sawit dan ini akan menjejaskan bekalan air secara graviti dan saya harap kementerian akan mengkaji hal ini sebab kalau air tercemar, maka penduduk-penduduk di kawasan pedalaman susah untuk bergantung pada bekalan air hujan. Jadi saya berharap, bekalan air bersih secara menggunakan paip dapat disambung pada kampung-kampung di kawasan pedalaman di Sri Aman.

Seterusnya ialah Butiran 02300 iaitu Jalan Luar Bandar. Saya juga pernah membangkitkan isu ini sebab di banyak kawasan pedalaman saya terdapat bukit bukau dan sebagainya. Kita telah mengadakan projek seperti yang telah dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri iaitu projek jambatan di Batang Serap. Tetapi untuk jalan penghubung kawasan-kawasan pedalaman di kampung itu hanya menggunakan jalan tanah merah dan sukar untuk mereka pergi ke bandar menjual barang-barang tanaman dan sebagainya. Jadi saya harap kementerian akan mengkaji dan sekurang-kurangnya buat kerja rumah ataupun mengkaji untuk menaik taraf jalan tersebut seperti jalan Ulu Pantu, Tanggas dan sebagainya.

Seterusnya Butiran 024004 iaitu Program Lonjakan Mega yang saya maksudkan ialah Agropolitan yang kita ada di Sri Aman termasuk juga yang memasuki kawasan Batang Lupar. Jadi telah diluluskan Agropolitan di mana kita sekarang telah untuk tujuan tanaman padi secara komersial atau ladang besar.

**■1710**

Jadi, saya harap program-program ini dimasukkan juga di kawasan-kawasan kampung yang berdekatan dengan agropolitan yang telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri Sarawak di kawasan Setumbin, Tanjung Bijat, yang memasuki juga seperti yang saya maksudkan di Parlimen Batang Lupar. Jadi, saya harap projek-projek yang penting untuk meningkatkan atau peningkatan taraf penduduk di kawasan itu akan dinaikkan melalui projek ini.

Butiran yang terakhir ialah Butiran 06000 di bawah Lembaga Kemajuan Tanah Sarawak. Di Sri Aman, kita telah mengetahui satu kawasan LKTS yang telah lama ditubuhkan, di mana tanaman getah ataupun skim getah masih lagi di bawah LKTS, tetapi malangnya pada masa sekarang untuk penanaman semula getah pun tidak menjadi pada masa ini. Lebih-lebih lagi kawasan-kawasan di mana jalan-jalan telah tidak diselenggara. Bila kita mohon JKR untuk menyelenggara jalan, mereka kata ini di bawah bidang kuasa Lembaga Kemajuan Tanah Sarawak dan saya harap melalui peruntukan yang ada dalam Butiran 06000 ini, kerajaan dapat mengkaji bagaimana kita hendak menyelenggara jalan-jalan yang sudah teruk rosak dan sebagainya di kawasan Lembaga Kemajuan Tanah Sarawak di Beluku.

Jadi, dengan itu, Tuan Pengerusi, saya mengesyorkan agar kementerian akan meneliti perkara-perkara yang saya bangkitkan ini sebab memandangkan *election* peringkat DUN akan diadakan sebelum Julai tahun depan, jadi diharap ini tidak akan menjadi isu. *[Disampuk]* Jadi, saya harap perhatian yang sewajarnya diambil oleh kementerian. Sekian, saya menyokong.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya peringatkanlah. Ini Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, bukan "Kementerian of *Political Thought*". Jadi, saya berharap jangan bercerita politiklah. Kalau siapa cakap politik, saya berhenti daripada bercakaplah. Sebab kalau kita lihat tadi, sebab-sebab macam itulah Parlimen kita jadi macam tempat budak-budak kecil. Sila Yang Berhormat Sibu.

**5.12 ptg.**

**Tuan Wong Ho Leng [Sibu]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyampaikan dua isu yang berkaitan dengan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah di bawah Butiran 011400.

Isu 1 – Rumah Bantuan. Saya telah nampak banyak rumah di Sibu dibina di bawah Program Rumah Bantuan. Tidak diragukan bahawa para pemilik menghargai bantuan daripada kerajaan. Namun terdapat kes-kes yang menunjukkan bahawa manfaat-manfaat ini dinikmati oleh kontraktor dan orang-orang tengah.

Saya dimaklumkan bahawa Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah memperuntukkan RM40,000 untuk membina satu rumah di bawah program ini. Saya melawat beberapa rumah bantuan di Kampung Cheriah, Sibu pada minggu lalu. Saya melihat bahawa rumah yang dibina adalah kecil. Papan kayu yang bermutu rendah digunakan. Kontraktor tidak menggunakan *piling*, dengan izin, dan tiang panjang walaupun rumah-rumah

tersebut dibina di atas tanah paya. Lagi, tidak ada pegawai mengawasi kerja pembinaan ketika pembinaan dijalankan.

Oleh sebab itu, rumah-rumah yang dibina adalah kurang standard. Rumah-rumah bantuan ini tidak akan dapat tahan lama sebelum runtuh dan tidak dapat dihuni. Pemilik rumah pernah mengeluh kepada kontraktor bahawa kerja pembinaan teruk tetapi mereka diancam pembinaan akan dihentikan jika mereka mengeluh lagi. Pemilik rumah juga mengeluh bahawa mereka perlu membayar untuk penyambungan bekalan air dan elektrik selepas rumah siap dibina. Saya dimaklumkan bahawa kos pembinaan setiap rumah ini tidak melebihi RM17,000. Jadi ke mana perginya duit yang lebih?

Saya juga diberitahu bahawa kontraktor tidak menjalankan kerja pembinaan rumah bantuan ini. Kerja-kerja pembinaan ini dibagi kepada subkontraktor. Subkontraktor ini lagi subkontrak kerja pembinaan kepada sub, sub, subkontrak. Ini bermakna orang-orang tengah yang mendapat keuntungan daripada Program Rumah Bantuan. Para pemilik rumah diambil kebaikan atau diberikan rumah yang kurang bermutu. Mengapa kerajaan membenarkan subkontrak dalam kerja-kerja pembinaan ini? Berapa rumah yang dibina oleh subkontraktor? Berapa rumah yang dibina tanpa pengawasan? Ini adalah amat tidak adil kepada pemilik rumah kerana kerajaan membayar RM40,000 untuk rumah mereka, tetapi rumah yang mereka dapat hanya bernilai RM15,000 sampai RM17,000.

Kerajaan harus memastikan bahawa manfaat-manfaat dalam Program Rumah Bantuan ini dinikmati oleh pemilik rumah dan tidak "ditelan" oleh orang-orang tengah. Kerajaan harus menerapkan mekanisme untuk memantau pembinaan rumah bantuan serta mengelakkan manfaat "diculik" oleh orang-orang tengah.

Tuan Pengerusi, isu nombor 2 – Jalan Desa. Kerajaan memperuntukkan wang untuk membina jalan di kawasan luar bandar di Sibu. Namun saya ingin mengetahui bahawa apakah jalan yang dibina mencapai spesifikasi yang ditetapkan. Adakah jabatan menteri mengizinkan penggunaan papan kayu sebagai asas ataupun *foundation* jalan? Saya tidak percaya bahawa papan-papan kayu dapat memberikan asas atau *foundation* yang kuat untuk pembinaan jalan, terutamanya jalan yang digunakan oleh lori-lori yang membawa buah kelapa sawit, kayu balak dan kenderaan berat.

Terdapat banyak jalan di kawasan luar bandar Sibu belum lagi ditar. Tentang isu menaiktarafkan jalan-jalan luar bandar, terdapat banyak lagi jalan di kawasan luar bandar yang tidak dipelihara. Contohnya, Jalan Teluk Bangor dan Jalan Bukit Igu. Kontraktor hanya membaik pulih permukaan jalan yang rosak teruk. Ini menyebabkan jalan-jalan tersebut tidak rata dan berbahaya. Saya mendesak kerajaan untuk membina lebih banyak jalan luar bandar di Sarawak dan meningkatkan keselamatan jalan raya.

Keselamatan jalan raya tidak harus dan tidak boleh dikompromi. Rakyat Sarawak berasa amat sedih mengenai pengorbanan sepuluh orang di Lebuhraya Pan Borneo dalam lima hari yang lalu dan melebihi sepuluh orang tercedera ringan dan parah. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Kinabatangan.

**5.18 ptg.**

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh beberapa perkara iaitu pertama sekali, KEMAS. KEMAS bertanggungjawab untuk memberi pendidikan awal termasuk pendidikan prasekolah dan juga tadika. Walau bagaimanapun, di kawasan pilihan raya saya, beberapa buah Tadika KEMAS ini bangunan tidak ada, budak-budak menumpang di balai raya, menumpang di bawah kolong, tetapi kerajaan mengkhususkan pendidikan ini penting. Kalau penting, kenapa masih ada belajar di bawah kolong? Kenapa masih ada menumpang di balai raya? Ini saya rasa tidak adil.

Kementerian ini harus melihat secara terbuka bahawa tidak ada lagi, kalau boleh dalam abad ke-21 ini, tidak ada lagi seharusnya pelajar-pelajar prasekolah atau tadika belajar di bawah kolong, tidak ada lagi menumpang di balai raya. Kerusi tidak ada, duduk di lantai. Kasihan. Gurunya berinspirasi tinggi untuk memberi pendidikan, tetapi kita minta kerajaan tidak peduli. Ini tidak boleh. Kalau ini berlarutan, saya rasa orang akan marah berterusan kepada kerajaan. Jadi, menteri pun tidak ada. Timbalan-timbalan dia pun adakah? Oh, ada, ada.

**Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]:** Orang belakang, Kinabatangan.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Jadi, saya harap... Jangan kacau saya, ini penting. *[Ketawa]* Nanti you punya pusingan, Yang Berhormat. Jadi, saya minta kementerian, terdapat lebih kurang lapan buah sekolah tadika di kawasan saya, mereka tidak ada bangunan. Kalau boleh, saya akan namakan tempat dia. Kalau boleh, tahun akan datang, binalah bangunan kecil-kecil untuk mereka selesai dalam mata pelajaran yang mereka pelajari setiap hari.

■1720

Kedua, iaitu berhubung dengan isu kemiskinan iaitu kediaman selesai. Saya cukup terkilan apabila Perdana Menteri memaklumkan untuk memberi RM3 bilion, memajukan pusat pelancongan Karambunai, ini untuk orang kaya-kaya. Orang miskin tidak dapat. *[Menunjukkan gambar]* Di kawasan saya, tengok ini Tuan Pengerusi, kandang ayam lagi bagus dari rumah ini. Sudah berapa tahun minta, tidak juga dapat.

Dia beri satu Parlimen 100 buah rumah. Saya perlu 3,000 buah rumah. Bermakna, saya kena tunggu 30 tahun. Dalam jangka 30 tahun, rumah yang sudah dibuat pun buruk lagi. Seharusnya kerajaan kena bijak menentukan prioriti, keperluan. Kalau Karambunai untuk orang kaya, kenapa RM3 bilion tidak untuk rumah orang miskin di Sabah? Kenapa tidak RM3 bilion rumah miskin di Sarawak?

Barulah kita boleh mencapai wawasan negara maju. Mana ada negara maju, sepuluh tahun masih banyak orang miskin? Saya tidak percaya kita boleh berjaya sebagai negara maju dalam sepuluh tahun ini, sekiranya kementerian tidak diberi peruntukan yang banyak untuk menyelesaikan masalah-masalah yang sebegini. Ini kerana masalah asas di Sabah masih banyak.

Kita ada NKRA. Sasarannya 2012. Elektrik luar bandar 100%. Air bersih 100% dan jalan raya 100%. Saya lihat pencapaiannya sampai hari ini belum pun 30%. Jadi, kementerian kena lihat. Kalau boleh turun ke kawasan luar bandar yang ada program NKRA yang serius supaya kita menjadi negara yang seimbang di antara wilayah. Barulah kita boleh menjadi negara maju dan barulah kita boleh berpendapatan tinggi. Kalau tidak, semua ini tidak akan terjadi.

Yang Berhormat Putatan, nanti sampai juga pusingan. Saya mahu bahas sebab masalah di kawasan saya ini terlampau berlarutan. Minta maaf ya. Jadi, kalau boleh kementerian mintalah data-data daripada pegawai daerah, daripada wakil-wakil rakyat, apa yang diprogramkan untuk kawasan. Ini kerana kalau tidak ada, macam mana hendak menyelesaikan masalah?

Saya sudah bercakap hal ini sejak saya masuk di Dewan Rakyat ini. Seharusnya, saya tidak mahu cakap lagi. Akan tetapi, masalah begitu juga. Saya hairan, Yang Berhormat Perdana Menteri mengumumkan RM6 bilion. Betulkah ada RM6 bilion? Kalau betul masalah tidak berlarutan begini. Masalah sudah selesai. Tidak juga selesai-selesai. Kalau hujan, dia basah dalam hujan. Macam juga dalam Dewan ini tadi. Dalam Dewan itu pun rupanya bocor lagi. Jadi, soal-soal bocor ini sensitif. *[Ketawa]* Saya tidak mahu bercakap panjang lebar. Nanti kita kena lagi.

Akan tetapi Dewan sudah bocor untuk wakil-wakil rakyat. Kalau Tuan Pengerusi tengok, kasihanlah. Bagus lagi kandang kambing. Mereka menunggu, menanti kerajaan memberi peruntukan. Saya minta, Yang Berhormat Menteri beritahu peruntukan kurang. Minta di ICU, dia beritahu *'oh! I see'*. Macam mana ini? Seharusnya ICU ini, badan yang dipertanggungjawabkan. Dia melihat apa sebenarnya masalah di Kinabatangan. Apa masalah di Batang Lupar, apa masalah Santubong. Dia kena lihat, baru dia buat program. Okey, kawasan ini memerlukan sekian peruntukan. Saya tidak tahulah.

Yang Berhormat Timbalan Menteri tolonglah. Bawalah dalam pasca Kabinet bahawa wakil rakyat dalam Barisan Nasional sudah tidak berpuas hati dengan prestasi yang telah diterapkan oleh kementerian ini sebab amat mengecewakan. Ramai rakyat tertunggu-tunggu. Berhadapan dengan pilihan raya, kita janji lagi. Macam pembangkang janji. Saya rasa kita tidak boleh terus berjanji. Berjanji terang bulan ini tidak baik sebab itulah kerajaan kita ini mendapat pembelaan daripada rakyat sebab kita memberi kepercayaan. Akan tetapi, jangan sampai hilang kepercayaan daripada rakyat.

Ini kerana kalau hilang, kita akan hilang kerajaan. Itu sahaja *touch point*. Kita kena melihat apa sebenarnya keperluan di Bintulu, Lenggong dan keperluan rakan-rakan lain. Barulah

kita boleh rencanakan program luar bandar satu demi satu. Kita di Kuala Lumpur bercerita soal ICT, soal *broadband*. Saya bercakap dengan KSU, *never talk about broadband in my kawasan*. *Don't ever dream about this*. Elektrik tidak ada, macam mana hendak cakap? Dia hendak buat seminar pula. Ini tidak betul. Tidak tahu ke arah mana dia bawa.

Seharusnya *problem* atau masalah asas itu harus diselesaikan dahulu. Beri jalan yang bagus, air bersih, elektrik dan beri sekolah-sekolah air. Ini, sekolah pun tidak ada air. Rumah, jangan cakap. Macam mana kita hendak membahagiakan masyarakat kita? Merdeka 53 tahun tetapi mereka seolah-olah tidak merdeka. Hidup dalam keadaan duka cita. Bulan, matahari dilihat daripada rumah siang malam. Tidak perlu ke luar rumah sebab atapnya terbuka sana sini. Dindingnya separuh ada.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Bos minta Yang Berhormat. *[Ketawa]*

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Okey, sila.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Masa tidak banyak lagi Yang Berhormat, ringkaskan.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Sekejap ini adalah berkaitan. Tadi dia ada sebut sampai Bintulu. Terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan. Yang Berhormat Kinabatangan setuju atau tidak, sepatutnya kementerian ini, bila dia jalankan satu rancangan di kawasan masing-masing, sekurang-kurangnya mestilah memberi peluang kepada wakil rakyat mempersoalkan mana-mana kawasan yang perlu dibangunkan.

Contohnya, bagi bekalan air. Kita sudah berapa kali bersuara. Contohnya macam tadi Yang Berhormat Kinabatangan kata di Bintulu, kawasan ini ada ladang. Sudah bangunkan ladang. Rumah panjang di keliling tetapi tidak dapat air. Hendak minum air sungai, sudah ada racun. Tadi kita sudah banyak kali bersuara mintalah kawasan pedalaman kalau ada terlibat dengan ladang, mestilah diberi *implement* dengan izin, bekalan air dahulu.

Akan tetapi, sampai hari ini saya sudah sampai tiga penggal dalam Dewan ini. Kita menyoal sahaja tetapi Kementerian Luar Bandar dan Wilayah macam tidak berapa dengar. Saya tidak tahu apa masalahnya. Kadang-kadang kita ada bertanya soalan. Yang Berhormat Kinabatangan setuju atau tidak? Kita cuma tanya soalan itu tetapi jawapan cuma standard sahaja. Setiap kali sama sahaja. Saya minta sedikit komen daripada Yang Berhormat Kinabatangan.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Pertama kali Tuan Pengerusi, saya rasa rakyat Bintulu lah yang paling bertuah sebab wakil rakyatnya prihatin. Kerajaan tidak begitu memberi perhatian, dia beri sendiri, dia mampu. Rakyat Bintulu amat bertuah tetapi bukan semua wakil rakyat yang boleh berbuat demikian. Ada juga yang mampu tetapi mereka tidak peduli akan tetapi dia menjaga rakyat. Oleh sebab itu DAP tidak boleh dapat masuk di sana. Maka sebab itu,

saya memang bersetuju Yang Berhormat, kementerian harus melihat bagaimana menyelesaikan masalah.

Kita tidak perlu jawapan menyedapkan telinga. Kita perlu jawapan penyelesaian sebab Perdana Menteri berkata Barisan Nasional adalah penyelesaiannya. Kalau inilah penyelesaiannya, maka kena diselesaikan masalah-masalah yang dihadapi oleh rakyat, sama ada air bersih, api elektrik, jalan dan rumah mesra rakyat. Belum bercakap pasal ekonomi lagi. Empat perkara ini dahulu diselesaikan. Kalau sudah ada rumah, air dan jalan maka kita cerita pula soal ekonomi rakyat. Barulah kita boleh *progress* dalam soal untuk membangkitkan kebahagiaan rakyat.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat, masa sudah habis Yang Berhormat. Yang Berhormat Bintulu, Yang Berhormat.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Boleh, sekejap satu minit.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Sekejap Yang Berhormat.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Tuan Pengerusi, ini mustahak. Saya mahu menyoal mengenai isu ini. Ini sudah berlaku.

#### ■1730

Yang Berhormat Kinabatangan, di sini kita mesti mahu lihat sama ada setuju atau tidak kita sampaikan kepada Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah. Masalahnya sekarang dalam satu rancangan contohnya di Bintulu mahu beri bekalan air di beberapa tempat di Bintulu pelaksanaan itu mahu beri *water supply* dengan izin di kawasan tersebut tetapi mengikut rancangan menggunakan *population requirement* untuk *water supply* mengikut tahun 2004 dan bukan mengikut tahun 2010. Sekarang kalau kita *implement* bekalan air pun tidak cukup. Inilah satu lagi masalahnya.

Yang Berhormat Kinabatangan setuju atau tidak kita sepatutnya mesti mahu lihat *up-to-date data*. Sekian.

**Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Terima kasih Yang Berhormat Bintulu. Sebetulnya kita bukan sahaja *up-to-date* tetapi kita harus *aware* dalam semua situasi, tidak akan pelan tahun 2004 dilaksanakan dalam tahun 2010. Itu memang sudah lari jauh. Kalau pun *alignment* kereta sudah lari jauh.

Tuan Pengerusi, saya menutup iaitu kalau boleh saya meminta kementerian harus melihat secara lebih bijaksana. Jangan lagi main-main. Hati rakyat tidak lagi boleh kita permainan. Cukuplah dahulu kita diberi borang Tuan Pengerusi, diberi borang bagi wakil rakyat cadangkan projek di kawasan yang memerlukan. Kita ini pun jadi bodoh cadangkan juga. Satu pun tidak keluar dalam bajet! Inilah rasa saya satu permainan kotor yang dipermainkan oleh pihak kementerian. Jadi saya tidak mahu ada permainan kotor sebegini di dalam kita mengerjakan usaha kita untuk membantu rakyat. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat Kuala Krai.

**5.32 ptg.**

**Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli [Kuala Krai]:** Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Seorang Ahli:** *[Menyampuk]*

**Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli [Kuala Krai]:** *[Ketawa]* Sekali sekala – kerana mengizinkan saya turut sama berbahas di peringkat Jawatankuasa ini iaitu peruntukan yang disediakan untuk Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah.

Saya ingin menyentuh B.22, Butiran 050000 mengenai peruntukan sebanyak lebih RM31 juta untuk Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (KESEDAR) yang merupakan suatu kawasan pembangunan wilayah yang saya rasa cukup besar di Semenanjung Malaysia ini. Ini kerana kawasan yang termasuk di bawah KESEDAR ini lebih daripada separuh negeri Kelantan iaitu seluruh Kelantan Selatan itu berada di bawah KESEDAR. Jadi kalau kita bandingkan peruntukannya walaupun lebih daripada pembangunan wilayah-wilayah yang lain tetapi oleh kerana kawasan ini cukup besar dan juga jauh ketinggalan dari segi pembangunan infrastrukturnya maka saya berpandangan bahawa jumlah RM31 juta ini dari segi pengurusannya juga perlu ditambah. Apa pun kita merasa banyak lagi perkara yang perlu dilaksanakan oleh pihak KESEDAR di kawasan ini kerana kalau kita lihat sendiri baru-baru ini ada pilihan raya kecil dan ramai di antara turun ke sana. Kawasan tersebut berada dalam KESEDAR.

Perkara asas seperti bekalan air, jalan-jalan luar bandar masih lagi belum terlaksana termasuk juga kawasan yang berada di dalam Parlimen Kuala Krai yang juga berada di bawah KESEDAR. Jadi saya ingin bertanya kepada pihak kementerian di bawah kepala Pembangunan pula sama ada di bawah P.22, Butiran 02300 – Jalan Luar Bandar yang diperuntukkan agak besar peruntukan seluruh negara iaitu RM2.8 bilion.

Apakah beberapa jalan kampung dan jalan luar bandar yang telah saya bangkitkan di dalam Dewan yang mulia ini beberapa kali termasuk di dalam perancangan bagi tahun hadapan. Antaranya ialah jalan di Kampung Pasir Kelang ke Kampung Buyong dan terus ke Ladang Takur yang bukan merupakan jalan untuk orang pergi bekerja di kebun-kebun tetapi jalan perhubungan antara beberapa buah kampung. Kampung ini sebenarnya terpisah daripada arus perdana kerana dipisahkan oleh sebuah sungai dan tidak ada jambatan di situ. Memohon jambatan daripada Kuala Nal ke Pasir Kelang itu satu perkara yang wajar, walaupun mahal tetapi wajar dan saya juga memohon supaya difikirkan.

Akan tetapi yang lebih penting buat masa ini adalah jalan-jalan kampung itu. Mereka bukan meminta jalan tar yang besar tetapi jalan beberapa kaki buka konkrit sahaja pun mencukupi bagi mereka kerana mereka tidak menggunakan kenderaan yang besar tetapi motosikal dan juga kenderaan mengangkut hasil-hasil bumi terutamanya getah buku yang menjadi hasil keluaran tempat tersebut.

Jadi saya mengulangi lagi kepada pihak kementerian untuk memberikan pertimbangan. Dahulu saya pernah memohon kepada Menteri selepas NKRA berkenaan dengan jalan-jalan luar bandar ini diumumkan supaya memberikan kepada kita Ahli-ahli Parlimen senarai jalan-jalan yang telah diluluskan untuk dibina dalam tahun yang lepas tetapi tidak kunjung dapat. Saya mohon sekali lagi untuk tahun 2011, diberikan kepada kita senarai bagi setiap daerah kawasan Parlimen di mana jalan-jalan yang termasuk di dalam program yang telah ditetapkan di bawah jagaan Menteri yang berkenaan.

Begitu juga jalan-jalan di Kampung Bahagia. Kampung ini terpisah daripada Bandar Kuala Krai oleh Sungai Kelantan yang memerlukan bot untuk sampai ke kampung tersebut dalam perjalanan selama 40 minit. Jadi bukan di Sabah dan Sarawak sahaja Ahli Parlimennya kena naik bot tetapi di Kuala Krai pun terpaksa naik bot. Dari sana kita tidak meminta jambatan. Kalau minta jambatan ini satu perkara besar yang bukan di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah ini. Akan tetapi jalan di kampung tersebut kalau boleh dinaikkan taraf sama ada jalan konkrit atau jalan yang sesuai untuk kegunaan orang kampung sesuai dengan tahun 2011, alaf baru cuma beberapa tahun sahaja lagi hendak menjadi negara maju biarlah jalan seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Kinabatangan tadi jalannya sesuai. Adalah iras-iras negeri maju. Jadi ini di bawah tanggungjawab kementerian dan harap diberikan pertimbangan.

Di samping itu juga kita dahulu ada mendengar beberapa janji yang antaranya membina beberapa jambatan dari Kampung Kandeke ke Kampung Biak melintasi salah satu anak-anak sungai di Kelantan ini. Hari ini memang tidak ada cara untuk sampai melainkan dengan perahu ataupun kalau air itu surut kita boleh berjalan kaki di atas air tersebut. Sungainya cetek. Jadi tidak ada cara untuk mereka membawa hasil keluar dengan cara lain melainkan adanya jambatan. Saya rasa dengan adanya jambatan antara Kampung Biak dan Kampung Kandeke ini sudah terlalu lambat sangat. Saya berharap kementerian memikirkan jambatan perhubungan ini bagi manfaat penduduk-penduduk di kampung.

Bagi Butiran 03200 – Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat sebanyak RM300 juta, saya juga inginkan pecahan kalau kementerian boleh memberikan pecahan dan apakah sebenarnya program-program pembangunan kesejahteraan – rumah atau dewan masyarakat di bawah kementerian ini yang terdapat disenaraikan di bawah atau di dalam kawasan yang saya wakili di Kuala Krai. Boleh juga kita sampaikan kepada rakyat apa yang mereka boleh harapkan dan jangkakan daripada Belanjawan 2011 ini.

Saya ingin membangkitkan mengenai Butiran 02000 – Bekalan Air Luar Bandar. Kita tahu di kawasan KESEDAR ini termasuk Kuala Krai, bekalan air juga dikendalikan oleh pihak berkuasa pembangunan wilayah ini iaitu KESEDAR. Walaupun di sana ada air Kelantan tetapi capaian air Kelantan ini tidak sampai kepada kesemua kampung-kampung kerana masalah jarak

dan kepadatan penduduk. Apa pun mereka memerlukan bekalan air yang bersih, *portable water supply* dengan izin.

■1740

Jadi saya mengharapkan KESEDAR dengan peruntukannya yang besar di sini iaitu RM473 juta untuk seluruhnya bekalan air, KESEDAR diberikan satu jumlah yang banyak untuk *integratekan* dengan air Kelantan yang sedia ada supaya bekalan air dapat diperpanjangkan. Ataupun kalau terpaksa mengusahakan bekalan air bukit yang masih lagi banyak terdapat di Kuala Krai ini, maka KESEDAR juga menggunakan peruntukan yang secukupnya supaya membaik pulih bekalan-bekalan ini kerana proses semasa menyebabkan paip-paip bekalan ini rosak, terputus.

Kalau melalui estet-estet, proses membuat teres untuk tanam semula dan sebagainya menjahanamkan sebahagian daripada paip-paip bekalan air ini supaya KESEDAR diberikan peruntukan yang secukupnya untuk memperbaikinya. Ini termasuklah beberapa kampung seperti Kampung Kuala Geris di Dabong, Kampung di Mengkebang dan juga sebuah kampung yang dinamakan Sungai Pas. Ramai orang UMNO di sini walaupun namanya Sungai Pas - memerlukan suatu *upgrading* ataupun naik taraf bekalan air luar bandar di kawasan-kawasan tersebut. Jadi Tuan Pengerusi, itu sebenarnya yang hendak disampaikan bagi pihak rakyat Kuala Krai yang saya wakili. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat Rembau.

**5.41 ptg.**

**Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya turut mengambil bahagian dalam perbincangan Jawatankuasa Kementerian Luar Bandar dan Wilayah. Pertamanya saya ingin menyentuh Maksud P.22 - Butiran 02300 di bawah tajuk Jalan-jalan Luar Bandar.

Di sini saya hendak bangkitkan dua perkara. Pertamanya adalah permohonan-permohonan naik taraf dan penurapan jalan yang agak kritikal bagi beberapa kawasan seperti Jalan Kampung Gadung, Jalan Bukit Nian Semerbok, Jalan Kampung Selama Tengah, Jalan Kampung Ayer Itam Chembong yang telah disebutkan dan yang telah dibuat permohonan di kawasan Parlimen saya dan saya pohon agar dapat penjelasan dan jawapan daripada kementerian.

Seterusnya salah satu lagi perkara dalam tajuk ini adalah dari segi lampu bagi jalan-jalan luar bandar. Untuk itu saya hendak nyatakan keperluan lampu bagi jalan-jalan kampung di Jalan Bukit Nian dan Jalan Padang Kerbau Gadong yang amat diperlukan sekali terutamanya di kawasan selekoh jalan.

Di sini saya juga ingin mohon agar pihak kementerian dapat menyemak garis panduan kuota lampu jalan bagi setiap kampung yang mana sekarang ini pada setakat 10 lampu jalan bagi

setiap kampung. Garis panduan yang sedia ada, pukul rata tidak mengambil kira saiz dan juga kepadatan kampung berkenaan. Sebagai contoh, di kawasan saya Kampung Pancang Haji Sulaiman ini mempunyai lapan hingga 10 jejari jalan dan kepadatannya 50 buah rumah berbanding dengan contohnya Kampung Mungkal yang hanya mempunyai beberapa jejari jalan dan 10 buah rumah. Kedua-dua kampung ini layak menerima 10 buah lampu jalan tetapi sudah pastinya kampung yang ada kepadatan dan jejari jalan yang lebih itu keperluannya lebih tinggi lagi. Jadi saya pohon agar perkara ini dapat dipertimbangkan dan pihak JKKK dan majlis daerah diberi kuasa untuk kategorikan semula kampung-kampung kepada kecil, sederhana dan besar untuk peruntukan yang sedia ada dapat dipinda ataupun dapat diperbaiki supaya mengambil kira kategori-kategori tersebut.

Keduanya Maksud P.22 – Butiran 02001 di bawah tajuk Bekalan Air Luar Bandar di Semenanjung. Saya melihat peruntukan pada tahun sebanyak RM473.7 juta. Hanya 44% daripada keseluruhan peruntukan bagi dua tahun iaitu tahun 2011 dan tahun 2012. Akan tetapi memandangkan perkara bekalan air ini amat kritikal, satu kemudahan asas yang begitu pokok sekali untuk pembangunan. Saya minta supaya dipertimbangkan salah satu cara untuk dipertingkatkan lagi peruntukan tersebut. Secara spesifiknya untuk kawasan Parlimen saya terdapat tiga kawasan yang amat kritikal yang memerlukan bekalan air yang telah diminta daripada dahulu iaitu Kampung Air Sekapi Seperi, Kampung Durian Daun dan juga Kampung Padang Kerbau di Kota juga. Saya harap mendapat perhatian dan penjelasan tentang isu bekalan air ini yang sudah sampai tahap yang begitu kritikal.

Ketiganya Maksud P.22 – Butiran 01701 di bawah tajuk Bekalan Elektrik Luar Bandar di Semenanjung. Di sini saya hendak bangkitkan tentang garis panduan bagi kementerian berhubung program bekalan elektrik. Saya difahamkan bahawa kelulusan hanya akan diberi apabila sesuatu kawasan atau kampung yang baru diterokai itu telah pun mencapai 30% kependudukan. Saya maklum akan penetapan kuota seperti ini dari perspektif *viability*. Akan tetapi kita kena juga melihat kepada kelemahan penetapan ini dari sudut moralnya kerana ia merangkumi persoalan *chicken and egg*, ayam dan telur dengan izin. Cuba bayangkan sekiranya bekalan elektrik masih tiada, apakah insentif bagi penduduk untuk tinggal di situ?

Jadi kalau kita tetapkan 30% kependudukan kuota, umpama rakyat terpaksa menanggung sengsara dahulu sementara layak mencapai kepadatan minimum. Jadi saya pohon untuk melihat kepada perkara ini. Ada kampung contohnya di kawasan Rembau di mana kepadatannya 20%. Akan tetapi memandangkan tidak dapat bekalan elektrik oleh sebab salah satu garis panduan yang telah ditetapkan, maka oleh sebab itu tidaklah dapat duduk dengan selesa. Jadi saya harap, dapat disemak dan dikaji semula sekiranya betul bahawa ada peraturan seperti tersebut.

Ketiganya adalah Maksud P.22 – Butiran 09000 di bawah tajuk Majlis Amanah Rakyat ataupun MARA. Saya ucapkan tahniah kerana dapat peruntukan yang begitu besar iaitu RM3

bilion. Satu lonjakan 22% daripada peruntukan tahun lepas ataupun tahun ini. Apa yang saya ingin sentuh adalah lebih dari segi *administrative governance* ataupun kawal selia perbelanjaan MARA. Saya ambil contoh kalau kita melihat kepada Laporan Ketua Audit Negara tahun 2009, mendapati bahawa pihak MARA telah meluluskan pinjaman sejumlah RM59.09 juta kepada pejabatnya di peringkat negeri dan daerah di Wilayah Persekutuan dan lima negeri tanpa mengambil kira kedudukan peruntukan kewangan. Jadi akhirnya apabila kelulusan itu dibuat dan peruntukan itu tidak ada maka telah menimbulkan kekeliruan dan kehampaan peminjam yang pada mulanya gembira dengan kelulusan tetapi terpaksa melopong atau menunggu begitu lama kelulusan sebab tidak ada peruntukan.

Jadi saya minta jawapan tentang peruntukan ini, apa yang telah jadi mengikut Laporan Ketua Audit Negara dan sama ada perkara ini dapat diatasi melalui *safeguards* dengan izin yang dapat dikenal pasti supaya isu peruntukan kelulusan itu tanpa peruntukan tidak timbul lagi. Ini sebab banyak kes. Contohnya di kawasan saya di mana kes pinjaman telah diluluskan tetapi oleh sebab tidak ada peruntukan maka mereka yang sudah dapat kelulusan itu terpaksa menunggu berbulan-bulan sebelum peruntukan itu disediakan.

Keempatnya ialah Maksud B.22 – Butiran 100600 di bawah tajuk Dana Pinjaman Pendidikan Tinggi (HELP III). Saya ucapkan syabas kerana ini adalah salah satu contoh pelaburan modal insan melalui pinjaman pendidikan yang mana RM57.4 juta telah diperuntukkan. Saya ingin bertanya dengan lebih teliti lagi, apakah skop dan fokus yang telah ditetapkan sebagai keutamaan bagi MARA dari segi cabang pengajian ataupun menjurus kepada pengkhususan apa jenis dan juga apakah ini merangkumi *target* bagi kursus-kursus kritikal.

Seterusnya apakah tahap pembayaran balik pinjaman tersebut? Ini kerana kita hendak pastikan bahawa peruntukan yang begitu besar yang telah diberi kepada dana pinjaman tersebut dapat kita melihat menjadi satu dana yang mampan supaya tidak ada kes di mana pinjaman pada tahun-tahun yang akan datang dikurangkan oleh sebab kurang kemampuan untuk dibayar balik pinjaman tersebut.

Akhirnya Maksud P.22 – Butiran 00602 di bawah tajuk Maktab Rendah Kolej Sains Mara (MRSM). Di sini saya ingin sentuh tentang MRSM aliran agama yang dikenali sebagai MRSM Ulul Albab di mana setakat ini saya difahamkan MRSM ini dibina di Kota Putera di Gemencheh dan akan dibuka di Kepala Batas. Sistem pendidikan MRSM Ulul Albab ini merangkumi pengajian al-Quran, bahasa Arab dan bahasa-bahasa lain seperti Mandarin dan Jepun selain subjek teras yang sedia ada.

Saya menyokong aliran tersebut dan saya melihat bahawa ia dapat melahirkan golongan profesional yang syumul dan dapat menjadi doktor di samping dapat kelengkapan dari segi pengajian agama dan sebagainya. Oleh itu saya hendak tanya apakah perancangan kementerian dan juga MARA bagi melahirkan ataupun membuka lebih banyak lagi MRSM Ulul Albab ini yang mana saya melihat minat daripada ibu bapa dan pelajar cukup luar biasa dan

sama ada dapat kementerian bersetuju untuk menubuhkan satu MRSM Ulul Albab ini di kawasan saya iaitu di kawasan Rembau. Terima kasih.

■1750

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Ya, Yang Berhormat Sri Gading.

5.30 ptg.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Banyak buat panggilan kepada Tuan Pengerusi tetapi cakap cerita tidak ada masa nanti.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Itu tidak masuk dalam masa Tuan Pengerusi. Apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menjawat jawatan Perdana Menteri.

**Seorang Ahli:** Tajuk tidak ada?

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Ada. Tajuk ada P.22 - Slogan yang diberi kepada rakyat iaitu "Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan." Ungkapan hikmat ini Tuan Pengerusi, amat menggembirakan hati rakyat dan rasa bahagia rakyat, menunjukkan kesungguhan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri hendak memberikan sesuatu yang lebih baik di bawah pemerintahannya. Maka itu Yang Berhormat Menteri-menteri, kementerian-kementerian harus juga bersama-sama menghayati '*rakyat didahulukan*'.

Saya ingin bertanya dalam perkara P.22 butiran 01700, 02000, 02300, 04000. Takut saya kosong ini. Apakah ada satu kaedah yang boleh menyejajarkan yang boleh diambil oleh Kementerian Luar Bandar dalam mengatasi masalah-masalah kemudahan asas di luar bandar. Kalau pakai kaedah-kaedah lama Tuan Pengerusi, saya bimbang '*rakyat didahulukan*' hanya tinggal kata orang Indonesia '*omong-omong kosong*' sahaja.

Api luar bandar, elektrik luar bandar, air luar bandar, jalan luar bandar, lampu jalan luar bandar, rumah orang miskin di luar bandar, contoh seperti yang ditunjukkan oleh Yang Berhormat Kinabatangan. Ini contoh di Kinabatangan yang juga ada di Bintulu, ada di Putatan, ada di Kuala Krai, ada di Lenggong dan ada di kawasan Yang Berhormat Tuan Pengerusi sendiri. Bila hendak selesai ini? Bila? Apakah dalam membangunkan negara ini sebenarnya kita tidak memilih keutamaan yang tepat?

Kalau di Kuala Lumpur berbilion duit, kalau di bandar besar berbilion tetapi di Batu Sapi, di kawasan-kawasan di Sarawak, di Bintulu, masalah-masalah bekalan air misalan, jauh daripada matlamat cukup untuk rakyat, masalah api elektrik jauh daripada matlamat yang memuaskan hati rakyat, masalah rumah-rumah yang menjadi kediaman rakyat yang miskin dan daif yang ditiup angin sepoi-sepoi bahasa pun boleh tumbang. Boleh jempot.

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Sri Gading. Tadi saya terpanggil mengenai isu bekalan air, tadi Yang Berhormat Sri

Gading sebut. Saya mahu minta apa pandangan daripada Yang Berhormat, kalau atas - apabila Kementerian Luar ataupun agensi pelaksanaan untuk projek luar bandar, atas kesilapan atau kelemahan, terus ambil rakyat jadi mangsa.

Apabila kita mahu melaksanakan satu projek, bila kementerian lantik konsultan bersama-sama kementerian pelaksanaan, mereka tidak pernah turun padang, tidak pergi mengkaji apa sepatutnya dilaksanakan dan juga apabila contohnya, bekalan air tadi saya sebut di kawasan saya, dia ambil 2004 tetapi bila mahu melaksanakan projek ini, tidak berapa sesuai. Ikut jadual kalau sekarang 2010, kita mahu melaksanakan lebih besar *volume* dan tambah kita punya *elevated tank* di kawasan masing-masing.

Akan tetapi ini peruntukan kena tambah dekat RM70 juta. Saya difahamkan daripada agensi, kemungkinan kita tidak dapat melaksanakan semua seperti sepatutnya dalam rancangan. Kita bukan kurangkan separuh atau macam mana. Lain-lain kena tunggu lagi satu Rancangan Malaysia ataupun tunggu lagi 10 tahun. Saya mahu tanya Yang Berhormat Sri Gading, adakah ini adil kalau konsultan tidak menjalankan tugas, sepatutnya kementerian mengambil tindakan atau tidak? Saya minta komen sedikit.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Tuan Pengerusi, ini contoh kalau projek 2004 telah diperuntukkan wang sebegitu rupa, hendak dilaksanakan 2010, peruntukannya pula lagi dipotong, *astaghfirullahal'azim*. Ini jelas menunjukkan di kementerian ini ada kegagalan, minta maaf. Saya bukan hendak mengata tidak tentu arah tetapi kalau kita sebagai Ahli Parlimen dan wakil rakyat tidak memperjuangkan dan tidak memperkatakan hal masalah rakyat, sampai bila hal rakyat boleh diselesaikan?

Kita bukan hendak mengata sesiapa. Saya tahu niat suci Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tetapi kalau kementerian-kementerian di bawah pemerintahannya tidak menjalankan tugas dan peranan dengan betul, masalah rakyat tidak akan dapat diselesaikan. Ini Tuan Pengerusi, kita datang ke mari membawa segala mandat dan suara rakyat. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengarahkan semua Ahli Parlimen Barisan Nasional turun padang, kita turun padang, mendengar masalah rakyat dan segala masalah rakyat dikemukakan di Dewan yang mulia ini.

Kalau pendapat kita sudah tidak dipandang berat oleh kementerian, siapa? Tuan Pengerusi, mungkin cakap saya kasar tetapi cakap inilah yang sebenarnya hendak disuarakan oleh seluruh rakyat di luar bandar. Inilah kita bawa dan kalau pihak Kementerian Luar Bandar yang bertanggungjawab tentang pembangunan luar bandar tidak mengambil *action*, tidak mengambil tindakan, ini, ini, ini, ini, ini, ini Tuan Pengerusi. Ini, ini.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Jangan banyak sangat *'ini'* Yang Berhormat, masa sudah berjalan.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Inilah dia masalah Tuan Pengerusi, inilah dia masalah pokok rakyat ini. Sebagai contoh, kementerian ini, RISDA - daripada

peruntukan yang dikehendaki RM200 juta lebih, hanya RM116 juta yang diluluskan dan RISDA ini mengandungi 300,000 *family*.

**Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Tuan Pengerusi.

■1800

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Akan tetapi kita hendak berikan bantuan kepada pekebun-pekebun kecil.

**Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Tuan Pengerusi...

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Akan tetapi kalau peruntukannya dipotong...

**Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** *Point of order.*

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Ya, Yang Berhormat.

**Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Tuan Pengerusi, walaupun ada peraturan mesyuarat bagi Dewan, tetapi ini lebih daripada peraturan mesyuarat iaitu Akta Hiburan 1953, dan Ahli Parlimen tidak dikecualikan daripada akta itu. Adakah duti hiburan dibayar oleh Yang Berhormat Sri Gading untuk... *[Ketawa]* Tuan Pengerusi, dia seorang pelakon.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** *[Ketawa]* Yang Berhormat Bukit Gelugor ini Tuan Pengerusi, salah seorang Ahli Parlimen yang saya hormatlah.

**Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Dia pelakon, pelakon harus bayar duti hiburan. Adakah dia bayar itu? *[Ketawa]*

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Belum habis lagi?

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Ya, terima kasih Yang Berhormat.

**Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Ini bukan peraturan mesyuarat tetapi Akta Hiburan 1953. *[Ketawa]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Baik, Yang Berhormat.

**Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Seseorang pelakon walaupun dia Ahli Dewan Rakyat, dia tidak dikecualikan. Adakah dia bayar duti hiburan? *[Ketawa]* Jika dia tidak bayar, dia tidak ada hak untuk berlakon dalam Dewan ini.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Tuan Pengerusi...

**Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Bolehkah saya dapat penjelasan daripada Tuan Pengerusi?

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Tuan Pengerusi...

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Saya bukanlah berlakon seperti mana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Bukit Gelugor. Amat malanglah Ahli Parlimen Bukit Gelugor yang senior yang kita hormati...

**Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Tuan Pengerusi, bolehkah saya dapatkan satu...

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Apa yang saya suarakan tentang suara rakyat dianggap sebagai lakonan. *[Ketawa]*

**Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Tuan Pengerusi, saya mahu satu keputusan daripada Tuan Pengerusi.

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat.

**Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Bolehkah Yang Berhormat Sri Gading duduk untuk dapat satu *ruling*?

**Beberapa Ahli:** Kacaulah.

**Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Tuan Pengerusi, satu *ruling*.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat, saya berterima kasihlah sebab memang ramai pelakon berlakon di dalam Dewan ini. Semua tidak bayar cukai juga, Yang Berhormat. Jadi kalau inilah salah satu lakonan, saya pun suka dengar jugalah lakonan ini. Terima kasih Yang Berhormat.

**Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Adakah dia bayar cukai hiburan?

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Yang Berhormat Bukit Gelugor ini berniat jahat. *[Ketawa]* Dia mahu memang Ahli Parlimen Barisan Nasional mendiamkan diri, tidak memperjuangkan rakyat supaya dalam pilihan raya yang akan datang, pembangkang hendak ambil peluang, dan dia amat takut dan bimbang kalau ada wakil-wakil rakyat yang memperjuangkan hak rakyat. *[Ketawa]*

**Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Boleh tanya Yang Berhormat Sri Gading?

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat, tidak payahlah Yang Berhormat.

**Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Ini hendak tanya Tuan Pengerusi, sedikit sahaja. Ini cerita fasal kononnya kita berlakon dan sebagainya. Bolehkah Yang Berhormat Sri Gading beritahu saya, apakah dasar Pakatan Rakyat tentang masalah kemiskinan di negara ini? Apa?

**Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]:** Tidak ada.

**Seorang Ahli:** Berlakon.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat.

**Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Bajet tidak ada dan sebagainya. Itu...

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Itu lebih daripada lakonan.

**Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Itu lakonan yang lebih besar.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Itu sandiwara...

**Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Sandiwara besar, saya setuju.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Kepura-puraan PKR, parti pembangkang. Jelas.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat, gulung Yang Berhormat.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Gulung, Tuan Pengerusi?

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Gulung Yang Berhormat, ya.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Saya jenis orang yang patuh kepada peraturan dan juga arahan Tuan Pengerusi. Dengan ini, saya menyokong. *[Ketawa]*

**Beberapa Ahli:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Ya, Yang Berhormat Sungai Siput.

**6.03 ptg.**

**Dr. M. Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak sentuh Maksud B.22 Butiran 030000 – Hal Ehwal Orang Asli. Saya ingin tanya Menteri, apakah perkembangan dalam usaha melibatkan Orang Asli dalam menguruskan estet-estet pertanian di kawasan mereka? Seperti di Sungai Siput – di Pos Poi, Pos Legap, Pos Perowor, Pos Sungai Pelantok – ada beratus-ratus ekar tanah telah dibangunkan dengan kelapa sawit dan getah. Akan tetapi malangnya, sampai sekarang semua kawasan ini diswastakan kepada kontraktor-kontraktor yang bukan Orang Asli yang menjalankan projek ini.

Seperti juga di Pos Poi, ada satu usaha di mana 70 keluarga Orang Asli menubuhkan satu koperasi dan mereka minta daripada RISDA untuk ambil alih estet ladang kelapa sawit di kawasan mereka. RISDA minta mereka tunjuk bukti mereka boleh beli *backhoe* dan lori. Saya pun bantu mereka dapat seorang kawan untuk bagi mereka pinjaman untuk beli benda-benda ini. Akan tetapi selepas itu pun RISDA tidak bagi kepada mereka. Koperasi itu tidak dapat. Akan tetapi orang lain yang bukan Orang Asli, terus dapat. So ini cerita yang sama di semua kawasan Orang Asli di Sungai Siput. Ini satu projek yang baik – pertanian, kelapa sawit, getah untuk Orang Asli. Ini memang baik.

Akan tetapi masalahnya ialah sebahagian besar daripada untung itu pergi kepada pihak luar, bukan kepada Orang Asli. Jadi saya mahu tanya Menteri, apakah usaha yang sedang dilakukan untuk membolehkan Orang Asli di kawasan Sungai Siput dan lain-lain kawasan, mengambil alih projek yang dilaksanakan untuk mereka tetapi sampai sekarang mereka tidak menikmati *the maximum benefit* daripada projek ini?

Satu lagi isu Orang Asli yang saya hendak bangkitkan dalam perkara yang sama ialah isu cadangan kerajaan memberi geran tanah kepada Orang Asli. Ada cadangan untuk setiap keluarga Orang Asli akan diberi antara dua sehingga enam ekar tanah. Akan tetapi isu ini tidak disenangi oleh jaringan Orang Asli Semenanjung Malaysia. Mereka kata anak mereka ini tidak cukup besar, dia tidak ambil kira keperluan generasi yang akan datang, dia tidak ambil kira

sejarah komuniti Orang Asli yang pakai berapa ratus ekar. So mereka rasa enam ekar ini terlalu terhad.

Tuan Pengerusi, masyarakat Orang Asli di Malaysia adalah masyarakat yang termiskin dan terpinggir. Saya rasa kita mesti lebih *generous*, lebih besar hati bila kita mengendalikan masalah tanah mereka. Tanah-tanah mereka merupakan modal komuniti itu, *reserve* mereka untuk menyesuaikan diri untuk ekonomi moden. Kaedah kita hendak memberikan geran kepada mereka juga penting kerana cara pemilikan tanah mengikut budaya orang Asli adalah berdasarkan kepada komuniti, bukan kepada individu. Mereka pakai cara yang kita panggil *you serve right*.

Ertinya, sesiapa yang bersihkan tanah dan menjaga tanah itu, dia yang memiliki tanah pada masa itu. Akan tetapi dia tidak berhak menjual tanah itu kepada pihak yang ketiga. Jadi jika kita bagi geran pada individu, individu ini boleh jual tanah itu jika keluarganya ada masalah ekonomi. Jadi saya ingat ini penting untuk kita tengok. Satu, daripada aspek saiz tanah itu dan yang kedua daripada cara pemilikan.

Saya hendak alih kepada satu isu lagi iaitu isu di Sarawak. Maksud B.22 Butiran 010200 – Perancangan Strategik. Saya ingin tanya Menteri berkenaan dengan kawasan Sungai Dua di Ulu Belaga. Saya pernah berkhidmat di Kapit 25 tahun dahulu dan saya pernah melawat ke Hulu Rajang, Hulu Boleh – maknanya kampung-kampung di situ.

Sekarang ini ramai orang di kampung-kampung itu telah dipindah. Disebabkan empangan Bakun, mereka dipindah ke satu tempat iaitu dekat Tebrau – ini Sungai Dua. Pada masa mereka dipindahkan, mereka dijanjikan rumah panjang percuma dan juga kawasan pertanian – tiga ekar satu keluarga. Saya mahu tanya Menteri, adakah kedua-dua janji ini ditunaikan sampai sekarang? Ini kerana saya tahu daripada kawan-kawan Kayan saya, mereka beritahu mereka tidak ada kerja. Di Sungai Dua ada rumah tetapi tidak ada kerja. So ramai daripada lelaki muda yang *working age*, terpaksa pergi ke Sibu atau ke Miri untuk cari kerja, meninggalkan hanya anak mereka dan orang tua di kampung Sungai Dua.

Jadi mereka bukan sahaja kehilangan tanah asal mereka di kawasan empangan Bakun tetapi juga masyarakat mereka telah terpecah. Orang dewasa pergi berhijrah ke bandar, anak dan ibu bapa dekat Sungai Dua. Jadi saya mahu tanya, apakah status janji itu?

*Last* sekali, saya hendak bawa balik ke kawasan saya PPMS di Perlop, Sungai Siput. Ini satu kawasan penempatan semula untuk 100 keluarga yang termiskin di Sungai Siput yang tidak ada tanah. Mereka dijanjikan akan diberikan rumah percuma dengan tanah seluas 10 ekar setiap keluarga. So mereka telah dipindah ke kawasan itu tiga tahun dahulu, mereka diberi rumah tetapi tanah itu masih belum dibangunkan. So mereka ini terpaksa balik ke kampung-kampung asal mereka untuk menoreh getah – bahagi dua.

**■1810**

Jadi ini ada satu perbelanjaan yang tinggi untuk mereka sampai di kampung-kampung itu 14 murid sekolah menengah telah tercicir daripada sekolah kerana tidak boleh bayar *fees* untuk bas. Jadi satu kumpulan keluarga miskin telah dijadikan lebih miskin daripada dalam projek ini. Jadi saya mahu tanya adakah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah ada apa-apa cadangan untuk campur tangan dalam Projek PPMS di Sungai Siput untuk membangunkan tanah membantu orang di situ. Terima kasih.

**Beberapa Ahli:** [*Bangun*]

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Ramainya? Yang Berhormat Paya Besar.

**6.11 ptg.**

**Dato' Abdul Manan Ismail [Paya Besar]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Maksud P.22 Butiran 01000 – Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEOA). Di Parlimen Paya Besar terdapat lima perkampungan Orang Asli iaitu Kampung Sungai Mas, Kampung Bukit Bangkong, KM 56 Jalan Kuantan-Maran, KM 14 Jalan Kuantan-Gambang dan Kampung Gedung Siam. Saya ingin tahu berapakah peruntukan yang diberikan kepada masyarakat Orang Asli di Parlimen Paya Besar dan adakah kementerian bercadang untuk meningkatkan kualiti hidup masyarakat Orang Asli di lima perkampungan ini kerana terdapat sebilangan besar lagi kaum Orang Asli di sini yang masih belum menerima bantuan perumahan.

Berikutnya dalam aspek Pusat Komuniti Orang Asli. Seperti yang kita tahu masyarakat Orang Asli juga mahukan pembangunan. Saya juga mohon kementerian untuk memberikan peruntukan bagi menaik taraf Pusat Komuniti Orang Asli terutama di kawasan Sungai Mas dalam kawasan DUN Sungai Lembing dan km 56 Jalan Kuantan-Maran dalam DUN Lepar.

Butiran 02000 – Bekalan Air Luar Bandar. Di kawasan Parlimen Paya Besar masih lagi terdapat sebuah kampung yang belum dibekalkan dengan bekalan air bersih iaitu di Kampung Permatang Badak Baru. Diharap pihak kementerian dapat menyalurkan bantuan dan peruntukan bagi mengatasi masalah ini kerana mereka terpaksa menggunakan air lombong sebagai alternatif untuk kegunaan harian. Pada tahun 2006 kerajaan telah meluluskan peruntukan sebanyak RM6 juta bagi DUN Panching tetapi kampung ini tidak terlibat dengan bantuan ini.

Butiran 02300 – Jalan-jalan Luar Bandar. Dalam isu ini saya ingin menarik perhatian kerajaan dalam menaik taraf jalan dari Kampung Permatang Badak ke Kuantan *bypass* dan dari Kampung Lubuk Puyu ke jalan Kampung Permatang Badak sepanjang empat kilometer. Ini merupakan jalan utama ke kampung-kampung berhampiran.

Seterusnya yang terakhir, Butiran 01700 – Bekalan Elektrik Luar Bandar. Saya mohon kerajaan mempertimbangkan untuk menambah lampu-lampu jalan di Sungai Lembing dan juga di Gambang. Sekian, terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Ya, Yang Berhormat Padang Terap.

**6.14 ptg.**

**Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria [Padang Terap]:** *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Terima kasih Tuan Pengerusi. Ada beberapa butiran yang saya ingin bangkitkan dalam Maksud Pembangunan 22 iaitu yang pertama Butiran 01701 – Bekalan Elektrik Luar Bandar (Semenanjung). Saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, apakah strategi yang digunakan oleh pihak kementerian bagi membekalkan elektrik bagi kampung-kampung yang mempunyai bilangan penduduk yang sedikit.

Contohnya di kawasan Padang Terap ada kampung-kampung yang jumlah rumahnya hanyalah 15 ke 30 buah rumah. Akan tetapi mereka belum lagi mendapat bekalan elektrik dan kalau – kita sudah ajukan kepada pihak TNB dan jawapan yang diterima bahawa mereka terpaksa menyediakan ibu sawat yang memerlukan peruntukan yang agak tinggi. Adakah skop yang diletakkan di sini RM82 juta ini juga termasuk di dalam bekalan-bekalan bagi maksud kampung-kampung tersebut.

Bagi Butiran 02001 – Bekalan Air Luar Bandar (Semenanjung) juga sama masalah yang dihadapi. Adakah pihak kementerian juga termasuk di dalam peruntukan ini membekalkan air-air bagi rumah-rumah yang agak jauh daripada paip utama. Apakah mekanisme yang boleh kami gunakan sebagai Ahli Parlimen untuk memohon peruntukan daripada pihak kementerian sekiranya surat dan sebagainya. Bagaimana?

Bagi Butiran 02300 – Jalan-jalan Luar Bandar, terdapat peruntukan di sini lebih hampir RM3 bilion. Saya ingin membangkitkan kepada pihak kementerian ada lagi kampung-kampung yang masih lagi menggunakan batu geseran dan termasuklah kalau di sana Kampung Masjid Lama, Kampung Padang Kerasak dan juga Jalan Kampung Tanjung yang juga rosak akibat banjir. Adakah jalan-jalan seperti ini juga boleh kita mohon peruntukan kepada pihak Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah.

Butiran 03200 – Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat, di sini diperuntukkan RM300 juta. Adakah ini termasuk rumah-rumah bagi penduduk rakyat miskin? Berapakah peruntukan yang diberikan diperuntukkan kepada Padang Terap dan berapa banyakkah rumah yang dalam sasaran pihak kementerian yang akan diberikan kepada rakyat-rakyat miskin. Saya mencadangkan juga supaya mendapatkan juga pandangan daripada Ahli-ahli Parlimen walaupun kami bukan daripada pihak kerajaan untuk kami berikan cadangan kepada rakyat-rakyat yang belum mempunyai rumah ini.

Bagi Butiran 04000 – Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA). Ada di kalangan pekebun-pekebun kecil ini mereka mempunyai tanah yang belum lagi mempunyai hak milik, belum mempunyai geran. Jadi saya mencadangkan kepada pihak RISDA untuk bekerjasama dengan penduduk-penduduk kampung untuk memberikan kepada mereka

satu skim galakan sebagai contohnya mereka diberikan bayaran premium untuk tanah-tanah tersebut. Kemudian mereka akan mendapat segala bantuan yang disediakan oleh pihak RISDA.

Setakat ini yang saya difahamkan segala subsidi termasuk anak pokok, baja-baja dan sebagainya hanya diberikan kepada pemilik-pemilik kebun yang mempunyai hak milik ataupun geran. Saya mengharapkan pihak RISDA boleh bekerjasama dengan pihak kerajaan negeri, pihak pejabat tanah daerah untuk memberikan kemudahan kepada penduduk-penduduk kampung yang mereka ini hanya bergantung harap kepada getah, menoreh dan sebagainya untuk mendapat sedikit bantuan daripada pihak RISDA. Akhirnya keuntungan akan didapati oleh kedua-dua pihak.

Butiran 04100 – Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA). Saya ingin bertanya tentang status rumah-rumah yang dibina di peringkat – contohnya di Padang Teraplah, bagaimana ada tanah-tanah ataupun rumah-rumah yang diluluskan oleh pihak KEDA belum lagi ataupun tanahnya belum lagi mempunyai hak milik. Ini bagi saya satu masalah apabila dibangkitkan di peringkat pejabat tanah yang mereka ini diberitahu sahaja oleh pihak KEDA. Pihak KEDA memberitahu bahawa mereka meluluskan rumah untuk penduduk miskin tetapi masalahnya ialah penduduk tersebut belum lagi mempunyai hak milik. Kerajaan negeri masih lagi belum menyerahkan hak milik. Bagi saya tidak adil.

Jadi saya hendak bangkitkan di sini, saya ucapkan tahniahlah kerana kesediaan pihak kementerian untuk bekerjasama dengan kerajaan negeri iaitu ingin melantik wakil kerajaan negeri di dalam Lembaga Pengarah KEDA. Akan tetapi apakah status pelantikan tersebut sehingga sekarang. Saya difahamkan baru-baru ini oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam kenyataan beliau bahawa beliau bersedia ataupun pihak kementerian bersedia untuk menyambung perjanjian KEDA dengan kerajaan negeri Kedah dan akan dibuat selepas daripada Hari Raya Puasa baru-baru ini. Akan tetapi masih lagi belum ada *update* statusnya. Saya minta pada pihak kementerian untuk memberikan sedikit penjelasan.

#### ■1820

Satu lagi ialah masalah rumah yang diduduki ataupun yang dihuni oleh penduduk-penduduk ataupun peserta KEDA ini. Apakah status sebenarnya? Mereka perlu membayar sewa? Berapa ramai kalau di Padang Terap itu mereka perlu membayar sewa? Adakah rumah itu menjadi milik mereka? Berapa banyak rumah yang akan menjadi milik mereka? Ini kerana sebahagian daripada peserta-peserta KEDA ini mengadu bahawa mereka ini dijanjikan dengan rumah dan boleh diduduki rumah itu sampai bila-bila.

Ada di kalangan mereka juga mendakwa bahawa mereka perlu membayar manakala harga rumah itu berbeza-beza. Ada yang keadaan 14,000 tiba-tiba naik 20,000 dan penduduk-penduduk ini duduk tanpa membayar apa-apa bayaran kepada pihak kerajaan. Jadi ini satu yang saya rasa merupakan satu penganiayaan sekiranya kita biarkan agak lama. Seterusnya ialah

juga tentang KEDA yang berkaitan dengan rumah yang diberikan kepada satu keluarga yang kemudiannya kematian suami. Jadi dia jadi ibu tunggal.

Bila dia jadi ibu tunggal, dia berkahwin lain yang mungkin suaminya lebih berkemampuan ataupun berada. Masalahnya ialah apabila peserta ini keluar daripada rumah yang disediakan atau menjadi milik beliau, rumah tersebut kosong. Akan tetapi, tidak boleh ditukar kepada orang lain. Bagaimanakah pihak kementerian boleh menyelesaikan masalah ini kerana ramai yang memerlukan rumah apabila peserta-peserta ini berkahwin dengan orang yang lebih berada, rasanya perlu ada satu mekanisme bagaimana rumah ini boleh dimiliki oleh orang lain.

Saya ingin bertanya kepada pihak kementerian. Sebenarnya, berapakah keluasan tanah di wilayah Kedah itu ataupun Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA) ini yang merupakan di bawah kawalan pihak KEDA. Berapa tanah, berapa hektar, berapa ribu hektar tanah yang di bawah kawalan KEDA. Yang terakhir ialah butiran saya berkaitan dengan Majlis Amanah Rakyat (MARA) - 00608. Saya juga menerima rungutan daripada ramai pemohon pinjaman daripada MARA, pemohon-pemohon daripada MARA untuk kedai, untuk premis perniagaan yang mereka akhirnya walaupun sudah menerima jawapan bahawa permohonan mereka diluluskan.

Akan tetapi, mereka tidak mendapat permohonan tersebut atas alasan yang diberikan oleh pegawai-pegawai MARA bahawa peruntukan tidak cukup. Jadi saya ingin lihat dengan penambahan terhadap Majlis Amanah Rakyat yang lonjakkan yang agak ketara ini, masalah-masalah ini boleh diselesaikan. Anak-anak muda dan juga usahawan-usahawan muda kita akan mampu untuk memajukan diri mereka dan juga dalam perniagaan mereka. Saya ucap terima kasih kepada Tuan Pengerusi. *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.*

**Beberapa Ahli:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Ya, Yang Berhormat Putatan.

**6.23 ptg.**

**Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan]:** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Pengerusi. Saya juga ingin turut berbahas dalam kementerian ini. Terutama sekali saya ingin menyentuh Maksud B.22, Butiran 100300 - Elaun JKK dan JKKB. Semalam saya telah lihat tidak tersenarai Tuan Pengerusi elaun ketua kampung di sini mungkin dalam kementerian yang lain. Apabila saya di kawasan pada minggu yang lepas, saya telah dikerumuni oleh beberapa orang kampung termasuk ketua kampung dan Pengerusi JKK bahawa apabila melihat, mendengar pembentangan bajet negeri baru-baru ini tidak pula terserap ataupun tersirat dalam Kerajaan Negeri Sabah.

Jadi mereka waswas takut-takut apabila elaun-elaun ini tidak sampai kepada Pengerusi-pengerusi JKK, ketua-ketua kampung di negeri Sabah. Apa yang kita hendak tanya di sini, adakah elaun jumlah yang RM156 juta mencukupi sekiranya ia dibahagi kepada semua ketua kampung, JKK, JKPP di seluruh negara. Jadi kita tidak mahu apa yang dibentangkan semasa

pembentangan bajet nasional baru-baru ini tidak terpinggir pula ketua-ketua kampung atau JKK di negeri-negeri daripada Borneo.

Saya harap ini merangkumi semua JKKlah supaya tidak ada kekhawatiran daripada pihak JKK dan ketua kampung di negeri-negeri tersebut. Keduanya, saya ingin juga menyentuh Butiran 03100 iaitu FELCRA yang mana melaksanakan Projek Rumah Mesra Rakyat melalui Yayasan Sejahtera. Baru-baru ini Tuan Pengerusi, kami telah pun dihubungi oleh Yayasan Sejahtera dan menyuruh kami untuk menyenaraikan dan mengambil gambar semua rumah yang perlu diberi bantuan melalui yayasan tersebut.

Jadi malang sekali apabila kami senaraikan dan mengambil gambar dan butiran-butiran ataupun maklumat-maklumat daripada pemohon tersebut, malangnya tidak ada yang dibagi kelulusan di kawasan saya. Menurut apa yang saya lihat dalam senarai yang termiskin di kawasan saya hanya 134 orang dalam senarai ICU. Manakala yang saya senaraikan dimajukan kepada ICU melebihi daripada 4,000 jumlah orang yang perlu dibantu. Terutama sekali rumah-rumah yang perlu dibantu, yang mana kita melihat tampalan zink, dinding bila hujan ia basahlah semua dalam rumah, kain selimut pun sudah basah.

Jadi saya khuatir senarai yang dibagi oleh ICU itu tidak betul. Tuan Pengerusi, saya juga telah mendapat kepastian dan janji daripada Yang Berhormat Menteri KKLW pada yang lalu bahawa mangsa-mangsa kebakaran di Kampung Lok Urai, mangsa-mangsa kebakaran di Kampung Seri Pandan dibagi rumah. Akan tetapi, malang sekali satu pun tidak dapat dibagi. Jadi lain pula apabila saya menyelusuri atau memajukan perkara tersebut kepada pegawai kementerian ini walaupun telah diperiksa, walaupun sudah diumumkan peruntukan telah tersedia, malang sekali sampai sekarang dibatalkan begitu sahaja.

Ini kerana kemudahan-kemudahan ini terpaksa dibawa kepada lain tempat. Jadi saya tidak pasti apa sebab-sebab dia projek-projek perumahan tidak dapat dilaksanakan. Ini seolah-olah kita berjanji kepada rakyat dan kita berbohong kepada rakyat, yang ini tidak baik untuk kerajaan kita. Tuan Pengerusi, saya teruskan kepada pembekalan kepada elektrik luar bandar bagi Butiran 01703 iaitu apabila saya melawat ataupun membuat satu *Outreach Program* di kawasan Keningau, *Outreach Program* kepada pemuda.

Saya telah dibawa untuk melawat kepada kawasan-kawasan yang paling terpinggir di kawasan tersebut iaitu kampung Motomau. Kampung Motomou di Ulu Api Api dan saya telah pun melihat rumah-rumah yang daif, yang uzur yang hanya berukuran 10 kaki lebar dan 10 kaki panjang. Saya melihat orang-orang yang warga tua tinggal di situ dan hanya mengutip sayur-sayuran untuk dimakan seharian. Saya juga melihat apa yang berlaku di situ kita nampak bekalan tiang-tiang lampu sudah pun dipasang dua tahun yang lalu tetapi belum lagi disambung kepada rumah-rumah masing-masing.

Saya mahu tanya kepada pihak kementerian, apa sebabnya kenapa lampu-lampu ini belum disambung kepada rumah-rumah di kampung-kampung yang tersebut. Jadi akhir sekali

Tuan Pengerusi, Majlis Amanah Rakyat banyak keluhan dan rintihan daripada hasil pengeluaran Institut Latihan MARA atau Giat MARA yang boleh menjalankan tugas ataupun peranan sebagai usahawan. Bukan sahaja usahawan dalam bidang pembinaan, dalam bidang perusahaan tetapi juga dalam bidang pertanian dan sebagainya. Jadi malang sekali apabila mereka ingin memohon lesen Tuan Pengerusi lesen F ini belum lagi dapat dibagi kepada pemohon-pemohon. Jadi bilakah masanya orang-orang kita yang sudah dilatih, kita sudah berbelanja begitu banyak untuk melatih mereka ini, tetapi malang sekali mereka ini tidak dapat menjalankan usaha perniagaan mereka kerana tanpa lesen tidak boleh berniaga.

■1830

Jadi saya mengharapkan juga bantuan pinjaman daripada institusi-institusi MARA ini dipanjangkan kepada rakyat kita di luar bandar, agar kita dapat melahirkan lebih banyak lagi usahawan berasaskan daripada hasil pertanian. Inilah satu hala tuju yang kita akan terajui iaitu kepada satu dasar membasmi kemiskinan di luar bandar dan keduanya menyahut seruan Perdana Menteri bahawa negara kita akan menjadi sebuah negara yang maju pada tahun 2020 dan negara yang berpendapatan tinggi. Sekian sahaja, saya mohon menyokong Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat kita ada sepuluh orang Yang Berhormat, saya hendak menamatkan kementerian ini petang ini. Jadi bolehkah kita pendekkan masa untuk kementerian ini sahaja, saya nampak ada macam Yang Berhormat Sri Aman enam minit, Yang Berhormat Sibu empat minit. Bermakna ia boleh mencukupi kalau enam minit seperti itu Yang Berhormat.

**Beberapa Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Ya, sila Yang Berhormat Kota Raja.

6.32 ptg.

**Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, saya ingin membawa Butiran 010900 – Pengupayaan Ekonomi, masyarakat luar bandar. Saya cuma hendak mengatakan di sini bahawa saya melihat masyarakat luar bandar, di dalam kita cuba mengupayakan ekonomi mereka dengan berbagai-bagai-bagai projek masih lagi tidak boleh *self-sufficient* di dalam keperluan makanan harian mereka. Baru-baru ini apabila saya turun di Galas dan juga dahulu di Sibu, saya agak berasa kecewa kerana keadaan mereka yang agak daif tetapi tanah keliling rumah mereka itu tidak dimanfaatkan. Saya tidak nampak reban-reban ayam dan saya juga tidak nampak pokok cili walau sebatang pun di sesetengah rumah, kebanyakan rumah tidak ada blok sayurnya sendiri.

Jadi, saya rasa sebelum kita bercakap mengenai meningkatkan ekonomi dengan menambahkan pendapatan dengan membuat usaha-usaha tertentu, sepatutnya kita juga memberikan galakan kepada mereka untuk menanam sayur-sayuran yang tidak begitu *demanding* untuk kegunaan sendiri dan ayam pun tidak dibela sendiri.

Jadi sejauh manakah kementerian menggalakkan ke arah usaha ini yang pada satu masa dahulu kita ada Program Bumi Hijau, di mana rakyat yang berminat diberikan benih dan sebagainya. Diberikan tunjuk ajar bagaimana untuk memenuhi keperluan sendiri yang mudah ditanam seperti kacang botol, kacang panjang dan ulam-ulaman pun tidak ada. Jadi kalau perkara ini yang boleh dipetik daripada kawasan rumah sendiri pun tidak boleh diusahakan oleh orang-orang di luar bandar terutamanya orang Melayu adalah amat menyedihkan kerana mereka mungkin suka duduk di kedai kopi dan sebagainya. Saya ingat perubahan minda ini juga menjadi tanggungjawab kepada Kementerian Luar Bandar dan Wilayah.

Kedua Tuan Pengerusi, adalah Butiran 020100 – Sumber Manusia dan Pentadbiran. Saya ingin tahu untuk KEMAS, berapa peratus tenaga kerja adalah daripada kalangan yang mempunyai diploma atau ijazah. Saya rasa tidak adil bagi masyarakat kampung dan luar bandar apabila kita memberikan tugas kepada petugas-petugas guru KEMAS, penyelia dan sebagainya di kalangan mereka yang mungkin, mereka boleh dilatih tetapi saya merasakan bahawa kita mempunyai lebih graduan-graduan yang masih tidak bekerja. Saya ingat sudah tiba masanya graduan-graduan kita yang tidak bekerja ini diberikan peluang untuk berkhidmat di luar bandar dan menggunakan kemahiran, fikiran dan idea mereka untuk meningkatkan tahap sumber manusia di dalam KEMAS itu sendiri.

Tuan Pengerusi saya ingin membawa kepada Butiran 100000 – “One-Off.” Maksud Bekalan 22 ini, Butiran 100100 – NKRA: *Education* Pra Sekolah. Kerajaan membelanjakan *insya-Allah* RM140 juta untuk pendidikan pra sekolah ini. Persoalannya ialah bagaimana kerajaan atau kementerian mengukur pencapaian dan apakah KPI untuk NKRA ini? Ini adalah kerana begitu banyak telah kita belanjakan untuk pra sekolah tetapi sejauh manakah mana kajian dan penilaian dilakukan di atas pencapaian mereka. Kerana kita tahu bahawa mudah untuk kita mengatakan bahawa oh! Kita telah berjaya tetapi adakah satu ukuran yang boleh kita lihat? Misalnya daripada anak-anak yang memulakan sekolah-sekolah pra ini, berapakah yang sudah boleh membaca sebelum mereka memasuki tahap satu.

Jika kita tidak membuat apa-apa penilaian, kita mungkin hanya dalam sindrom syok sendiri bahawa program kita itu berkesan. Adakah kerana mereka menghadiri sekolah pra sekolah ini maka guru-guru di tahap satu mempunyai satu kerja yang lebih mudah menghadapi mereka kerana mereka sudah ada persediaan yang cukup ataupun guru-guru di tahap satu masih lagi terpaksa *cope* dengan murid-murid yang tidak boleh mengira dan membaca...

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Ya.

**Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmd [Kota Raja]:** Itu sahaja, terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Terima kasih Yang Berhormat, ya Yang Berhormat Kota Belud.

**6.36 ptg.**

**Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, pertama sekali saya bersetuju kementerian ini memang sebenarnya telah diberikan perhatian oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Bajet yang telah diberikan begitu besar kali ini pada tahun hadapan, saya rasa kalau saya tidak silap hampir *double*, contohnya untuk pembangunan sahaja daripada RM3.7 bilion kepada RM8 bilion. Pada masa yang sama begitu jugalah apabila peruntukan ini begitu besar, maka tanggungjawab kementerian ini bertambah besar dan amanah untuk memajukan luar bandar itu juga akan menjadi lebih besar dan akan berhadapan dengan banyak cabaran.

Tuan Pengerusi, saya ingin bertanya secara spesifik di kawasan Kota Belud, saya mempunyai masalah yang agak unik sedikit di Kota Belud ini Tuan Pengerusi. Pertama sekali dari segi bekalan air kita tidak mempunyai masalah, maksud saya dari segi penjanaan air bersih. Di Kota Belud sekarang ini mempunyai dua loji air dan loji-loji ini beroperasi dengan baik tetapi masalah besar ialah penghantaran air bersih ini ke kampung-kampung di mana paip-paip yang telah ditanam sudah usang, rosak dan lama berkarat dan perlu digantikan.

Oleh itu saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, pada tahun hadapan apakah senarai yang telah kita berikan keutamaan untuk Kota Belud, bagi pemasangan paip-paip ini diberi perhatian terutama di kawasan merangkumi Kampung Timbang Dayang, Kampung Marabau, Kampung Tamau, kampung Kulambai dan Kampung Kinasaraban. Ini amat penting untuk saya mengetahui supaya kita dapat bersama-sama memberikan satu informasi yang tepat kepada rakyat yang telah menyokong dengan begitu setia kepada kerajaan Barisan Nasional.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin memberikan pandangan tentang bekalan elektrik. Bekalan elektrik di kawasan saya juga masih perlu diberikan perhatian tetapi saya juga menyedari bahawa kementerian mempunyai kekangan dari segi peruntukan dan juga masa untuk menyelesaikan semua masalah. Cuma saya ada berbincang dengan rakan-rakan di kampung, kalau kawasan-kawasan yang mungkin memakan sedikit masa untuk dibekalkan elektrik, apakah boleh kementerian memikirkan untuk memberikan peruntukan, untuk membekalkan lampu-lampu pam sebagai satu *solution* ataupun penyelesaian sementara kepada orang-orang kampung.

Walaupun mungkin ini satu penyelesaian yang tidak begitu produktif tetapi di kawasan-kawasan yang betul-betul, di hujung dunia ini yang akan memakan masa untuk kita memberikan bekalan elektrik. Saya rasa perlu juga, saya tidak pernah mendengar lagi kementerian ini membekalkan lampu-lampu pam yang mana kita gunakan pada zaman dahulu. Tuan Pengerusi, seperti juga rakan-rakan yang lain, daerah Kota Belud ini merupakan satu daerah yang miskin di Sabah.

**■1840**

Tahun ini kami hanya diberi 80 buah rumah PPR untuk tahun 2010. Saya ingin mengetahui berapa banyak jumlah rumah PPR yang akan dibekalkan untuk Kota Belud untuk

tahun 2011 memandangkan kita mempunyai lebih kurang 2,000 lebih lagi permohonan yang sedang perlu diatur.

Untuk pengetahuan Tuan Pengerusi, satu lagi masalah tentang rumah PPR ini ialah kadang-kadang kementerian beranggapan bahawa rumah-rumah ini akan dibina berdekatan dengan jalan raya ataupun tiang-tiang elektrik utama dan memberikan harga pembinaan rumah itu dengan merangkumkan kos penyambungan wayar, pendawaian daripada tiang utama kepada rumah.

Akan tetapi untuk pengetahuan kementerian, banyak juga rumah-rumah ini yang terpaksa dibuat jauh sedikit daripada kawasan jalan raya utama yang memerlukan tiang elektrik satu, dua batang elektrik. Satu batang elektrik memerlukan perbelanjaan RM1,000 lebih Tuan Pengerusi. Akhirnya, apa yang berlaku ialah kadang-kadang program untuk memberi kesejahteraan kepada rakyat tetapi ada rumah tetapi tidak mempunyai bekalan elektrik. Jadi, kalau kawasan-kawasan itu memerlukan satu, dua batang tiang elektrik untuk dibangunkan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Ya. gulung Yang Berhormat.

**Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Ya. Saya minta supaya kementerian memberi sedikit perhatian supaya menambah.

*Point* yang terakhir Tuan Pengerusi adalah saya ingin mencadangkan kepada kementerian ini juga untuk memberi penekanan kepada kesejahteraan rakyat di luar bandar tetapi saya tidak pernah mendengar kementerian ini membincangkan tentang pembangunan teater contohnya, teater, muzik di kampung-kampung yang mana kebudayaan dan sebagainya. Ini adalah sebahagian daripada KPI kementerian iaitu untuk memberi kesejahteraan kehidupan di luar bandar. Saya tahu objektif pertama ialah memberi infrastruktur tetapi, kalau kementerian boleh memberi untuk NGO, kumpulan belia dan sebagainya di kampung-kampung untuk mengadakan teater, mengadakan pertandingan muzik dan sebagainya. Ini mungkin akan memberi sedikit keselesaan kepada mereka di kampung-kampung. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Ya. Yang Berhormat Lubok Antu.

**6.42 ptg.**

**Tuan William @ Nyallau anak Badak [Lubok Antu]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hanya dua perkara saya ingin sentuh di sini. Pertama, Butiran 01700 iaitu Bekalan Elektrik Luar Bandar. Saya masih – ada kawasan seperti Titok, Beranggang, yang telah diluluskan bekalan elektrik luar bandar telah ditarik balik disebabkan pihak sekarang memohon bayaran ganti rugi untuk sawit-sawit yang akan ditebang untuk memberi laluan tiang-tiang bekalan elektrik.

Saya memohon satu lagi adalah rumah - Kenapa Kementerian Luar Bandar tidak berbincang atau tidak berunding dengan wakil rakyat bersama dengan kampung-kampung? Mungkin perkara ini dapat diselesaikan daripada kita terus seolah-olah kita marah kepada rumah panjang berkenaan.

Satu lagi, kawasan-kawasan Ulu Sekerang, Ulu Lemanak adalah kawasan yang di mana penduduknya di paras kemiskinan amatlah tinggi. Ini adalah tidak lain dan tidak bukan adalah disebabkan mereka tinggal begitu jauh dengan sungai. Ubat paling mujarab untuk menyelesaikan perkara ini adalah untuk jalan yang lebih cepat. Jalan-jalan saya maksudkan adalah Jalan Ulu Sekerang yang akan menghubungi kurang lebih 30 rumah panjang, tiga buah sekolah rendah, satu klinik. Mereka di sini begitu sukar untuk membawa hasil-hasil mereka ke bandar untuk dijual. Satu lagi adalah Jalan Ulu Lemanak. Jalan Ulu Lemanak adalah akan menghubungi lebih 20 rumah panjang, dua buah sekolah rendah dan penduduk lebih kurang 2,000 orang.

Terakhir sekali adalah Jalan Inkiling yang akan menghubungi lebih 15 rumah panjang, hampir 2,000 penduduk. Jawapan Yang Berhormat Menteri Luar Bandar tahun lepas, jalan-jalan ini akan dibina dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh. Saya ingin tahu sama ada jalan laluan ini akan dimasukkan dalam bajet tahun 2011? Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Terima kasih Yang Berhormat . Ringkas. Ya, sila Yang Berhormat Beruas.

**6.45 ptg.**

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya akan cuba ringkaskan. Pertama yang saya ingin bahaskan ialah tentang Butiran 60000 – Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA). Saya ingin Yang Berhormat Menteri memberitahu kenapakah sentiasa berlaku di mana wang untuk menanam semula kelapa sawit ataupun getah senantiasanya habis dan ini menyebabkan kesusahan kepada rakyat yang ingin menanam semula pokok getah mereka. Apa yang menyedihkan ialah oleh sebab ramai rakyat Malaysia yang tekun bekerja ingin terus menanam semula sungguhpun tidak ada wang bantuan untuk tanaman semula. Mereka akan menanam pokok getah ataupun pokok kelapa sawit dengan wang sendiri.

Malangnya, apabila wang bantuan untuk tanam semula sampai, mereka di *penalize* dengan izin, dengan hanya diberikan ansuran bayaran selepas tanaman itu dibuat iaitu ansuran pertama untuk menanam semula yang biasanya jumlah yang terbesar tidak akan diberikan. Kalau pokok itu sudah menjangkau masa untuk bantuan kedua dan ketiga, hanya bantuan tanam semula yang kedua dan ketiga kemudiannya akan diberikan. Bagi rakyat yang kita kata yang kuat bekerja, kita sebenarnya mesti menghayati keinginan mereka untuk bekerja tanpa bantuan. Mereka haruslah digalakkan berbuat demikian dan jumlah keseluruhan wang bantuan tanam semula haruslah diberikan kepada mereka.

Ini kerana wang bantuan tanam semula bukannya wang kerajaan. Sebenarnya penanam-penanam, penoreh-penoreh getah dan pengusaha-pengusaha kelapa sawit ini, mereka membayar ses kepada RISDA. Wang ini adalah satu pemulangan wang ses yang RISDA telah dikutip apabila mereka menjualkan getah yang ditoreh oleh mereka. Dalam hal ini, saya harap kerajaan akan memastikan wang tanam semula untuk seluruh tahun mencukupi dan kalau tidak mencukupi tidak harus mendenda atau *panelize* mereka yang terus menanam semula tanpa bantuan.

Kedua, berkenaan dengan RISDA. Saya ingin tahu lebih kurang enam atau tujuh tahun yang lepas ada sejumlah lebih kurang RM400 juta wang RISDA sebenarnya wang pekebun kecil ini yang hilang kerana dikatakan antara lain dilaburkan dalam *golf club* ataupun *golf course* dan sebenarnya. Apakah sudah terjadi kepada wang tersebut? Apakah tindakan yang telah diambil terhadap pegawai-pegawai yang menyelewengkan wang tersebut supaya kesusahan yang sekarang yang menimpa pekebun-pekebun kecil beberapa tahun ini dapat keadilan. Ramai mereka telah dengan izin, dikatakan tadi di *panelize* kerana tidak ada wang bantuan untuk tanam semula yang mencukupi.

Kedua, saya ingin menyatakan sokongan saya kepada Yang Berhormat Sungai Siput berkenaan dengan Butiran 030000 - Orang Asli. Saya ingin kerajaan supaya Orang Asli dihormati dan mereka diberikan sama ada secara geran ataupun secara berkelompok komuniti, *title* atau *reserve* dengan izin untuk menghormati Orang-orang Asli di setiap kawasan seperti yang telah Kerajaan Pakatan Rakyat buat iaitu setiap keluarga Orang Asli akan diberikan geran lapan suku ekar. Itu satu-satunya cara memastikan Orang Asli akan mendapat pendapatan yang konsisten dan mencukupi untuk memastikan mereka boleh – kalau mengikut kiraan kami, mereka boleh mendapat setiap keluarga RM3,000 sebulan yang akan seterusnya menaikkan taraf hidup mereka dan pendapatan mereka.

Di negeri Perak di mana setengah daripada orang miskin tegar adalah Orang Asli. Dengan rancangan yang telah dirancang oleh Kerajaan Pakatan Rakyat Negeri Perak, Orang-orang Asli ini dengan sekali gus tidak akan menjadi miskin lagi.

#### ■1850

Saya harap Kerajaan Barisan Nasional pun akan memupuk semangat yang sama dengan menolong Orang Asli dengan menghormati hak mereka ke atas tanah-tanah mereka. Pemberian tanah ini bukan kerana kita berikan kepada mereka. Ini kerana mengiktiraf hak Orang Asli sebagai orang asal di negara kita *in recognition of their rights to the land* di geran *and title*, bukan kita berikan kerana mereka lebih awal datang daripada mana-mana pihak dalam negara tercinta ini. Jadi, maksud saya ialah...

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Ya, masa Yang Berhormat.

**Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Cara Orang Asli hendak mengendalikan tanah mereka, kita hormati cara mereka dan tempat merayau untuk mereka mestilah dipelihara.

*Lastly*, berkenaan dengan peruntukan untuk kemajuan luar bandar. Saya dapati sungguhpun kampung-kampung orang Cina di bawah Kementerian Kerajaan Tempatan, tetapi saya nampak tidak ada peruntukan tertentu untuk pembangunan kawasan-kawasan kampung baru ini. saya berharap satu jumlah pun boleh diperuntukan dengan spesifik untuk pembangunan kampung baru ini kerana didapati sungguhpun sudah lebih 60 tahun, banyak daripada kampung-kampung baru ini masih tidak ada perparitan yang baik atau pun jalan-jalan tar di kampung-kampung baru ini. Jadi, kalau boleh, kerajaan haruslah menetapkan satu jumlah untuk memastikan perparitan dan jalan-jalan asas ini dan juga bekalan elektrik ini dapat dibekalkan kepada kampung-kampung baru ini sama ada di bawah Kementerian Luar Bandar ini ataupun di bawah Kementerian Kerajaan Tempatan. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Ya, Yang Berhormat Parit Sulong.

**6.52 ptg.**

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ringkas sahaja. Satunya Butiran 02404 – Program Lonjakan Mega Luar Bandar. Menerusi Program Lonjakan Mega Luar Bandar ini peruntukan yang disediakan ialah RM109 juta. Jadinya, saya mahu bangkitkan mengenai soal projek di kawasan saya iaitu projek membina jambatan yang menghubungkan Kampung Parit Laman dengan Kangkar Merlimau di kawasan Parlimen Parit Sulong. Kelulusan adalah di bawah KKLW, agensi pelaksanaannya adalah JKR Johor, nilai asal projek silingnya adalah lebih kurang RM10 juta. Lawatan tapak telah dibuat, taklimat kepada penduduk juga telah dilaksanakan, kontraktor telah pun dipilih tetapi sehingga sekarang hampir setahun, saya tidak tahu apa jadi tidak juga dibuat. Jadinya, saya mahu mohon status untuk projek ini kerana ianya telah diberi taklimat kepada penduduk kampung itu sendiri oleh jabatan.

Saya juga ingin menyentuh Butiran 01701 iaitu Bekalan Elektrik Luar bandar bagi Semenanjung. Peruntukan yang disediakan adalah RM82 juta. Parlimen saya mempunyai 57 kampung induk dan kira-kira 230 kampung rangkaian. Soalnya sekarang adalah kampung rangkaian berada dalam lingkungan 2 kilometer per segi dan panjangnya adalah lebih kurang 2 kilometer minimum. Jadi, prosedur kerajaan sekarang ini adalah 10 lampu jalan untuk satu kampung induk sahaja. Jadinya, keperluan jalan kampung ini adalah sangat penting kerana penduduk di kawasan saya agak padat dan ia penting kerana penduduk selalunya mempunyai urusan sebelah malam seperti ke pekan berdekatan, surau ataupun masjid dan terpaksa menempuh kegelapan dan banyak kes kemalangan dan rompakan bersenjata. Jadinya, ini telah menimbulkan masalah.

Saya tahu ramai wakil rakyat lain membangkitkan isu yang sama. Apabila saya bercakap dengan pejabat daerah, mereka telah mengatakan bahawa senarai telah dihantar tetapi satu lagi

masalah yang telah timbul pula adalah dari segi pelaksanaan. Kementerian apabila melaksanakan sesuatu atau pun projek lampu jalan kampung ini, dia terus merujuk kepada TNB. Jadinya tidak ada penyelarasan di peringkat akar umbi apabila, *went it comes* dengan izin kepada pelaksanaan. Ia tidak ada penyelarasan. Sepatutnya, saya ingin mencadangkan kepada kementerian, untuk memberi satu salinan kelulusan kepada pejabat daerah dan juga kepada wakil rakyat di tempat berkenaan.

Ketiganya, adalah mengenai Butiran 011300 – Pengupayaan Komuniti dan Info Desa yang peruntukannya adalah RM4.471 juta. Di bawah butiran ini kita diberitahu bahawa bilangan siri latihan ICT desa pada tahun 2011 meningkat kepada 3,540 berbanding hanya 104 pada tahun 2010. Ini satu penambahan yang sangat besar. Manakala, pembangunan Medan Info Desa ataupun MID hanya bertambah kepada 34 buah pada tahun 2011 berbanding 12 buah pada tahun 2010. Pertanyaan saya Yang Berhormat Tuan Pengerusi adalah apakah modul kokurikulum atau pun kemahiran yang diajar di ICT desa ini supaya menarik lebih ramai lagi golongan terutamanya generasi muda seperti dalam kemahiran animasi golongan ibu tunggal, OKU, dan sebagainya untuk memanfaatkan ICT desa ini dan bukannya sebagai tempat belajar perkara asas komputer sahaja atau pun bermain komputer dan *war games* sahaja di sana. Jadinya, saya mahu tahu dan minta penjelasan daripada pihak kementerian mengenai perkara ini? Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Ya, Yang Berhormat Kapit.

**6.56 ptg.**

**Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ringkas sahaja. Saya Butiran 02002 - Bekalan Air Luar Bandar Sarawak. Saya spesifik. Sekarang di Kapit ada projek membina untuk menaik taraf menambah kemampuan loji air sebanyak RM28 juta yang sedang dilaksanakan. Cuma masalahnya nanti apabila projek ini telah siap untuk dibina, masalahnya penghantaran seperti juga yang diceritakan oleh kawasan saya Yang Berhormat Kota Belud tadi. Oleh sebab sistem paip yang sedia ada adalah usang dan perlu kita ganti dan tambahkan supaya lebih banyak kawasan-kawasan berhampiran dapat dibekalkan dengan ia bersih yang dirawat itu dengan sedia adanya loji air di Pekan Kapit ini nanti.

Saya telah difahamkan bahawa sebanyak RM14 juta akan diperlukan sekiranya kita mahu membina satu pun menambah baik untuk menaik taraf paip-paip yang usang itu. Jadi, jumlah ini diberi kepada saya daripada konsultan. Jadi, saya mohonlah dengan peluang ini agar dalam tahun 2011 ini wang sebanyak RM14 juta ini diagihkan kepada kawasan di Bandar Kapit supaya siapnya nanti loji air ini siap sama dengan pengantaraan sistem paip. Sekarang dengan bekalan air luar bandar juga Tuan Pengerusi, di kawasan kita di Kapit masih banyak lagi kawasan yang memerlukan bekalan air alternatif.

Oleh sebab banyak kampung-kampung atau pun rumah panjang di kawasan sana, bekalan air mereka yang selama ini didapati daripada gunung adalah telah rosak atau pun tidak dapat lagi diguna pakai oleh sebab telah masuk ladang-ladang dan juga aktiviti pembalakan. Ini bukan cerita baru tetapi cerita lama. Cuma saya mahu menekankan sekali lagi, agar kementerian ini mengambil kira dan mengagihkan sepatutnya dan tahun depan 2011 ini, bajet yang kita bahaskan ini diberi secukupnya. Kalau tidak secukupnya semestinya ada.

Tuan Pengerusi, sekarang saya beralih kepada Bekalan Elektrik di Luar Bandar Butiran 01702 di Sarawak.

■1900

Bekalan elektrik di luar bandar sekarang program untuk menyambung *high tension* sedang dilaksanakan dan saya telah difahamkan bahawa dalam jangka masa setahun setengah daripada sekarang semestinya ada bandar Kapit ini akan masuk grid di dalam sistem pembekalan elektrik di seluruh negeri Sarawak. Itu kebanggaan kami. Akan tetapi banyak lagi kampung masih tidak ada ataupun belum lagi dapat kita sambungkan elektrik ini. Saya telah membawa perkara ini pada masa dahulu, saya sebutkan lagi, mengapa tidak kampung-kampung ataupun rumah-rumah panjang yang berhampiran sekolah-sekolah yang sekarang sudah ada bekalan elektrik bukan 24 jam lagi tetapi 16 jam itu pun boleh kita pakai, dikongsikan dengan rumah panjang yang berhampiran sekolah-sekolah.

Apabila saya membawa isu ini dalam satu taklimat saya diberi penjelasan bahawa kementerian ini berlainan, Kementerian Pelajaran dan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. Memang bukan senang untuk diselaraskan oleh kedua-dua kementerian ini tetapi bagi saya kerajaan yang berbelanja untuk membekalkan elektrik kepada sekolah mengapa tidak kalau bekalan itu berlebihan berilah kepada rumah panjang yang berdekatan. Itu cadangan saya.

Satu lagi ini di luar bandar, projek dalam butiran jalan luar bandar. Di kawasan luar bandar di Sarawak kita memang memerlukan peruntukan projek jalan kampung bukan untuk projek-projek yang besar. Projek-projek dalam kawasan-kawasan Parlimen ataupun kawasan daerah umpamanya di kawasan saya sendiri di Kapit. Kita memang memerlukan peruntukan agar kita meneruskan program seumpama ini sebab banyak lagi rumah-rumah panjang yang belum dapat dihubungi oleh jalan raya dan kalaulah kita bergantung sangat kepada yang kita sedia pakai sekarang ini...

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Ya, gulung Yang Berhormat.

**Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]:** Gulung? Pasal saya jauh bagi saya sedikit Tuan Pengerusi. Jadi kita bergantung sangat kepada anak-anak sungai. Sekarang sudah berlainan oleh kerana cuaca dan sebagainya tapi Tuan Pengerusi pun tahu maksud saya ini.

Jadi oleh kerana saya diminta untuk menggulung, saya akurlah kepada Tuan Pengerusi. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat Jerai.  
7.03 mlm.

**Tuan Mohd. Firdaus bin Jaafar [Jerai]:** Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya merujuk kepada 02300 – Jalan Luar Bandar. Saya melihat apa yang berlaku sekarang ialah mini tar yang dibina di luar bandar ini agak seolah-olah seperti mana sekadar ada kemudian beberapa bulan selepas itu akan berlaku kerosakan kemudian lambat bertindak untuk baik pulih. Ini yang sering berlaku dan saya minta supaya dihadkan laluan-laluan kenderaan berat dan seumpamanya supaya jalan luar bandar ini tidak akan dijadikan masalah baru kepada masyarakat luar bandar.

Kemudian saya merujuk kepada 07000 – Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA). Kita bersetuju apabila pihak kementerian menerima dua pencalonan daripada kerajaan negeri untuk seseorang mengurus dan mentadbir rakyat negeri Kedah. Cuma kita minta KEDA ini biarlah mengikut peraturan seperti mana yang kita kehendaki mengutamakan mana-mana wakil rakyat termasuk kami daripada Pakatan Rakyat supaya motif kita ialah untuk memajukan rakyat yang kemiskinan dapat pembelaan yang sewajarnya. Kita melihat bantuan ini perlu diteruskan dan dikemaskinikan supaya ia tidak berlaku pada hanya segolongan politik sahaja tapi kepada mangsa-mangsa ataupun rakyat yang memerlukan bantuan.

Kemudian Tuan Pengerusi, terus kepada 02404 – Projek Lonjakan Mega Luar Bandar sudah tentu memberi kesan yang besar kepada masyarakat luar bandar. Saya mohon apakah aktiviti-aktiviti yang akan dilaksanakan memandangkan ia peruntukan begitu besar dan apakah projek ini semata-mata pilihan raya ataupun memastikan masyarakat luar bandar juga menerima pembangunan seimbang seperti mana kita kehendaki.

Yang terakhirnya 03200 – Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat. Peruntukannya begitu banyak RM300 juta. Saya mohon supaya peruntukan ini perlu diberi sebaik mungkin. Antara pembangunan yang dicadangkan adalah bantuan rumah kemiskinan termasuk bantuan khas kepada pelajar miskin yang berjaya yang menduduki UPSR, PMR dan SPM pada hari ini mereka juga diberi peruntukan ini untuk memajukan pendidikan mereka. Kemudian mewujudkan keselamatan dalam kampung terutama kampung pedalaman yang jauh daripada balai polis, jauh daripada keselamatan dan sebagainya supaya diambil kira kawalan keselamatan supaya kesejahteraan itu benar-benar berlaku dalam masyarakat luar bandar.

Kemudian wujudkan perpustakaan yang lebih banyak. Pusat sumber ilmu kepada anak luar bandar yang kita kira agak jauh dengan bandar memerlukan kos yang tinggi apabila skim ini dapat dilaksanakan dengan baik. Perpustakaan luar bandar diwujudkan di seluruh luar bandar mengikut komposisi kaum dan sebagainya untuk memberi pendidikan membaca dan ilmu pengetahuan kepada anak-anak bangsa di luar bandar.

Kemudian wujudkan *tuition centre* untuk mempermudah anak kita diberi pendedahan ilmu dan juga *business centre* kepada masyarakat luar bandar untuk mereka pasarkan barang-

barang produk tempatan mereka, tidak menjadi halangan dan memberi galakan untuk menambah pendapatan mereka. Akhir sekali wujudkan gerai-gerai untuk masyarakat bagi menggalakkan perniagaan di dalam bandar dan pasar-pasar harian, pasar-pasar tani yang kita lihat seolah-olah khemah yang mereka meniaga pun agak daif. Sekiranya ini diberi kepada mereka sekurang-kurangnya menyelamatkan modal mereka dan mereka hanya mengaut keuntungan untuk menyara kehidupan mereka. Jadi skim pembangunan kesejahteraan rakyat ini perlu diteruskan dan mendapat sokongan dan diagih mengikut sama rata tanpa mengira latar belakang politik. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Ya, Yang Berhormat Lipis.

**7.07 mlm.**

**Dato' Dr. Mohamad Shahrur Osman [Lipis]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Jadi bagi P.22 ini saya hendak bercakap tentang Butiran 02300 – Jalan-jalan Luar Bandar. Jadi di dalam kawasan saya ada dua jalan yang penting bagi saya yang perlu dibuat. Pertamanya jalan daripada Bandar Baru Kuala Lipis ke Kuala Kechau ke Kampung Matuk dan ke Kuala Kenong. Jadi kerana selepas 53 tahun merdeka Kampung Matuk dan Kuala Kenong ini tidak pernah ada satu jalan raya pun sama ada jalan kampung yang berturap kecuali tanah merah. Mereka terpaksa menggunakan jalan ladang di FELDA untuk keluar ke bandar Kuala Lipis ataupun menggunakan perahu atau motor bot. Jadi bayangkanlah selepas 53 tahun merdeka kita masih macam di Kapit, Sarawak daif di situ. 53 tahun merdeka. Jadi saya mohon betullah kali ini pihak kementerian memikirkan jalan ini. Jadi malu saya bila hendak sebut perkara ini.

Keduanya, jalan di Kampung Kuala Kechau itu sekarang sudah runtuh. Penduduk sudah terputus hubungan jadi kita minta pihak kementerian menyegerakan membaik pulih jalan tersebut iaitu Jalan Kuala Kechau. Jangan tersalah tempat pula.

Ketiganya, saya hendak menyebut di bawah Butiran 02400 – Program Lonjakan Mega Luar Bandar. Di sini yang sangat penting ialah jambatan yang merentasi Sungai Jelai di Kampung Gemuncur. Seperti yang saya katakan juga tadi selepas 53 tahun merdeka, kita penduduk di sini sebenarnya masih lagi menggunakan perahu dan bot untuk menyeberang dan sebagainya. Mungkin terlepas pandang dan sebagainya tapi kita minta. Ada janji dalam pilihan raya 1995 tentang pembinaan jambatan ini tapi sehingga sekarang...*[Dewan riuh]*

Ada lebahkah Tuan Pengerusi dalam Dewan ini terlepas? Bunyi kuat sangat macam penyengat. *[Ketawa]* Selepas janji 1995 sampai sekarang saya dengar baru-baru ini ada orang yang melawat dan sebagainya tapi tidak kunjung tiba dan saya dengar pula katanya ada peruntukan sedikit tapi sudah dialih pula buat jambatan lain. Jadi saya berharap kementerian ini janganlah pilih kasih. Ahli-ahli Parlimen yang jarang-jarang datang ke kementerian mungkin bagi juga pertimbangan. Jangan bila mereka selalu datang kementerian bagi pada yang itu. Yang kami ada hal-hal lain yang jarang-jarang datang itu tidak diberi pertimbangan langsung.

**■1910**

Jadi bila saya dengar begitu, saya sampai sekarang rasa dukacita – dah tak selera makan dah. Ini penduduk menunggu 53 tahun ini.

Jadi yang keduanya saya nak sentuh Butiran 02402 – Pengupayaan Komuniti dan Infodesa. Saya lihat dalam ini tidak ada peruntukan duitnya. Sedangkan infodesa ini bagi saya sangat penting bagi penduduk-penduduk di desa, dan program untuk mencelikkan mereka kepada ICT ini perlu berjalan terus tetapi daripada segi peruntukkannya tidak ada. Jadi saya mohon penjelasanlah daripada pihak kementerian mengenai perkara tersebut.

Seterusnya Butiran 02401 – Ameniti Sosial. Peruntukkannya rasa saya sangat sedikit, tidak berubah daripada tahun ke tahun. Perkara ini juga perlu bagi penduduk di samping mendapat kemudahan air, api, jalan raya dan sebagainya ialah kemudahan-kemudahan seperti taman permainan kanak-kanak, gelanggang dan sebagainya. Jadi kita berharap pihak kementerian memikir semula macam mana nak mencari duitlah untuk memastikan ameniti sosial ini dapat diteruskan dan dapat diperbanyakkan demi kemudahan untuk penduduk-penduduk di kampung.

Seterusnya ialah mengenai dengan Maksud B.22 Butiran 100600 – Dana Pinjaman Pendidikan Tinggi III (HELP III). Saya mohon penjelasan daripada pihak Menteri, untuk apa dana ini dan apakah kumpulan sasarannya dan setakat mana dijangka dengan izin ROI (*return on investment*) bagi dana yang besar ini? Jadi dengan itu, saya mohon menyokong dan terima kasih.

**Beberapa Ahli:** [*Bangun*]

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Ya, Yang Berhormat Kuala Selangor. Makin banyak yang berdiri.

**7.12 mlm.**

**Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]:** Sambung esok Menteri.

**Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]:** Tuan Pengerusi, saya juga sekadar mahu menyebutkan buat untuk kesekian kalinya bersama-sama dengan kawan-kawan tadi. Bukan hanya di Kapit, Batang Sadong dan Parit Sulong, di Kuala Selangor di Selangor ini juga Tuan Pengerusi, atas bekalan P.22 soal Bekalan Air Luar Bandar, masih ada lagi tempat-tempat di Selangor ini – negeri yang paling kaya Tuan Pengerusi, di mana bekalan air masih lagi bersumberkan air bukit. Baru minggu lalu saya pergi ke satu ladang – ladang Kampung Ijok namanya, yang masih – ini ladang-ladang dan inilah kemiskinan-kemiskinan yang masih terperangkap dalam kepompong-kepompong seperti ini Tuan Pengerusi. Mereka berkongsi sumber-sumber air ini kadang-kadang dengan monyet, kadang-kadang dengan babi hutan.

Ini ladang-ladangnya – Ladang Caledonia, Ladang Coalfields, Ladang Tuan Mee, Kampung Ijok. Sudah sampai waktunya Tuan Pengerusi, kita sepatutnya... Inilah yang dikatakan

sebagai *outcome based budgeting*. Akan tetapi setelah 53 tahun, masih lagi. Sepatutnya bekalan air bersih, jalan-jalan seperti ini diselesaikan tetapi masih lagi. Setiap kali bajet, saya pun terpaksa bangun beginilah – sebagai sekadar untuk mengingatkan Kementerian Luar Bandar.

Begitu juga atas Butiran 02300 – Jalan-Jalan Luar Bandar. Di kampung-kampung di Kuala Selangor Tuan Pengerusi, khususnya di kampung-kampung di mana di sana ada tempat-tempat tarikan pelancong seperti di Kampung Kuantan – kelip-kelip di Kuala Selangor itu – di Parit Mahang, di Sasaran, jalan-jalan kampung yang berombak yang perlu diturap kembali yang lubangnyanya – dan ini semua adalah perkara yang telah saya sebutkan dahulu Tuan Pengerusi.

Juga kalau boleh saya ingin tanya tentang – ini berlainan sikit, iaitu atas perbelanjaan One-Off sebanyak RM100,000 itu di bawah *NKRA: Education* – Pra Sekolah. Perbelanjaan itu agak besar peruntukannya. Bagaimanakah ianya diurus tadbir? Apakah kembali kepada KEMAS ataupun PEMANDU ataupun bagaimana? Perlu nak saya dapatkan sedikit penjelasan. Tidak PERMATA agaknya ini. *[Ketawa]*

Jadi Tuan Pengerusi, akhirnya sekali itu, apa sebenarnya Program Lonjakan Mega Luar Bandar ini? Berapa mega yang mega itu di luar bandar ini, Tuan Pengerusi? Saya ingin tahu kerana perbelanjaan itu besar – RM109 juta. Apakah di Kuala Selangor boleh juga kita memanfaatkan ataupun kita dapat akses capaian kepada peruntukan-peruntukan besar seperti ini? Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Beberapa Ahli:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Ya, Yang Berhormat Batang Sadonglah.

**7.16 mlm.**

**Puan Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]:** Terima kasih, terima kasih Tuan Pengerusi. *[Ketawa]* Saya merujuk kepada Butiran 02002 iaitu bekalan air luar bandar untuk Sarawak. Tuan Pengerusi, saya telah membawa perkara ini beberapa kali sudah dan saya sudah kemukakan kepada kementerian dan sekali ini saya hendak sebutkan kali ini sekali lagi mengenai bekalan untuk membina *high-capacity water tank* dengan izin di kawasan DUN Sadong Jaya di bawah Batang Sadong, kerana ia amat serius sudah Tuan Pengerusi.

Baru-baru ini saya telah menyatakan bahawa berlakunya masalah wabak cirit birit yang begitu serius sekali. Saya mendapat tahu bahawa puncanya ialah daripada bekalan air yang mana klorin tidak sampai di kawasan yang nak dibekalkan air. Di antara perkaranya ialah kapasiti yang ada sekarang terlalu kecil kerana ia tidak dapat menepati keperluan penduduk yang telah terlalu ramai. Kedua juga, ialah salurannya terlalu usang dan ia banyak bocor saluran airnya itu dan ia terlalu panjang sehingga tidak sampai klorin ke kawasan yang nak disampaikan.

Jadi saya hendak menekankan di sini dan mintalah kementerian untuk menimbang permohonan yang telah saya kemukakan supaya dibina *high-capacity water tank* untuk keperluan orang ramai. Saya tahu bahawa kementerian memang sudah mengusahakan untuk memberi

bekalan air dengan sudah memasang saluran paip tetapi kalau air tidak ada, tidak guna juga. Jadi saya harap ini diambil perhatian oleh pihak kementerian.

Kedua ialah mengenai jalan-jalan luar bandar. Masih banyak lagi diperlukan terutama sekali kawasan di Kampung Lubuk Buntin, Lubuk Bungui menuju ke Tanjung Sap, Kampung Sungai Paku. Di sini kawasan jalannya jalan pasir, Tuan Pengerusi. Saya harap kementerian mengambil kira perkara ini untuk Rancangan Malaysia Kesepuluh ini kerana saya rasa kalau masih begitu keadaannya, saya rasa tidak sampai penghujung *term* saya, saya dah masuk hospital. Jalannya amat teruk sekali.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Kasihan Yang Berhormat Batang Sadong.

**Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]:** Kasihan dia.

**Puan Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]:** Ketiga ialah mengenai Ameniti Sosial di bawah Butiran 02401. Terlalu banyak ameniti sosial ini diperlukan oleh kampung-kampung. Saya mengharapkan kementerian memberi perhatian untuk menambahkan lagi peruntukan untuk kawasan-kawasan luar bandar. Saya harap kementerian boleh menghantar wakilnya untuk menjenguk kawasan-kawasan di luar bandar ini supaya memahami apa yang kita minta di sini supaya ianya diambil kira dan diberi perhatian dan diberi keutamaan.

Seterusnya mengenai Program Lonjakan Mega Luar Bandar di bawah Butiran 02404. Saya nak tahu berapa lamakah program ini? Ini kerana kawasan saya di antara satu daripada kawasan yang dipilih di bawah Program Lonjakan Mega Luar Bandar ini. Cuma saya nak tahu bagaimana kita hendak membezakan di antara projek yang tersenarai di bawah Program Lonjakan Mega Luar Bandar dan yang bukan termasuk di bawah projek ini?

Seterusnya ialah Butiran 00604 – Institut Kemahiran MARA dan Butiran 00611 – Program Giat MARA. Saya menyentuh kedua-dua butiran ini sebab permintaan daripada orang-orang kawasan ialah untuk mewujudkan sama ada Giat MARA ataupun Institut Kemahiran MARA di kawasan Simunjan ataupun Gedong.

#### ■1920

Jadi saya harap kementerian boleh membantu dalam perkara ini. Akhir sekali 01702 – Bekalan Elektrik Luar Bandar. Beberapa buah kampung memang mempunyai bekalan elektrik, ada yang sudah dipasang wayarnya tetapi tidak ada elektrik yang keluar, tidak ada kuasa. Jadi ianya amat menghampakan orang kampung. Saya hendak tahu apakah masalah sebenarnya kerana saya disoal, saya tidak tahu macam mana hendak jawab. Bila kita tanya pihak-pihak tertentu yang seharusnya menjalankan tugas ini pun tidak tahu menjawab. Jadi di mana saya hendak bawa perkara ini? Jadi di sini saya hendak tahu jawapannya supaya saya dapat membawa kepada orang kampung apa sebenarnya masalahnya.

Selain daripada itu, adakah kementerian boleh membantu mungkin kalaulah membekalkan elektrik itu terlalu mahal, mungkin kita boleh mencari alternatif untuk sementara ini

iaitu sekurang-kurangnya menggunakan solarkah dan apa juga jalan-jalan lain yang boleh kita gunakan. Akhir sekali iaitu lampu jalan raya kerana lampu jalan raya amat diperlukan kerana ia boleh menyumbang ke arah masalah sosial. Apabila jalan gelap, selain ia berbahaya kepada pengguna jalan raya di kampung-kampung, ia juga disalahgunakan pihak-pihak yang mungkin merasakan kegelapan itu membantu mereka untuk melakukan sesuatu yang kurang sopan. Sekian, terima kasih.

**Datuk Billy Abit Joo [Hulu Rajang]:** *[Bangun]*

**Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]:** *[Bangun]*

**7.22 mlm.**

**Datuk Billy Abit Joo [Hulu Rajang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh empat butiran sahaja sama dengan rakan dari Sarawak tentang jalan luar bandar, bekalan air, imuniti sosial dan sebagainya. Memang masalah sama sahaja. Seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat dari Kapit, kawasan yang berdekatan dengan Hulu Rajang, masalah hampir sama.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh pertama tentang butiran 01702 iaitu tentang Bekalan Elektrik. Saya ingin memohon di sini supaya Bandar Belaga, Pasar Belaga dan juga penempatan semula Sungai Asap disambung terus kepada grid yang datang dari Bakun. Orang pindah ke sana kerana Bakun, takkan tidak mendapat elektrik *supply* dari Bakun pula.

Kedua, butiran 02300 – Jalan Luar Bandar. Saya memohon bila pengagihan peruntukan untuk jalan luar bandar ini diberi perhatian yang saksama kepada kawasan yang terpencil seperti di Hulu Rajang. *It's a question of need not a question of many people there* ataupun ada bandar dan sebagainya. Kita semua rakyat Malaysia dan harus diberi perhatian. Memandangkan Hulu Rajang adalah kawasan yang paling besar fungsi di Malaysia *but if we look at the* peruntukan untuk jalan luar bandar dan sebagainya, kita yang paling kecil saya fikir. *I think* harus dibuat sesuatu kali ini di bawah menteri yang juga dari Sarawak dan Sabah ini. Mereka patut faham masalah saya di Hulu Rajang.

Saya juga memohon supaya jalan dibuat dari Murum ke kawasan Linau di Lusong Laku Ini kawasan Penan, ada lima hingga enam buah kampung di sana, sangat terasing dan terpinggir. Jadi saya memohon supaya kerajaan, memandangkan ada jalan raya ke hidro Murum nanti disambung ke sana, jalan batu pun boleh dapat menghubungi mereka di Hulu Linau ini yang juga ada sekolah dan klinik di sana.

Butiran 02002 – Bekalan Air. Ini memang masalah besar di kawasan Hulu Rajang ataupun kawasan rural Sarawak di mana ada rumah panjang. Selama seratus tahun ini, *we depend on rain water and mountain water*. Kalau dulu ini boleh kita terima *but* keadaan sekarang, *when Malaysia is so modern, we are talking about so many things that are so modern, I think* tidak adil jika ada rakan di Sarawak masih bergantung pada air bukit. Jadi saya mohon di sini mereka yang sudah ada *gravity feed* diberi *water treatment at least treat this water, please*.

Seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat dari Kapit, di Hulu Rajang ada banyak *plantation* sekarang tetapi kita punya *source water* masih. Hulu Rajang juga banyak balak, kadang-kadang mereka ini tidak *respect the water source* yang kita ada. Seperti di Hulu Linau, orang Penan *they use to get the water* dari Sungai Linau tetapi sekarang Sungai Linau itu sudah tidak dapat diminum lagi. *If you go from heli, it looks like brown water. This river in 1960 I was there, crystal clear* Tuan Pengerusi, kita dapati ikan purau dalam sungai. Sekarang semua penuh dengan pasir.

Jadi saya memohon supaya *water supply* dibuat di kawasan Urun ini kawasan Penan, ada sembilan buah rumah dan juga ada dua ataupun tiga rumah panjang Kenyah termasuk sekolah. Di sini juga *centre for plantation* yang banyak. Jadi saya harap Kementerian Luar Bandar akan membantu mereka di sini.

Akhirnya Butiran 02401 iaitu Imuniti Sosial. Untuk makluman Dewan ini, peruntukan di bawah Imuniti Sosial hanya sebahagian, *some of the only things they reach the rural areas*. Jika kita kurangkan ini bermakna orang di hulu-hulu sungai tidak akan dapat bantuan yang ada di bawah imuniti sosial. Jadi saya cadangkan peruntukan ini ditambah untuk kebaikan orang-orang luar bandar. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Saya ingat kalau kita di bandar Yang Berhormat, Kementerian Luar Bandar ini, tidak payahlah bercakap. Saya hendak lepas ini, esok pagi saya minta Menteri menjawab. Yang Berhormat Tenom.

**7.28 mlm.**

**Datuk Raime Unggi [Tenom]:** Terima kasih Tuan Pengerusi kerana membenarkan saya untuk turut bahas dalam Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah ini.

Saya ingin terus kepada Butiran 00611 berkenaan dengan Pusat... Giat MARA ini. Pada sidang yang lepas pun saya telah mengemukakan masalah yang sama. Hingga hari ini Tuan Pengerusi, setelah lawatan daripada Yang Berhormat Menteri meninjau untuk pembinaan Giat MARA yang telah diberi jawapan pada penggal yang lepas akan dibina pada Rancangan Malaysia Kesembilan, pada hari ini tidak ada, belum lagi ada apa-apa kerja, ini menjadi masalah. Saya mengemukakan masalah di Dewan yang mulia ini, saya ingin mendapat jaminan daripada pihak kementerian, bila masalah ini boleh selesai?

Sebagai makluman di Dewan yang mulia ini Tuan Pengerusi, bangunan telah dibina oleh pihak kontraktor tetapi hendak cakap separuh siap tidak juga, hendak cakap siap tidak juga. Beberapa kali saya telah mengemukakan masalah yang sama. Jadi saya ingin mendapat jaminan, bukan lagi jawapan, bilakah pembinaan ini dapat disegerakan? Tidak boleh main-main sekarang Yang Berhormat Ledang, nanti rakyat marah.

**Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]:** Betul, betul, betul

**Seorang Ahli:** Yang cakap itu tidak serupa bikin.

**Datuk Raime Unggi [Tenom]:** Saya harapkan supaya pelajar-pelajar ataupun belia-belia di luar bandar ini mendapat kemudahan dalam bidang vokasional, bidang kemahiran.

■1930

Jadi oleh sebab Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah ini adalah kementerian yang dekat di hati dengan penduduk luar bandar. Saya harap pembinaan Giat MARA di Parlimen Tenom dapat disegerakan. Saya harap penyelesaian masalah-masalah yang timbul semasa perbincangan dan lawatan Timbalan Menteri di tapak tersebut dapat diselesaikan dengan segera. Kita tidak mahu nanti menuding jari antara pihak sesama kita dan kita tidak mahu macam main bola, tendang sana tendang sini.

Yang kedua Tuan Pengerusi, berkenaan bekalan elektrik luar bandar, sama sahaja dengan rakan-rakan yang lain. Tempat saya ada beberapa kampung hingga hari ini belum menikmati bekalan elektrik luar bandar. Saya mendapat jawapan juga Tuan Pengerusi menyatakan bahawa zon rundum yang terdiri daripada enam kampung akan bakal mendapat bekalan elektrik luar bandar. Tetapi oleh kerana beberapa masalah pada masa yang lepas, projek tersebut tidak dapat dilaksanakan.

Saya difahamkan oleh pihak kementerian pada masa yang lepas, projek tersebut memakan kos lebih kurang RM20 juta. Hari ini RM20 juta tidak tahu ke mana. Pihak konsultan sudah pergi tengok ke kampung-kampung yang saya nyatakan ini. Walau bagaimanapun saya faham, pihak kementerian mempunyai beberapa kekangan. Kekangan yang paling besar ialah peruntukan. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat Kota Belud dan Yang Berhormat Batang Sadong. Mesti mencari alternatif yang lain, sedangkan rakyat kita menderita berpuluh-puluh tahun. Kenapa dalam jangka masa yang orang cakap mereka menunggu, kenapa tidak mencari jalan yang lebih baik untuk menyelesaikan masalah rakyat. Yang Berhormat Batang Sadong tadi menyatakan sistem solar. Tuan Pengerusi, saya sudah melaksanakan sistem solar di sebuah kampung, di Kampung Semambu. Saya tidak tahan untuk menunggu lagi daripada pihak kementerian, sudah tidak tahan Tuan Pengerusi.

Jadi saya harap pihak kementerian mencari alternatif yang terbaik sementara menunggu talian-talian grid ini dapat dilaksanakan. Alternatif yang terbaik saya lihat solar. Sekarang banyak pihak yang berkemampuan untuk mengadakan, memberi perkhidmatan berkenaan dengan solar ini. Tuan Pengerusi, saya harap kampung-kampung yang saya nyatakan tadi dapat diselesaikan dalam jangka masa yang terdekat ini.

Begitu juga dengan jalan-jalan luar bandar ini Tuan Pengerusi. Saya amat berterima kasih lawatan Yang Berhormat Menteri ke kawasan saya dan telah bersetuju untuk menaik taraf jalan Ulu Tumani. Rakyat di Ulu Tumani Bakuku menunggu. Saya harap projek ini dapat dilaksanakan dan amat penting. Di Dewan yang mulia ini Tuan Pengerusi saya ingin menyatakan bahawa ada beberapa senarai keutamaan yang telah dikemukakan kepada saya untuk dinaiktarafkan ataupun untuk dimajukan jalan-jalan tersebut. Tetapi apabila saya melihat

senarai tersebut, saya melihat pihak kementerian kurang mengambil penekanan kepada keutamaan. Saya bagi satu contoh jalan Tuan Pengerusi. *Bypass* hospital sedangkan banyak lagi kampung-kampung yang belum lagi mempunyai jalan raya yang baik, yang masih lagi *gravel*. Ada yang ada batu, ada yang tidak ada batu. Tetapi oleh kerana dimasukkan dalam NKRA lagi, ini menjadi masalah. Kita tidak mahu Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah meletakkan keutamaan di salah tempat. Jadi saya harap jalan-jalan seperti di Pekan Sangon, jalan-jalan *ring road*, Inubai, Seberang pada satu ketika dahulu jalan luar bandar di antara Tenom dan ke Inubai, cuma separuh jalan sahaja. Jadi *ring road* sebagai sambungan untuk melaksanakan jalan-jalan luar bandar.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat...

**Datuk Raime Unggi [Tenom]:** Satu perkara sahaja Tuan Pengerusi yang tinggal. Berkenaan dengan kesejahteraan rakyat. Baru-baru ini saya telah difahamkan oleh pihak pejabat daerah, PBR telah dilaksanakan di kawasan saya. Apa yang ingin saya kemukakan di sini ialah kenapa tidak dimaklumkan kepada pihak pejabat daerah sebagai agensi ataupun pentadbir daerah. Saya difahamkan PBR tersebut dilaksanakan oleh Giat MARA. Saya mendapat laporan daripada pihak pejabat daerah, spesifikasi pun saya lihat kecil macam kedai runcit kampung.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Sudah enam minit Yang Berhormat.

**Datuk Raime Unggi [Tenom]:** Ya, saya minta pihak kementerian siasat dan teliti dan tidak melalui pejabat daerah. Ini masalah. Jadi kita harap program-program yang dilaksanakan oleh pihak kementerian dapat dilaksanakan demi kepentingan masyarakat luar bandar, terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Saya menyambung Dewan ini menggunakan kuasa di bawah 12(3) untuk tiga orang bercakap. Saya tahu Yang Berhormat. Yang Berhormat Silam tiga minit, Yang Berhormat Sibuti tiga minit dan Yang Berhormat Labuan tiga minit, Yang Berhormat Hulu Terengganu tiga minit.

**Beberapa Ahli:** Terima kasih Tuan Pengerusi. [*Tepuk*]

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Sila Yang Berhormat Silam.

**7.36 mlm.**

**Tuan Haji Salleh Kalbi [Silam]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh beberapa butiran di sini ialah Butiran 02000 - Bekalan Air Luar Bandar, 02300 - Jalan-jalan Luar bandar, 02401 - Ameniti Sosial, 02402 - Pengupayaan Komuniti dan Info Desa dan 02404 - Program Lonjakan Mega Luar Bandar.

Tuan Pengerusi, saya berharap terutamanya jalan-jalan luar bandar iaitu Kampung Ulu Tiburi yang telah pun dimajukan oleh pihak kementerian supaya mengambil perhatian dengan

kadar segera dan tindakan dapat dilaksanakan dengan secepat mungkin sebab kawasan jalan kampung tersebut telah dikemukakan sejak 25 tahun yang lepas, dan baru-baru ini penduduk kampung bertanya lagi kepada saya, bilakah jalan tersebut akan dilaksanakan dari segi pembinaannya. Saya berharap supaya kakitangan kementerian lebih proaktif dengan mengambil tindakan yang sewajarnya, sebab kita melihat bagaimana pentingnya penduduk kawasan luar bandar ini sebagai penyokong setiap kepada kerajaan Barisan Nasional. Jadi kita tidak mahu masyarakat luar bandar akan beralih dan sebagainya.

Seterusnya dari segi kemudahan ameniti sosial, saya ingin bertanya kepada pihak kementerian terutamanya di kawasan Parlimen Silam secara spesifik jumlah bilangan ameniti sosial yang akan dilaksanakan dalam Bajet 2011 ini dan saya berharap juga dari segi pelaksanaan itu kalau boleh saya mohon supaya kementerian akan maklumkan kepada pejabat Ahli Parlimen sebab dari segi pelaksanaan, walaupun kita ada pelarasan dengan pejabat daerah dan Pejabat Pembangunan Negeri Sabah, tetapi kita dapati ada beberapa kekangan dari segi *delivery system* di antara beberapa pihak terutamanya Pejabat Pembangunan Persekutuan. Ada beberapa orang pegawai yang tidak profesional dari segi pelaksanaan kerja. Jadi saya berharap supaya pihak kementerian dapat memaklumkan kepada saya dari segi pelaksanaannya.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat tidak berhenti, orang lain tidak dapat bercakap.

**Tuan Haji Salleh Kalbi [Silam]:** Yang terakhir Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh mengenai lonjakan mega di luar bandar terutamanya di kawasan Kampung Tambisan. Saya berharap supaya pihak kementerian dapat mengambil kira bilakah pelaksanaan program tersebut dilakukan dan saya berharap sangat kalau pun lonjakan mega tidak terlalu cepat dilaksanakan, mohon agar jalan di Kampung Tambisan dapat dilaksanakan dengan segera untuk kemudahan masyarakat luar bandar. Terima kasih daripada Silam.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Ya, Yang Berhormat Sibuti. Kurang dua minit, Yang Berhormat Silam ambil masa.

**7.39 mlm.**

**Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Butiran 01702 - BLB, walaupun di kawasan saya Sibuti telah dipasangkan grid, tetapi oleh kerana pembangunan begitu pesat di sana, maka selalu terputus bekalan elektrik, merugikan peniaga-peniaga dan juga anak-anak sekolah di kawasan itu terutama sekali Sekolah Menengah Suai dan sekolah-sekolah yang berhampiran dan juga rakyat di kawasan Batu Niah dan Sepupuk.

Oleh kerana masa tidak mengizinkan, Giat MARA - Butiran 00611 yang mempunyai peruntukan lebih kurang RM18 juta.

■1940

Akan tetapi telah dijanjikan pada tahun lepas, hendak dibuat peruntukan tidak sampai dan dibuat lagi tahun ini peruntukan pun tidak sampai. Diharapkan pihak Kementerian Kemajuan

Luar Bandar dan Wilayah mempercepatkan Giat MARA untuk mengelakkan anak muda kita berfoya-foya ke sana sini. Yang ke...

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Tidak payah sebut nombor lagi, Yang Berhormat. Tidak payah sebut.

**Tuan Haji Ahmad Lai Bujang [Sibuti]:** Okey. Bekalan air luar bandar selalu juga terputus. Sekolah-sekolah dan kampung-kampung saya di luar bandar, Niah, Sepupuk dan Bekenu selalu terputus bekalan air walaupun ada pemasangan paip air. Ini bererti bekalan air tidak mencukupi.

Yang ketiga, jalan-jalan luar bandar. Kawasan saya banyak lagi rumah panjang, rumah-rumah kampung, rumah-rumah kebun yang tidak ada jalan yang baik, hanya tanah kuning. Diharap dipercepatkan memberi peruntukan untuk batu jalan ini.

Yang terakhir sekali ialah ameniti sosial. Diharapkan peruntukan untuk membina dewan orang ramai dan juga pangkalan-pangkalan orang mandi dan sebagainya di kawasan saya, Sibuti. Ini kerana kawasan Sibuti adalah benar-benar kawasan luar bandar yang perlu perhatian daripada kementerian-kementerian yang berkaitan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Ya, sila Yang Berhormat Labuan.

**7.41 mlm.**

**Datuk Haji Yusof Haji Mahal [Labuan]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ada dua atau tiga isu sahaja, Tuan Pengerusi. Pertama adalah Butiran 00614 –Bangunan Perniagaan, yang mana penduduk Labuan masih memerlukan bangunan perniagaan untuk peniaga-peniaga kecil terutamanya untuk bangunan seperti Arked MARA dan sebagainya kerana di Labuan tidak ada bangunan-bangunan yang sedemikian. Kalau kita lihat sekarang, peniaga-peniaga kecil terpaksa menyewa kedai dan juga di kawasan-kawasan pinggir *mall* untuk berniaga, yang mana sewanya terlalu mahal.

Saya harapkan kementerian dapat membangunkan Arked MARA yang sedemikian, seperti mana di kawasan-kawasan Parlimen atau di daerah-daerah lain seperti Sipitang dan di tempat lain, di mana walaupun kawasannya terpinggir tetapi masih ada bangunan Arked MARA di situ.

Yang kedua adalah jalan-jalan luar bandar. Maksud saya jalan-jalan luar bandar ini bukan jalan yang di darat tetapi adalah untuk memohon supaya jalan ataupun jambatan untuk rumah kampung air. Ini adalah kerana di Labuan tahun lalu, Menteri telah pun berjanji dan bersetuju untuk memberikan peruntukan tetapi sampai hari ini tidak wujud. Jadi, saya mengharapkan untuk peruntukan tahun ini yang cukup besar, dapatlah dibantu untuk dua kampung air di Labuan. Pertama iaitu Kampung Patau-Patau dua dan juga Kampung Bebuluh kerana kita ada tiga kampung air. Yang satu sudah pun dilaksanakan oleh Kementerian Wilayah Persekutuan dan seharusnya ini adalah tugas ataupun tanggungjawab Kementerian Kemajuan

Luar Bandar dan Wilayah, yang mana pada saat ini, kampung-kampung tersebut cuma mempunyai jambatan-jambatan yang dibuat daripada kayu.

Yang ketiga ialah Maktab Rendah Sains MARA. Dengan kedudukan Labuan yang begitu strategik antara Sabah dan Sarawak, saya rasa tidak ada salahnya kalau dibangunkan sebuah Maktab Rendah Sains MARA, yang mana akan dipergunakan oleh penduduk sekitarnya, terutamanya penduduk-penduduk kawasan Limbang, Lawas, Menumbok, Sipitang dan juga Beaufort.

Jadi oleh itu kita mengharapkan supaya kerajaan ataupun kementerian juga mempertimbangkan supaya ditubuhkan sebuah Maktab Rendah Sains MARA di Labuan supaya Labuan ini akan jadi satu kawasan pendidikan serantau yang mana telah pun dibuat saat ini, kita mempunyai kolej matrikulasi dan juga cabang kampus Universiti Malaysia Sabah (UMS), Kampus Antarabangsa Labuan. Jadi oleh itu saya mengharapkan kementerian dapat mempertimbangkan apa yang saya suarakan pada hari ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Yang Berhormat Hulu Terengganu.

**7.44 mlm.**

**Tuan Haji Mohd. Nor Othman [Hulu Terengganu]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Yang pertamanya, saya hendak bertanya berhubung dengan bilakah hendak dilantik pegawai KEMAS daerah Hulu Terengganu yang telah lama dibiarkan kosong, dipangku oleh penyelia kanan? Yang kedua, saya hendak bertanya tentang pembangunan Gerakan Daya Wawasan (GDW). Setakat manakah perancangan yang dilaksanakan ataupun sudah pun dihentikan? Yang ketiganya, berkenaan dengan Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah khususnya Tasik Kenyir.

Saya hendak tahu dan hendak beritahu bahawa di Tasik Kenyir sudah ada sekumpulan pemandu ataupun empunya bot untuk menguruskan tentang pelancongan. Sekarang, nampaknya bila Tasik Kenyir hendak dijadikan kawasan bebas cukai, kita minta supaya pembangunan pelancongan di Tasik Kenyir tidak mengesampingkan tentang pengusaha-pengusaha bot yang sedia ada dengan pihak KETENGAH mengambil alih peranan yang selama ini dimainkan oleh pemandu ataupun tuan punya bot. Kita minta supaya diperkasakan tuan punya bot ini, supaya KETENGAH tidak mengambil alih peranan yang dimainkan oleh penduduk-penduduk tempatan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Baik, Yang Berhormat.

**Tuan Haji Mohd. Nor Othman [Hulu Terengganu]:** Satu lagi. Yang ketiganya berhubung dengan MARA. Hendak tanya juga, bilakah bangunan MARA yang dibina di pekan Ajil, dekat rumah saya yang sudah hampir siap dua tahun lebih tetapi tidak boleh digunakan. Masalahnya, dahulu ada bazar MARA dirobohkan, dibina yang baru tetapi tidak boleh digunai entah sampai bila.

Akhir sekali, Tuan Pengerusi, berhubung dengan RISDA dan FELCRA yang telah mengambil alih, memaju tanah orang kampung dan saya hendak tahu sudah 30 tahun diambil alih oleh pihak RISDA dengan konsep estetnya tetapi hutangnya kalau dijual tanah tersebut, tidak dapat dijelaskan. Jadi, hendak tahulah setakat mana pihak RISDA dan FELCRA berusaha memajukan tanah orang kampung ini? Kita minta supaya tanah ini dikembalikan semula kepada orang kampung supaya tanah ini bukan menjadi hak milik FELCRA ataupun RISDA sebab menjadi kecenderungan kepada FELCRA dan RISDA untuk mengambil hasil getah dan kelapa sawit. Sekian, terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Terima kasih Yang Berhormat, bekerjasama dengan saya.

***Majlis Mesyuarat bersidang semula.***

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar)  
***mempengerusikan Mesyuarat***]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga pukul 10.00 pagi hari Rabu, 24 November 2010.

***Dewan ditangguhkan pada pukul 7.48 malam.***